



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT PERTAMA**

## KANDUNGAN

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman	1)
<b>USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1):</b>		
■ <b>Penculikan Di Singamata Reef Resort Semporna</b>		
- <i>Y.B. Tuan Wong Tien Fatt (Sandakan)</i>	(Halaman	20 & 79)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DI BAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Halaman	21)
<b>USUL:</b>		
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman	21)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>		
Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014	(Halaman	22)

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Ronald Kiandee, P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] - UMNO
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N. [Kuala Krau] - UMNO

**MENTERI**

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan I, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Orang Kaya Indera Shah Bandar, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pendidikan I, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. [Cameron Highlands] – MIC
4. “ Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. [Padang Rengas] – UMNO
5. “ Menteri Pertahanan, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P. [Sembrong] – UMNO
6. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P. [Sembrong] - UMNO [memangku]
7. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K, D.S.A.P, D.M.S.M., J.P. [Semporna] – UMNO
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Sri Mustapa Mohamed [Jeli] – UMNO
9. “ Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kota Marudu] – PBS
10. “ Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Dato Sri Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.M.N., A.B.S. [Betong] – PBB
11. “ Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K. [Bagan Datok] – UMNO
12. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek [Kemaman] – UMNO
13. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, P.J.N., K.M.N., P.J.K. [Segamat] – MIC
14. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] – UMNO
15. “ Menteri Kewangan II, Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, S.P.M.P., D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. [Tambun] – UMNO
16. “ Menteri Luar Negeri, Dato' Sri Anifah bin Haji Aman, S.S.A.P., D.I.M.P., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kimanis] – UMNO

17. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M. [Jerai] – UMNO
18. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Idris Jala – *Senator*
19. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, P.G.D.K., S.P.D.K., P.S.M., J.P. [Pensiangan] – PBRs
20. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Joseph Entulu anak Belaun, P.P.D., P.B.S. [Selangau] – PRS
21. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B. [Batang Lupar] - PBB
22. “ Menteri Kerja Raya, Datuk Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S. [Petrajaya] - PBB
23. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Sri Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., D.S.A.P. [Kuala Pilah] - UMNO
24. “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. [Serian] - SUPP
25. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] - UMNO
26. “ Menteri Pendidikan II, Dato' Seri Haji Idris Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] - UMNO
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Arau] - UMNO
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Abdul Wahid Omar - *Senator*
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low Seng Kwan - *Senator*
30. “ Menteri Belia dan Sukan, Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] - UMNO
31. “ Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abd. Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. [Kota Belud] - UMNO
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Nancy binti Shukri, K.M.N. [Batang Sadong] - PBB
33. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin, P.G.D.K. [Ranau] - UPKO

### **TIMBALAN MENTERI**

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Dato' Noriah binti Kasnon, D.P.S.M., D.S.A.P., S.M.S., P.J.K. [Sungai Besar] - UMNO
2. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Saravanan a/l Murugan [Tapah] - MIC
3. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Hamzah bin Zainudin, D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] - UMNO
4. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Abdul Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] - UMNO
5. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin, A.D.K., A.S.D.K., J.P., P.G.D.K. [Papar] - UMNO

6. Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Razali bin Ibrahim, D.I.M.P., P.K.C. [Muar] - UMNO
7. " Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] - UMNO
8. " Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. [Mambong] - PBB
9. " Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M. [Santubong] - PBB
10. " Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato' Seri Mahdzir Khalid [Padang Terap] - UMNO
11. " Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun [Beaufort] - UMNO
12. " Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya [Balik Pulau] - UMNO
13. " Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. [Tenggara] - UMNO
14. " Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi, P.J.N., A.M.N., P.I.S. [Sri Gading] - UMNO
15. " Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah - *Senator*
16. " Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan - *Senator*
17. " Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] - UMNO
18. " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri, K.M.N., P.P.N. [Ledang] - UMNO
19. " Timbalan Menteri Pendidikan, Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan, K.M.N., P.J.K. [Hulu Selangor] - MIC
20. " Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato' Jailani bin Johari, D.S.M.Z., D.I.M.P. [Hulu Terengganu] - UMNO
21. " Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., J.P. [Tawau] - PBS
22. " Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P. [Maran] - UMNO
23. " Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit] - PBB
24. " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, D.M.S.M. [Tangga Batu] - UMNO
25. " Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, [kosong]

#### **AHLI-AHLI (BN)**

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang, P.J.N. [Kanowit] - PRS
2. " Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir, D.S.M.S. [Kulim-Bandar Baharu] - UMNO
3. " Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] - UMNO

4. Yang Berhormat Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P. [Baling] - UMNO
5. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh, P.G.D.K., J.P. [Kalabakan] - UMNO
6. “ Dato’ Abdul Manan Ismail, D.I.M.P., P.K.C. [Paya Besar] - UMNO
7. “ Dato’ Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] – UMNO
8. “ Datuk Haji Abdul Wahab bin Haji Dolah, J.B.K., P.G.B.K [Igan] - PBB
9. “ Dato’ Ahmad Fauzi Zahari, D.P.T.J. [Setiawangsa] - UMNO
10. “ Yang Berhormat Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. [Jasin] - UMNO
11. “ Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N. [Machang] - UMNO
12. “ Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang, J.B.K., P.B.S., A.B.S. [Sibuti] - PBB
13. “ Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] - UMNO
14. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Ketereh] - UMNO
15. “ Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] - UMNO
16. “ Tuan Anyi Ngau [Baram] - SPDP
17. “ Dato’ Sri Azalina Dato’ Othman Said, D.P.M.K. [Pengerang] - UMNO
18. “ Datuk Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K. [Kinabatangan] - UMNO
19. “ Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh, A.M.N., P.S.K. [Setiu] - UMNO
20. “ Datuk Chua Tee Yong, D.P.S.M. [Labis] - MCA
21. “ Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur, P.G.D.K. [Silam] - UMNO
22. “ Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] - PBB
23. “ Dato’ Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] - UMNO
24. “ Dato’ Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas] - PBB
25. “ Dato’ Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P [Tanah Merah] - UMNO
26. “ Dato’ Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim, D.I.M.P., J.M.N., K.M.N., B.C.M., P.B.B., P.J.P., J.P. [Kuala Selangor] - UMNO
27. “ Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok] - UMNO
28. “ Dato’ Sri Dr. Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.S.A.P., D.I.M.P., S.A.P., S.I.M.P., S.P.M.P. [Rompin] - UMNO
29. “ Datuk Johari bin Abdul Ghani, P.J.N., D.S.I.S. [Titiwangsa] - UMNO
30. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.M.N., J.P., S.P.D.K., S.S.A.P., P.N.B.S., P.G.D.K. [Keningau] - PBS
31. “ Datuk Joseph Salang anak Gandum, D.S.P.N., A.M.N. [Julau] - PRS
32. “ Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar] - UMNO
33. “ Datuk Juslie bin Haji Ajirol, P.G.D.K., A.S.D.K. [Libaran] - UMNO
34. “ Datuk Koh Nai Kwong, D.M.S.M., D.S.M., B.C.M., P.J.K. [Alor Gajah] - MCA
35. “ Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] - MCA
36. “ Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] - GERAKAN
37. “ Datuk Linda Tsen Thau Lin, J.M.N. [Batu Sapi] - PBS

38. Yang Berhormat Datuk Madius bin Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K. [Tuaran] - UPKO
39. “ Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]
40. “ Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. [Putatan] - UPKO
41. “ Puan Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B. [Masjid Tanah] - UMNO
42. “ Tuan Masir Kujat, P.P.B. [Sri Aman] - PRS
43. “ Tuan Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh, P.J.K. [Sabak Bernam] - UMNO
44. “ Yang Berhormat Tan Sri Mohd. Isa bin Abdul Samad, S.U.M.W., S.P.N.S., P.S.M., D.S.N.S., P.M.C. [Jempol] - UMNO
45. “ Dato’ Wira Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., J.P., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K. [Kubang Pasu] - UMNO
46. “ Dato’ Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. [Parit] - UMNO
47. “ Dato’ Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. [Mukah] - PBB
48. “ Dato’ Ir. Nawawi bin Ahmad, D.S.D.K., A.M.K., B.K.M. [Langkawi] - UMNO
49. “ Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading] - SPDP
50. “ Datuk Seri Haji Noh bin Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. [Tanjong Karang] - UMNO
51. “ Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] - UMNO
52. “ Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid, D.P.S.M. [Kota Tinggi] - UMNO
53. “ Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis] - PBB
54. “ Dato’ Noraini binti Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] - UMNO
55. “ Puan Hajah Normala binti Abdul Samad, A.M.N. [Pasir Gudang] - UMNO
56. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, P.G.D.K. [Pulai] - UMNO
57. “ Datuk Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. [Tanjong Malim] - MCA
58. “ Dato’ Wira Othman bin Abdul, D.G.M.K., D.S.S.A., S.D.K., A.M.K. [Pendang] - UMNO
59. “ Dato’ Othman bin Aziz, D.S.D.K., B.K.M., A.S.K. [Jerlun] - UMNO
60. “ Datuk Raime Unggi, P.G.D.K. [Tenom] - UMNO
61. “ Datuk Seri Reezal Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] - UMNO
62. “ Datuk Rozman bin Isli, K.M.W, P.P.N [Labuan] - UMNO
63. “ Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] - PBB
64. “ Datuk Sapawi bin Haji Ahmad, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Sipitang] - UMNO
65. “ Dato’ Seri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P. [Bentong] - MCA
66. “ Datuk Shabudin bin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] - UMNO
67. “ Ir. Shaharuddin bin Ismail, P.M.P., P.J.K. [Kangar] - UMNO
68. “ Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad, P.S.M., S.U.M.W. [Johor Bahru] - UMNO

69. Yang Berhormat Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] - UMNO
70. " Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor, D.G.S.M., D.S.A.P., D.S.N.S. [Tampin] - UMNO
71. " Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] - UMNO
72. " Dato' Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P. [Bintulu] - SPDP
73. " Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang] - PRS
74. " Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad, D.P.M.P., A.M.P. [Kuala Kangsar] - UMNO
75. " Datuk Wee Jeck Seng, D.M.S.M. [Tanjong Piai] - MCA
76. " Yang Berhormat Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. [Ayer Hitam] - MCA
77. " Tuan William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S. [Lubok Antu] - PRS
78. " Tan Sri William Mawan Ikom, P.S.M., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N., P.B.S [Saratok] - SPDP
79. " Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] - UMNO
80. " Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail, A.N.S., P.M.C., P.J.K. [Jelebu] - UMNO

#### **AHLI-AHLI (PKR)**

1. Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, P.S.M., D.P.M.S., D.S.A.P. [Bandar Tun Razak]
2. Yang Berhormat Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]
3. " Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]
4. " Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]
5. " Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]
6. " Dato' Fauzi bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. [Indera Mahkota]
7. " Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]
8. " Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]
9. " Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]
10. " Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]
11. " Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]
12. " Dato' Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani]
13. " Dato' Kamarul Baharin bin Abbas, D.S.S.A. [Telok Kemang]
14. " Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]
15. " Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]
16. " Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]
17. " Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri]
18. " Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid, P.A.T., P.C.M., S.M.S., A.C.M., A.M.S., K.M.N., K.A.T., P.P.A., P.P.P. [Lumut]
19. " Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]
20. " Datuk Mohd Idris bin Jusi, A.M.N., A.M.S., D.S.M., D.M.S.M. [Batu Pahat]



21. Yang Berhormat Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]
22. “ Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]
23. “ Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]
24. “ Tuan R. Sivarasa [Subang]
25. “ Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]
26. “ Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
27. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong, D.M.P.M. [Wangsa Maju]
28. “ Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
29. “ Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]
30. “ Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]

#### **AHLI-AHLI (DAP)**

1. Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]
2. “ Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]
3. “ Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]
4. “ Tuan Er Teck Hwa [Bakri]
5. “ Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]
6. “ Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]
7. “ Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]
8. “ Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]
9. “ Tuan Ko Chung Sen [Kampar]
10. “ Tuan Liew Chin Tong [Kluang]
11. “ Tuan Lim Guan Eng [Bagan]
12. “ Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]
13. “ Tuan Lim Lip Eng [Segambut]
14. “ Tuan Loke Siew Fook [Seremban]
15. “ Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]
16. “ Dato’ Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]
17. “ Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]
18. “ Tuan Nga Kor Ming [Taiping]
19. “ Dato’ Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas]
20. “ Dr. Ong Kian Ming [Serdang]
21. “ Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]
22. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]
23. “ Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]
24. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
25. “ Tuan Seah Leong Peng [Telok Intan]
26. “ Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]
27. “ Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]
28. “ Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]

29. Yang Berhormat Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]
30. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras]
31. “ Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]
32. “ Tuan Teo Kok Seong [Rasah]
33. “ Puan Teo Nie Ching [Kulai]
34. “ Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]
35. “ Tuan Wong Ling Biu [Sarikei]
36. “ Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]
37. “ Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]
38. “ Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]

#### **AHLI-AHLI (PAS)**

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]
2. “ Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]
3. “ Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]
4. “ Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]
5. “ Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]
6. “ Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]
7. “ Dato' Kamarudin bin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Tumpat]
8. “ Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]
9. “ Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena]
10. “ Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]
11. “ Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]
12. “ Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P. [Kuala Nerus]
13. “ Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]
14. “ Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]
15. “ Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad, D.J.M.K [Pasir Puteh]
16. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]
17. “ Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah, D.P.M.T [Kuala Terengganu]
18. “ Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]
19. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]
20. “ Dato' Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu]
21. “ Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]

**Ketua Pentadbir Parlimen**

Dato' Lamien bin Sawiyo

**Setiausaha Dewan Rakyat**

Datuk Roosme binti Hamzah

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**

Encik Che Seman bin Pachik

**PETUGAS-PETUGAS****CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mulyati binti Kamarudin

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Sherliza Maya binti Talkah

Mohd Salleh bin Ak Atoh

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Siti Norlina binti Ahmad

Hazwani Zarifah binti Anas

Siti Aishah binti Md. Nasir

Ismalinda binti Ismail



**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KEDUA**  
**MESYUARAT PERTAMA**

Isnin, 7 April 2014

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Ronald Kiandee)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan memandangkan perjanjian konsesi antara kerajaan dan syarikat konsesi lebuhraya perlu disemak dan dinaikkan pada tahun 2011 yang melibatkan 13 lebuhraya maka kenapa ia tidak dilaksanakan sehingga kerajaan terpaksa membelanjakan RM400 juta untuk membayar pampasan untuk mengekalkan kadar sedia ada.

**Menteri Kerja Raya [Datuk Haji Fadillah bin Yusof]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dasar penswastaan untuk konsesi lebuhraya telah melalui beberapa proses penambahbaikan sejak ia dimulakan pada tahun 1988. Kerajaan dari masa ke semasa sentiasa berusaha untuk memastikan pelaksanaan dasar penswastaan lebuhraya di negara ini memberi manfaat kepada rakyat dan dalam masa yang sama memelihara kepentingan semua pihak yang terlibat. Ini termasuklah isu berkaitan penetapan kadar tol lebuhraya yang sering menjadi rungutan pengguna. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, kerajaan mulai tahun 2008 sebenarnya telah melaksanakan pelbagai usaha dan inisiatif untuk mengurangkan beban tol yang ditanggung pengguna.

Keprihatinan kerajaan ini telah diterjemahkan melalui pelbagai inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan di mana ianya dicapai hasil daripada beberapa siri bengkel dan makmal kerajaan yang telah diadakan serta sesi perundingan dengan syarikat-syarikat konsesi yang terlibat. Antara inisiatif tersebut ialah seperti:-

- (i) penangguhan kenaikan kadar tol untuk lebuhraya tertentu sejak tahun 2008 hingga 2013;
- (ii) penutupan dan pemansuhan kutipan tol pada tempoh masa yang lebih awal berbanding tempoh sebenar perjanjian konsesi di beberapa plaza tol tertentu;
- (iii) pengurangan kadar tol berbanding kadar sebenar mengikut perjanjian konsesi untuk beberapa lebuhraya tertentu dan;
- (iv) penstrukturan semula kadar tol melibatkan perjanjian konsesi bagi lebuhraya-lebuhraya di bawah kendalian syarikat konsesi PLUS Berhad dan juga kumpulan MTD.

Di samping itu kerajaan pada awal tahun ini iaitu menerusi hasil daripada kajian makmal kos sara hidup telah bersetuju untuk menangguhkan kenaikan kadar tol bagi 14 buah lebuhraya yang sepatutnya menerima kenaikan kadar tol pada tahun 2014. Berikutan daripada keputusan penangguhan kenaikan kadar tol tersebut, kerajaan terpaksa membayar pampasan pada syarikat-syarikat konsesi yang terlibat. Anggaran kos pampasan keseluruhan untuk tahun 2014 ialah sebanyak RM400 juta. Jumlah sebenar pampasan pada setiap syarikat konsesi hanya akan dapat ditentukan selepas pihak Lembaga

Lebuhraya Malaysia (LLM) melaksanakan proses verifikasi audit terhadap syarikat-syarikat konsesi tersebut.

Untuk tempoh jangka panjang pula, kerajaan pada masa kini masih sedang berunding dengan semua syarikat konsesi lebuhraya bagi mengkaji mekanisme yang terbaik berkaitan konsesi lebuhraya termasuk penetapan kadar tol. Perundingan ini dibuat berasaskan kepada konsep menang-menang pada semua pihak iaitu kerajaan, syarikat konsesi, institusi pemberi pinjaman kewangan dan juga rakyat keseluruhannya. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada kerajaan kerana menengahkan kenaikan kadar tol sekitar Lembah Klang yang sepatutnya dilaksanakan tahun ini. Saya fikir ini merupakan hasil mesyuarat, hasil perbincangan Mesyuarat Jawatankuasa Khas bagi menangani kos taraf hidup rakyat terutamanya untuk memastikan mereka terbela. Walau bagaimanapun, saya pasti ini adalah satu mekanisme penyelesaian yang bersifat sementara atau jangka pendek di mana kerajaan perlu mengkaji kadar tol tersebut untuk menghormati perjanjian konsesi yang ditandatangani untuk terus mendapat keyakinan pelabur serta untuk mengelakkan pembayaran pampasan pada masa hadapan yang boleh digunakan untuk perkara lain yang membawa manfaat kepada rakyat.

Saya pohon penjelasan Yang Berhormat Menteri, sebagai satu kaedah penyelesaian, adakah kerajaan bercadang untuk membeli balik syarikat-syarikat konsesi tol dan seterusnya mengkaji kadar tol untuk mengekalkan atau menurunkan kadar tol yang sedia ada supaya tidak membebankan rakyat. Secara perbandingan, berapakah kos serta apakah kesan-kesan lain pengambilalihan lebuhraya dan untuk menarik perhatian kerajaan terdapat juga dakwaan bahawa kadar tol mestilah semakin hari makin kurang kerana jumlah pengguna yang menggunakan lebuhraya bertambah lipat ganda dari tahun ke tahun dan kadar tol sepatutnya semakin hari semakin kurang kerana mempunyai peruntukan yang mengurangkan kadar tol tersebut. Apakah penjelasan kerajaan terhadap dakwaan-dakwaan sebegini? Terima kasih.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Tiga soalan yang dirangkumkan dalam satu soalan. Pertama, cadangan untuk mengambil alih syarikat konsesi. Kedua, apakah inisiatif untuk mengurangkan kadar tol dan ketiga, kadar tol patut berkurangan dengan peningkatan kadar trafik, pengguna-pengguna trafik. Itu yang disarankan ataupun sebahagian tanggapan pihak ramai sebenarnya.

Jadi untuk itu, untuk makluman ahli Yang Berhormat Kuala Selangor bagi menjawab soalan sama ada kerajaan akan mengambil alih syarikat, kita kena mengimbangi beberapa perkara. Pertama, keperluan rakyat, kemampuan rakyat dan pada masa yang sama kita kena pastikan bahawa apa-apa tindakan kerajaan tidak akan memberi implikasi keseluruhan kepada negara kita.

#### ■1010

Contohnya kalau kita mengambil alih keseluruhan syarikat konsesi atau *nationalize* keseluruhan syarikat, maka pada pandangan pelabur, ianya sudah pasti akan menakutkan mereka untuk melabur sebab mereka akan khawatir kerajaan akan mengambil alih atau *nationalize* apa-apa kegiatan yang akhirnya pelabur akan tidak berani lagi untuk melabur di Malaysia khususnya.

Untuk itulah kita kena melihat bahawa bila kita memperkenalkan Dasar Penswastaan Negara dahulu, ada beberapa tujuan untuk kita membuat Dasar Penswastaan Negara. Pertamanya untuk kita mengurangkan bebanan kewangan kerajaan. Kedua, untuk meninggikan kecekapan dan juga menghasilkan penghasilan kerja yang lebih baik, menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan pada masa yang sama kita dapat membahagikan sumber berdasarkan kecekapan yang sedia ada serta dapat kita mempercepatkan pertumbuhan ekonomi negara dalam pembangunan khususnya Dasar Ekonomi Baru.

Pada masa yang sama, kalau kita melihat juga soalan kedua berapakah kos dan sebagainya berkaitan dengan pengambilalihan. Kalau kita hendak mengambil alih sesebuah syarikat, bukan sahaja kos untuk pengambilalihan tapi dalam keadaan lebuhraya ini bukan sahaja kita mengambil alih syarikat itu tapi pada masa yang sama, rakyat

mengharapkan pemansuhan. Jadi dua kos yang perlu dilihat iaitu kos pengambilan dan pada masa yang sama kos untuk kita menghapuskan tol.

Ini kalau kita lihat kajian daripada pihak yang telah dilantik oleh EPU, Ernst & Young dan sebagainya, daripada makmal, kosnya begitu besar sekali kalau kita kumpulkan. Kalau saya sendiri melihat dengan kos yang begitu besar, kita patut imbangi, adakah kita patut mengambil syarikat konsesi ataupun lebuhraya ataupun adakah kita patut menambah baik ataupun memperbanyakkan jalan persekutuan supaya dapat ditingkatkan sebagai pilihan kepada rakyat sama ada untuk menggunakan lebuhraya, untuk menggunakan jalan persekutuan ataupun dilaburkan dalam pengangkutan awam. Ini akan memberi pilihan kepada rakyat.

Yang ketiga sama ada inisiatif pengurangan kadar tol, ini sedang dan telah pun kita laksanakan. Kalau kita melihat daripada yang lepas, kita telah pun menghapuskan sebahagian daripada kadar tol di sebahagian lebuhraya dan ada juga dikurangkan dan perinciannya sudah pun saya jawab dalam penggulungan tahun lepas. Saya boleh bekalkan lagi Yang Berhormat pada maklumat-maklumat tersebut.

Keempatnya sama ada dengan penambahan pengguna lebuhraya, penggunaan trafik yang bertambah, kadar tol patut bertambah. Kalau kita melihat keseluruhan daripada sekarang ini, ada 30 syarikat konsesi lebuhraya. Daripada 30 tersebut, hanya lima sebenarnya yang ada keuntungan iaitu melalui trafik yang banyak dan sebagainya. Yang selebihnya sebenarnya tidak mendapat keuntungan sebab kadar pengguna lebuhraya itu masih belum mencukupi.

Kalau saya ambil contoh PLUS iaitu sebuah syarikat konsesi yang paling lama, apa penambahbaikan yang telah kita lakukan ialah kalau dahulu mereka akan dapat... Sebab dia perjanjian generasi pertama di mana merekalah yang pertama sekali membuat dahulu, tapi sekarang ini penggunaan trafik itu begitu banyak dan sebab itu mereka diberi tanggungjawab kalau kesesakan berlaku, adalah menjadi tanggungjawab syarikat konsesi itu untuk menambah supaya laluan jalan itu dapat diperbesarkan. Oleh sebab itu kalau kita melihat PLUS *highway*, sekarang ini mereka melakukan penambahan lorong-lorong terutamanya di kawasan Damansara dan juga di kawasan Seremban dan Senawang. Itu ditanggung oleh mereka sendiri. Mereka kena laburkan untuk memastikan keselesaan pengguna itu. Kalau laluan itu sudah tidak dapat menampung keperluan trafik, mereka kena tambahkan. Itu sebahagian daripada penambahbaikan. Kalau ikut perjanjian awal, kita yang kena bayar tapi sekarang ini tidak. Syarikat konsesi itu sendiri akan membayar untuk memberi keselesaan kepada para pengguna lebuhraya.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bilakah 30 konsesi ini boleh ditamatkan di negara ini dan apakah pampasan yang akan dihulurkan kepada mereka ini kerana kita mendaulatkan undang-undang untuk tahun 1914 dan juga tahun hadapan?

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Yang Berhormat Kepong, untuk syarikat konsesi ianya mempunyai tempoh yang berbeza bermula daripada tarikh mereka diberi perjanjian sehinggalah tempoh untuk pembinaan bergantung dengan kos pelaburan untuk membina sesuatu lebuhraya. Oleh sebab itu ada lebuhraya yang jangka hayatnya mungkin 20, 25, 30 tahun. Bergantung dengan jumlah pelaburan untuk kita membina lebuhraya dan juga perundingan mereka dengan kadar pinjaman yang diperolehi daripada syarikat ataupun pemegang-pemegang bon dan sebagainya. Sebab itu ianya berbeza.

Kalau kita melihat keseluruhan, sekarang ini kita sudah ada lebih kurang 30 lebuhraya dan daripada jumlah tersebut, kita ada bahagian perjanjian dalam konteks generasi pertama iaitu daripada tempoh 1987 ke 1995, penambahbaikan dilakukan dalam tahun generasi kedua, tahun 1996 ke 2010. Kalau generasi pertama tadi, ada 11 lebuhraya yang terlibat. Generasi kedua di mana penambahbaikan yang telah kita lakukan, ada 18 lebuhraya dan generasi terkini dengan penambahbaikan yang lebih banyak lagi, ada dua lebuhraya dan enam lebuhraya yang dipinda perjanjiannya mengikut *supplementary agreement* untuk menambah baik segala peruntukan. Contohnya ciri-ciri perjanjian, kalau yang pertama dahulu tempoh konsesi adalah antara 23 hingga 33 tahun. Cuma, perkongsian hasil tol apabila melebihi jumlah unjuran trafik. Contohnya Grand Saga KL dan Karak serta LPT 1.

Generasi yang kedua, tempoh perjanjiannya adalah antara 30 ke 35 tahun di mana pendedahan risiko kepada kerajaan melalui LOI dikeluarkan untuk *Land Cost Caping* di mana *level of service*, makna *level of service* itu kalau sudah penuh, maka syarikat konsesi sendiri mesti melabur untuk menambah baik seperti menambah lorong dan sebagainya. Ada juga *toll review mechanism* serta perkongsian hasil tol. Manakala kaedah yang terkini perjanjian sekarang ini, tempohnya lebih panjang, 45 ke 65 tahun. Ini disebabkan kos dan sebagainya bertambah lagi.

Akan tetapi untuk perjanjian ini, kita sudah memperkenalkan apa dipanggil *exit clause*. *Exit clause* ini ialah di mana kalau laluan trafik itu kutipan sudah memenuhi jumlah pelaburan mereka untuk membuat *highway*, misalnya pelaburan RM1 bilion dengan kos pengurusan, dengan kos pinjaman dan sebagainya, mereka sudah dapat memenuhi kutipan, maka kita boleh tamatkan perjanjian itu dengan tempoh yang lebih awal. Bukan lagi menunggu sampai tamat tempoh perjanjian. Itu sudah diperkenalkan dalam perjanjian. Oleh sebab itu audit akan dilaksanakan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia untuk melihat *traffic flow* dan sebagainya di mana *report* itu akan secara tepat akan diberikan kepada LLM untuk kita pantau dan pastikan lebuhraya itu berfungsi mengikut kadar perjanjian dan kalau mereka dapat memenuhi pulangan, maka kita boleh batalkan perjanjian ataupun tamatkan perjanjian itu lebih awal lagi. Ini sebahagian daripada penambahbaikan dan banyak lagi penambahbaikan yang kita telah lakukan.

Untuk senarai lebuhraya beroperasi, saya boleh bekalkan kepada Yang Berhormat Kepong, daripada 30 lebuhraya yang ada, bilakah mula konsesi dan bila tamat konsesi. Saya bekalkan kepada Yang Berhormat secara bertulis. Terima kasih.

**2. Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]** minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah perbelanjaan bagi membiayai kajian pembelajaran dan pengajaran Bahasa Inggeris (Bahasa Inggeris) yang dijalankan kumpulan pakar Cambridge English yang dilantik oleh Kementerian serta nyatakan dapatan kajian tersebut secara terperinci.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Nibong Tebal.

Selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013/2025 yang menggariskan keperluan untuk memastikan standard pendidikan bahasa Inggeris sejajar dengan standard di peringkat antarabangsa, Kementerian Pendidikan Malaysia telah membuat perjanjian kerjasama dengan pihak Cambridge English bagi melaksanakan kajian penanda aras standard bahasa Inggeris di Malaysia berbanding standard antarabangsa.

#### ■1020

Kajian secara *based line* adalah untuk menanda aras tahap bahasa Inggeris dalam sistem pendidikan di Malaysia dari peringkat prasekolah sehingga ke Tingkatan Enam dalam kalangan guru dan juga murid. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kajian tersebut dibiayai sepenuhnya oleh *Cambridge Malaysian Education and Development Trust* ataupun CMEDT.

Kajian yang menyeluruh ini melibatkan murid-murid, guru-guru, bahan pembelajaran, dokumen kurikulum dan juga pentaksiran. Hasil dapatan utama untuk projek *Cambridge Based Line 2013* adalah berdasarkan kepada lima aspek. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, baru minggu lalu pihak *Cambridge* telah pun membentangkan Laporan *Cambridge Based Line Study 2013* kepada Yang Amat Berhormat Menteri Pendidikan.

Lima aspek daripada hasil dapatan ini Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat iaitu dari segi murid-murid, guru-guru, kurikulum, pentaksiran juga bahan pembelajaran. Hasil dapatan dari segi murid-murid adalah seperti berikut:

- (i) dapati tahap penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar-pelajar di peringkat menengah dan rendah adalah merangkumi pelbagai peringkat pencapaian;
- (ii) sebahagian besar pelajar tidak pernah ada kemajuan di luar tahap penggunaan asas bahasa Inggeris;
- (iii) pelajar paling lemah dalam kemahiran bertutur; dan



- (iv) pendedahan kepada bahasa Inggeris dikaitkan kepada pencapaian dan juga prestasi dalam kebolehan untuk menguasai bahasa Inggeris secara keseluruhan.

Hasil dapatan utama dari segi guru adalah seperti berikut:

- (i) guru-guru lemah dalam kemahiran bertutur;
- (ii) terdapat skop untuk menambah baik pengetahuan pedagogi terutamanya dari segi amalan pedagogi;
- (iii) guru-guru memerlukan pelbagai strategi yang berkesan, guru-guru telah menyatakan bahawa mereka memerlukan pelbagai latihan dalam perkhidmatan untuk menambahbaikkan kepakaran profesionalisme mereka;
- (iv) pemerhatian guru-guru oleh pihak pentadbir tidak efektif; dan
- (v) guru-guru dibebankan dengan kerja-kerja pentadbiran.

Daripada hasil dapatan utama dari segi kurikulum adalah seperti berikut:

- (i) terdapat beberapa ciri yang baik tetapi rangka kerja secara keseluruhan adalah tidak sekata, tidak sejajar dengan piawaian antarabangsa dan keperluan untuk perempadanan antara hasil pembelajaran dan sasaran bahasa dengan tepat dan fokus kepada kemahiran.

Hasil dapatan utama dari segi pentaksiran adalah seperti berikut:

- (i) tidak sejajar dengan piawaian antarabangsa;
- (ii) penekanan lebih kepada membaca dan menulis berbanding dengan berkomunikasi dan mendengar;
- (iii) masalah format dan peperiksaan semasa mempunyai impak yang negatif terhadap persekitaran dan pengajaran dan pembelajaran;

Hasil dapatan utama dari segi bahan pembelajaran adalah:

- (i) stail pengredan lemah dan sasaran tatabahasa kurang memuaskan dan kekurangan peluang dalam penemuan berpandu dengan izin, *guided discovery* dan peluang terhad untuk tugas bersepadu dan kerja-kerja projek.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Isu penguasaan bahasa Inggeris memang satu isu yang cukup penting dan signifikan bukan sahaja kepada pelajar di peringkat rendah, sekolah menengah dan juga peringkat universiti malah untuk negara sekalipun. Daripada jawapan yang diberikan oleh Timbalan Menteri tadi, memang terdapat kelemahan yang cukup ketara dalam isu penguasaan bahasa Inggeris dan di dua-dua tahap. Tahap pengajaran dan juga di tahap pembelajaran.

Justeru itu Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya adalah pertama, apakah syor-syor yang diberikan oleh kajian *Cambridge* ini dan sejauh mana tahap pelaksanaan dan keberkesanan pelaksanaannya sehingga hari ini? Kedua, tidakkah ada langsung input daripada pakar-pakar tempatan contohnya seperti pakar linguistik di seluruh negara yang ada di universiti-universiti dan juga Majlis Profesor yang diwujudkan oleh kerajaan sebab kita dapati Majlis Profesor sekarang ini hanya sekadar memberi kenyataan sokongan kepada kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan terutama sekali oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Terima kasih.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat Nibong Tebal walaupun soalnya lebih daripada satu tetapi soalan tambahan ini memang berkaitan dan saya memahami penuh hasrat hati Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan itu saya ingin mengalu-alukan ketibaan pelajar-pelajar daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Salahuddin Abdul

Aziz Shah, Shah Alam Selangor dan juga pelajar-pelajar daripada Sekolah Kebangsaan Sungai Raya Muar, Johor. *[Tepuk]*

Yang Berhormat, telah ada enam syor yang dibentangkan oleh pihak *Cambridge*. Enam syor yang dibentangkan ini merangkumi nilai-nilai yang telah pun ada dalam anjakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Mereka telah mendekati enam daripada 11 nilai-nilai ataupun anjakan daripada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Pertama, contoh dalam anjakan pertama, menyediakan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti bertaraf antarabangsa. Ini memang anjakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia.

Bagaimana ia 'disangkutpautkan' dengan cadangan? Salah satu cadangan ialah mengubah sistem peperiksaan dan pentaksiran. Ini cadangan dalam anjakan pertama. Anjakan kedua pula memastikan setiap murid dan pelajar fasih dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Cadangan mereka pula daripada anjakan tersebut adalah menggalakkan murid-murid mempelajari bahasa tambahan menjelang 2025. Mereka telah menggariskan enam yang mana sehaluan dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia.

Anjakan ketiga pula melahirkan rakyat Malaysia dengan penghayatan nilai. Anjakan keempat transformasi kejuruan sebagai profesion pilihan. Anjakan kelima memastikan kepimpinan berprestasi tinggi ditempatkan di setiap sekolah dan anjakan keenam memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia.

Terhadap cadangan yang diberi oleh Yang Berhormat, saya tidak menafikan kewibawaan dan kebolehan Majlis Profesor Negara. Mereka sentiasa dirunding dalam hal-hal tertentu dan kita menerima baik nasihat mereka dari semasa ke semasa. Untuk makluman Yang Berhormat, bagaimana kita akan melaksanakannya? Satu jawatankuasa khas akan ditubuhkan untuk menilai segala cadangan-cadangan yang telah diberi oleh jawatankuasa ini atau *Cambridge International* ini.

Apabila kita mengambil langkah selepas ini, kita akan berbincang, kita akan membawa pandangan-pandangan daripada Majlis Profesor Negara, bukan sahaja daripada Majlis Profesor Negara malah daripada badan-badan bukan kerajaan seperti MELTA, PAGE, Majlis Penarafan Standard dan Kualiti dan semua organisasi-organisasi yang terlibat untuk menambahbaikkan, memperkasa, memartabatkan lagi bahasa Inggeris di negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**3. Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan tindakan dan usaha proaktif yang telah diambil oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) termasuk bekerjasama dengan penduduk tempatan melalui pelbagai pertubuhan tempatan untuk membasmi denggi dan menghapuskan kawasan pembiakan nyamuk Aedes dan jelaskan kesannya.

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Alor Gajah. Untuk makluman Yang Berhormat, 70% daripada kes denggi yang dilaporkan berlaku di kawasan bandar. Kejadian ini berlaku disebabkan oleh pembangunan pesat yang menyebabkan kepadatan penduduk yang tinggi di kawasan-kawasan perbandaran dan kurangnya kesedaran masyarakat terhadap pentingnya menjaga kebersihan juga telah pun menyebabkan wujudnya tempat-tempat pembiakan nyamuk.

Penyakit demam denggi ini berlaku disebabkan oleh jangkitan salah satu daripada empat virus denggi yang disebarkan kepada manusia melalui gigitan nyamuk Aedes yang membawa virus tersebut. Laporan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh Januari sehingga 23 Mac 2014 sebanyak 23,633 kes yang dilaporkan di seluruh negara dan menunjukkan peningkatan sebanyak 314% atau 17,917 kes berbanding dengan hanya 5,716 kes yang dilaporkan pada tempoh yang sama tahun yang lepas.

Untuk makluman Yang Berhormat Alor Gajah, usaha untuk mengawal pembiakan nyamuk Aedes bagi mengurangkan demam denggi ini memerlukan kerjasama dan juga komitmen daripada semua pihak termasuklah pihak berkuasa tempatan, Jabatan Pendidikan, Jabatan Penerangan, Jabatan Alam Sekitar, pemaju-pemaju perumahan dan juga pertubuhan bukan kerajaan.

## ■1030

Antara usaha-usaha proaktif yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa tempatan bagi mengurangkan kawasan pembiakan nyamuk aedes adalah:-

- (i) kawalan dan pencegahan demam denggi iaitu merancang, mengatur, melaksana aktiviti pemeriksaan melalui Unit Kawalan Vektor PBT;
- (ii) menjalankan siasatan ke atas mana-mana kes penyakit bawaan vektor yang diratifikasikan dan menentukan punca jangkitan serta mengambil tindakan kawalan;
- (iii) menjalankan tinjauan aedes untuk mengesan pembiakan jentik-jentik nyamuk aedes;
- (iv) menjalankan termal *fogging* untuk membunuh nyamuk aedes dewasa di kawasan yang tinggi; seterusnya ialah
- (v) menjalankan aktiviti pemusnahan jentik-jentik nyamuk aedes yang ada.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, PBT juga turut mengambil tindakan dengan menjalankan siasatan menerusi aduan-aduan awam mengenai kacau ganggu nyamuk dan mengambil tindakan pencegahan dan juga penguatkuasaan.

Pihak berkuasa tempatan boleh mengambil tindakan seperti mengeluarkan notis kompaun penutupan premis atau tindakan mahkamah boleh diambil terhadap mana-mana pemunya premis yang ada yang membiak nyamuk di bawah seksyen 81(c) dan seksyen (g) Akta Kerajaan Tempatan 1976 iaitu Akta 171 dan berdasarkan kepada maklumat yang diperoleh daripada 109 PBT, sebanyak 1,043,630 premis telah pun diperiksa dan daripada jumlah tersebut sebanyak 7,622 kompaun dan 5,016 notis telah pun dikeluarkan sepanjang tempoh 2013 yang membabitkan tempat pembiakan nyamuk.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, tindakan penguatkuasaan juga akan dilaksanakan secara terus-menerus menerusi peruntukan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 iaitu Akta 154 dengan kerjasama bersama-sama dengan jabatan kesihatan di peringkat negeri dan juga pejabat kesihatan di peringkat daerah bagi menjalankan pemeriksaan ulangan mengeluarkan notis kompaun dan juga menguruskan kerja-kerja tindakan mahkamah.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, pihak berkuasa tempatan dengan kerjasama pejabat kesihatan di peringkat daerah juga terus mengadakan aktiviti kesedaran dan pendidikan iaitu mengadakan kempen kesedaran kepada orang awam, mengaturkan program gotong-royong seperti contoh, cari dan musnah di kawasan *hotspot* denggi dan juga mengadakan pameran kesihatan.

Dengan penubuhan COMBI iaitu penglibatan masyarakat teramai bertujuan untuk memperkasakan peranan komuniti mencegah, mengawal penyakit demam denggi ini khususnya di kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, kementerian melalui Jabatan Kerajaan Tempatan telah pun mengadakan dan menubuhkan Jawatankuasa Kawalan denggi di peringkat PBT. Walaupun, ini adalah merupakan tanggungjawab yang akan dilaksanakan oleh pihak kementerian melalui pihak berkuasa tempatan dengan kerjasama daripada jabatan kesihatan negeri dan juga pejabat kesihatan daerah, Tuan Yang di-Pertua, untuk kita menggerakkan pelan strategik denggi peringkat kebangsaan, namun ia memerlukan kerjasama daripada seluruh masyarakat yang ada bagi memastikan tempat pembiakan nyamuk aedes ini dan juga jangkitan denggi ini dapat dikurangkan.

Saya menggesa kepada rakyat supaya menjaga kebersihan persekitaran dan memastikan tiada tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes. Terima kasih.

**Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tidak dapat dinafikan tanggungjawab dalam memerangi denggi adalah tanggungjawab semua rakyat.

Soalan tambahan saya, walaupun langkah-langkah proaktif dan tindakan serta usaha telah dilakukan oleh pihak PBT dan agensi-agensi yang berkaitan, kes melibatkan

wabak demam denggi ini masih terlalu tinggi. Adakah ia disebabkan oleh sambutan atau sikap manusia atau sikap masyarakat tidak menjaga kebersihan kawasan kediaman serta persekitaran perumahan mereka dan menjadikan salah satu punca utama berlakunya peningkatan mendadak kes demam denggi hari ini. Terima kasih.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih Yang Berhormat. Apa Yang Berhormat nyatakan dalam soalan tambahan itu, itu sebenarnya adalah jawapan kepada soalan tambahan Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, denggi ini satu penyakit yang sukar kita hendak kekang penularannya.

Untuk mengekang penularan denggi ini Tuan Yang di-Pertua, yang penting ialah sikap dan juga mentaliti masyarakat. Sikap dan mentaliti masyarakat ini perlu diubah daripada sikap acuh tak acuh, sikap sambil lewa kepada sikap lebih bertanggungjawab dan pentingkan kebersihan. Sikap sibuk, tak ada masa, kerana banyak perkara lagi yang lebih penting yang perlu dilaksanakan. tak ada masa bukan lagi alasan. Ambil sepuluh minit daripada masa yang ada dalam sehari seminggu, untuk kita kenal pasti dan cari tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes ini untuk kita hapuskan tempat pembiakan ini Tuan Yang di-Pertua.

Keduanya ialah jangan ambil sikap mudah kerana sebahagian besar daripada masyarakat yang ada pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, mengambil sikap mudah iaitu kerana denggi ini dia masih lagi tidak ada penawar pada hari ini Tuan Yang di-Pertua dan dia boleh menyebabkan kematian. Maka jangan ambil sikap mudah dan cara yang terbaik ialah mengatasinya dengan pencegahan.

Saya juga ingin menjawab kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi. Setiap sesuatu yang baik Tuan Yang di-Pertua, bermula daripada rumah. Maka amalkanlah konsep rumah kita adalah tanggungjawab kita dan tanggungjawab kita adalah tanggungjawab bersama dalam masyarakat untuk kita tentukan persekitaran sihat dan bersih. Kita tentukan supaya dengan amalan sikap yang ada ini maka kita akan dapat bersama-sama membantu kerajaan melalui aktiviti dan juga tanggungjawab yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa tempatan untuk kita banteras denggi ini.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, berasaskan kepada kajian yang telah pun dilaksanakan mendapati bahawa ramai di antara rakyat Malaysia ini maklum tentang betapa bahayanya penyakit demam denggi. Maklum dan tahu tentang betapa bahayanya penyakit ini yang boleh menyebabkan kematian. Akan tetapi kesedaran untuk melaksanakan tindakan aktiviti pencegahan masih lagi berada pada tahap yang rendah.

Jadi saya ingin merayu kepada Yang Berhormat untuk gerakkan Program COMBI dan gerakkan Program LA 21 ini bersama-sama dengan pihak berkuasa tempatan di kawasan semua Ahli Yang Berhormat dan empat mesej utama kepada orang ramai Tuan Yang di-Pertua:-

- (i) dapatkan rawatan segera jika demam;
- (ii) periksalah rumah anda sekali seminggu dalam masa sepuluh minit;
- (iii) lupuskan sampah secara betul; dan
- (iv) gunakan ubat untuk hapuskan jentik-jentik. Tiada aedes, tiada denggi.

Terima kasih.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, katakan ini satu sikap rakyat atau sikap manusia yang mengakibatkan pertambahan kes-kes denggi. Saya tidak setuju sepenuhnya.

Tadi jawapan Yang Berhormat Menteri tadi katakan perbandingan dengan tempoh yang sama, peningkatan kes denggi jika berbanding dengan tahun yang lepas. Jika kita banding lagi tahun-tahun yang lepas, saya ingat angka itu lebih tinggi kerana telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan katakan mungkin ini musim atau cuaca.

Soalan tambahan saya, selepas semua usaha dan tindakan oleh kementerian masih kita tidak dapat kawal kenaikan kes-kes denggi ini. Adakah ini juga bermakna

bahawa tindakan dan usaha kita ini masih tidak cukup? Kita tidak boleh hanya salahkan sikap manusia atau sikap rakyat.

Saya ingat kita perlu buat kajian lebih mendalam, apakah punca utama dan sebab-sebab yang tertentu mengakibatkan kenaikan ini. Kalau kita hanya tolak semua kepada sikap rakyat, saya ingat ini tidak semestinya.

■1040

Bukankah kita dapat buktikan tiap-tiap kes denggi ini akibat daripada nyamuk aedes di rumah. Saya harap satu penjelasan diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah daripada kajian kementerian semua kes denggi ini akibat daripada nyamuk aedes di rumah atau di kawasan kediaman sendiri sebab kita tidak dapat satu jawapan yang tepat daripada kementerian. Saya ingin tanya, selepas usaha dan tindakan, apa ...

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Okey Yang Berhormat, saya faham.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:**...Terima kasih.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Yang Berhormat, Yang Berhormat kena faham. Kalau masyarakat, rakyat mengamalkan sikap dan amalan menjaga kebersihan, kalau amalan kebersihan itu berlaku dalam sebuah rumah dalam masyarakat, maka sudah tentulah persekitarannya akan menjadi bersih. Apabila amalan kebersihan ini diamalkan, persekitaran bersih, tidak ada sampah, tidak ada tempat pembiakan, tidak menjadi dan melarat pembiakan nyamuk aedes ini. Akan tetapi apabila masyarakat mengambil sikap lebih kurang, sampah buang merata-rata. Untuk makluman Yang Berhormat, sampah haram sahaja yang dibuang, belum lagi sampah kecil-kecil yang dibuang oleh masyarakat kita, sampah haram sahaja [Disampuk] Ya, nanti dahulu Yang Berhormat. Sampah haram ini ia juga menjadi tempat pembiakan. Saya tahu nyamuk aedes membiak di air yang bersih dan ada di antara faktor yang menyebabkan di tempat-tempat pembuangan sampah juga menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes kerana ada takungan air bersih yang berlaku. Tidak semestinya tempat pembuangan sampah ini, bila sampah dibuang merata-rata Yang Berhormat, tidak berlaku pembiakan nyamuk aedes. Yang Berhormat Tumpat adalah seorang doktor. Jadi baca dan faham dahulu.

Selain daripada segala aktiviti yang dilaksanakan atas tanggungjawab peruntukan perundangan yang telah pun saya nyatakan tadi Yang Berhormat Kota Melaka, Yang Berhormat kena bersetuju seperti mana yang saya nyatakan, sekiranya amalan menjaga kebersihan ini, menjaga persekitaran supaya bersih dan sihat ini menjadi amalan kepada masyarakat kita, sudah tentu secara tidak langsung ia akan dapat membantu untuk kita membanteras tempat pembiakan nyamuk aedes ini. Daripada kajian yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan, 70% daripada demam denggi ini berlaku dalam kawasan bandar, Yang Berhormat. Ia bukan dalam kawasan luar bandar. Jadi kalau dalam kawasan bandar, kalau rakyat mengambil kesempatan - 10 minit sahaja bantu kita periksa kawasan persekitaran, bantu kita periksa kawasan dalam rumah, maka sudah tentulah ia akan dapat membantu pihak berkuasa tempatan membanteras tempat pembiakan nyamuk aedes ini. Kalau Yang Berhormat jadi tempat pembiakan nyamuk Yang Berhormat, pihak berkuasa tempatan sahaja tidak mampu untuk mengatasi penularan penyakit demam denggi ini.

Jadi saya harap kepada keseluruhan masyarakat, amalkanlah empat perkara yang saya telah nyatakan tadi dan bersetuju dengan pendapat saya tadi. Terima kasih.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya tambah lagi satu soalan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ya Yang Berhormat Kota Raja.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak menambah lagi satu soalan di sini. Kita tidak menafikan tentang faktor peranan masyarakat di dalam menjaga kebersihan. Akan tetapi sedarkan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa ada pihak yang perlu – agensi kerajaan sendiri juga perlu bertanggungjawab. Saya beri misalan. Penduduk boleh menjaga kawasan perumahan mereka tetapi parit-parit yang diselenggarakan oleh JKR dan juga sebahagian parit-parit yang diselenggarakan oleh PBT sendiri tidak bersih dan juga faktor fizikal apabila ada dengan izin, *stagnation*, air tidak

mengalir disebabkan parit itu sendiri sudah lari daripada struktur awal, ada yang tinggi, ada yang rendah.

Misalnya saya beri tempat saya di Klang. Bila struktur itu tanah gambut, parit tenggelam ataupun parit *sink*, dengan izin jadi menyebabkan air tidak mengalir. Pihak-pihak berwajib di kawasan-kawasan yang bukan kepunyaan penduduk, tidak memastikan ada pengaliran air dalam parit ini. Di sinilah menjadi tempat pembiakan nyamuk juga. Jadi kita tidak boleh menyalahkan semata-mata rakyat. Saya setuju apa Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tetapi bagaimana dengan JKR yang hanya membersihkan paritnya dua kali setahun kadang-kadang. Inilah di antara tempat-tempat juga yang mana nyamuk membiak. Apakah PBT juga boleh menyaman, kompaun pihak JKR yang tidak membersihkan parit di bawah selenggaraan mereka? Terima kasih.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Raja. Yang Berhormat, saya bukan menyalahkan rakyat. Saya menjelaskan sikap dan mentaliti masyarakat kita yang ada yang perlu diubah. Yang Berhormat adalah seorang Pegawai Perubatan juga dan saya yakin Yang Berhormat setuju dengan jawapan yang saya kemukakan tadi.

Selain daripada itu Yang Berhormat, seperti mana yang saya sebutkan dalam jawapan saya terdahulu kepada Yang Berhormat Alor Gajah tadi, ia adalah merupakan satu gerakan kerjasama bersama, bukan sahaja tanggungjawab kepada pihak berkuasa tempatan, bersama-sama dengan semua jabatan yang ada yang berkaitan dengan kesejahteraan hidup rakyat. Maka kerana itu Yang Berhormat, di bawah program LA21 - *Local Agenda 21* yang telah pun diwujudkan di peringkat pihak berkuasa tempatan, LA21 ini adalah satu program gotong-royong sokongan dan selain daripada itu ialah untuk mengenal pasti apakah bentuk isu-isu yang ada dan untuk kita bentuk pelan tindakan bagi menangani segala isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Raja tadi.

Setakat ini Yang Berhormat, pihak berkuasa tempatan tidak ada apa-apa masalah kerjasama dan juga sokongan daripada semua jabatan yang berkaitan kerana Jawatankuasa Denggi yang ada di peringkat daerah ini Yang Berhormat, adalah dipengerusikan oleh Pegawai Daerah dan Pegawai Daerah yang akan menyelaraskan kerjasama yang perlu diberikan atas tanggungjawab untuk membanteras tempat pembiakan nyamuk aedes ini. Jawatankuasa Denggi di peringkat daerah ini yang akan memantau segala gerak kerja yang perlu dilaksanakan oleh jabatan-jabatan yang perlu melaksanakan tanggungjawabnya untuk menjaga kesejahteraan rakyat.

Jadi saya harap Yang Berhormat, kepada semua, kita libatkan diri secara total dan secara penuh bersama-sama gerakan kerja gotong-royong dan sebagainya, dan bersama-sama menyertai program *Local Agenda 21* ini. Saya yakin dengan keterlibatan Yang Berhormat memberikan sokongan kepada masyarakat bersama-sama dengan pihak berkuasa tempatan, menjayakan program COMBI dan LA21 ini, secara tidak langsung ia akan dapat merubah sikap dan juga mentaliti masyarakat yang ada. Terima kasih Yang Berhormat.

**4. Dato' Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan berapa banyak sungai yang masih mempunyai status kelas 1 yakni yang boleh diminum tanpa rawatan.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Raub, berdasarkan rekod Jabatan Alam Sekitar pada tahun 2013, bilangan sungai yang telah dikategorikan sebagai kelas 1 adalah sebanyak sepuluh batang sungai atau 2% daripada 473 batang sungai yang dipantau kualitinya oleh Jabatan Alam Sekitar. Sekian, terima kasih.

**Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]:** Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Tadi ada laporan akhbar *The Star* pagi ini, sungai-sungai kita mempunyai sampah sebanyak 300,000 tan dan sungai di Klang sahaja ada 77,000 tan sampah. Jadi saya hendak tahu soalan tambahan, apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan untuk memulihkan sungai-sungai yang mati dan mencegah pencemaran dan pengotoran sungai-sungai? Terima kasih.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat, rakan dari Raub. Sememangnya saya juga terbaca laporan ini, pagi ini bahawa di Semenanjung sahaja, '300 tan' [Disampuk] sisa pepejal...

**Seorang Ahli:** 300,000.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** 300,000 tan. 300,000 tan sisa pepejal dibuang ke dalam sungai. Di dalam negara kita pada satu hari, 23,000 tan sampah-sarap ataupun sisa pepejal terhasil oleh rakyat di negara kita. Jadi mereka ini yang buang sampah-sarap di dalam sungai adalah dari kawasan perumahan dan juga dari kawasan *squatters* yang juga memang membuang sampah di dalam sungai.

#### ■1050

Ada satu lagi yang disentuh daripada Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan dulu. Dia mengatakan bahawa ada satu kumpulan yang memaksa orang atau pun pemungut sampah untuk melonggokkan sampah di tebing sungai di kawasan dia. Jadi, ini adalah satu permasalahan. Laporan ini adalah laporan daripada Jabatan Pengairan dan Saliran.

Jabatan Pengairan dan Saliran ada membina atau pun membuat *boom* di sungai supaya sampah sarap ini tidak terus mengalir hingga ke laut. Oleh itu pemungutan sampah sarap ini adalah dilakukan oleh PBT dan juga Jabatan Alam Sekitar. Selain daripada itu, banyak lagi bahan-bahan lain, lebih-lebih lagi *organic waste* atau pun bahan-bahan yang beracun yang dibuang dalam sungai oleh kilang-kilang. Jadi, ini sememangnya Jabatan Pengairan dan Saliran dan juga Jabatan Alam Sekitar sentiasa memantau perkara seperti ini. Apabila laporan dibuat, laporan ini dihantar kepada *Attorney General* atau pun Jabatan Peguam Negara untuk mengambil tindakan mahkamah. Ini juga yang kita lakukan.

Akan tetapi yang pentingnya *organic waste* ini macam air kumbahan, *sewerage* atau pun yang dikatakan air hitam seperti yang dirawat oleh IWK. Ini kalau masuk ke dalam sungai, ianya akan menyebabkan lebih banyak lagi bakteria boleh hidup di dalam sungai itu. Ini yang membahayakan kita. Oleh itu, sungai kelas satu yang sepuluh itu, di beberapa negeri, kita mesti menjagakannya. Walaupun ianya demikian, bukan saja sungai kelas satu tapi sungai kelas dua dianggarkan bersih juga. Di negara kita ada 275 batang sungai kelas dua dianggarkan bersih. Jadi, kesemuanya sungai bersih daripada segi peratusan adalah 58.1% sungai bersih iaitu sungai kelas satu dan sungai kelas dua. Oleh itu kita mesti juga berwaspada dan seharusnya menjaga 275 batang sungai ini supaya ianya sentiasa bersih. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon kemuka soalan tambahan kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan soalan alam sekitar. Kita dapati jawapan daripada Yang Berhormat Menteri sebentar tadi melambangkan punca pencemaran sungai ini adalah datangnya daripada mungkin tangan-tangan manusia sendiri yang membuang sampah sisa pepejal yang begitu banyak ke dalam sungai sebagaimana jawapan Yang Berhormat Menteri sebentar tadi. Akan tetapi dalam soal ini, yang kalau saya lihat lebih kepada pencemaran ini berpunca daripada perlombongan-perlombongan, yang mana setengahnya kita tidak dapat hendak kawal secara rapi atau pun secara mendalam.

Kebanyakan kalau saya mengambil contoh, di Negeri Pahang atau kawasan saya sendiri dalam Parlimen Lipis. Ia adalah berpunca daripada lombong yang membuat pelepasan waktu-waktu tertentu dengan kadar air yang begitu tinggi ke dalam sungai yang menyebabkan kekeruhan sungai yang begitu teruk sekali. Ini yang sukar dikawal dan menyebabkan ada ketikanya terpaksa memberhentikan perkhidmatan air bersih sehinggakan tiga hari, sehinggakan seminggu untuk membekalkan air bersih ini di sebabkan oleh pelombong-pelombong ini juga yang melepas.

Soalan saya, bagaimanakah Kementerian Alam Sekitar boleh menjaga, mengawal keadaan lombong ini dan tidak melepas sesuka hati. Sedangkan sudah mesti dalam syarat-syarat perlombongan ini mestilah meletakkan syarat tidak dibenarkan langsung untuk melepaskan kotoran sisa-sisa daripada perlombongan ini ke dalam sungai. Adakah pihak Kementerian bercadang mengenakan denda yang tinggi kepada mereka-mereka ini yang menyebabkan sungai ini tercemar dan menjejaskan ekopelancongan. Kalau kawasan saya boleh menjejaskan ekopelancongan dan juga nelayan-nelayan sungai yang tidak dapat mencari hasil daripada sungai tersebut.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat Lipis. Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebut oleh Yang Berhormat Lipis itu tadi amatlah penting kepada kita untuk menjaga kualiti air sungai seperti perlombongan yang membuat pelepasan iaitu kelodak atau pun *sediments*, membuat air keruh. Akan tetapi *sediments*, ianya boleh mengalir jauh ke laut. Betul macam dia cakap tadi, sampai dua tiga hari. Apa yang kita ini kluatir Yang Berhormat Lipis adalah pelombong ini juga menggunakan bahan-bahan kimia di dalam menjalani aktiviti-aktiviti perlombongan.

Jika ini juga dilepaskan ke dalam sungai, maka sungai kita nanti akan mengandungi logam berat atau pun *heavy metals*. Logam berat nanti kalau ia sudah bercampur dengan kelodak dan tenggelam di landasan sungai, ianya akan berada di situ berjuta-juta tahun juga tidak boleh di pecahkan atau pun tidak boleh dipisahkan sebab ianya tidak terkena cahaya matahari. Maka, *oxidation* tidak berlaku.

Oleh itu, sememangnya kementerian di bawah Jabatan Mineral dan Geosains memantau aktiviti-aktiviti pelombong ini. Akan tetapi kadang kala mereka ini buat ini waktu jauh malam atau waktu awal pagi jika kakitangan kita tidak berada di situ. Inilah satu permasalahan. Akan tetapi walaupun ianya demikian, Jabatan Alam Sekitar sememangnya memantau kualiti air sungai dan mengambil sampel air sungai untuk dianalisis di makmal. Jika terdapat bahan-bahan yang saya sebut tadi seperti *heavy metals* atau pun logam berat dan bahan-bahan kimia yang lain, maka ianya boleh dikaitkan kepada aktiviti pelombong-pelombong itu, tindakan boleh diambil kepada mereka. Jadi, inilah laporan yang sentiasa Jabatan Alam Sekitar buat dan pemantauan oleh Jabatan Mineral dan Geosains juga untuk memastikan bahawa *pollutant* atau bahan-bahan tercemar itu tidak ianya bahan-bahan yang sememangnya beracun. Sekian, terima kasih.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Saya cuma hendak melahirkan rasa kehairanan saya. Apa yang diberitahu oleh Yang Berhormat Lipis itu tadi, di kawasan saya ini di Sungai Tengah, ia ada satu kilang sawit yang sememangnya mengeluarkan air toksik ini, air kotor ini ke sungai sehingga sungai itu sudah tidak elok sekarang ini. Cuma permasalahan saya ini, saya sudah berhubung kepada Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Alam Sekitar sudah pergi melawat, tapi *findings* Jabatan Alam Sekitar ialah tidak ada masalah dengan kilang itu. Padahal boleh rasa, boleh bau keseluruhan kampung itu daripada hasil buangan sawit ini. Jadi, macam mana saya hendak selesaikan masalah ini Yang Berhormat Menteri?

■1100

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu atas sentuhan perkara seperti buangan *sludge* daripada kilang sawit. Ini adalah satu permasalahan. Kita sememangnya boleh mencium bau itu kalau ia terbuang walaupun di dalam sungai ataupun mereka seharusnya ada kolam kelodakan sendiri. *Sludge* ini sebenarnya – Saya memang menggalakkan bahawa mana-mana kilang kelapa sawit untuk menggunakan *sludge* ini untuk menghasilkan biogas ataupun gas yang kita manusia boleh guna pakai. Kalau ia buang di dalam sungai, memang ia tercemar.

Jadi apa yang perlu adalah untuk menjana biogas daripada *sludge* ini. Itu senang sahaja. Buat *bio-digester*, masukkan *sludge* ini dalam *bio-digester*, pada tempoh 24 jam biogas pun sudah terhasil dan kita guna biogas ini untuk masak atau untuk menjanakan bekalan elektrik daripada generator. Apa yang penting adalah *sludge* ini...

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan saya ini, saya sudah buat laporan kepada Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Alam Sekitar sudah pergi melawat tetapi Jabatan Alam Sekitar punya *finding* tidak ada masalah kepada kilang itu.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Yalah, dia macam ini Yang Berhormat...

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Jadi, apa lagi yang perlu saya buat supaya kilang itu dapat diambil tindakan yang sewajarnya. Masalahnya Jabatan Alam Sekitar sudah pergi berkali-kali ini. Akan tetapi setiap kali Jabatan Alam Sekitar pergi, jawapannya ialah tidak ada masalah dengan kilang itu. Akan tetapi padahal sungai ini sudah *polluted*. Bau ini satu kampung sudah bau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ya Yang Berhormat.



**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Apa lagi keperluan Jabatan Alam sekitar ini supaya kilang itu dapat diambil tindakan.

**Seorang Ahli:** Jawab secara bertulis.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Tidak perlulah. Saya tahu macam mana hendak jawab. [Ketawa] Oleh sebab standard mengikut peraturan Jabatan Alam Sekitar untuk kilang-kilang kelapa sawit, standardnya ialah standard B di bawah peraturan air kumbahan. Standard B. Di dalam standard BOD (*Biochemical Oxygen Demand*) ialah 50 dan COD (*Chemical Oxygen Demand*) adalah 100. Bagi saya ini Yang Berhormat, saya setuju dengan Yang Berhormat. Bagi saya ini masih lagi tercemar sebab seharusnya kita *apply* standard A. Standard A adalah lebih bersih lagi air.

Saya telah pun buat banyak kajian di dalam sungai dan didapati bahawa kilang-kilang seperti ini kalaulah *sludge* itu diguna pakai seperti mana yang saya sebut tadi, maka tinggi daripada itu standard pun boleh kita mencapainya. Jadi inilah kadang-kadang pengilang-pengilang ini, mereka tidak memikirkan macam mana lagi hendak menjana pendapatan daripada buangan mereka. Ini daripada buangan *sludge*. Kalau mereka menjana biogas, bukankah mereka lebih untung lagi kalau mereka jual biogas itu untuk orang kampung masak.

Jadi, ini yang saya sentiasa promosi untuk menjana biogas daripada kilang kelapa sawit seperti itu. Oleh sebab sudah ada teladan di FELDA. Mereka sudah buat itu. Jadi, ini adalah satu langkah yang terbaik untuk kita mengurangkan pencemaran air sungai daripada buangan *sludge* daripada kilang kelapa sawit. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Sudah lebih sudah Yang Berhormat. Maksimum. Maksimum sudah Yang Berhormat.

[Soalan No.5 – Y.B. Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan (Keningau) tidak hadir]

**6. Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada satu tender terbuka/terhad dibuat sebelum Kerajaan Persekutuan menganugerahkan pembinaan Hospital Wanita dan Kanak-kanak di Hospital Kuala Lumpur kepada Konsortium Prohawk Sdn. Bhd., berapa lamakah tempoh konsesi dan berapakah jumlah bayaran tahunan yang perlu dibayar kepada Konsortium Prohawk Sdn. Bhd. sepanjang tempoh konsesi ini.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Pandan. Pembinaan Hospital Wanita dan Kanak-kanak di Hospital Kuala Lumpur adalah merupakan projek *public-private partnership* ataupun PPP. Pembinaan projek ini adalah melalui kaedah perolehan secara tender terhad yang dikendalikan oleh Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri. Tempoh konsesi adalah 27 tahun, ini tidak termasuk tiga tahun pertama peringkat pembinaan.

Tuan Yang di-Pertua, daripada segi bayaran, tiga tahun pertama tidak bayar apa-apa, tahun yang kedua bayaran ialah kalau ikut *breakdownnya*, bayaran untuk bangunan RM1.6 juta setahun. Untuk *maintenance* termasuklah perbelanjaan segala kebersihan dan juga perkakasan di hospital itu sebanyak RM44.9 juta setahun dan *asset replacement* (pertukaran perkakasan) yang ada di hospital RM18 juta setahun Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, skop kerja adalah sebanyak 600 katil, lengkap kesemuanya dan termasuk juga 1,165 petak *car park*. Terima kasih.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan tambahan saya ialah mengenai kos itu tadi kerana pembinaan hospital ini kos keseluruhan untuk bangunan hanyalah RM848 juta. Oleh sebab tender ini dirundingkan secara terus, secara terhad, ia diberikan kepada satu konsortium yang modal berbayarnya hanya RM275,000. Kemudian suntikan modal – ini adalah daripada laporan awam di

keuangan. Laporan suntikan modal hanya RM8 juta. Jadi satu syarikat konsortium yang hanya ada RM8 juta mendapat kontrak sebesar itu.

Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi setiap tahun akan dibayar RM10.6 juta untuk bangunan. Sebanyak RM44.9 juta untuk *asset management* dan RM18 juta untuk *facilities replacement*. Jadi keseluruhan dalam RM75 juta untuk tempoh 27 tahun. Maknanya kalau 10 tahun RM750 juta, 20 tahun RM1.5 bilion, lebih kurang RM1.6 bilion sedangkan kos hanya untuk membinanya hanyalah RM800 juta. Seperti biasa juga oleh sebab kaedah ini digunakan kos yang ditanggung oleh rakyat, kalau dulu saya sebut tentang pembinaan UiTM begini juga, sekarang pembinaan hospital pun begini juga kosnya, dua kali ganda.

Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapa lagi hospital yang telah dibina, sedang dan akan dibina yang menggunakan kaedah ini, kerana inilah yang akan menyebabkan kerajaan terus menanggung belanja yang besar tiap-tiap tahun dan yang akan terus dipotong adalah subsidi rakyat.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, *decision* begini adalah di peringkat lain, Kementerian Kesihatan hanya menerima DN produk sahaja Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi untuk pengetahuan Yang Berhormat, memang ada dirancang untuk hendak membina 10 lagi hospital di bawah kaedah PFI pada peringkat awalnya. Kaan tetapi kemudiannya Kabinet, saya difahamkan Kabinet telah buat keputusan untuk menarik balik keputusan untuk hendak membina secara PFI ini. Jadi maknanya, setakat ini tidak ada lagi sudah hospital yang akan dibina secara ini Tuan Yang di-Pertua.

#### ■1110

**7. Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:-

- (i) apakah kerajaan bercadang untuk membesarkan ruang berlepas Lapangan Terbang Subang yang hanya mempunyai tiga pintu berlepas dalam negeri sedangkan jumlah penerbangan adalah banyak; dan
- (ii) apakah kementerian mempunyai cadangan-cadangan lain untuk meningkatkan kemudahan dan keselesaan penumpang di sini.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan bersama-sama Malaysia Airport Holdings Berhad sememangnya mempunyai cadangan untuk membesarkan bangunan Terminal 3, Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah bagi mengurangkan kesesakan yang disebabkan oleh penambahan bilangan penerbangan. Permohonan berkaitan pembesaran dan menaik taraf kawasan pemakiran pesawat di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah telah dikemukakan oleh Kementerian Pengangkutan kepada Unit Perancangan Ekonomi pada 30 Jun 2013 untuk dipertimbangkan dalam *Rolling Plan 4*, Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Bagi meningkatkan kemudahan dan keselesaan penumpang, pembesaran ini akan melibatkan pengubahsuaian Terminal 2 yang akan menjadi sebahagian daripada Terminal 3 yang ada sekarang di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah. Projek pembesaran yang akan dilaksanakan ini dengan sendirinya akan menambah bilangan jumlah pintu berlepas dan pintu ketibaan iaitu kepada enam pintu daripada tiga pintu yang ada sekarang dan penambahan 22 buah unit pemakiran pesawat ATR. Sekarang ada 11 dan seterusnya juga serta ruang legar yang lebih luas untuk kemudahan ruang kedai, restoran serta pembesaran tempat meletak kereta. Terima kasih.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan pertambahan penumpang yang meningkat begitu mendadak di Subang ini, dalam tahun 2008, 300,000 orang sahaja. Kemudian pada tahun 2012, meningkat kepada 1.4 juta orang. Apakah cadangan ataupun program kerajaan untuk membina lapangan kapal terbang yang baru di negara kita. Kedua, semasa pembesaran ini, apakah kerajaan bercadang untuk memindahkan surau lapangan terbang ini yang berada di luar ruang legar penumpang. Jadi penumpang Islam yang hendak bersembahyang terpaksa

keluar dan masuk semula melalui sekuriti, pemeriksaan keselamatan dan terpaksa berbaris semula. Jadi ini sebagai satu kemudahan yang penting untuk umat Islam.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Yang di-Pertua, untuk Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah ini hanya untuk menampung pesawat-pesawat ATR sahaja iaitu pesawat turboprop. Ia tidak mengguna pesawat jet yang lebih besar kerana ia mempunyai satu landasan atau *runway* dan landasan ini pun berkongsi dengan landasan TUDM. Maka ia hanya dihadkan kepada kapal terbang kecil dan juga kapal terbang pesawat peribadi. Kita telah pun membesarkan KLIA dengan KLIA2 yang akan kita lancarkan pada 2 Mei ini.

Mengenai kemudahan surau, saya akan mengambil kira pandangan Yang Berhormat dan saya akan menyarankan agar surau dapat dibina di dalam terminal yang akan dibesarkan dalam waktu hujung tahun ini. Terima kasih.

**8. Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bagaimanakah program 6P memanfaatkan pengurusan pekerja asing. Apakah status terkini program 6P.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Program 6P adalah merupakan inisiatif terbaik yang telah dijalankan oleh kerajaan dalam menangani isu kemasukan dan keberadaan warga asing secara tidak sah ke dalam negara ini. Antara manfaat yang dicapai melalui program ini ialah membantu pengurusan pekerja asing adalah seperti berikut:

- (i) mengumpul data berhubung jumlah PATI yang berada dalam negara;
- (ii) pengambilan data biometrik dalam proses pendaftaran dapat membantu memantapkan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap warga asing sekali gus meningkatkan kawalan keselamatan negara;
- (iii) keupayaan untuk menangani isu pemalsuan identiti dan dokumen perjalanan melalui pendaftaran data, biometrik cap jari yang tidak boleh dipalsukan;
- (iv) memperoleh maklumat serta butiran tentang keberadaan PATI mengikut pecahan warganegara, aktiviti ekonomi, umur, jantina, dan sebagainya;
- (v) memenuhi segala keperluan pekerja asing sektor-sektor ekonomi melalui proses pemutihan PATI tanpa perlu membawa masuk pekerja asing yang baru;
- (vi) pengutipan *levy* ke atas majikan yang menggaji parti di mana sebelum ini kerajaan tidak dapat mengutip bayaran *levy* ke atas majikan yang mengambil PATI sekali gus menjana hasil pendapatan negara; dan
- (vii) saringan pemeriksaan kesihatan kepada PATI yang diputihkan melalui Program 6P.

Masa ini, program 6P berada pada fasa yang terakhir iaitu program penguatkuasaan. Kerajaan telah melancar operasi 6P bersepadu yang ditujukan dan diterajui oleh Jabatan Imigresen Malaysia sebagai fasa pertama, 1 September 2013 hingga 8 Oktober 2013. Fasa kedua pada 21 Januari 2014 hingga 11 Mac 2014. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang telah diberikan. Saya ada beberapa isu yang hendak dibangkit tetapi saya ingin tanya satu soalan sahaja. Masalah yang dihadapi sekarang ialah pekerja-pekerja yang telah didaftarkan melalui agen-agen yang telah ditauliahkan oleh kerajaan masih ditangkap dan masih dimasukkan ke lokap. *They are subject to arrest and deportation.* Itu satu.

Kedua, pekerja-pekerja asing ini yang telah didaftarkan melalui agen-agen ini, masih dalam status *irregular* ataupun *undocumented*. Ketiga, dalam satu tangan kita masukkan mereka ke dalam penjara, tetapi *in other hand*, dalam tangan yang lain kita membawa pekerja-pekerja asing yang baru datang ke Malaysia. So soalan saya ialah adakah dan bolehkah kita mengatakan bahawa 6P telah mencapai matlamat menguruskan situasi ataupun status pekerja-pekerja asing di Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Pada pandangan kerajaan Yang Berhormat sebenarnya operasi program 6P bersepadu bagi tempoh fasa pertama dan kedua dan hingga yang sekarang ini dianggap telah mencapai matlamatnya. Walau bagaimanapun, masih ada juga sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi, warga asing yang dahulunya menerusi proses *outsourcing company* yang mana sistemnya telah ditamatkan selepas itu apabila didapati bahawa *outsourcing company* ini membawa mereka ini masuk sebelum menentukan pekerjaan-pekerjaan tertentu untuk diberi kepada mereka ini. Jadi mereka ini berada dalam negara kita dan inilah menjadi salah satu sebab kenapa *operation* bersepadu kita laksanakan dahulu. Jadi walau bagaimanapun, kerajaan masih meneruskan operasi ini untuk menangkap menerusi dan mengambil biometrik mereka dan seterusnya memastikan PATI yang berada di dalam negara ini dapat kita kumpul maklumat yang tertentu bagi mereka. Terima kasih.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memandang terus kepada saya. Soalan tambahan Yang Berhormat Tambalan Menteri.

■1120

6P ini menjadi satu sistem yang membolehkan kita mengawal selia warga pendatang asing terutama sekali mereka yang datang secara tidak sah. Walaupun kita ada 6P tetapi kepadatan penghijrahan mereka ke sini masih berleluasa. Kesan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri maksudkan tadi ialah kawal selia itu nampaknya tidak berjaya. Soalan saya, apakah langkah-langkah jaminan yang boleh diberikan oleh kementerian dan kerajaan supaya 6P ini *dimaterializekan* secara total...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Hebat, hebat, hebat.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Dan pastikan pekerja asing secara tidak sah ini dapat dikawal selia dan tidak mengganggu gugat pekerja tempatan, dengan izin mohon jawapan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Cantik, cantik, cantik. [Ketawa]

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang saya menerima hakikat bahawa persoalan ini banyak disuarakan oleh masyarakat Malaysia di luar sana berhubung dengan keberadaannya masyarakat PATI ini didalam Malaysia, walaupun *operation* 6P ini kita laksanakan secara berpadu bersama semua polis, imigresen, RELA, JPAM dan sebagainya mengambil tindakan bersama di bawah kepimpinan pihak imigresen tetapi kemasukan rakyat asing ke Malaysia terus juga berlaku menerusi sempadan-sempadan kita yang boleh diboloskan umpamanya melalui air daripada Indonesia dan juga menerusi sempadan kita dengan Thailand dan juga daripada Myanmar. Jadi perkara ini masih terus berlaku Yang Berhormat. Jadi itulah kenapa *operation* 6P ini *operation* untuk mengusirkan masyarakat asing atau pun PATI ini daripada Malaysia perlu diteruskan supaya tidak mengambil alih pekerjaan-pekerjaan yang boleh dikerjakan oleh masyarakat tempatan. Akan tetapi dalam masa yang sama Yang Berhormat, kita juga perlu mendorong masyarakat tempatan mengambil alih kerja-kerja yang mereka patut ambil alih. Jangan diserahkan bulat-bulat dengan pihak pekerja asing. Jadi masyarakat perlu termasuk Yang Berhormat sendiri membantu kerajaan dalam sudut ini. Terima kasih Yang Berhormat.

**9. Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah syarat tambahan menguasai bahasa Mandarin sebagai keperluan untuk menjawat jawatan guru besar di SKJC merupakan syarat yang ditetapkan oleh pihak kementerian.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Tasek Gelugor. Untuk

makluman Ahli Yang Berhormat, Pegawai Perkhidmatan Pendidikan perlu memenuhi semua syarat-syarat umum dan khusus bagi urusan pemangkuan ke gred DG32 dan juga gred DG34 seperti yang ditetapkan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran (LK3P). Syarat-syarat tersebut termasuklah mempunyai pengkhususan dalam bidang-bidang tertentu mengikut kesesuaian kekosongan jawatan kenaikan pangkat seperti berikut. Bagi Bidang Umum (BU) pengisian di sekolah kebangsaan. Kedua dalam Bidang Cina (BC) pengisian di SJKC dan ketiga Bidang Tamil (BT) pengisian di sekolah SJKT. Oleh demikian, syarat kelulusan bahasa Mandarin merupakan syarat khusus dalam urusan pemangkuan bagi mengisi jawatan guru besar gred DG32 dan gred DG34 di SJKC. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah bolehkah pihak Yang Berhormat Menteri menerangkan apakah tahap ukuran bagi kita mengukur kelulusan atau kelayakan yang diperlukan sebagai syarat untuk membolehkan seseorang itu dikatakan memiliki keupayaan dari segi bahasa Mandarin, bahasa Inggeris dan sebagainya? Itu satu. Kedua, ialah apakah kerajaan juga bercadang untuk menetapkan syarat penguasaan bahasa Inggeris juga sebagai keutamaan selain daripada syarat wajib bahasa Melayu kepada semua guru-guru besar dan pengetua semua jenis sekolah yang ada di Malaysia? Sebagai contohnya, kalau kita katakan syarat untuk menjadi guru besar atau pun pengetua. *Sorry*, guru besar di sekolah jenis kebangsaan Cina atau guru besar di sekolah jenis kebangsaan Tamil. Maknanya mesti tahu tentang bahasa mengikut aliran sekolah yang berkenaan. Akan tetapi adakah bahasa Inggeris juga akan dijadikan sebagai satu syarat yang akan diukur selain daripada mewajibkan bahasa Melayu sebagai satu kewajipan teras?

Jadi bermakna di sini bagi menjawat jawatan guru besar malah untuk menjadi pengetua bagi sekolah-sekolah lain juga sekurang-kurangnya setiap pegawai yang berkenaan, pegawai pendidikan yang berkenaan mesti mengetahui atau pun mempunyai satu ukuran pencapaian dari segi penguasaan bahasa Melayu. Kedua adalah bahasa mengikut aliran sekolah yang di mana dia akan ditugaskan. Ketiga ialah bahasa Inggeris itu juga menjadi sebagai satu keperluan. Jadi, adakah kerajaan bercadang untuk meletakkan syarat tersebut supaya kualiti pengurusan dan pentadbiran di peringkat sekolah akan lebih dapat dipertingkatkan lagi. Malah hubungan di antara pengetua atau guru besar dengan masyarakat dan waris akan lebih lancar apabila mereka mempunyai kemahiran berkomunikasi yang cemerlang.

Sekarang ini saya rasa tidak sukar kalau kita hendak memilih pegawai-pegawai pendidikan yang berkeupayaan sedemikian rupa kerana banyak pegawai-pegawai pendidikan kita yang sudah mempunyai tahap-tahap kebolehan yang sedemikian.

Akhir sekali saya hendak mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah langkah-langkah yang dibuat untuk *improve* dengan izin, penguasaan bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Mandarin, bahasa Tamil kepada pihak pengurusan utama di sekolah-sekolah yang ada di Malaysia? Terima kasih.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat Tasek Gelugor. Tahap ukur kelulusan itu memang ada. Kalau saya hendak baca agak terperinci mungkin mengambil masa yang lama. Saya boleh berkongsi maklumat ini kepada Yang Berhormat kemudian, secara bertulis atau pun secara peribadi. Akan tetapi untuk maklumat yang seterusnya, untuk maklumat Yang Berhormat, prestasi di antara penilaian untuk memangku jawatan ini ialah Prestasi Perkhidmatan Kerja Cemerlang dan kita perlu lebih kurang, lebih daripada 90% daripada pencapaian tersebut. Mereka juga wajib mendapat kredit dalam mata pelajaran bahasa Malaysia SPM dan juga pengalaman dalam pentadbiran. Contoh, penolong kanan, ketua panitia dan sebagainya.

Kita juga telah menetapkan bahawa sekarang mereka wajib menghadiri NPQEL atau pun dengan kata penuhnya ialah *National Professional Educational Leadership*. Ini di antara keperluan-keperluan. Kita akan terus memastikan guru besar-guru besar ini fasih dalam bahasa-bahasa kebangsaan dan juga bahasa Inggeris kerana ini merupakan di antara cara-cara bagaimana kita hendak menambah baik seperti mana saya telah menjawab soalan kedua tadi yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Nibong Tebal. Kita akan terus memastikan bukan sahaja murid-murid, tetapi guru-guru juga diberi pendekatan yang lebih baik dan lebih efektif untuk menambah baik penguasaan bahasa mereka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh mengenai Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan (NQPEL) yang diadakan selama lima bulan di Institut Aminuddin Baki. Program ini disifatkan sebagai satu proses penelitian penapisan yang teliti dan juga untuk memilih dan menempatkan pengetua yang berprestasi tinggi di setiap sekolah. Jadi praktis yang diamalkan sebelum ini, pencalonan jawatan tersebut adalah berdasarkan kepada cadangan Pengarah Bahagian dan juga Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri serta diluluskan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran. Jadi, oleh itu saya ingin mendapatkan penjelasan, adakah kriteria pemilihan pengetua dalam NQPEL ini berbeza dengan kaedah pelantikan sebelum daripada ini? Adakah semua calon yang menduduki program NQPEL ini perlu ditapis oleh pengarah JPN atau pun bagaimana keadaan pelantikan itu?

**Tuan P. Kamalanathan a/ P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat Temerloh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Prosesnya ialah yang pertama, mereka memerlukan pengalaman lebih kurang sepuluh tahun untuk melayakkan diri mengambil bahagian dalam kursus tersebut dan mereka juga kalau boleh ada pengalaman dalam hal ehwal pentadbiran di persekolahan.

■1130

Mereka boleh terus memohon kepada IAB dan juga satu proses temu duga akan diadakan oleh IAB. Memandangkan soalan ini Yang Berhormat minta lebih maklumat, saya boleh memberikan maklumat secara terperinci kepada Yang Berhormat kemudian. Terima kasih Yang Berhormat.

**10. Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta Menteri Kesihatan menyatakan sepuluh jenis penyakit kritikal di negara kita, angka masing-masing yang meliputi setiap kes terbaru, sembuh dan meninggal dunia pada tahun 2013 dan adakah peruntukan-peruntukan ubat-ubat perlu, katil pesakit dan rawatan di hospital kerajaan mencukupi untuk pesakit kritikal.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Cheras. Kementerian Kesihatan hanya mengumpulkan data *discharge* dari hospital berdasarkan diagnosis dan tidak menunjukkan tahap kritikal sesuatu penyakit. Mengikut data KKM, sepuluh sebab kemasukan utama di hospital-hospital KKM berdasarkan diagnosis semasa *discharge* pada tahun 2013 kerana belum *finalize* lagi angkanya, Tuan Yang di-Pertua.

Kalau ikutkan angka tahun 2012, ambil 10 yang paling banyak adalah seperti berikut:

Bil.	Jenis penyakit kritikal	Jumlah kes
(i)	Obstetrik dan kelahiran	401,322
(ii)	Sistem pernafasan	162,059
(iii)	Kecederaan, keracunan atau masalah disebabkan faktor luaran	120,821
(iv)	Sistem jantung dan peredaran darah	111,040
(v)	Masalah selepas kelahiran	111,006
(vi)	Jangkitan kuman dan penyakit yang disebabkan oleh parasit	100,337
(vii)	Sistem pencernaan ataupun usus	71,779
(viii)	Sistem genitourinari	65,825
(ix)	Faktor-faktor yang mempengaruhi status kesihatan dan berhubungan dengan perkhidmatan kesihatan	53,536
(x)	Barah	49,055

Yang Berhormat minta juga angka yang meninggal pada tahun 2012, angkanya adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Jenis penyakit</b>	<b>Jumlah Kematian</b>
(i)	Sistem jantung dan pendarahan darah	7,241
(ii)	Sistem pernafasan	5,519
(iii)	Jangkitan kuman dan penyakit yang disebabkan oleh parasit	5,036
(iv)	Barah	3,415
(v)	Kecederaan, keracunan atau masalah yang disebabkan oleh faktor luaran	1,559
(vi)	Sistem usus	1,426
(vii)	Sistem buah pinggang	1,225
(viii)	Masalah selepas kelahiran	1,006
(ix)	Lain-lain	547
(x)	Berkaitan sistem saraf	512

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan jumlah katil, matlamat Kementerian Kesihatan adalah meningkatkan bilangan katil secara berperingkat untuk mencapai nisbah 2.5 katil untuk setiap 1,000 penduduk mulai Rancangan Malaysia-10 bagi memenuhi keperluan rakyat. Bagi tahun 2010, bilangan katil di hospital KKM secara keseluruhan adalah sebanyak 37,763 buah katil dan nisbah katil untuk 1,000 penduduk adalah 1,333. Ini tidak ambil kira jumlah katil di pihak swasta. Kalau ikut campur dengan pihak swasta, jumlah katil pada tahun 2010 ialah 50,976 dan nisbah jumlah katil semuanya kepada 1,000 penduduk adalah 1.79.

Bagi tahun 2012, jumlah katil adalah sebanyak 38,944 dan kalau ikut jumlah juga kalau ambil kira dengan swasta, iaitu sebanyak 52,867 dan jumlah nisbahnya adalah 1.80 nisbah katil kepada 1,000 penduduk, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ya, setakat itulah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]***

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH  
PERATURAN MESYUARAT 18(1)**

**PENCULIKAN DI SINGAMATA REEF RESORT SEMPORNA**

**11.34 pg.**

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya Ahli Parlimen Sandakan ingin menangguhkan Dewan mengikut Peraturan Mesyuarat 18(1) untuk membincangkan perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan mengenai penculikan di Singamata Reef Resort Semporna.

Isu pencerobohan dan jenayah di perairan Pantai Timur Sabah telah berlaku sejak sepuluh tahun yang lalu. Kumpulan Abu Sayyaf telah menceroboh dan menculik 21 orang pelancong di Pulau Sipadan. Pada awal tahun 2013, pencerobohan oleh penganas Sulu di Lahad Datu telah menyebabkan kematian beberapa anggota keselamatan kita.

Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah yang ditubuhkan juga tidak menunjukkan keberkesanan dalam membanteras masalah pencerobohan atau jenayah dari berlaku. Pada 27 Ogos 2013, kapal nelayan telah dirampas di perairan Semporna. Pada 4 November 2013, kapal nelayan telah dirampas di perairan Kudat. Pada 15 November 2013, seorang pelancong dari Taiwan dibunuh dan seorang lagi diculik. Pada 2 April 2014, sekali lagi penculikan telah berlaku apabila seorang pelancong dari negara China dan seorang pekerja telah diculik di Singamata Reef Resort Semporna.

Walaupun ESSCOM mendapat peruntukan yang besar tetapi kesannya amat mengecewakan. Saya pernah bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 25 September 2013 iaitu mengapa pencerobohan masih berlaku walaupun selepas ESSCOM telah ditubuhkan? Penubuhan ESSCOM dengan jelas tidak menepati fungsi utamanya.

Oleh yang demikian, rakyat mempunyai hak untuk mengetahui bagaimana wang rakyat telah digunakan dalam ESSCOM. Persoalan dan masalah yang timbul atas kegagalan ESSCOM mestilah dibincang di dalam Dewan Rakyat kerana ini ialah *public interest* ataupun kesejahteraan rakyat, khususnya di persisiran pantai timur Sabah. Dewan ini juga harus membincangkan perkara ini untuk mencari penyelesaian yang lebih baik dan berkesan kepada pertahanan di pantai Timur Sabah.

Kerajaan telah mengumumkan tahun 2014 sebagai Tahun Melawat Malaysia. Oleh itu, perkara ini sudah tentu akan menjejaskan imej negara dan keyakinan pelancong asing untuk melawat Malaysia khususnya di Sabah. Oleh itu, perkara tersebut mempengaruhi industri pelancongan dan ekonomi kita.

Oleh itu, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ditangguhkan mengikut Peraturan Mesyuarat 18(1) untuk membincangkan perkara tersebut berkenaan dengan kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan. Sekian, terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bini Salleh [Kalabakan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Tidak perlu disokong, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Sandakan pada hari Khamis 3 April 2014. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat pada hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat iaitu:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.



Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini adalah perkara yang tertentu dan ini adalah juga bagi kepentingan orang ramai. Berkehendak disegerakan, saya berpendapat bahawa perkara ini juga perlu disegerakan.

Oleh yang demikian, saya membenarkan usul ini dibahaskan. Mengikut Peraturan Mesyuarat 18(3), usul ini hendaklah ditangguhkan sehingga pukul 4.30 petang ini dan hendaklah ditangguhkan pada pukul 5.30 petang. Saya akan membenarkan pihak pencadang untuk membahaskan selama 30 minit, dan selepas itu pihak kerajaan akan menjawab selama 30 minit, sekian.

■1140

### **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

#### **RANG UNDANG-UNDANG YAYASAN GURU TUN HUSSEIN ONN 2014**

##### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu Akta untuk menubuhkan Yayasan Guru Tun Hussein Onn 2014 untuk mengadakan peruntukan bagi fungsi dan kuasanya dan perkara yang bersampingan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

### **USUL**

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

11.41 pg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 8 April 2014”.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Datuk Seri Ronald Kiandee [Beluran]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Peraturan mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Terima kasih. Peraturan Mesyuarat 36(12). Saya hendak merujuk Timbalan Menteri Pertahanan iaitu Yang Berhormat Kudat kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bagi kesalahan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, bukannya perkara ini telah dirujuk sebelum ini?

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ya. Tuan Yang di-Pertua janji akan menyiasat, seminggu dah lepas...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat tak berada di Dewan pada hari Khamis yang lalu. [*Dewan riuh*] Saya telah buat keputusan bahawa usul rujukan itu masih kekal dan akan diambil tindakan sebelum sidang habis pada minggu ini.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Jadi bila? Tuan Yang di-Pertua, saya nak tahu bila. Bila akan diambil tindakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Sebelum sidang habis pada minggu ini Yang Berhormat.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Akan tetapi seminggu, sudah seminggu Timbalan Menteri Pertahanan tidak datang ke Parlimen.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, dah saya jelaskan. Saya dah jelaskan hari Khamis sidang dahulu bahawa Yang Berhormat Kudat tidak dapat berada dalam Dewan disebabkan oleh komitmen kerja mengiringi Presiden Timor Leste sepanjang minggu yang lalu.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin maklumkan bahawa perbahasan usul Rang Undang-undang GST ini akan ditamatkan pada jam 4.30 petang untuk memberi laluan kepada usul 18(1) kemudian selepas jam 5.30 petang nanti, Menteri akan menjawab. Lantas, perbahasan untuk pagi ini sehingga jam 4.30 petang, kita hadkan 15 minit seorang. Sila Yang Berhormat Sandakan.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tak, kita akan sambung sampai malam?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Tak. Ya lah betullah sehingga tamat usul GST.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sehingga tamat usul GST keseluruhan termasuk peringkat jawatankuasa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Tak.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Makna selepas 5.30 nanti sambung bahas balik?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Tak apalah, keputusan kita 4.30 petang, habiskanlah tamatkanlah ya.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tak, tak. [*Dewan riuh*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Menteri akan jawab 5.30 petang nanti.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya hendakkan kepastian sama ada selepas usul perkara 18 itu, adakan akan disambung bahas ataupun terus penggulungan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Menteri akan jawab 5.30 petang sehingga selesai usul GST.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Pukul 5.30 sampai 10.00 malam?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ya lah, betullah.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Takkan Menteri jawab 5.30 sampai pukul 10.00 malam?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Sehingga diputuskanlah, betullah.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Sampai habis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Apa yang marah ini? Apa yang tak setuju?

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sepatutnya selepas 5.30 perlu disambung lagi perbahasan. Sekurang-kurangnya sampai pukul...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Tak apalah, saya buat keputusan perbahasan sehingga 4.30, Menteri akan jawab selepas 5.30.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Tuan Yang di-Pertua, sebab GST ini rang undang-undang yang sangat penting, ramai yang hendak bahas. Jadi, kalau boleh dipanjangkan sedikit untuk satu, dua jam lagi untuk perbahasan.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Kita ada beberapa usul lagi, ada beberapa rang undang-undang lagi selepas ini Yang Berhormat, cukup.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Kita tahu Tuan Yang di-Pertua tetapi GST ini yang paling penting Tuan Yang di-Pertua. Kalau boleh bagi sampai 7.30 untuk bahas.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya fikir bahawa sepatutnya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Tak payah buang masa Yang Berhormat, 4.30 habis. Ya, Yang Berhormat Sandakan silakan.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sekurang-kurangnya sehingga pukul 8 malam.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Pukul 7.30 ke pukul 8.00 malam lah.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Pukul 8.00 malam barulah Menteri menggulung. Cukuplah dua jam. *[Dewan riuh]*

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Menteri jawab nanti tak kasi laluan juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Cukuplah dua jam Menteri nak gulung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Tak payahlah bertelingkah pasal ini, Yang Berhormat.

**Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]:** Menteri akan gulung satu jam, habis dia kata.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Bukan saya bertelingkah tetapi saya katakan bahawa...

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Bukan bertelingkah.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya katakan bahawa adalah wajar, maknanya takkan kita nak beri Menteri jawab daripada 5.30 sampai pukul 10.00 malam.

**Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]:** Nanti Menteri tidak akan menjawab semua soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Cukuplah.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Bagi saya, tak setujulah Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Minta Tuan Yang di-Pertua bagi lebih masa lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ya, cukuplah Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Sandakan untuk menyambung 15 minit, Yang Berhormat.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya minta dipertimbangkanlah, Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]:** Jawapan gulung itu, Menteri kasi laluan. [*Dewan riu*]

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Sandakan bahaslah, ini buang masa sahaja.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]*

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Pergi keluarlah.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Kita sama-sama keluarlah.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Pergi makan ubatlah. [*Ketawa*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pokok Sena, ini pun buang masa. Sila Yang Berhormat Sandakan, 15 minit.

11.46 pg.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian untuk membahar ke atas Rang Undang-undang Cukai Barangan dan Perkhidmatan 2014. Cukai Barangan dan Perkhidmatan ataupun GST yang dicadangkan untuk dilancarkan pada tahun 2015 akan membawa kesan yang amat besar kepada rakyat Sabah. Ianya akan membawa *chain reaction* dengan izin, yang akan mempengaruhi harga barangan tempatan.

Saya berasa risau rakyat Malaysia khususnya rakyat Sabah masih belum bersedia untuk melaksanakan GST ini. Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali merujuk kepada laporan statistik yang dikemukakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, purata belanjawan isi rumah pada tahun 2009 adalah RM2,190 sebulan. RM2,190 sebulan ini akan digunakan ke atas barangan dan perkhidmatan. Mengikut laporan statistik yang sama, jika kita mengambil kira purata pendapatan di negara kita pada tahun yang sama iaitu RM4,025 sebulan maka kita dapati separuh daripada pendapatan tersebut digunakan di atas barangan dan perkhidmatan. Akan tetapi jikalau kita melihat secara terperinci, kumpulan pendapatan terendah 40% hanya berpendapatan RM1,825 sebulan sahaja.

Oleh itu GST sudah tentu akan membawa kesan yang amat teruk kepada kumpulan ataupun golongan ini. Jelas sekali purata perbelanjaan RM2,190 ini telah melebihi keupayaan dan pendapatan golongan yang terendah ini dan saya percaya bahawa golongan ini masih merupakan golongan yang besar di negara kita khususnya di negeri Sabah. Tuan Yang di-Pertua, jikalau golongan terendah hanya mendapat RM1,825 sedangkan purata perbelanjaan ialah RM2,190 maka ini bermakna mereka telah berpendapatan di bawah tahap kos perbelanjaan yang purata. Mengikut statistik yang dibuat oleh pakar ekonomi, berbanding dengan golongan yang kaya ataupun berpendapatan tertinggi, golongan miskin ataupun kumpulan pendapatan terendah ini akan membayar lebih banyak GST.

■1150

Tambahan pula mereka merupakan golongan yang tidak sepatutnya dikenakan cukai pendapatan ataupun *income tax* sebelum ini. Ini kerana mereka tidak mencapai tahap yang tertentu untuk membayar cukai. Oleh itu kumpulan pendapatan terendah akan

mengalami kesusahan yang paling serius berbanding golongan berpendapatan tinggi. Tidak lupa juga dengan hutang isi rumah sebanyak 83% berbanding GTP pada masa kini. Sudah tentu kumpulan berpendapatan rendah yang begitu susah akan bertambah susah jika dikenakan GST lagi.

Tuan Yang di-Pertua, statistik yang saya sebut tadi adalah perangkaan seluruh negara. Saya telah menyatakan bahawa mahupun pendapatan dan perbelanjaan tertentu tentu di bawah purata angka yang tadi saya sebut. Saya ingin berkongsi pengalaman ketika saya melawat ke pedalaman negeri Sabah baru-baru ini untuk merancang Program Impian Sabah. Kami telah melawat ke Kampung Parit Talau di Kota Marudu dan juga Kampung Panggi di Tenom. Kami dapati bahawa kebanyakan pendapatan isi rumah keseluruhan di kampung-kampung tersebut hanya sekitar RM500 hingga RM800, ada juga hanya RM300 sahaja. Untuk makluman barang di pedalaman biasanya lebih mahal berbanding dengan barang yang dijual di bandar. Ini perkara yang benar-benar berlaku. Kami juga dapati tidak ada bekalan air bersih dan elektrik di kawasan-kawasan tersebut.

Bolehkah Ahli-ahli Yang Berhormat fikir situasi yang begitu teruk tetapi masih dapat dihadapi oleh penduduk-penduduk di pedalaman Sabah. Apakah implikasinya sekiranya GST dilaksanakan? Saya juga ingin tambah bahawa di pedalaman Sabah tidak ada kemudahan asas dan jalan raya yang baik. Malah Sabah mempunyai kos kehidupan yang paling tinggi di antara negeri di Malaysia. Saya telah banyak kali sebut di Dewan yang mulia ini bahawa dasar kabotaj telah menyebabkan rakyat Sabah mengalami kesusahan dengan kos kehidupan yang lebih tinggi iaitu sebanyak 30% lebih tinggi berbanding negeri-negeri yang lain. Oleh itu dengan pendapatan yang lebih rendah dan kos kehidupan yang lebih tinggi di Sabah berbanding di Semenanjung sekiranya GST dilaksanakan ianya akan membawa implikasi yang amat serius kepada rakyat Sabah. Ini juga bererti bahawa orang miskin di Sabah akan membayar GST yang lebih tinggi. Ini adalah *double injury* dengan izin kepada rakyat Sabah.

Cuba anda bayangkan orang miskin biasanya hanya membeli keperluan asas setiap hari malahan tidak mampu untuk membeli apa-apa barangan mewah atau *luxury*. Akan tetapi dengan adanya GST orang miskin akan membayar semua barang dan perkhidmatan sama seperti orang kaya. Orang miskin atau rata-rata daripada kumpulan berpendapatan rendah iaitu 40% ini akan membayar lebih daripada apa yang sepatutnya disebabkan GST berbanding golongan pendapatan sederhana dan orang kaya. Adakah ini adil kepada orang miskin? Begitu juga dengan rakyat Sabah yang kebanyakannya miskin. Ini bukan sahaja menunjukkan ketidakseimbangan dan tidak keadilan antara golongan miskin dan kaya tetapi juga antara Sabah dan Semenanjung.

Tuan Yang di-Pertua, Sabah masih merupakan negeri yang termiskin di Malaysia. GST yang akan dikenakan sudah pasti akan membawa kesan yang paling besar kepada warga Sabah. Sabah mempunyai indeks kemiskinan sebanyak 8.1% manakala purata negara kita hanya 1.7%. Di samping itu menurut kajian United Nation Children's Fund (UNICEF) yang ditepikan pada tahun 2013, Sabah mempunyai kadar kanak-kanak miskin yang paling tinggi di seluruh Malaysia iaitu 31%. Kadar kemiskinan yang tertinggi menunjukkan bahawa kebanyakan orang yang terdiri daripada kumpulan berpendapatan rendah berbanding dengan purata pendapatan negara. Ini bermakna orang Sabah akan membayar GST yang lebih banyak berbanding dengan Semenanjung kerana purata pendapatan di Sabah adalah lebih rendah. Tidak lupa lagi Pekali Gini ataupun *Gini Coefficient* di Sabah adalah tertinggi pula di seluruh negara. Ini bererti ketidakseimbangan antara kumpulan pendapatan tertinggi dan kumpulan pendapatan golongan terendah. Pendapatan golongan terendah di Sabah sebenarnya lebih rendah daripada pendapatan keseluruhan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan statistik yang telah saya sampaikan tadi jelas sekali Malaysia khususnya negeri Sabah masih tidak bersedia dengan pelaksanaan GST ini. Janganlah melaksanakan GST tanpa mengambil kira impak atau kesan yang teruk terutamanya ke atas golongan termiskin. Ini amat mengecewakan kerana kita langsung tidak mengambil berat kesusahan yang dihadapi oleh golongan miskin dan negeri Sabah. Tuan Yang di-Pertua, walaupun GST ini telah pun dilaksanakan di kebanyakan negara luar tetapi sedangkan negara kita masih mempunyai begitu banyak masalah. Membuktikan rakyat kita masih tidak bersedia dan tidak berupaya untuk membayar GST. Saya rasa ialah tidak boleh berbanding dengan negara-negara lain.

Selain daripada itu oleh kerana GST merupakan satu cukai yang regresif di mana cukai ini mengenakan rata yang sama ke atas semua golongan mahupun kaya dan miskin. Ianya amat membimbangkan kerana situasi ketidakseimbangan pendapatan ataupun *income inequality* akan menjadi lebih teruk. Apakah inisiatif yang akan diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk mengelakkan ketidakseimbangan yang kemungkinan menjadi teruk lagi masa yang akan datang? Juga ketidakseimbangan ini yang akan menjadi lebih teruk lagi antara Sabah dan Semenanjung jikalau pelaksanaan GST tidak mengambil kira kesan dan kesusahan rakyat khususnya golongan yang miskin. Maka ketidakseimbangan pendapatan ini akan berterusan dan menjadi serius. Ianya akan membawa masalah yang besar pada pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya juga ingin menyentuh bahawa kerisauan *double tax* ke atas pekebun kecil dan peladang kelapa sawit di negeri Sabah. Dengan sistem yang sedia ada Kerajaan Persekutuan telah mengenakan cukai jualan sebanyak 15% jika melebihi 250 pertanian CPO. Di Sabah pula Kerajaan Negeri Sabah juga mengenakan cukai jualan sebanyak 7.5%. Inilah yang menyusahkan bagi pekebun kecil dan peladang kepala sawit untuk menjalankan perniagaan mereka. Dengan pelaksanaan GST ini adakah Kerajaan Persekutuan akan memberi arahan kepada Kerajaan Negeri Sabah untuk membatalkan cukai jualan yang dikenakan. Saya pernah membaca satu kenyataan dari MPOA pada tahun 2013 bahawa mereka bercadang untuk membatalkan cukai jualan yang dikenakan oleh negeri Sabah untuk memberi laluan kepada GST dan juga menggalakkan masalah *double tax* ini. Akan tetapi jikalau cukai jualan 7.5% dibatalkan maka pendapatan Kerajaan Negeri Sabah akan kurang sebanyak RM1 bilion. Cukai jualan 7.5% inilah yang memberi pendapatan yang paling tinggi kepada pendapatan Kerajaan Sabah.

Jikalau pendapatan Sabah dikurangkan sebanyak RM1 bilion sudah tentu kerajaan negeri akan menghadapi masalah kewangan yang serius terutamanya dalam pembinaan infrastruktur asas di negeri Sabah.

#### ■1200

Oleh yang demikian, saya minta penjelasan dari Kerajaan Persekutuan. Apakah pendirian Kerajaan Persekutuan terhadap isu ini dan bagaimana Kerajaan Persekutuan mengendali masalah *double tax* ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, saya selaku Ahli Parlimen dari negeri Sabah memang harap kerajaan boleh menimbang semula dan menarik balik cadangan untuk melaksanakan GST ini. Kerajaan boleh mempertimbangkan dan melaksanakan GST dalam tempoh yang tertentu atau pada masa yang lebih sesuai. Masa sampai, Sabah boleh bekerja ada standard yang bersama dan seimbang dengan Kerajaan Persekutuan di Semenanjung. Oleh itu saya minta supaya pelaksanaan GST dapat ditunda. Fikir-fikirlah kesusahan rakyat. Kebanyakan rakyat berpendapatan yang begitu rendah, ramai yang berada dalam golongan termiskin. Anak-anak muda kita, rakan-rakan dari Sabah yang masih jauh miskin berbanding dengan Semenanjung. Janganlah ambil Sabah sebagai satu *fix deposit* dan tidak perlunya. Harap cadangan saya boleh dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, sekian, saya mohon tidak menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Tanah Merah.

#### 12.01 tgh.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga bangun di sini untuk mengambil bahagian dalam perbahasan berhubung satu rang undang-undang yang saya fikir amat penting dalam mengukuhkan lagi perjalanan pengurusan ekonomi negara kita di masa depan. Rang Undang-undang yang kita sedia maklum iaitu Rang Undang-undang Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) 2014.

Terlebih dahulu saya ingin ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah yang ketika membentangkan rang undang-undang ini untuk bacaan kali kedua di Dewan yang mulia ini yang telah menerangkan secara komprehensif, terperinci, bernas melalui pembentangan fakta-fakta berhubung pelaksanaan GST. Saya yakin pembentangan seumpama itu akan mampu menghapuskan segala keraguan rakyat berhubung pelaksanaan cukai ini yang

perlu ditegaskan ia bukanlah cukai baru tetapi bagi menggantikan cukai jualan dan cukai perkhidmatan yang dilaksanakan sekarang.

Seperti mana diduga oleh banyak pihak, sebaik sahaja Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak dalam pembentangan Bajet 2014 mengumumkan bahawa kerajaan akan melaksanakan GST pada April 2015, ia telah menjadi satu lagi bahan untuk dipolitikkan oleh pihak-pihak tertentu. Walaupun pakatan pembangkang menyatakan mereka bersetuju bahawa GST perlu dilaksanakan demi masa depan ekonomi negara, tetapi ia tetap disulami dengan persoalan kononnya April 2015 terlalu cepat untuk cukai ini dilaksanakan. Persoalannya, apakah jaminan yang boleh diberikan oleh rakan-rakan kita dalam pakatan pembangkang bahawa ia tidak akan menjadi modal politik apabila cukai itu hendak dilaksanakan seandainya ia mengikut tempoh yang dikehendaki oleh pembangkang.

Saya percaya dan yakin pembangkang tidak akan mampu memberikan jaminan tersebut. Atas sebab itulah usahlah kita membuang masa melayan kehendak, tuntutan dan tohmahan pihak pembangkang. Begitulah juga dengan penglibatan saya dalam perbincangan kali ini. Saya tidak berhasrat untuk bertelagah atau berbalah dengan pembangkang sebaliknya ingin membentangkan beberapa fakta kenapa GST amat perlu dilaksanakan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya bukanlah berkelulusan dalam bidang ekonomi sebaliknya saya dalam bidang kejuruteraan, namun atas dasar tanggungjawab dan keprihatinan untuk memastikan GST dapat dilaksanakan, saya telah melakukan kajian berhubung perkara ini. Secara jelasnya, saya berpendapat, Malaysia berada dalam zon kritikal sekiranya tidak melaksanakan GST kerana ia merupakan keperluan *significant* kerajaan selain mempunyai kesan jangka panjang. GST mampu menyalurkan pendapatan kepada kerajaan selain berkeupayaan menstabilkan ekonomi. GST secara umumnya adalah lebih meringankan bebanan rakyat berbanding cukai jualan dan cukai perkhidmatan atau SST yang dilaksanakan di premis-premis premium dan premis perkhidmatan selama ini. Dalam usaha memastikan Malaysia melaksanakan sistem percukaian yang lebih efisien demi masa depan ekonomi negara dan sekali gus mendatangkan manfaat kepada rakyat. Kita perlu menerima hakikat bahawa kebanyakan negara maju dan serantau telah lama melaksanakan sistem cukai ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Tanah Merah. Yang Berhormat Bagan Serai bangun.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Tanah Merah.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Mana Yang Berhormat Bagan Serai? Okey, bolehlah. Saya ingat... Sila, sila. Okey.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Tanah Merah. Sekejap sahaja. Setujukah Yang Berhormat Tanah Merah jika saya katakan melaksanakan GST pada 1 April 2015 adalah sangat sesuai kerana pada kadar inflasi yang serendah 2% dan pada keadaan pertumbuhan ekonomi dan *demand* dengan izin rakyat yang meminta pelbagai kemudahan dan kebaikan pada pendidikan, kesihatan dan infrastruktur memerlukan perbelanjaan yang lebih. Jadi evolusi cukai kepada cukai yang lebih baik daripada SST yang sekarang akan mendatangkan dana yang lebih kepada kerajaan dan akan menguntungkan rakyat. Setuju atau tidak Yang Berhormat Tanah Merah?

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Saya setuju 100%. Masukkan dalam ucapan saya kerana sebenarnya ada pakar-pakar ekonomi yang sepatutnya - GST ini bukan sepatutnya dibuat pada tahun depan tetapi dibuat sudah lama. Jadi saya setuju dengan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Pokok Sena bangun.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** ... Yang Berhormat Pokok Sena, bolehkah saya habiskan?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak, tidak. Sikit, sedikit, sedikit sahaja.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Okey, bolehlah. Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya tengok kawan-kawan di sebelah sana, Tuan Yang di-Pertua nampak macam ada satu percanggahan. Khususnya kalau ikut hujah Yang Berhormat Langkawi pada hari Khamis hari itu. Saya baca *Hansard*. Yang Berhormat Langkawi bersyukur kerana tidak dikenakan. Berterima kasih kepada kerajaan kerana Langkawi terkeluar daripada GST. Maknanya Langkawi kalau kena, Allah, beratlah saya ini. Maknanya ini kelirulah. Saya katakan bahawa satu kekeliruan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Langkawi.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Saya kena jawab balik ini.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Okey, saya bagi laluan dekat Yang Berhormat Langkawi. Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Langkawi. Terima kasih.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Saya kena beri penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Langkawi, Yang Berhormat Langkawi.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Ini kerana Yang Berhormat Pokok Sena telah mengelirukan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Langkawi, Yang Berhormat Langkawi. Yang Berhormat Langkawi, Speaker di sini.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Oh Speaker. Ya, Speaker.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila. Barulah boleh berucap. Sila.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Minta maaf Speaker. Saya kena masuk juga kerana saya kena beri penjelasan kepada Yang Berhormat Pokok Sena. Ini kerana saya berkata bahawa Langkawi tidak kena GST. Memang pun itu dalam hukum Langkawi tidak kena GST. Pada masa yang sama, sekarang pun dalam SST Langkawi tidak kena juga. Makna kata bukan kerana GST tetapi hendak maklumkan bahawa Langkawi ini bebas cukai sama ada ada GSTkah, ada SSTkah, kami tidak kena. Okey, terima kasih.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidaklah. Akan tetapi Yang Berhormat kata di sini saya mengucapkan terima kasih...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pokok Sena...

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Bolehkah saya teruskan?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Akan tetapi Yang Berhormat pula kata kepada Yang Berhormat Shah Alam, kalau tidak mahu GST, pergi Langkawi. Maknanya, Yang Berhormat sendiri pun ada keliru. Keliru, keliru, keliru.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Bukan saya keliru. Yang keliru Yang Berhormat Pokok Sena. Ini kerana pergi Langkawi tidak kena SST, tidak kena GST.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Dia berterima kasih kerana tidak kena. Maknanya kalau kena itu.... *[Dewan riuh]*

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Yang Berhormat Pokok Sena dan Yang Berhormat Langkawi boleh bincang dekat luar.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Terima kasih kepada kerajaan kerana dalam pelaksanaan GST ini, Langkawi yang bebas cukai, Pulau Tioman yang bebas cukai, tidak ditarik balik bebas cukai itu. Terima kasihlah. Terima kasih.



**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Eloklah Yang Berhormat Langkawi dan Yang Berhormat Pokok Sena berbincang dekat luar. Sesama Kedah ini. Okey, boleh saya teruskan? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila, sila.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Seperti mana kita sedia maklum, hampir 160 buah negara telah melaksanakan GST. Negara-negara maju yang telah melaksanakan GST ialah United Kingdom, Jepun, German, Sweden, Belanda, Denmark, Singapura dan banyak lagi. Kadar GST tertinggi adalah di Denmark, Sweden dan Hungary dengan kadar 25%. Negara-negara jiran kita yang turut melaksanakan GST ialah Thailand, Singapura, Indonesia, Vietnam dan Filipina. Kesemua negara ini melaksanakan GST pada kadar 7% hingga 10%. Kadar ini adalah lebih tinggi berbanding dengan kadar yang akan dilaksanakan oleh Malaysia iaitu pada kadar 6%.

Sudah pastilah keadaan ini amat munasabah dan akan memberi keuntungan kepada rakyat kerana kadar SST pada masa ini adalah sekitar 10% hingga 15%. Pihak-pihak tertentu telah membentangkan fakta yang tidak betul atau lebih tepat lagi fakta yang diputar belitkan bagi menakut-nakutkan rakyat berhubung pelaksanaan GST. Mereka memberi gambaran seolah-olah GST adalah cukai baru yang akan membebankan rakyat. Kebaikan dan kelebihan GST seolah-olah sengaja dilupakan atau disembunyikan dengan tujuan rakyat akan bangkit menentang pelaksanaan cukai tersebut. Akibatnya, wujudlah salah faham terhadap GST termasuklah dari segi kebaikan kepada ekonomi negara dan rakyat serta bagaimana ia dilaksanakan dan apakah yang terlibat.

Izinkan saya ringkas menggariskan beberapa kelebihan GST iaitu seperti berikut.

- (i) GST tidak merangkumi makanan, bahan dan perkhidmatan asas;
- (ii) GST merupakan cukai kepenggunaan. Maknanya sekiranya barangan atau perkhidmatan itu digunakan banyak kali, maka ia berkadar terus;
- (iii) GST merupakan hasil kepada kerajaan yang lebih langsung berbanding cukai pendapatan sama ada kepada individu atau korporat yang boleh dikutip setahun sekali apabila pengisytiharan dibuat oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Selain itu, GST secara ringkasnya memberi kesan positif kepada ekonomi negara seperti pengurangan dalam kos perniagaan, mewujudkan kepada harga kompetitif, eksport lebih kompetitif kerana kadar sifar bagi eksport, meningkatkan keluaran negara kasar, mengurangkan aktiviti ekonomi gelap dan menggalakkan industri pelancongan melalui skim dengan izin *Tourist Refund Skim*.

#### ■1210

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik apabila modul GST yang bakal kita laksanakan bukanlah cukai regresif atau cukai yang membebankan golongan berpendapatan rendah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sungai Siput bangun.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Boleh atau tidak saya- *Last* sekali. Nanti Tuan Yang di-Pertua kata masa lima minit lagi. *Last* saya beri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, betul. Lagi lima minit.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Okey. Sebaliknya, modul GST yang dicadangkan di Malaysia adalah bersifat progresif. Di mana kerajaan telah mencadangkan barangan tertentu yang merupakan barangan utama dalam perbelanjaan golongan ini di kadar sifar. Begitu juga beberapa perkhidmatan asasi seperti pengangkutan awam, pendidikan dan kesihatan. Saya juga mendapati berdasarkan modul GST yang akan dilaksanakan oleh kerajaan, isi rumah pendapatan RM2,000 yang membelanjakan sebahagian besar pendapatan ke atas barangan keperluan asas pada kadar sifar dan

perkhidmatan yang dikecualikan GST hanya terdedah kepada kesan cukai sebanyak 2.59% berbanding 4.14% bagi isi rumah pendapatan RM12,000.

Dalam bahasa yang mudah, isi rumah berpendapatan RM2,000 akan membayar GST sebanyak RM39.16. Manakala isi rumah dengan pendapatan sebanyak RM12,000 pula membayar hampir sembilan kali ganda iaitu sebanyak RM345.06. Ini berdasarkan pola perbelanjaan isi rumah dengan pendapatan RM2,000 ke atas barang berkadar sifar adalah sebanyak 32% dan 32.6% ke atas barangan yang dikenakan GST. Manakala perbelanjaan isi rumah pendapatan RM12,000 ke atas barangan berkadar sifar hanya 12.15% dan 63.9% ke atas barang yang dikenakan GST. Selain itu pelaksanaan GST juga berupaya mengurangkan kos operasi para peniaga negara ini dengan penjimatan tahunan sebanyak RM4 bilion bagi semua sektor perniagaan dan RM1.4 bilion untuk sektor eksport.

Justeru, saya tidak bersetuju dengan pandangan bahawa kos perniagaan akan meningkat kerana terpaksa mengubah akauntan dan membeli sistem perakaunan. Ini memandangkan berasas kepada syarikat yang mencatat perolehan tahunan kurang dari RM500,000 adalah dikecualikan daripada membayar GST. Berikutan kadar ini ia akan memungkinkan dijangka hanya sebanyak 200,000 perniagaan yang perlu dilesenkan dan perniagaan yang benar-benar kecil tidak perlu dilesenkan. Bagi perniagaan kecil dan sederhana yang perlu dilesenkan pula, kos tambahan bagi memperoleh sistem perakaunan diberi pula subsidi sebanyak RM1,000 dan bantuan bagi latihan perakaunan melalui pakej bantuan kerajaan. Di samping itu juga, saya difahamkan peniaga juga boleh menuntut potongan cukai tambahan bagi perbelanjaan ke atas kos perakaunan dan ICT. Bagi golongan berpendapatan rendah pula, mereka tidak seharusnya berasa kluatir atau bimbang dengan pelaksanaan GST ini kerana kerajaan sudah pun mengatur strategi untuk berhadapan dengan sebarang kemungkinan jika GST turut memberi kesan kepada mereka. Ini termasuk pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia, pengurangan cukai pendapatan individu antara satu hingga tiga peratus yang memungkinkan hampir 300,000 pembayar cukai tidak lagi perlu membayar cukai dan menaikkan BR1M dari RM500 kepada RM650 pada tahun ini.

Seperti mana yang saya katakan pada awal ucapan, saya bukanlah berkelulusan ekonomi. Bagaimanapun berdasarkan kajian yang saya jalankan saya tidak setuju dengan cadangan cukai-cukai lain dengan izin, kakanda saya Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli tidak ada ya, dia ada mencadangkan *capital gain tax*, cukai maha kaya, *wealth tax* dan *windfall tax* dikenakan bagi meningkatkan hasil negara. Apa yang perlu kita fahami, kesemua cukai tersebut mempunyai kebaikan dan keburukan masing-masing dan kesemua cukai tersebut tidak akan membawa perubahan yang besar dalam mengukuhkan struktur cukai. Dalam konteks Malaysia, pengenalan *capital gain tax* dilihat sebagai tidak menggalakkan pasaran modal kerana ia dilihat sebagai kos kepada pelabur. *Windfall tax* pula yang dicadangkan telah dilaksanakan di negara ini dalam konteks yang terhad kepada komuniti iaitu ke atas minyak kelapa sawit mentah dan dikenakan hanya apabila paras harga mencapai peroleh tertentu. Adalah sukar sekiranya cukai durian runtuh ini dikenakan kepada industri lain seperti telekomunikasi atau lain-lain secara rambang kerana ia dilihat sebagai cukai tidak mesra pelaburan. Apatah lagi syarikat-syarikat ini juga dikenakan cukai pendapatan.

Akhir sekali, *wealth tax* juga bukanlah satu bentuk cukai yang efisien kerana golongan ini pandai membuat perancangan cukai dan sukar dilaksanakan, malahan bukan semua negara maju mempunyai cukai itu. Cukai ini juga dilihat sebagai tidak menggalakkan keusahawanan. Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, hasil kajian saya menjangkakan akan mengutip tambahan RM5 bilion hingga RM6 bilion dalam cukai setahun sebaik GST dikuatkuasakan pada tahun hadapan berbanding SST yang menyumbang antara RM6 bilion dan RM17 bilion dalam pendapatan kerajaan setiap tahun.

Pada keseluruhan, GST dijangka menyumbang RM21 bilion kepada kerajaan. Apabila kutipan GST menyumbang kepada peningkatan hasil negara, tidak lain tidak bukan, yang mendapat manfaat adalah rakyat itu sendiri, terutama golongan berpendapatan sederhana dan rendah. Lebih banyak wang boleh disalurkan kepada mereka, misalnya sektor pendidikan yang lebih berkualiti dan taraf kehidupan rakyat Malaysia juga berjaya ditingkatkan. Saya harap Hospital Tanah Merah dengan ada tambahan ini bolehlah dibesarkan dan dinaik taraf. Selain itu dengan peningkatan hasil kerajaan, kerajaan berupaya meningkatkan gaji kakitangan sektor awam. Manfaatnya cukup besar sekali. Selain kakitangan sektor awam yang akan menikmati pendapatan yang lebih tinggi, ia mengurangkan bebanan harian mereka. Selain itu, GST juga akan membolehkan kerajaan untuk mentadbir urus negara dengan lebih mampan dan teratur. Hutang negara akan dapat

dikurangkan pada tahap terendah dan jika kerajaan mempunyai sumber kewangan yang cukup besar, tidak mustahil kerajaan mampu membayar semua hutang negara. GST merupakan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey, Yang Berhormat Tanah Merah boleh gulung ya.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Okey, saya hendak habis. Sedikit sahaja lagi. GST merupakan penjana pendapatan negara demi manfaat dan kepentingan rakyat. Walaupun ia tidak bersifat populis, namun langkah tersebut penting untuk membawa Malaysia mencapai Wawasan 2020. Apa yang pasti, keputusan kerajaan untuk melaksanakan GST tidak bertujuan menghukum apatah lagi menindas rakyat. Ia lebih kepada tujuan memastikan Malaysia mampu bersaing lebih kompetitif dalam pasaran global. Atas sebab itulah saya meminta kerajaan, khususnya kementerian terlibat, perlu terus berusaha meningkatkan pengetahuan masyarakat dan generasi muda tentang pelaksanaan cukai tersebut. Masyarakat perlu diberi penerangan berterusan tentang polisi kerajaan, terutamanya situasi kini ketika media sosial dilihat semakin menguasai minda masyarakat sehingga mereka sukar membezakan antara kebenaran dan kebatilan.

Okey, ini saya *final*, penutup. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan, saya bila tengok Yang Berhormat Pokok Sena tengok saya, saya gerun. Tahu hendak belasah sahaja. Maaf ya. Saya ingin meminta rakan-rakan dalam pakatan pembangkang janganlah takut dalam pelaksanaan GST. Saya yakin ketakutan pembangkang terhadap GST yang kadangkala bagaikan hantu yang memburu mereka di siang hari.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** [Bangun]

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Bukanlah kerana GST itu tidak baik kepada negara, sebaliknya saya yakin pembangkang bimbang pelaksanaan GST akan mengukuhkan lagi kedudukan kerajaan yang diterajui oleh Barisan Nasional.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Minta penjelasan.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Saya bagi Yang Berhormat Pokok Sena, boleh? Eh tidak. Bukan itu Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukup masa Yang Berhormat Tanah Merah, cukup masa.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Okey, sedikit lagi. Saya hendak tutup dah. Ini memang hendak tutup.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sedikit sahaja. Yang Berhormat tengok atau tidak Laporan Audit hari ini. Laporan Audit...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pokok Sena. Kita hendak beri peluang Yang Berhormat Marang.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Okey, audit kita cerita kemudian. Saya hendak habiskan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Lagi banyak dapat, lagi banyaklah tiris.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Tuan Yang di-Pertua sudah beri *warning* pada saya Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Lagi banyak dapat, lagi banyaklah tiris. Ini masalahnya.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Saya hendak *final*. Beri saya satu minit. Ini memandangkan GST– Yang Berhormat Rozman boleh Tuan Yang di-Pertua? Yang Berhormat Labuan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masa sudah cukup.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya boleh, sedikit.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya lihat tidaklah susah sangat untuk memahami dan untuk kita mendapatkan keyakinan bahawa GST ini adalah baik untuk negara dan seterusnya baik untuk rakyat.

Jadi Yang Berhormat Tanah Merah, saya lihat ahli-ahli yang tidak setuju atau bunyinya tidak setuju pun saya lihat memang mereka pun melihat benda yang sama. Malah ahli-ahli yang *oppose* ini ialah datangnya dari pihak yang sama sahaja. Jadi, saya lihat ia adalah sesuatu yang sengaja tidak dilihat untuk ingin bersama-sama menjayakan sesuatu yang baik untuk negara. Perkara ini saya lihat sebenarnya adalah baik kepada pihak pembangkang untuk strategi *long term* untuk mendapatkan kewibawaan dengan menegur kelemahan kerajaan yang ada dan menyokong apa-apa yang baik yang dibuat oleh kerajaan. Akan tetapi adakah Yang Berhormat Tanah Merah setuju bahawa dengan menyokong GST ini yang memang dilihat baik oleh semua pihak, akan menjejaskan strategi jangka pendek yang mana mereka merasakan objektif utama untuk mengambil alih kerajaan itu akan terjejas sekiranya GST yang baik untuk negara dan yang baik oleh kerajaan ini disokong oleh mereka pada masa ini padahal...

■1220

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Setuju 100% dengan Yang Berhormat Labuan. Ini betul kerana memandangkan...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yalah, Labuan bercakap itu dia tak kena GST. Orang tak kena GST, serupa Langkawilah. Betul tak?

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Ini memandangkan GST bukan sahaja akan mampu mengukuhkan ekonomi negara tetapi juga akan meningkatkan taraf hidup rakyat apabila ia dilaksanakan. Inilah sebenarnya perkara setuju dengan Yang Berhormat Labuan yang ditakuti pembangkang kerana apabila ekonomi negara kukuh dan rakyat gembira, apa yang dilakukan oleh kerajaan maka itu bagaikan petaka politik kepada mereka. Ini kerana pembangkang tidak ada lagi modal untuk memburuk-burukkan kerajaan dan sekali gus menghalang niat songsang mereka untuk meraih sokongan rakyat dalam pilihan raya umum ke-13 nanti, *insya-Allah*. Jika pakatan pembangkang begitu yakin GST...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Pengerusi, GST atau bankrupsi.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Belum sesuai dilaksanakan pada tahun depan...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Suruh rakyat pilih antara GST atau bankrupsi.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Okey.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Maknanya, pentadbiran negara kita teruk. Tanpa GST, bankrap.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Jika pakatan pembangkang begitu yakin GST belum sesuai dilaksanakan pada tahun depan dan boleh menyusahkan rakyat, berpeganglah keyakinan itu tetapi jangan menghasut rakyat untuk menentang GST. Sebaiknya biarlah rakyat menilai sendiri apabila GST dilaksanakan sama ada ia baik kepada rakyat atau tidak, biarlah rakyat menentukan. Sudah tentulah jika benar GST tidak baik, rakyat boleh menghukum Kerajaan Barisan Nasional dalam PRU Ke-14.

Bagaimanapun, saya berkeyakinan penuh, impian pembangkang untuk melihat Kerajaan Barisan Nasional tumbang dalam pilihan raya umum akan datang akan menjadi mimpi indah yang tidak mungkin menjadi realiti. *[Ketawa]*

Sebaliknya, apabila GST dilaksanakan, sokongan kepada barisan nasional bukan sahaja akan bertambah kukuh malah akan semakin meningkat khususnya di dalam Dewan yang mulia ini. Kalau hari ini sampai sini, sampai sini, sekejap lagi mungkin sampai sana. *Insya-Allah*. *[Ketawa]* Okey, situasi tersebut akan berlaku apabila kerana apabila GST dilaksanakan, rakyat akan sedar betapa bijaknya Kerajaan Barisan Nasional mentadbir

negara dan sekali gus menolak segala tohmahan dan dakyah pembangkang terhadap pelaksanaan cukai ini.

Akhir sekali dan saya juga percaya dalam pilihan raya umum yang akan datang, rakyat juga akan menolak pembangkang kerana mereka menerima hakikatnya dulu, kini dan selamanya, pembangkang hanyalah saudagar mimpi, pedagang janji dan penjual ilusi. *[Dewan riu]* Meminjam kata-kata hikmat Yang Berhormat Kuala Langat, dahsyatt! Sekian Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Marang.

## 12.22 tgh.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** *Assalamualaikum warrahmatullaahi wabarakaatuh. [Bercakap dalam bahasa Arab]*

Tuan Pengerusi, dalam menyertai perbahasan Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), saya ingin menyentuh perkara-perkara dasar sahaja. Dalam masa yang terhad dan mengharapkan pihak kerajaan lebih mendengar hujah dan kenyataan yang berpijak untuk melakukan muhasabah sama ada cadangan ini diteruskan atau dikaji semula dan dibatalkan.

Sebagai mukadimah atau pendahuluan, saya ingin membaca petikan ayat al-Quran menjadi petunjuk dalam perkara percukaian. Firman Allah SWT dalam surah Al-Kahfi ayat 92 – 94, *[Membaca potongan ayat al-Quran]*, yang bermaksud; kemudian Raja Zulkarnain yang dikisahkan oleh al-Quran, pemimpin yang adil membela kaum yang membela di seluruh pelosok dunia. Meneruskan perjalanan dengan sebab dan kebolehan yang diizinkan oleh Allah kepadanya sehingga dia sampai ke negeri yang terletak di antara dua pergunungan.

Di sebaliknya, ada satu kaum, bangsa yang hampir dia tidak mengerti percakapannya. Lalu kaum itu berkata, *“Wahai Raja Zulkarnain, sesungguhnya kami menghadapi satu kaum yang sangat kejam dan zalim menceroboh kami. Adakah mahu diterima kami membayar cukai supaya dengan cukai itu kamu dapat membina kota yang menghalang pencerobohnya.”* Lalu Zulkarnain menjawab, *“Tidak perlu. Apa yang Tuhan kurniakan kepada ku sudah cukup. Bantukan sahaja dengan tenaga. Kami dapat bina benteng pertahanan yang menjaga kamu.”* Menunjukkan bahawa di sana ada cara memimpin kerajaan yang kukuh walaupun pada zaman purba. Pemerintah yang luas wilayahnya beratus-ratus kali ganda daripada negara kita, timur dan barat sehinggalah tidak memerlukan cukai dan menolak tadbiran cukai daripada kaum yang lemah. Tidak mengambil kesempatan, menunjukkan jauh sekali untuk memaksa kaum yang lemah itu.

Mengendalikan urusan negara termasuk dalam kewangan negara, Islam memperkenalkan dua cara. Yang pertama, pendekatan hidayah, petunjuk dan kedua, pendekatan Jibayah, cukai. Pendekatan hidayah, petunjuk ialah mengikut petunjuk yang betul. Boleh memanfaatkan hasil yang sedia ada tanpa mengadakan cukai atau menambahkan cukai. Adapun mengadakan cukai adalah dalam keadaan darurat. Mengenakan cukai adalah kewangan dalam keadaan darurat. Adakah negara kita di dalam keadaan darurat sehingga memerlukan kepada GST, percukaian yang sentiasa dilakukan dari semasa ke semasa. Saya berpendapat, menggunakan kaedah percukaian ini adalah nasihat yang salah.

Saya bimbang ini nasihat daripada Qarun luar negara, IMF, Tabung Kewangan Antarabangsa, Bank Dunia. Penyangak-penyangak kewangan termasuk yang ada dalam negara kita ini, penyangak-penyangak kewangan yang mahu mengelakkan diri mereka menunaikan amanah dan tanggungjawab untuk menimpa dan mengenakan rakyat. Soalnya, apakah pengurusan terhadap hasil bukan cukai seperti Petronas dan lain-lain diurus dengan betul bagi pertambahan hasil negara? Apakah cukai daripada mereka yang layak sepatutnya membayar cukai, selama ini diurus dengan baik sehingga membanyakkan hasil negara. Ini perlu dilihat dan dilihat petunjuk-petunjuk yang betul untuk mengendalikan semua yang telah ada.

Yang kedua, sejauh manakah kita mengubati penyakit? Penyakit membazir, boros, bocor, hutang, rasuah, tak mampu berjimat. Penyakit ini terus ada.

■1230

Membazir masih berleluasa projek-projek mewah. Projek-projek sekadar hendak tunjuk *act*, hendak berhibur, projek-projek yang tidak penting, boros dapat dilihat. Banyak projek yang terpaksa ditambah...

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Minta laluan.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada dua yang bangun Yang Berhormat.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** ...Ditambah peruntukan...

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Laluan.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** Tidak cukup masa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak beri laluan.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Minta laluan. Sekejap sahaja.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** Tidak cukup masa.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sekejap sahaja, seminit sahaja.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Laluan, laluan.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** Yang Berhormat, saya tidak bagi laluan.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Ada yang mengelirukan itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, tidak dibenarkan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tidak akan presiden pun tidak berani? Bagilah laluan.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** Siapa bagi projek-projek yang sepatutnya RM10 juta jadi RM20 juta.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Minta laluan, nampak makin mengelirukan. Minta laluan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Mengelirukan Dewan.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** RM100 juta jadi RM200 juta.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Marang sekejap, sekejap.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** Saya tidak bagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sekejap. Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Kita tengok Peraturan 37(2) kalau yang berucap tidak bagi laluan, tidak mengalah, tidak bagi laluan jadi kita akur terhadap peraturan mesyuarat. Sila Yang Berhormat Marang.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Marang tidak berani.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** Sering kali kita menyediakan masa perbekalan tambahan. Kadang-kadang tambahan itu dibuat kerana boros bukan kerana sebenar. Berlakunya bocor, berlakunya hutang yang dibejati dengan riba yang makin hari makin meningkat dan inilah yang merudumkan ekonomi kuasa besar dunia Amerika, negara Eropah. Kita menjadi pegang kuasa Pak Pandir. Bukan orang buat GST kita orang lain buat juga. Kita ikut orang lain. Kita jangan pegang falsafah Pak Pandir. Rasuah tidak mampu berjimat. Berjimat tidak mampu. Kalau mampu berjimat tinggal membazir, tidak ada boros, tidak ada bocor, hutang diatasi, rasuah diatasi maka tidak perlu GST. GST diadakan untuk menampung defisit. Sering kali berlaku defisit.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pasir Salak itu tempat dia di sini bukan dia bising di sana. Dia pergi duduk di tempat orang, dia pergi bising di sana. Tempat dia di situ.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** Seheinggakan semua menjadi adat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Permintaan sekali lagi Yang Berhormat Marang.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** Tiap-tiap kali kita bentang bajet defisit.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Marang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak bagi, tidak bagi laluan.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sekali lagi, sekejap sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bagan serai, Yang Berhormat Marang tidak bagi.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** GST dibuat untuk menampung defisit. Saya hendak tanya adakah buat bajet setelah melihat hasil ataupun kita buat bajet tanpa peduli hasil? Tahu buat bajet sahaja tanpa kita imbangkan hasil negara kita. Islam mengajar supaya kita bersifat *wasyatiah*. *Wasyatiah* dijadikan slogan. Yang bersifat kesederhanaan. Firman Allah Taala [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Di antara sifat hamba-hamba yang dipuji Tuhan mengurniakan rahmat ialah yang apabila mereka berbelanja mereka tidak boros dan tidak bakhil. Di antara tidak boros dan tidak bakhil berada di tengah-tengah itu. Firman Tuhan [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*].

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Minta penjelasan. Penjelasan Yang Berhormat Marang, penjelasan

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** Jangan...

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Penjelasan sedikit sahaja.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** Saya tidak bagi. Jangan kamu jadikan...

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Sedikit sahaja. Mana boleh tidak jelas. Saya tidak jelas. Saya tidak jelas, saya mohon pencerahan.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** ...jangan terkongkong.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Saya mohon pencerahan, penjelasan.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** Kalau bagi masa saya dua jam, satu jam saya boleh bagilah.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Tolonglah, jawablah. Saya hendak penjelasan satu perkataan sahaja. Sedikit sahaja hendak tanya penjelasan. Satu perkataan sahaja.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** Jangan jadikan terbelenggu...

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Yang Berhormat Marang, *please*. Satu perkataan sahaja saya hendak tanya.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** Jangan terbuka...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak bagi, Yang Berhormat Tasek Gelugor tidak bagi, tidak bagi. Sila duduk.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Penjelasan satu perkataan sahaja. Saya hendak minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tasek Gelugor, Yang Berhormat duduk. Yang Berhormat yang lain, kalau Yang

Berhormat tidak bagi laluan kita diam dan kita ada masa untuk kita berbahas selepas itu. Sila.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Tasek Gelugor sengaja tidak faham. Apa ini?

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** *Wasyatih* dengan makna tidak boros, tidak bocor dan tidak bakhil. GST adalah satu konsep yang salah kerana konsep GST tidak ada *threshold* dalam konsep percukaian yang disebut dalam Islam nisab, masa, jumlah dan jenis barangan dengan cara yang terhad. Dalam Islam ada konsep nisab dalam zakat di mana ahli-ahli kewangan barat yang jadi guru kepada ahli-ahli ekonomi banyak termasuk negara kita ini belajar daripada konsep nisab yang ada dalam Islam. Hanya mereka yang sampai nisab sahaja yang kena zakat dengan makna mereka yang sampai ke tahap dianggap sebagai kemampuan, kaya. Kalau kambing 40 ekor baru kena zakat. Kalau 20 tidak kena zakat. Ada had dia. Bahkan dalam konsep percukaian Sayidina Umar bin Khatab r.a sebagai satu contoh...

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Minta penjelasan. Yang Berhormat Marang, *please* Yang Berhormat Marang. Yang Berhormat Marang saya bangun minta penjelasan ini.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** Yang telah mengenakan cukai kepada orang-orang yang bukan Islam...

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua, tolong Tuan Yang di-Pertua. Saya lima kali sudah minta penjelasan.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** ..Dikenakan cukai.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Macam mana ini ustaz.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, jangan ganggu Yang Berhormat. Lepas ini kita ada peluang. Sila.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** Cukai boleh dihapuskan pada orang bukan Islam. Ini konsep adil yang ditunjukkan oleh Islam. Bahkan dalam cukai, Khalifah Umar mengatakan jangan kamu kenakan cukai di luar kemampuan di bawah mereka. Bahkan di sana contohnya cukai keselamatan yang disebut dengan *jiziah*. Apa dia *jiziah*. *Jiziah* ini maknanya *jazar*, balasan menjaga keamanan dan keselamatan. Ada ulama mengatakan *jiziah* dihapuskan kerana pada zaman awal dahulu orang-orang bukan Islam tidak terlibat di dalam menjaga keselamatan, keamanan. Mereka bayar cukai tetapi pada zaman mutakhir bila mereka jadi tentera, jadi polis maka cukai *jiziah* dihapuskan. Ini satu konsep yang Islam perkenalkan. Mengapa satu GST menyebabkan berlakunya inflasi dan kerajaan selama-lamanya lemah menangani masalah inflasi. Bila berlaku inflasi kenaikan harga barangan maka rakyat dimainkan oleh media, dimainkan isu untuk melupai masalah inflasi ini.

GST adalah satu transformasi yang salah membawa kesan yang negatif yang membebankan rakyat dan menggembirakan para kharun, menggembirakan para penyagak yang membebankan rakyat. Kita mesti anggap hasil negara adalah amanah bukan boleh dimain-mainkan, disuka-sukakan. Firman Allah [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] kalau sekiranya Allah mengurniakan rezeki melimpah ruah tanpa batas kepada manusia nescaya manusia itu melampau. Maka Allah kurniakan rezeki mengikut kadar yang ditentukan supaya manusia menggunakan akal, berfikir mengkaji dengan adil dan betul. GST adalah satu nasihat yang salah kepada Perdana Menteri dan kepada jemaah Menteri, inilah Nabi Muhammad menyebut apabila Allahengehendaki pemimpin, pemerintah itu baik maka Allah jadikan penasihat-penasihat yang baik. Sekiranya dalam keadaan baik ditolongnya, dalam keadaan lupa diingatkan, sekiranya dikehendaki pemerintah itu dalam keadaan buruk maka dilantik penasihat-penasihat yang mampu dan merapu. [*Ketawa*] Kalau pemerintah itu lupa dibiarkan.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Lebih baik daripada mengarut.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** Berdekatan untuk menampung sumber sedia ada. Petronas, getah, kelapa sawit, bijih timah, pelaburan asing, pengurusan eksport dan import dan lain-lain. Ini semua yang telah sedia ada. Saya menyedari kerajaan yang ada pada penggal ini menanggung penyakit kerajaan-kerajaan yang lalu.



**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Ya, setuju!

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** Oleh kerana semua ini telah wujud dengan pesat khususnya tahun 60-an, tahun 70-an, pertengahan 70-an. Di situ sehingga dalam tempoh 40 tahun...

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** ...Kerajaan yang ada sepatutnya melakukan post-mortem...

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Kita mahu tahu. Yang teks dia baca itu siapa? Dia baca.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Putatan, duduk.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** Post-mortem terhadap ekonomi negara terhadap salah laku, pembaziran, salah urus dalam masa 40 tahun dilakukan ini, post-mortem dilakukan kerajaan boleh buat pembetulan. Post-mortem pemimpin-pemimpin yang dahulu bukan mengikut langkah yang salah oleh pemimpin-pemimpin yang dahulu.

#### ■1240

GST bukan penyelesaian masalah tetapi menjadi penyakit baru tanpa mengubati penyakit lama. Islam mengajar umatnya, ubatnya manusia bukan duit. Manusia yang mengurus bukan duit. Kalau duit sahaja, manusia yang urus tidak selesai. Maka berterusan penyakit ini, di mana al-Quran menunjukkan tiga pendekatan. Yang pertama kisah Bani Israel. [*Membaca potongan ayat Al-Quran*]; mengatakan [*Membaca potong ayat Al-Quran*] di mana Bani Israel meminta supaya dilantik seorang raja yang duit banyak. Dengan duit banyak boleh memerintah negara. Lalu nabi mereka berkata, yang dilantik ini seorang yang berilmu, yang gagah perkasa, yang ada kebolehan. Kemudian dalam kisah Nabi Yusuf Alaihissalam di mana Tuhan menyebut, Yusuf berkata; [*Membaca potongan ayat Al-Quran*], "*Jadikan aku untuk menjaga khazanah negeri, aku seorang yang tahu, seorang yang amanah untuk mengendalikan urusan ini*". Dalam kiasan Nabi Musa Alaihissalam di mana [*Menyebut dalam bahasa Arab*], seorang yang kuat dan seorang yang amanah.

Ini penting. Kalau ada cukai sahaja, amanahnya hilang, tanggungjawabnya diperkecilkan, tidak boleh menyelesaikan masalah. Saya percaya perkara negatif GST akan membebankan rakyat dengan masalah inflasi.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Minta laluan, mintak laluan. Penjelasan. Belum pernah minta penjelasan lagi ni.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** Saya bagilah. Bagi satu, sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey, sila.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Terima kasih Yang Berhormat Marang. Saya ada beberapa soalan yang saya hendak tanya. Yang terbaru sekali ini Yang Berhormat Marang menyebutkan tentang GST, duit. Kemudian yang kedua tentang integriti. Jadi sebenarnya kedua-dua itu perlu. Kita perlu duit dan kita boleh dapatkan melalui satu kaedah dia, cukai dan semasa zaman Rasulullah pun kaedah untuk mendapatkan pulangan kepada pentadbiran negara, zakat dan jizyah. Jadi sekarang ini kaedah dipermodenkan. Yang cukai dipanggil GST. Jadi apa salahnya GST itu.

Masalah integriti, integriti adalah satu perkara yang sentiasa di mantapkan dari masa ke semasa. Kita tidak kata hendak duit saja, kita tinggalkan integriti dan setiap masa kalau kita tengok terbukti kerajaan melalui segala kaedah-kaedah dibuat untuk memantapkan integriti. SPRM dimantapkan dan segala-galanya dan kita bersikap terbuka. Siapa yang tidak integriti tetap dikenakan hukuman. Jadi dalam hal ini kita tidak boleh pisahkan. Tidak boleh mengatakan bahawa kerajaan sekarang mengabaikan integriti dan hanya tengok dari aspek hendak peroleh kewangan saja. Itu tidak betul. Jadi jangan *mislead* kan rakyat daripada pandangan yang begitu.

Yang kedua saya hendak tanya tadi Yang Berhormat Marang ada menyebutkan tentang kerajaan boros, rasuah dan sebagainya. Tolong beri satu bukti dan indikator, apa yang dikatakan boros. Projek-projek apa yang dikatakan boros dan berapa kadar yang dikatakan boros. *[Dewan riuh]* Jadi jangan menyebut semata-mata hendak bagi sedap mulut, hendak bagi orang kata ini yang - jadi sekarang ini Yang Berhormat Marang jangan sebut benda itu kepada umum. Kalau benda itu melibatkan pertikaian kepada integriti kerajaan, sila buktikan dan tunjukkan indikator dia. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** Saya rasa Yang Berhormat tidak baca Laporan Audit Negara. Mesti baca Laporan Audit Negara tiap-tiap tahun dan kami bukan Melayu yang mudah lupa. Kami tidak lupa dengan isu MIF, isu PERWAJA, KWSP, Tabung Haji, Kapal Terbang Skyhawk, kapal selam dan lain-lain lagi. Tidak ada apa-apa tindakan, tindakannya terhadap ikan-ikan bilis yang kecil, yang besar tidak ada tindakan. Yang kena tindakan ialah pegawai-pegawai kerajaan. Orang-orang politik tidak ada tindakan. *[Dewan riuh]* Menteri tidak ada tindakan. Yang kenanya pegawai-pegawai. Pegawai yang kena.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Saya hendak tanya Yang Berhormat Marang.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** Ini, mana integriti. Oleh kerana itulah Tuan Yang di-Pertua, kita melihat...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Marang.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** Saya terpaksa baca sejarah Islam. Mengapa Tuhan pilih Nabi Muhammad di bumi Mekah yang kering kontang, tidak pilih daripada Saba yang subur. Dipilih Mekah daripada yang kering kontang, tidak ada hasil. Puncanya integriti, pembangunan manusia terdahulu. Kita gagal pembangunan manusia. Bukan saja jenayah-jenayah kecil di bawah, jenayah besar. Berbagai lagi jenayah boleh berlaku melarat ke peringkat antarabangsa. Ini yang kita hadapi. Bukan masalah wang. Wang makin hari makin banyak. Masalah harga getah sebagai contoh. Mengapa boleh jadi harga getah tidak naik padahal tayar makin banyak, kereta makin banyak, kasut makin banyak, bahan getah makin banyak, harga getah turun, mengapa?

Ini kerana adanya penyangak-penyangak. Bukan masalah kewangan. *[Dewan riuh]* Masalah penyangak-penyangak. Saya rasa cukuplah Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. *Wassalamualaikum.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih banyak. Yang Berhormat Pokok Sena, cukuplah. Yang Berhormat Setiawangsa.

**12.46 tgh.**

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman GST ini telah mula diperkatakan pada tahun 1992 lagi. Ini bermakna setelah 23 tahun kerajaan telah bersedia untuk mengadakan GST ini bagi menggantikan SST yang telah mula diperkenalkan di negara kita semenjak tahun 1972. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, dengan izin Yang Berhormat Permatang Pauh pada Oktober tahun lepas berkata dengan izin; "*In principle, he never disagreed with GST and even saying GST is more efficient and transparent*". Itu yang dikatakan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh pada bulan Oktober 2013. Pada November 2013 dengan izin...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Eh, ambillah semua, jangan ambil separuh.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Nanti, nanti kejap lagi, kejap lagi.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Apa ini ambil separuh-separuh.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Kejap lagi saya *habaq*.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ini mengelirukan Dewan Tuan Yang di-Pertua. Kalau hendak ambil, ambil penuh. Jangan ambil separuh.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Saya setuju. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Shah Alam. Sekali lagi pada bulan November 2013, Yang Berhormat Permatang Pauh; "*reiterated that his position on the GST had long been for it's imposition....*"; seperti yang Yang Berhormat Shah Alam cakap tadi, tidak cakap habis. Pengurangan defisit, kenaikan taraf kehidupan rakyat dan sebagainya. Walau bagaimanapun saya hendak bagi tahu di dalam Dewan ini, GST *per se* bukanlah benda yang buruk seperti mahu dilaung-laungkan oleh pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, saya cukup yakin bahawa pegawai kerajaan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung untuk menyediakan GST ini telah meletakkan diri mereka sendiri sebagai pengguna, yang mana akhirnya sekiranya GST ini dilancarkan, ini bukan sahaja tidak membebaskan mereka sebagai pengguna tetapi rakyat Malaysia sebagai keseluruhannya. Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap kali GST ini dibentangkan dalam Dewan ini, pembangkang akan membawa satu dua negara untuk dijadikan justifikasi kenapa kerajaan harus membatalkan hasrat untuk melaksanakan GST. Negara yang telah dimaklumkan di Dewan ini adalah Australia dan Kanada. Walau bagaimanapun izinkan saya cakap sebentar lagi mengenai Australia dan Kanada ini. Pembangkang di negara tersebut yang bertanding di atas anti GST telah berjaya mengelirukan rakyat semata-mata untuk berkuasa tetapi telah tidak melaksanakan janji mereka untuk menghapuskan GST sebaik saja berkuasa. Ini adalah pada saya penipuan peringkat tertinggi terhadap rakyat mereka.

Saya hendak katakan sekali lagi di dalam Dewan ini, 160 negara telah masuk dalam sistem GST ini dan tidak satu negara pun keluar. Semasa Yang Berhormat Kinabatangan mencabar sesiapa yang boleh mengatakan negara-negara mana yang telah keluar. Yang Berhormat Pandan telah bangun mengatakan Hong Kong. Tapi untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Hong Kong tidak pernah melaksanakan GST langsung kerana apa yang dibuat di Hong Kong ialah hanya proses konsultasi yang dijalankan pada 19 Julai 2006 dan akhirnya memberhentikan proses konsultasi itu pada 5 Disember 2006 tanpa melaksanakan GST di Hong Kong.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Setiawangsa. Bagi sedikit Yang Berhormat Setiawangsa.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Sekejap saja. Saya akan bagi, saya akan bagi.

#### ■1250

Kedua, Hong Kong bukanlah negara tetapi Hong Kong adalah SAR iaitu *special administrative region*. Hong Kong telah diberi balik kedaulatannya kepada negara China pada tahun 1997 setelah 99 tahun di bawah Kerajaan British. Itu untuk makluman.

China sendiri sekarang telah melaksanakan GST pada tahun 1994, di mana kadar yang dikenakan sekarang ialah pada tahap 17% di mana negara kita akan hanya mengenakan 6% pada tahun depan. Saya hendak ambil contoh Kanada seperti yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara pada hari Khamis yang lepas.

Yang Berhormat Petaling Jaya Utara memberitahu informasi yang sekerat, tidak habis, yang pada saya mengelirukan Dewan ini. Memang benar, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara mengatakan Parti Progresif Konservatif pimpinan Martin Brian Mulroney telah tumbang apabila mereka mengenakan GST itu. Akan tetapi Yang Berhormat Petaling Jaya Utara gagal memberitahu Dewan ini- memang benar, Parti Progresif Konservatif bertanggungjawab memperkenalkan GST tersebut pada tahun 1991. Pada tahun 1993, Parti Liberal yang bertanding atas platform anti GST telah menang pilihan raya tersebut. Itu benar.

Akan tetapi, saya ingin tegaskan di Dewan ini, GST berdiri atas kaki sendiri atau GST *per se* bukanlah sebab utama yang menjatuhkan kerajaan Parti Progresif Konservatif tetapi kombinasi beberapa sebab seperti ekonomi Kanada semasa itu merudum, pertelingkahan di dalam pakatan politik dengan izin, *political coalition* dan juga masalah *separatism* dekat Quebec yang menyebabkan rakyat tolak Parti Progresif Konservatif dan bukan hanya sebab pelaksanaan GST.

Akan tetapi perlu ingat di sini, Parti Liberal yang menang atas platform anti-GST itu yang berkeinginan untuk menghapuskan GST telah memungkirkan janji apabila gagal untuk memansuhkan GST apabila mereka menang. Ini menyebabkan...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Setiawangsa, sedikit.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Sekejap. Ini menyebabkan dua Ahli Parlimen daripada parti mereka sendiri iaitu Sheila Copps dan John Nunziata meletak jawatan di atas sebab kemungkiran janji itu. Sila.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Setiawangsa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Saya mendengar dari tadi, memang pembangkang ini mereka melihat dari kaca mata yang salah. Saya nasihatkan pembangkang ini tukar kaca matanya supaya mereka dapat lihat perkara yang betul.

Yang Berhormat Setiawangsa, setuju tak saya beritahu kalau 160 negara telah mengamalkan GST, kalaulah ada satu dua pun yang tidak menjadi, itu bukan menjadi satu faktor yang mana kita tidak dapat mengamalkan GST. Sepertimana kita lihat, kalau kita memandu kereta ada satu atau dua orang yang *accident*, adakah ini jadi satu faktor supaya kita tidak memandu? Setuju tidak dengan saya, Yang Berhormat Setiawangsa?

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Saya cukup setuju dengan Yang Berhormat Bagan Serai.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Setiawangsa...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** [Bangun]

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Yang Berhormat Shah Alam, saya akan bagi selepas bawa satu lagi. Bagi saya Australia. Saya hendak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kota Tinggi duduk dahulu.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Memang benar Parti Liberal menang atas platform anti-GST. Akan tetapi, mereka gagal untuk menghapuskan GST sebaik sahaja mereka menang. Ini bermakna mereka hanya ingin bermain dengan sentimen rakyat tetapi setelah menang gagal melakukan seperti apa yang dijanjikan. Saya takut-takut parti pembangkang juga memainkan sentimen yang sama iaitu anti-GST tetapi akan melaksanakan GST setelah menjadi kerajaan.

Kedua tentang Australia ini. Australia telah dirujuk oleh Yang Berhormat Pandan. Memang benar Parti Liberal Nasional pimpinan John Hewson kalah kempen di atas platform pro GST, pada pilihan raya tahun 1993 pada apa Yang Berhormat Pandan cakap, *unloseable election*. Memang betul pada tahun itu memang tidak mungkin Parti Liberal Nasional pimpinan John Hewson kalah tetapi disebabkan GST itu, parti itu kalah kepada Parti *Labour* pimpinan Paul Keating. Itu benar tetapi itu bukan keseluruhan cerita.

Pada pilihan raya tahun 1996, Parti Liberal Nasional ini telah diambil alih oleh John Howard. John Howard ini adalah pemimpin parti yang bersetuju tentang GST semasa pilihan raya 1993. Tetapi kerana hendak menang, Parti Liberal ini telah tukar warnanya, telah tukar *stand* dia terhadap GST. Pada pilihan raya tahun 1996 kata John Howard dengan izin, "*No, there is no way that a GST will ever be part of our policy. Journalist* bertanya dia, "*Never ever?*". Inilah jawapan John Howard, "*Never ever. It is dead. It was killed by the voters in the last election*". Bermakna dia bersetuju pada tahun 1993 dimana parti dia kalah dan untuk menang pilihan raya tahun 1996 dia tolak GST dan menang.

Pada tahun 1998, John Howard telah menukar sekali lagi daripada anti-GST kepada menyokong GST. Apakah ini menunjukkan? Ini menunjukkan setelah rakyat menyokong dia, dia tinggalkan rakyat dan sokong pula GST itu. [Disampuk] Sekejap sahaja. Pada pilihan raya tahun 1998 John Howard menyokong balik pelaksanaan GST. Pada pilihan raya tahun 2001 dan tahun 2004, John Howard masih menang. Apa John Howard cakap apabila menang selepas pilihan raya 1998? "*This is what he has to say*". John Howard merujuk keputusan pilihan raya tersebut dengan izin, "*Mandate for GST*". Pada

bulan Julai 2000, Australia dengan rasminya melaksanakan GST. Tujuh tahun setelah melaksanakan GST, John Howard kalah.

Akan tetapi Yang Berhormat Sungai Siput, pada tahun 2007 John Howard kalah tetapi bukan pasal GST ini tetapi dia kalah atas sebab *industrial and aboriginal relations* tidak diselesaikan, *Iraq's War* yang tidak popular di kalangan rakyat Australia kerana rakyat Australia tidak bersetuju tentang Australia bersama dengan Amerika untuk memerangi Iraq dan lain-lain lagi. GST bukan sebab utama kerajaan John Howard jatuh.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** [Bangun]

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Sekejap sahaja, saya ada lagi tiga minit sahaja.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Setiawangsa, pendek sahaja.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Ini hanya menunjukkan bahawa GST itu bukan sahaja elok untuk negara tetapi rakyat keseluruhannya akan tetapi ia telah dimanipulasikan oleh pihak-pihak tertentu untuk kepentingan politik sempit mereka. Sila Yang Berhormat Kota Tinggi.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *Gentleman*lah sedikit Yang Berhormat Setiawangsa.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Okey, saya bagi ini. Selepas itu bagi kepada Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Dan Yang Berhormat Sungai Siput.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak menyokong pandangan tadi mengenai Australia. Apabila bercakap Australia semua *chorus*, Yang Berhormat Shah Alam *chorus*, semua *chorus* kata betul. Akan tetapi sebenarnya, apa yang berlaku pada tahun 1998, *John Howard survive because of GST*, dengan izin. Ini ada dalam artikel *Crikey Communication Australia, "The Great Myths in Australian Politics."* Mitos yang hebat di Australia mengatakan GST menyebabkan Howard hampir kalah tetapi hakikatnya, *the GST didn't nearly cost John Howard in election- is the only reason he stayed the office after 1998.*

Sebenarnya ketika itu isu yang besar ialah *Pauline Hanson- very racial against Asian entrepreneur*, dan juga lima Menteri John Howard *indicted for corruption. That was a reasons* dan GST menyelamatkan. Selepas itu mereka terus pakai sampai tahun 2007. Tahun 2007 dia kalah sebab lain. Jadi saya menyokong pandangan Yang Berhormat Setiawangsa. Terima kasih.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi. Perdana Menteri selepas John Howard iaitu Kevin Rudd, Julia Gillard dan akhirnya sekarang Tony Abbott tidak seorang pun berani kacau ataupun mengganggu GST.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kita sampai pukul satu sahaja ya.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Yang Berhormat Setiawangsa. Saya tidak fahamlah. *You* katakan di Australia John Howard boleh tipu rakyat dia. So di sini, okey, sekarang kita tipu rakyat kita. Adakah itu *argument* kita?...

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya pun lebih kurang terkejut apabila disebut bahawa di Australia pihak pembangkang telah menipu rakyat. Mungkin Yang Berhormat Setiawangsa ingat suasana dekat Australia itu macam Malaysia yang mana media perdana semua dikuasai oleh kerajaan, tidak ada debat yang terbuka... [Dewan riuh] Ini hakikatnya. Kalau kita hendak rakyat buat pilihan atas isu GST, kita bersedia. Biar cakap terus terang, panggil debat, semua pihak yang sokong, yang tidak menyokong keluar RTM, keluar TV3, tetapi itu yang dibuat di Australia. Ini yang tidak sanggup dibuat oleh Barisan Nasional. Buat iklan besar-besar kata GST tidak akan buat inilah, GST menggantikan sistem percukaian yang lebih adil. Biarlah semua hujah didengari oleh rakyat.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Yang Berhormat Shah Alam...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kalau tidak, maknanya Barisan Nasional yang menipu rakyat. Kerana apa? Kerana hanya memberi satu pihak bercakap dan tidak memberi ruang kepada pihak yang lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Inilah apa yang dikatakan menipu rakyat... *[Dewan riuh]* Eh! Yang Berhormat Pasir Salak sudah letak jawatan ya? Sudah kena pecatkah, Yang Berhormat Pasir Salak? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Ya Yang Berhormat Setiawangsa, sudah pukul 1.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Sudah pukul 1?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Hendak sambung?

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Bagi dua minit, saya selesai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya tidak ada kuasa hendak sambung. Hendak sudahkan?

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Sambung lima minit selepas ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sambung 2.30 petang. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita tangguhkan Mesyuarat sehingga jam 2.30 petang.

**[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 tengah hari.]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Setiawangsa menyambung untuk lima minit lagi Yang Berhormat.

**2.32 ptg.**

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah diminta untuk menyatakan maksud 'ditipu' sebentar sebelum kita rehat tadi. Ya, saya akui bahawa perkataan-perkataan itu saya ucapkan tetapi kerana ini, kerana di Australia memang benar semasa parti yang didukung oleh John Howard dalam tahun 1996 sebelum pilihan raya telah mengatakan bahawa "GST is dead". Akan tetapi GST telah disokong sebaik sahaja beliau menjadi Perdana Menteri pada pilihan raya tahun 1998. Ini bermakna rakyat telah diperdayakan, rakyat telah keliru akhirnya tertipu.

Begitu juga di Kanada, saya berkata benar. Parti yang didukung oleh Jean Chrétien pada tahun 1993 dengan platform anti-GST tetapi sebaik sahaja menang dan memerintah tidak pun melupakan GST yang dijanjikan pada pilihan raya. Sekali lagi rakyat terkeliru, terpedaya dan tertipu. Atas asas itulah saya mengatakan bahawa keinginan pembangkang untuk menolak GST di negara ini bukan mempunyai asas yang kukuh tetapi berkeinginan untuk mengelirukan rakyat. Dengan itu, saya menyokong Rang Undang-undang GST. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kelana Jaya.

### 2.34 ptg.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang ini untuk membahaskan dasar Rang Undang-undang GST. Masa untuk pelaksanaan GST kian menjelang khususnya implementasi adalah pada *April Fool* tahun depan dan sekitar Kuala Lumpur, terdapat papan-papan iklan dengan slogan, “*GST Cukai yang Terbaik*”.

Tuan Yang di-Pertua, saya faham dari segi dasar bahawa GST adalah dengan izin, satu *consumption tax* yang boleh memperluaskan tapak cukai. Akan tetapi seperti yang dibahaskan oleh Yang Berhormat Pandan minggu lalu, terdapat banyak lagi cukai-cukai alternatif yang boleh dipakai seperti *capital gains tax*, *corporate windfall tax* untuk IPP dan tol, ‘*mansion*’ *tax* ataupun *tax* untuk golongan maha kaya. Sudah nyata negara tidak boleh bergantung terhadap hasil cukai pendapatan individu dan korporat dan juga hasil Petronas sahaja untuk menjana hasil kerajaan. Tiap-tiap tahun 40% hingga 45% jumlah hasil kerajaan berpunca daripada cukai pendapatan korporat dan individu dan 40% ke 45% lagi berpunca daripada hasil dan dividen Petronas.

Di bawah pimpinan Barisan Nasional, Petronas iaitu Khazanah terpenting di negara kita, ditekan dan ditindas dengan izin, *financial oppresion*. Tuan Yang di-Pertua, maknanya, dengan izin, *tax base* adalah terlalu kecil, *too narrow* dan ini sudah sampai ke tahap yang kritikal. Keadaan ini adalah sangat membimbangkan kerana sekiranya terdapat kemelesetan ekonomi berlaku, maka hasil kerajaan akan terjejas dengan pengurangan pendapatan individu dan daripada sektor syarikat. Kalau individu dan syarikat susah dan rugi, pendapatan cukai juga turut merosot. Sekiranya harga minyak dan gas turun, maka hasil Petronas juga akan menimbulkan satu *fiscal crisis* yang sangat ketara.

Tuan Yang di-Pertua, penurunan harga minyak dan gas sedunia akan berlaku. Soalannya adalah bila? Dengan izin, *the price of oil will inevitably fall, the question is just, when?* Dengan adanya teknologi *fracking* di Amerika Syarikat, harga minyak di Amerika Syarikat sekarang sudah mula dijual di bawah harga pasaran dunia dengan diskaun sebanyak USD10 kepada USD20 *per barrel*. Apakah akan berlaku kepada situasi fiskal kita jika harga pasaran minyak dunia menurun kepada USD50 atau kepada USD70 satu tong? Keadaan risiko fiskal ini adalah disebabkan oleh pentadbiran rakan kita daripada Barisan Nasional yang kurang prihatin dengan dasar cukai negara, asyik mengejar *mega projects*, boros meminjam wang dan pada masa yang sama membenarkan ketirisan rasuah dan penyelewengan berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, jadi soalan yang perlu dibahaskan, dijawab di Dewan yang mulia ini adalah ini, adakah GST satu *solution* kepada krisis fiskal ini? Adakah GST seperti yang Barisan Nasional iklankan, adalah cukai yang terbaik? Jawapan ringkasnya adalah tidak. Cukai GST bukan terbaik dan Dewan yang mulia ini patut menolaknya. Saya menolaknya dari segi kesesuaian masa, dengan izin, *timing* untuk GST ini tidak ngam. Ini merupakan tema perbahasan saya, *timing* tidak ngam dan *preconditions* untuk GST tidak ada lagi [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, cukai GST tidak boleh dilakukan untuk menambah beban cukai kepada rakyat dan syarikat. Dengan izin, *GST cannot be used to increase the tax burden to the public and the companies*. Kalau GST dilaksanakan, ia patut dilakukan dengan prinsip asas *zero gain set off* di antara GST dan penurunan *income tax* untuk rakyat dan syarikat. Akan tetapi sehingga kini, Kerajaan Barisan Nasional tidak menunjukkan apa-apa data terperinci sama ada penurunan cukai pendapatan dan GST akan menimbulkan satu situasi *zero gain set off*. Saya minta kerajaan memberi data dan statistik penuh tentang penurunan kadar pendapatan individu dan syarikat dan sama ada GST akan mengamalkan prinsip *zero gain set off*. Di antara data-data yang saya minta secara khas, kerajaan memberikan data berapakah jumlah pembayar cukai mengikut *tax bracket*? Apakah impak penurunan dari segi *tax savings* bagi setiap *tax bracket*?

Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita tahu, apa yang kerajaan tidak beritahu, apa yang kita tahu ialah dari *report* penganalisis bank-bank seperti CIMB dan Maybank adalah GST akan menambah hasil cukai *consumption* kepada Barisan Nasional. Pada masa sekarang, hasil kutipan *sales and services tax* ataupun SST adalah lebih kurang RM17 bilion. Saya difahamkan dengan GST, sasaran bagi tahun 2015, Kerajaan Barisan Nasional akan meningkatkan kutipan cukai *consumption* ke RM20 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *on the surface* nampaknya peningkatan RM3 bilion tambahan cukai pada tahun 2015 tidak banyak. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, apa yang tidak diberitahu secara terbuka adalah peningkatan RM3 bilion ini adalah berpunca dari tempoh sembilan bulan sahaja dan bukan tempoh penuh setahun.

#### ■1440

Apa yang lebih penting kerajaan akan menggunakan berbilion-bilion hasil ini untuk membayar kos sistem GST pada tahun 2015. Maknanya impak penuh GST kepada rakyat dan juga syarikat hanya akan betul-betul terasa dari tahun 2016 dan tahun 2017 dan tahun-tahun seterusnya. Saya minta kerajaan menjelaskan sama ada GST dari tahun 2016 ke atas, sama ada BN akan menambahkan cukai *consumption* sampai ke tahap RM25 bilion ke RM30 bilion setahun. Dengan izin, *can the Barisan National government confirm that in the coming years whether GST tax will oppress the rakyat up to the sum of RM25 billion to RM30 billion a year?*

Tuan Yang di-Pertua, saya pulang ke isu tentang GST perlu ditolak dari segi ketidaksesuaian masa, *timing* yang 'tidak ngam' dan *preconditions* GST yang ada lagi. Apakah *preconditions* yang perlu berlaku sebelum GST boleh dipertimbangkan? Sebelum GST dilaksanakan, pembahagian hasil kerajaan dari cukai pendapatan individu dan korporat patut mencapai tahap 60% ke atas. Hasil Petronas pula turun ke tahap 20%. Hanya dengan pencapaian formula ini, 60%, 20%, barulah GST boleh dipertimbangkan. Ini kerana dengan *ideal tax base* yang seperti yang saya cakapkan itu, barulah kerajaan boleh mengamalkan *zero gain set off income tax* dengan GST. Itu maknanya tidak ada cukai berlebihan daripada GST.

Untuk mencapai *ideal tax base* ini kita perlu merombak semula sistem ekonomi negara kita. Kita perlu dengan izin, *eliminate red tape and reform corporate governance, improve reporting, and accountability like key GLIC's such as 1MDB*. Kita perlu menaikkan gaji dan produktiviti pekerja, membenarkan pekerja mengamalkan *equal partnership trade unions*, inovasi dan *research and development* perlu dipertingkatkan ke tahap 3% KDNK. Kita perlu mengatasi ketirisan penyelewengan dan korupsi. Kita perlu menjaga ekonomi dan meningkatkan GDP pada tahap 7% setahun. Ini semua adalah *preconditions* sebelum GST boleh diamalkan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang jelas *preconditions* ini semua tidak ada lagi. Akan tetapi melalui GST, Kerajaan Barisan Nasional dengan izin, *is taking an easy and lazy way out [Tepuk]* Barisan Nasional mengemukakan GST sebagai satu dengan izin *superficial and temporary stop gap* sahaja tanpa apa-apa komitmen, reformasi kepada asas ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan ekonomi yang tidak tentu dan juga iklim yang melihat keyakinan pelabur terhadap ekonomi kita terus merosot jelas memberi amaran bahawa *timing* GST untuk tahun depan memang 'tidak ngam'. Semua data menunjukkan bahawa sebaik sebelum implementasi GST, dua, tiga bulan sebelum implementasi, *consumer sentiment* akan turun mendadak dan berterusan selama tiga tahun selepas itu. Ini akan menyebabkan *consumer spending* terus menurun dengan izin, *adding more pressure on the already weak 2015 economy*.

Oleh itu cabaran dalam pelaksanaan GST yang sempurna adalah sebenarnya isu yang paling kritikal. Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia kita ada 500,000 syarikat. Kemungkinannya 100,000 hingga ke 200,000 syarikat akan mengamalkan sistem GST. Adakah semua syarikat ini bersedia untuk GST? Adakah sistem kita bersedia untuk proses semua rebat ini? Jadi apa yang kita tahu ialah kalau sistem rebat pada syarikat tidak dapat berfungsi dengan baik, berganda dengan kelembapan ekonomi kini, kita akan lihat *profit margin* syarikat-syarikat, semua syarikat Malaysia adalah tersangat ketat, menjadi sedikit saja.

Pada kadar 6% GST, tanpa sistem rebat yang efisien, kita akan melihat kesan yang amat serius terhadap margin keuntungan syarikat. Kita tahu margin syarikat yang kita guna asas buat analisa ialah daripada syarikat-syarikat pengedar atau pun *distribution companies* dan margin mereka adalah cuma 3% ke 5% saja. Sekiranya *profit margin* pengedar terjejas dengan 6% GST, maka pengedar akan terdesak dan kemudiannya mengakibatkan peningkatan harga semua barang untuk memastikan keuntungan mereka. Maknanya senang, *distribution company* dia sebar semua benda. Punca ekonomi kita bermula daripada *distributor*. Kalau *distributor* punya margin 3% sampai 5% saja, GST 6%,



rebat yang tidak efisien, maknanya semua *distributor* akan naikkan harga barang. Prosesnya melalui satu kitaran akan menggegarkan seluruh ekonomi dan menimbulkan satu kecelakaan mikro ekonomi yang kita kata *hyper-inflation*. Maknanya inflasi yang melebihi 10%.

Tuan Yang di-Pertua dengan izin, *when the GST is implemented when the economy is weak, we will risk hyper-inflation. This is not the time to implement GST and the preconditions for GST has not be made*. GST juga menimbulkan satu persoalan moral. Pada masa subsidi dipotong, harga barang naik, rakyat susah, pekerjaan kurang, gaji rendah, GST adalah satu cukai *consumption* yang akan membebankan golongan termiskin.

Prinsip asas semua cukai sama ada cukai apa pun, ialah memastikan yang kaya bayar lebih daripada yang miskin. Akan tetapi GST tidak mengenakan cukai tanpa mengira kaya atau miskin. Ini kerana ia *consumption tax*, ia tidak kira kaya atau miskin, semua kena. Oleh itu dari segi relatif impak, GST adalah regresif dan akan membebankan yang termiskin. Di sini saya hendak mengucapkan terima kasihlah kepada Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Kinabatangan ada tidak? Tidak? Okey, tidak mengapa.

Kepada Yang Berhormat Kinabatangan, kerana di dalam perbahasannya Yang Berhormat telah memberi ilustrasi sekeluarga yang susah dengan pendapatan satu keluarga sebanyak RM2,000 sebulan. Memang saya terharu apabila saya lihat Yang Berhormat Kinabatangan menonjolkan keprihatinannya terhadap golongan miskin dan susah. Mengikut perkiraan Yang Berhormat itu, dari pendapatan RM2,000 sebulan, keluarga itu akan terkena GST lebih kurang RM120 sebulan. Yang Berhormat Kinabatangan kemudian memberitahu di Dewan yang mulia ini, kerajaan akan bagi RM300 setahun sebagai satu subsidi untuk GST melalui BR1M.

Mengikut Yang Berhormat, ini menunjukkan Kerajaan Barisan Nasional sayang kepada golongan miskin. Malangnya Yang Berhormat Kinabatangan itu salah kira.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Dahsyat.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Beliau terlupa hendak kali 120 sebulan itu dengan 12 bulan dalam setahun. Kalau buat matematik- *correct*, jumlah penuh yang kena kepada keluarga miskin tersebut ialah RM1,440 setahun bukannya RM120. Selepas ditolak RM300 BR1M bayaran subsidi itu, keluarga itu akan dibebankan dengan naik cukai RM1,140 setahun.

**Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]:** Boleh minta penjelasan?

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Boleh. Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat jangan suka putar-putar, sebab Yang Berhormat sedar kah berapa ribu ratus jenis barang keperluan orang miskin yang keperluan harian tidak ada masuk dalam GST. Semua kosong GST... *[Dewan riuh]* Jadi apa yang dia belanja? Cuba beritahu saya apa yang dia belanja? Boleh Yang Berhormat senaraikan keperluan orang miskin yang tidak masuk GST, beritahu saya. Kalau ada yang tidak masuk, itu saya berbohong. Jelaskan mana satu barang keperluan orang miskin yang kena GST.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]:** Saya cabar Yang Berhormat mana satu.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Tidak, tidak. Pertama saya hendak jawab dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kelana Jaya, boleh gulung Yang Berhormat ya.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua ya. Ya Yang Berhormat Sungai Siput, boleh.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Okey saya mahu rujuk Yang Berhormat Kelana Jaya kepada satu- daripada Dato' Sri Ghazali, dia DG pada Kastam. Dia katakan lebih kurang satu pertiga adalah *zero rated*lah untuk satu keluarga di bawah RM2000. Satu pertiga adalah *exempt*, satu pertiga dikenakan GST. Akan tetapi erti "*exempt*" itu bukan artinya tidak ada kesan GST, ini benda-benda yang *exempt* ini tidak ada

*output tax* tapi juga tidak boleh *claim* untuk *input tax*. Jadi ertinya harga barangan akan dinaikkan walaupun ia *exempt*, itu tidak boleh *claim* untuk *input tax*. So, harga itu naik.

■1450

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ya, boleh habiskan Yang Berhormat Kelana Jaya.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** So, ertinya bukan semua yang *exam* itu tak ada kesan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Itu samalah.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Tak ada sama. Ini adalah isu yang penting, *zero* dan *exam* berlainan. Terima kasih.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Siput. Saya memang setuju, memang *exempt* itu bukan maknanya harga barang tak naik, memang betul. *Now* untuk Yang Berhormat Kinabatangan, saya sayang sangat kepada Yang Berhormat Kinabatangan... [*Dewan riu*] Saya tak belit pun nombor dia, dia bagi nombor itu. RM120 semua nombor dia, bukan nombor saya dan tentang beribu-ribu item saya rasa tak sampai satu ribu pun.

**Beberapa Ahli:** Beratus ribu.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Ya? Beratus ribu? Oh, beratus ribu, okey, jadi tak apalah. Ini pesanan saya kepada Yang Berhormat Kinabatangan ya, okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ya, habiskan Yang Berhormat. Yang Berhormat Kelana Jaya, habiskan Yang Berhormat.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Dalam rang undang-undang tak ada pun jadual barang-barang yang dikemukakan, betul tak? Betul? Baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Masa habis, masa habis dah.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan *continue*. Terima kasih. Saya juga difahami... [*Dewan riu*] Dewan yang mulia ini ya, kalau nak dengar boleh. Saya juga difahami, Kerajaan Barisan Nasional kata ada banyak barang asas yang tak kena GST seperti beras, budu, cencaluk, gandum.

Jadi, mengikut logik pimpinan Barisan Nasional, golongan miskin masih boleh hidup selesa- membeli barang tanpa GST. Sekarang saya nak cadang, ini rang undang-undang Menteri Kewangan. Saya nak cadang dan minta Menteri Kewangan untuk cuba hidup ikut diet makanan dan *lifestyle* cara tanpa GST [*Tepuk*] Cuba untuk sebulan. Tengok Menteri boleh tahan tak atau tidak? Yang pertama, jangan pakai *hand phone*, jangan tengok ASTRO, jangan minum *Coca-Cola*, jangan makan *KFC*. Hidup cara GST *free!* Jangan pakai *driver*, jangan pakai *driver*...

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Hari-hari makan kangkung sudahlah.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Jangan pakai *driver* tahu? Naik bas, naik feri. Tak ada GST, naik bas dan naik feri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ya, habis dah Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima cabaran ini.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Pakai 200 unit elektrik sebulan sahaja. Tengok doktor boleh tapi jangan beli ubat, ubat ada GST. Makan budu, cencaluk, beras selama sebulan, tengok boleh tahan tak?...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Masa dah habis Yang Berhormat, masa dah habis ya.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Masa dah habis?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Masa dia dah habis, Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tapi dia tak berhenti lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Itu *injury time* dia itu, dia sudah duduk dah itu. Dah habiskan Yang Berhormat Kelana Jaya?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Dah, habiskan Yang Berhormat? Yang Berhormat Kelana Jaya, habiskan, habiskan.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** *Just one more minute*, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih ya. Lepas itu diminta Menteri Kewangan balik ke Parlimen, masuk ke Dewan yang mulia ini dan buat laporan sama ada golongan miskin boleh hidup selesa atau tidak dengan GST.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Menteri bayar GST.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Ya lah, saya minta dia buat diet amalan tanpa GST sebulan, tengok boleh atau tidak.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Kenapa nak banding dengan menteri? Kenapa banding dengan Menteri?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kelana Jaya, masa dah habis Yang Berhormat, masa dah habis.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua,...

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Itu satu perbandingan yang bodoh!

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Okey. Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya membantah sekeras-kerasnya cukai GST yang cuba dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Semoga rakan kita daripada sebelah sana sedar dan faham impak GST terhadap golongan miskin dan bersama-sama Pakatan Rakyat menolak GST. Sekian, terima kasih [*Tepuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Tinggi.

## 2.53 ptg.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya ruang untuk berbahas dalam perbahasan Rang Undang-undang GST 2014. Pertama sekali saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan kerana berani melangkah lebih jauh ke hadapan melalui pembentangan rang undang-undang ini iaitu *goods and services tax* ataupun cukai barang dan perkhidmatan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua yang dicadangkan menjelang 1 April 2015. Tuan Yang di-Pertua, konsep adil, telus, prihatin dan cekap. Ini adalah konsep cukai ini. Sistem percukaian ini penting bagi menggantikan sistem percukaian sedia ada iaitu cukai jualan dan cukai perkhidmatan yang dilaksanakan secara berasingan selama ini.

Ini dapat mendukung usaha kerajaan ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang progresif. Sebenarnya GST ini bukan satu perkara baru. Negara kita sebenarnya telah beberapa kali menangguhkan pelaksanaan GST ini dan inilah masa yang paling sesuai untuk dilaksanakan. Ini kerana bukan kita sahaja tetapi sudah 160 negara melaksanakan. Saya pun setuju hari itu dengan Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, dia kata cukai ini baik cuma tak sesuai masa. Tadi saya tengok Yang Berhormat Kelana Jaya pun secara tak langsung baik juga cuma dia kata tak sesuai masa. Okey, kita boleh bincanglah, kita bahas pasal itu. Sebab itu Malaysia tidak perlu ketinggalan sebab kita mempunyai negara yang dinamik, berkembang, ekonomi kita besar, keterangkuman kita dalam ekonomi dunia begitu besar. Jadi, kita perlukan satu sistem yang baik seperti GST selaras dengan negara-negara lain dan ini dapat memberi keyakinan tinggi kepada pelabur-pelabur negara kita.

Kalau kita kata negara kita ini mengecut ekonomi, kita menipu diri kita sendiri. Kita kata tadi *precondition*, sebenarnya negara kita berkembang dan kita kurangkan cukai tiap-

tiap kali. Oleh sebab kerajaan melaksanakan program pembangunan, pelaburan yang besar. Apabila *economy cake* ini besar, kita dapat kurangkan cukai. Terbukti, *corporate tax* daripada dahulu 30% tinggal 29%, 28%, 27% dan hari ini 25%. Itu satu pembuktian, lepas itu pelepasan cukai makin besar. GST ini sebenarnya adalah sebuah sistem percukaian yang sangat adil dan prihatin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sungai Siput bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Sekejap dahulu, saya cakap dahulu, nanti saya bagi Yang Berhormat Sungai Siput, *don't worry*. Cukai ini ialah menggantikan cukai yang ada sebelum ini, daripada dua cukai jadi satu cukai dan ia lebih rendah, 6%. Sudah tentulah kalau 6%, kesannya akan memberi kelegaan lebih kepada rakyat. Cukai ini kita lihat 273 jenis barangan sebelum ini dikenakan cukai jualan 10% diselaraskan semula kadar cukainya hanya 6%, turun 4%, 273 produk. Barangan termasuk minuman karbonat, *Sunquick*, bateri kereta, televisyen, syampu, lampin dan lain-lain dan semua dah disebut oleh kawan-kawan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kinabatangan bangun pula Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh minta penjelasan tak Yang Berhormat Kota Tinggi?

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Boleh, boleh. Yang Berhormat Kinabatangan kena bagi, kalau tidak maut saya.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih. Daripada hari pertama sampai sekarang saya tengok daripada pihak kerajaan sampai ke pihak penyokong kerajaan, kita kata *GST is one of the best taxes in the country* di seluruh dunia. Akan tetapi sampai pusingan pihak pembangkang, dia kata GST membebankan rakyat, membankrapkan rakyat, tidak bagus. Jadi okeylah Yang Berhormat, oleh kerana mereka terlalu kuat kepercayaan politik mereka, semata-mata untuk menang pilihan raya, setujukah Yang Berhormat Kota Tinggi bahawa biarlah Kerajaan Barisan Nasional laksanakan GST ini dan biar rakyat tengok perjalanan satu tahun, dua tahun dia. Kalau rakyat disusahkan, maka kalahlah Barisan Nasional, menanglah pembangkang tapi kalau perjalanan dia ini baik untuk rakyat, saya rasa *we go for this*. Setujukah Yang Berhormat Kota Tinggi? Jangan takut dengan pembangkang.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Kinabatangan, lawan tetap lawan. Jadi, okey Yang Berhormat Bagan Serai, jemput.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Kota Tinggi, terima kasih. Saya nak tanya Yang Berhormat Kota Tinggi, setuju tak dengan saya yang pembangkang ini dia sentiasa terkeliru, dia sentiasa tak ngam. Nak buat GST tahun depan, dia kata tak ngam. Dulu 1985, nak buat Jambatan Pulau Pinang tak ngam, lepas itu dia pakai Jambatan Pulau Pinang. Bila nak buat Penang Bridge yang kedua pun tak ngam tapi hari ini dah naik dah? Yang Berhormat Pokok Sena dah naik dah Jambatan Pulau Pinang yang baru?... [*Dewan riuh*] Saya rasa sekarang GST tak setuju tapi lagi 10 tahun, 20 tahun dia kata GSTlah bagus, sepatutnya kita buat lebih awal lagi. Setuju tak?

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Okey Yang Berhormat Bagan Serai, masuk dalam ucapan saya.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Sikit sahaja.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Sikit sahaja tak boleh?

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Nanti saya bagi.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Sikit sahaja, tadi boleh bagi mereka kenapa tak bagi saya? Takutkah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, dia tak bagi jalan. Duduklah.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Takut tak takut, siapa dulu?

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Sikit sahaja.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Sabarlah dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Rasah, duduklah Yang Berhormat Rasah.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Sikit, sikit. Sikit, sikit sahaja.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Sekejap. Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Rasah, duduklah.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Tuan Yang di-Pertua, saya nak rumuskan 100 barangan- 40 turun, 40 tak ada cukai, 1 kekal, 1 sahaja naik daripada 5% kepada 6%. Satu daripada sepuluh ataupun sepuluh item daripada 100. Makna, 10% naik 1%, 90% sama ada tak ada, sama ada kekal atau turun. Matematik *you* buat sendirilah, saya ingat ini kira-kira betul-betul...

**Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara].**

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Saya nak cakap, dengar dulu lepas itu kita *debate*, tak apa. Tadi saya nak cakap sahabat saya Yang Berhormat Kelana Jaya yang saya hormat ini sebab apa, dia seorang idealis, seorang yang sempurna tapi dalam masa yang sama dia juga seorang pesimis, *hyper impression*. Saya nak beritahu, tahun depan ekonomi kita mapan 5% hingga 6%. Pelaburan FGV masuk, ini *foreign direct investment the highest level, RM38 billion*. Makna dia, peluang pekerjaan keusahawanan bertambah, *the cake is ever growing*. Jadi, macam mana kita *become so* pesimis? Nasib baik tak lantik dia jadi pemimpin kita, kalau tidak rakyat Malaysia susah nak meniaga, nak hidup.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Dia bangun, Yang Berhormat. Yang Berhormat Kelana Jaya bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Tak apa, tak apa.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** *Let me reply*lah.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Tunggu, sabar, sabar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Takut, takut.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Saya tak takut. Saya takut Allah sahaja, lain tak takut. Eh, Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Tak apa, saya jawab.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Okey? Jadi, saya kata...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kelana Jaya, duduk Yang Berhormat.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Okey, dah habis. Ha, dengar itu Yang Berhormat Kelana Jaya. Lepas itu Yang Berhormat Kelana Jaya, pasal *precondition*. Inilah tak faham. *Precondition*, makna kita dah buat. Kita bagi BR1M, kita bagi RM300, kita buat KR1M, kita buat BR1M. Akan tetapi kalau gajah depan mata tak nampak, nyamuk seberang laut nak nampak, ini masalahnya.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat.

## ■1500

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Jadi-sabarlah dulu.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Sekalilah bagi.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Jadi saya hendak cakap- tadi macam-macam cakap fasal *factor* statistik. Kita boleh beri *statistical, no problem*. Akan tetapi... [Disampuk] Yalah boleh tunjuk. Kalau dengar 10 minit, kacau-kacau macam mana hendak cakap. Jadi saya hendak kata tadi *obituari* RM17 bilion pergi RM35 bilion. Sekarang ini saya hendak tanya, sekarang ada satu *tax* nama dia SST. Tadi Yang Berhormat Marang cakap seolah-olah tidak ada *tax*, tiba-tiba buat *tax*. *Tax* sudah ada. Adakah saya hendak tanya Yang Berhormat Marang dan lain-lain bahawa sekarang ini tidak ada *tax*. Tidak pernah saya dengar pula Yang Berhormat Marang dulu bangun, kita hendak hapuskan SST. Tidak pernah.

Cuma hari ini kita hendak tambah SST pergi GST. Dengan penambahbaikan ini, maka kerajaan kita lebih adil, telus, baik untuk pengguna, baik untuk pemborong, baik untuk pelabur-pelabur dan ini yang kita hendak buat yang sebagaimana telah dilakukan oleh 160 negara di seluruh dunia. Itu sahaja. Manakala yang 17% itu sudah berlaku pun, RM17 bilion sudah dapat. Tambahan RM3 bilion.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Titiwangsa bangun Yang Berhormat.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Jadi saya hendak kata di sini, GST ini sebenarnya baik. Dalam hati tadi Yang Berhormat Petaling Jaya Utara pun kata bagus. Sebenarnya kalau- Yang Berhormat Shah Alam tidak ada sini. Dia kata hendak debat? Dia tidak payah debat dengan kita. Debat dengan Yang Berhormat Marang dulu, debat dengan Yang Berhormat Petaling Jaya Utara dulu dan debat dengan Yang Berhormat Kelana Jaya dulu, baru debat dengan kita.

Oleh sebab dia pun tidak berapa *sure* hendak ambil atau tidak ambil. Jadi saya rasa pada pandangan saya, hari ini GST ini *is moving forward*. Kita ibaratkan kita macam kita hendak pergi rumah barulah. Rumah lama sudah sempit, jadi hendak pindah rumah baru kena buka *aircond*. Kita susah sikit sebelum kita masuk rumah, *insya-Allah* lebih besar sikit lega dan itu yang baik. GST ini macam inilah juga. Ada juga orang kata GST ini menyusahkan orang kahwin. Saya hendak cakap, hantaran tidak kena cukai. Apa yang kena cukai itu, beli jam hantaran, *perfume*, kasut...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** *Handbag*.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Ini semua daripada 10% sudah turun 6%. Makna kalau hendak kahwin, lagi murah masa depan. Kecualilah kalau hendak kahwin dengan artis atau lepas ini tidak jaga. Jadi saya hendak cakap bahawa GST ini baik dan terbukti masalah cuma kalau pembangkang tidak hendak terima, ini tidak boleh buat apalah. Saya bagi Yang Berhormat Kelana Jaya, sahabat saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kelana Jaya.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi. Isunya *preconditions* betul tidak apa saya kata tadi itu. Ramalan ekonomi daripada Yang Berhormat Kota Tinggi *over* optimistik sebabnya ini data saya... [Menunjukkan surat khabar *The Edge*]

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Tidak. Tidak apalah. Kalau saya pesimistik maknanya *The Edge* ini, surat khabar *The Edge* ini salah. *The Edge* ini...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Itu satu *reference*. *How about...*

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Bukankah- tidak apalah, bagi saya cakap dulu.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Bagaimana dengan...

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Dengar saya cakap dulu. *The Edge* adalah *financial newspaper* yang terpenting dalam negara kita yang kita boleh kata itu sebagai *independent*lah. Saya rasa Yang Berhormat Titiwangsa sebagai ahli korporat mesti baca tiap-tiap minggu, betul tidak?

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Okey, saya minta Yang Berhormat Titiwangsa jawab.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Saya bagi *headlinesnya*- "*Ride into 2014, a wounded horse*". Dia punya *title* terus menunjukkan *pessimism* ekonomi 2014 berterusan ke 2015.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Okey.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Jadi, apa yang kita tidak setuju...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Okeylah cukup.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** *Sorry* Yang Berhormat Kota Tinggi. Apa yang kita tidak setuju ialah pandangan pesimistik ataupun optimistik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Kita ikut apa yang diramalkan oleh *The Edge*. *You* hendak *challenge editor The Edge* terus.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Itu nama pun ramalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Titiwangsa.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Ini Yang Berhormat Kelana Jaya, saya terperanjat jugalah kita dalam Dewan ini, kita *forecast* ekonomi kita *based on The Edge*. Jadi Jabatan Perangkaan kita, Bank Negara kita, *next time* kita tutup sahajalah, kita suruh *The Edge* buat... [*Dewan riuh*] Ini apa punya cerita. Macam tidak ada *credibility*, malulah.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Yang Berhormat Titiwangsa.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Malulah kita. Kalau Bank Negara yang telah dihormati oleh seluruh dunia kita tidak boleh percaya, dapat pengiktirafan, kita hendak pakai *The Edge*. Saya rasa, ada maklumat-maklumat dalam *The Edge* itu yang mereka dapat secara eksklusif. Ya kita mengaku.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** [*Bangun*]

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Akan tetapi kalau cerita soal statistik, saya ingat dia pun tidak ada statistik ini. Dia pun agak-agak sahaja. Jadi, rambang-rambang ini saya ingat...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Okey.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Kita pun boleh rambang. Yang kedua Yang Berhormat Kota Tinggi, saya hendak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Kembalikan kepada Kota Tinggi Yang Berhormat.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Okey Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Pasukan perundangan keluar negara bawa artikel daripada *blog* boleh, tetapi *The Edge* tidak boleh. Apa ini?

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Bagi saya cakap dulu, bagi saya cakap dulu Yang Berhormat Kota Tinggi. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kota Tinggi bersetuju...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ahli Yang Berhormat yang lain duduk Yang Berhormat, Yang Berhormat Titiwangsa tengah mencelah, yang lain duduk ya.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Yang Berhormat Kota Tinggi, saya hendak tanya Yang Berhormat Kota Tinggi, bersetuju atau tidak Yang Berhormat Kota Tinggi bahawa pihak pembangkang ini dia lebih suka tengok peniaga-peniaga kita tidak telus dari segi pembayaran *tax*. Oleh sebab itu dia takut supaya GST ini diimplement. Bukan fasal dia takut kepada rakyat... [Dewan riuh] Oleh sebab rakyat, kita *transparent* kepada rakyat. Kita beritahu kepada rakyat apa barang yang tidak naik, apa barang yang naik, apa barang yang sama. Akan tetapi peniaga-peniaga, pembuat dan pemborong ini dia orang ini kena terbuka kepada rakyat. Oleh sebab itu kita hendak GST ini, supaya rekod kita semua *transparent*, baru kita tengok sama ada *benefit* atau tidak. Jadi saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kinabatangan tadi, *you* tengoklah kita buat. Rakyat boleh buat keputusan apa pilihan raya akan datang. Apa pendapat Yang Berhormat Kota Tinggi?

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Yang Berhormat Kota Tinggi.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Saya juga ada sebut tadi fasal GLC. Saya hendak bagi tahulah GLC kita, bila tidak ada *corner* sahaja dia tembak GLC. Saya hendak bagi tahu GLC, kita ada Putrajaya High Committee untuk *high performance*, kita ada masuk ekuiti, produktiviti, *corporate governance*, agenda bumiputera dan termasuk juga kita meletakkan *corporate governance* pada tahap tertinggi termasuk juga GLC, *almost all of them* sekarang *voluntary* integriti program, yang mana mereka semua *sign*. Kita masuk ini MCC dalam.

Jadi dari segi korporat, rasuah ini janganlah *subs track*. Kita hendak cakap fasal GST. GST ini sebenarnya baik untuk negara. Semua mengaku, tinggal lagi sesuai tidak sesuai. Okey kita *debate*. Saya juga ada satu poin. Tidak habis lagi, sikit lagi. Saya bersetuju juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ahli yang lain duduklah Yang Berhormat. Tidak bagi jalan, masa sudah habis.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Saya tunjuk contohnya *threshold* kita RM500,000? Itu RM500,000, saya pun ada sikit fikir-fikir kalau boleh kerajaan buat tengok, kita *threshold* dahulu RM3 juta, RM3 juta kita dapat RM6.202 bilion. *That its neutral ground*. Kalau kita tidak hendak kurangkan *spike* sikit mungkin- saya harap kita buat *gradual*, mungkin RM2 juta dulukah atau RM1.5 million dulukah. Dengan cara ini, kita akan *gradual over period time* dan dengan cara itu kita akan *address* dengan isu yang *sparkling* tadi. Itu satu cara.

Satu lagi saya hendak sebut fasal GST ini ialah- okey Yang Berhormat Sungai Siput.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Seorang Ahli: [Menyampuk]**

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terlupa, terlupa, Yang Berhormat Hulu Langat hendak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kluang, duduk Yang Berhormat.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Saya mahu kemukakan satu soalan yang seriuslah. Adakah GST ini merupakan satu lagi langkah dalam persaingan *raise to the bottom*, di mana kita mahu turunkan *corporate tax* kita, kita bersaing dengan Thailand dan Vietnam. Kita mahu cari FDI. Akan tetapi jika kita turunkan *corporate tax* kita, kita naikkan GST. Selepas itu mereka buat yang sama, ini *raise to the bottom*.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: [Bangun]**

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Adakah lebih berani untuk kerajaan kita bincang dengan ASEAN, kita kekalkan *corporate tax*. Jangan lagi siapa-siapa turunkan *corporate tax*. Boleh kita buat macam itu? itu jauh lebih berani daripada kenakan GST. Jadi saya mahu tanya. Ini serius punya *question*, bukan main-main.



**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Betul itu. Itu pandangan Yang Berhormat Sungai Siput, nanti Yang Berhormat Menteri jawablah. Akan tetapi apa yang penting Yang Berhormat Sungai Siput, kita *tax ini over the merited 10, 15 years* kita sudah *lower because* kita ada *bigger base*. Bila *bigger base*, kita hendak kurangkan penderitaan rakyat.

Bila kita buat *bigger base*, kita boleh *reduce because economic scale*. *That why it's important* kita *trade mission* kita besar, pelaburan kita besar, Iskandar bertambah, koridor kita berjaya, Rapid dan PIPC *coming*. Ini semua tidak boleh kita tolak *because we have the buck of the investment* dekat sini. Beli pelabur pun datang, rakyat esok akan datang. Tidak termasuk juga pelancong yang datang. Kita *head maybe RM30 million soon*. Kita ada RM4 juta di sini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Boleh gulung Yang Berhormat.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Base kita besar, tetapi 80% isi rumah tidak dapat BR1M.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Jadi kita tengok dengan satu sistem GST yang baik...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, kenapa bercakap tidak dipanggil itu? Duduklah.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Jadi, *nobody can* tolak. Kita *itineration ruing over bigger*. Jadi saya kena lihat GST ialah persiapan kita. Bukan sahaja kita telus, kita tahu rakyat akan lebih- kita juga meng*inculcate* atau membudayakan sikap berhemah perbelanjaan di kalangan rakyat supaya kalau bila tahu di peringkat ini, ada *debate*, kita akan buat akaun yang baik supaya kita ada rujukan, telus, adil dan akhirnya ini akan membentuk satu masyarakat yang progresif. Ini baik untuk pelabur-pelabur asing. Saya rasa GST ini tidak banyak *point* yang kita kata tidak bagus. Cuma mungkin kesesuaian. Kesesuaian itu kita boleh cakap. Akan tetapi bagi saya GST ini amat baik dan saya di sini menyokong supaya usul ini disokong. Terima kasih

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Klang.

### 3.09 ptg.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih atas peluang untuk berbahas Rang Undang-undang *Good and Services Tax* yang telah dibentangkan oleh kerajaan pada hari Isnin yang lalu. Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin mengatakan di sini bahawa persepsi di kalangan rakyat jelata mengenai GST ialah cukai GST akan membawa kenaikan harga dan ini akan membebankan rakyat khususnya golongan yang berpendapatan sederhana dan rendah.

Pandangan ini mendapat sokongan daripada kajian yang dibuat di Malaysia yang dibuat oleh dua pensyarah iaitu Mohd Rizal Palil dan Mohd Adha Ibrahim daripada *School of Accounting, Faculty of Economic and Management, Universiti Kebangsaan Malaysia* yang mendapati bahawa: pertama, 72% daripada responden yang mereka buat dan mereka telah *interview* kluatir cukai GST akan meninggikan kos barang-barang dan perkhidmatan;

#### ■1510

Kedua, 81% daripada responden percaya bahawa kos menampung keluarga atau pun *cost of living* akan naik.

Ketiga, 64.1% mengatakan bahawa mereka akan mengurangkan permintaan di pasaran. Sebenarnya artikel ini telah dikeluarkan atas *title*, "*The impacts of Goods and Services Tax on middle income earners in Malaysia.*"

Tuan Yang di-Pertua, sistem cukai GST yang diperkenalkan ialah salah satu sistem cukai *regressive*. Di mana beban cukai iaitu peratusan cukai yang lebih besar atau *tax burden* sesuatu negara datang daripada rakyat yang berpendapatan rendah berbanding daripada golongan kaya atau pun berpendapatan tinggi. Ini bermaksud bahawa golongan

miskin akan membayar peratusan cukai yang lebih besar daripada pendapatan mereka daripada orang-orang kaya.

Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, jika seseorang mempunyai pendapatan sebanyak RM10 dan perlu membayar RM1 cukai untuk pakej rokok, ini mewakili 10% daripada pendapatan seseorang itu. Akan tetapi kalau pendapatan adalah RM20, cukai RM1 ini hanya mewakili 5% daripada pendapatan orang tersebut. Tambahan pula perbelanjaan seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal mewakili peratusan yang tinggi dan besar dalam bajet keluarga orang-orang miskin. So, ini merupakan asas kehidupan, *basic requirement* keluarga kita, keluarga miskin. Walaupun GST adalah diseragamkan untuk semua rakyat, golongan yang berpendapatan rendah akan terjejas sebab mereka akan bayar peratusan yang lebih besar dan berpendapatan kecil, mereka...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bagan Serai bangun Yang Berhormat.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Saya belum *start* lagi.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Belum *start* lagi?

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Belum *start* lagi.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** ...Sudah *start* tadi?

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Bukan. Itu *point* pertama juga.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Baru mula?

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Saya akan bagi, saya akan bagi. Walaupun GST akan dijalankan untuk semua rakyat, golongan berpendapatan rendah adalah terjejas sebab mereka akan bayar peratusan lebih besar dan berpendapatan kecil mereka untuk menikmati barang-barang dan perkhidmatan asas untuk kehidupan harian. Di negara Kanada contohnya, isi rumah yang berpendapatan RM10,000 setahun tidak mempunyai sebarang penjimatan atau pun *savings*, sebaliknya terpaksa membelanjakan semua pendapatan mereka. Manakala golongan yang berpendapatan besar iaitu RM120,000 dapat berjimat sekurang-kurangnya separuh daripada pendapatan mereka.

Jadi walaupun nilai atau cukai GST yang dibayar oleh golongan yang berpendapatan rendah itu adalah kurang, berbanding rakyat yang berpendapatan tinggi tetapi kadar peratusan GST yang dibayar oleh orang yang berpendapatan rendah adalah lebih jauh daripada orang kaya. Oleh yang demikian, setelah GST diamalkan di negara Kanada pada tahun 1991, sepuluh tahun kemudian, *ten years after*, kajian di Kanada menunjukkan bahawa, saya baca dengan izin, "*Many borders income families were made substantially worst off. Many more low-income Canadian are worse off in 2001 as a result of the GST than analyses which were studied in 1989 were would never imagine or even suggested.*" Soalan tadi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ya Yang Berhormat Bagan Serai.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Bagan Serai kah atau Yang Berhormat Titiwangsa? Yang Berhormat Titiwangsa.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Terima kasih. Apakah Yang Berhormat Klang- Yang Berhormat Klang saya hendak bacakan Yang Berhormat Klang pasal Yang Berhormat Klang sebutkan tadi fasal Kanada. Jadi saya hendak sebutkan, ada seorang profesor ekonomi *Queen's University Canada*, nama dia Profesor Glenn Jenkins. Dia sebut dalam *presentation* fasal GST kepada satu *presentation* yang dibuat kepada kerajaan Kanada, *he says this* dengan izin; "*A broad based consumption tax, such as a value added tax is generally considered to be a regressive tax. This conclusion however, has not taken into account the fact that in developing countries like Malaysia for example, the commodities on which poor households spend most of their income is not tax. When this factor is considered VAT/GST can be naturally progressive.*"

*So, when you talk about Canada*, saya rasa kita kena tengok dari segi konteks Malaysia juga. Oleh sebab kalau kita lihat hari ini...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Saya sudah faham. Saya akan jawab.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** [Bangun]

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Klang, Bagan Serai bangun.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *You promise me, you promise me.*

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Saya hendak jawab soalan ini.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Okey.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Sebenarnya di Malaysia sekarang, walaupun saya terima pandangan Yang Berhormat mengatakan bahawa barang-barang asas telah dikecualikan atau pun *reduction*, saya- *argument* itu memang betul untuk tahun 70an, 80an dan 85an. Akan tetapi selepas *privatization*, penswastaan, semua subsidi telah mula dikeluarkan atau pun telah mula dikeluarkan dan sekarang kerajaan mengimplementasikan subsidi *rationalization*. So, dengan subsidi *rationalization* ini semua subsidi akan dikeluarkan. *So we are back to square one where it was a regressive tax which was unfairly burden the poor [Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan bercadang untuk mengimplementasikan GST dalam keadaan di mana satu, hutang atau pinjaman isi rumah, *household debt* kita adalah 86.6% berbanding *our KDNK*, ini merupakan keempat tertinggi atau pun tertinggi sekali di Asia. Kedua, kerajaan mengimplementasikan subsidi *rationalization* dan ketiga, keadaan kenaikan harga barang pada masa kini. Ini jelas nampak bahawa kita menghadapi cabaran kewangan. Keluarga kita menghadapi cabaran kewangan.

Dengan GST, kos menampung perbelanjaan keluarga akan naik. Kesan negatifnya adalah serius. Pertama, *non-performing loans*, mungkin akan naik. Kedua, isi rumah Malaysia kita akan kurangkan permintaan keluarga dan keadaan ini akan *translate* kepada penurunan permintaan dan ekonomi Malaysia. Manakala implikasi ketiga ialah mengenai keluasan jurang pendapatan di antara orang kaya dan miskin seperti di Kanada mungkin akan berlaku di Malaysia. Trend ini kita sudah nampak sekarang, di mana *Gini coefficient* jelas menunjukkan bahawa perluasan di antara orang kaya dengan orang miskin telah menjadi jauh, luas sekali. So, ini GST akan *accessible* masalah itu.

So, laporan IMF mendapati bahawa; "*Income inequality can lead to slower or less sustainable economic growth, while redistribution of income, when measured, does not hurt or can even help an economy. It would still be a mistake to focus on growth and let inequality take care of itself, not only because inequality may be ethically undesirable but also because the resulting growth may be low and unsustainable*". Saya mohon Yang Berhormat Menteri menjelaskan, adakah kerajaan telah menjalankan kajian mengenai implikasi GST *resurvey income and well disparity* sebagai kesediaan untuk pelaksanaan GST ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mengatakan bahawa beberapa langkah akan digunakan untuk menambah pulih sistem kewangan negara untuk mencari sumber-sumber hasil yang baru dan meningkatkan kecekapan kutipan cukai. Kerajaan telah senaraikan langkah-langkah untuk mengurangkan rasuah, mengurangkan pembaziran dan mewujudkan proses perolehan kerajaan secara telus. Akan tetapi kita dapati bahawa *global financial integrity* iaitu satu badan GO terletak di Washington, dalam laporan mereka mendapati bahawa Malaysia telah hilang sebanyak USD370 bilion daripada 2002 sehingga 2011. Melalui ketirisan, kebocoran dan rasuah termasuk pemindahan harga atau pun *transfer pricing*.

Saya mohon supaya kerajaan menjelaskan beberapa daripada jumlah USD370 bilion ini telah di *retain* selepas implementasi program-program pembasmian, kurangkan pembaziran rasuah dan sebagainya. Di manakah rancangan kerajaan untuk meluruskan ketirisan dan membasmi rasuah? Apakah kadar kejayaan dalam menghentikan penentuan pemindahan harga atau pun *transfer pricing*? Sudahkan kerajaan menjalankan kajian mengenai perkara ini? Tambahan pula, kerajaan telah memberi lebih kurang RM15 bilion sebagai insentif cukai kepada pelabur-pelabur asing dalam tempoh masa tiga tahun iaitu 2010 sehingga 2012 sejak *Economic Transformation Plan* dilancarkan.

■1520

Jelas di sini bahawa pelabur-pelabur asing dan orang kaya diberi subsidi tetapi rakyat sendiri khususnya rakyat miskin dimangsakan. Dalam erti lain, fenomena ini boleh dikatakan sosialisme untuk orang kaya dan *free market poverty* ataupun kemiskinan pasaran bebas untuk orang miskin.

Satu kajian dijalankan oleh *University of Queensland Australia* mendapati bahawa selepas kerajaan mengambil keputusan untuk melaksanakan GST, ramai daripada rakyat Australia mula *stockpile* barang-barang kerana kluatir bahawa GST akan menyebabkan harga barang-barang melonjak. Selepas GST diimplementasikan, permintaan di dalam ekonomi Malaysia menurun secara drastik dan menyebabkan masalah ekonomi, pengecutan ekonomi. Hal ini disebabkan oleh dua faktor iaitu fenomena *stockpiling* dan kenaikan harga barang selepas GST dilaksanakan.

Masalah di sini ialah pencetusan beberapa masalah. Pertama, Australia mengalami *downturn* dalam ekonomi mereka, dan kedua, kerajaan Australia terpaksa mengkaji semula peratusan GST yang akan diimplementasikan untuk mencapai matlamat kutipan mereka. Apakah jaminan bahawa negara kita tidak akan mengalami masalah yang sama dan apakah jaminan bahawa kerajaan tidak akan meninggikan peratusan GST daripada 6% yang dicadangkan ke 10% dalam tahun pertama, kedua ataupun ketiga? Kerajaan harus menjelaskan kepada rakyat dan Dewan yang mulia ini, apakah faktor-faktor ataupun ciri-ciri atau formula yang akan digunakan untuk menentukan peningkatan cukai GST daripada 6% ke satu tahap yang lebih tinggi?

Di Australia Tuan Yang di-Pertua, satu daripada cadangan untuk menambah kutipan GST adalah untuk meluaskan skop kutipan dan cadangan sekarang ialah untuk mengambil kira sektor kesihatan dan petroleum dalam senarai GST. Untuk kita di Malaysia, kos perubatan dan kos ubat iaitu farmaseutikal telah mula menjadi mahal khususnya untuk golongan miskin dan juga sederhana. Dengan kedatangan GST, kedua-dua kos ini akan naik. Tambahan pula, apabila Malaysia menandatangani perjanjian bebas *Trans-Pacific Partnership Agreement*, kos perubatan dan kos ubat akan melonjak tinggi dan sudah pasti akan berada di luar kemampuan kebanyakan rakyat Malaysia. Fenomena ini boleh dipanggil- "tiada esok bagimu"... [Ketawa]

Saya hendak minta kerajaan supaya menjelaskan adakah kerajaan akan mengecualikan GST untuk perkhidmatan kesihatan dan ubat iaitu farmaseutikal untuk selama-lamanya? Perjanjian itu mesti diberikan kepada kita semasa kerajaan menggulung selepas perbincangan itu.

Tuan Yang di-Pertua, persatuan perniagaan yang besar di Malaysia iaitu *Associate Chinese Chambers of Commerce and Industry* telah mengatakan bahawa mereka tidak mempunyai keyakinan terhadap sistem GST. Berdasarkan kajian yang telah dibuat oleh mereka, 86% daripada mereka telah mengatakan dengan tegas bahawa kadar permulaan GST adalah amat tinggi. Sehubungan dengan ini, 60% peniaga berkata bahawa mereka akan memindahkan kos GST kepada pengguna, manakala 40% daripada mereka mengatakan bahawa mereka tidak berani berbuat demikian kerana kalau kos barang-barang mereka dinaikkan, mereka berasa bahawa perniagaan mereka akan terpaksa ditutup kerana pembeli ataupun pengguna tidak akan mengunjungi kedai-kedai mereka.

Kajian persatuan peniaga ini juga menunjukkan bahawa 87.5%...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Boleh gulung Yang Berhormat.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** ...Daripada responden berkata bahawa...

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Labuan bangun Yang Berhormat.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Tunggu sekejap, saya hendak habis sedikit. Mengalami kesusahan selepas GST diimplementasikan dan akan kurangkan perniagaan serta pendapatan mereka.

Kerajaan membelanjakan RM365 juta untuk mendapat keyakinan rakyat jelas menunjukkan bahawa *stakeholders* yang penting seperti peniaga-peniaga tidak mempunyai keyakinan terhadap GST. Apakah cadangan kerajaan untuk menolong industri kecil dan sederhana kalau mereka mengalami masalah perniagaan? Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat memberikan jawapan. Sila Yang Berhormat.

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cara kita *argue* ataupun apa yang saya dengar banyak diketengahkan oleh ahli-ahli yang menentang GST ini, *argumentnya* seperti GST ini adalah satu cukai baru. Padahal, sudah berkali-kali kita menyatakan GST ini adalah untuk menggantikan SST. Bercerita mengenai *regressive* ataupun *percentage* yang lebih tinggi...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat, apa soalnya Yang Berhormat?

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Sekejap- *percentage* yang lebih tinggi yang terpaksa dibayar oleh golongan yang berpendapatan rendah. *Percentage expenditure* kepada barang-barang yang bercukai seperti katil dan *furniture* adalah kecil dan itulah sebabnya kita juga datang dengan program-program seperti BR1M. BR1M sebenarnya kalau dikira, lebih daripada apa yang mereka belanjakan. Dengan GST adakah Yang Berhormat setuju bahawa dengan GST ini dengan *collection* yang lebih besar, dengan *ecosystem* yang lebih baik untuk membangunkan ekonomi, kita akan mempunyai keupayaan yang lebih baik untuk kita mengadakan *social security program* yang lebih baik dan seterusnya akan dapat membantu golongan-golongan yang berpendapatan rendah dan seterusnya merapatkan jurang seperti Yang Berhormat katakan tadi? Terima kasih.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengalu-alukan Yang Berhormat Labuan yang begitu prihatin dan sokong kepada GST. Akan tetapi saya pelik, apa pendirian Yang Berhormat Labuan, apabila Labuan dan Langkawi dikecualikan daripada GST? Patutlah Yang Berhormat Labuan berdiri menentang rang undang-undang ini. Ia mengecualikan Labuan dan Langkawi untuk menyumbang kepada pembangunan negara. Saya harap Yang Berhormat Labuan nanti jangan sokong rang undang-undang ini, kerana ini satu cukai yang begitu baik sekali tetapi tidak mahu bagi kepada Labuan. Apa tanggungjawab sebagai wakil rakyat Labuan tidak berdiri untuk menyokong sesuatu yang baik?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Klang boleh habiskan Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Terima kasih. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh bagi saya komen sedikit?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Labuan, dia bagi Yang Berhormat Beruas.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak beritahu Yang Berhormat Labuan bahawa memang GST ini memang satu cukai baru kerana di bawah *sales and service tax*, hartanah tidak dikenakan cukai. Sekarang hartanah, ini satu jenis rampasan harta rakyat. Iaitu selain daripada seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Bajet 2014, yang dikecualikan hanyalah tanah pertanian, *residential premises* dan juga *on general uses*, maksudnya tempat pengebumian dan *playground*, yang lain semua, *factory* dan juga *commercial building* semua hartanah rakyat dikenakan cukai. Itu satu rampasan harta. Jadi saya hendak beritahu Yang Berhormat Labuan, ini memang satu cukai baru. Saya hendak tanya Yang Berhormat Klang sama ada ini betul atau tidak dalam *bill* ini satu cukai baru?

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Klang habiskan Yang Berhormat.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Saya jawab soalan mengenai BR1M oleh Yang Berhormat Labuan. Kerajaan mengatakan bahawa BR1M akan disalurkan untuk

membantu mengurangkan beban rakyat yang akan wujud selepas GST seperti yang diutarakan oleh Yang Berhormat Labuan dan kawan-kawan lain di sebelah sana. Walau bagaimanapun, BR1M hanya secara langsung tidak dapat memberi sebarang bantuan kerana tidak mengambil kadar inflasi. Sejurus itu, BR1M yang merupakan sebuah kecualian cukai juga tidak mencukupi kerana kerajaan tidak mengambil kira jumlah anggota dalam sebuah keluarga. Akhirnya, keluarga yang mempunyai empat atau lima orang anggota mendapati jumlah sebanyak RM650 sahaja dan kerajaan mempunyai anggapan bahawa jumlah ini memadai untuk tempoh satu tahun dan pandangan ini kurang waras.

Tuan Yang di-Pertua, KPMG telah membuat satu cadangan bahawa pendapatan rakyat harus dinaikkan selaras dengan implementasi GST. Kumpulan ini mencadangkan bahawa kerajaan menaikkan gaji sebanyak 6%. So saya hendak minta kerajaan, khususnya apabila kerajaan menggulung memberi pandangan balas balik, adakah kerajaan akan mengikut cadangan yang telah dibuat oleh KPMG iaitu untuk menaikkan gaji sebanyak 6%?

■1530

Saya ingin mengakhiri hujah saya pada hari ini dengan memetik satu pandangan yang telah dikemukakan oleh warga Klang melalui laman sosial- Facebook, *"The people are already suffering with all the price heights, with GST impose it will further burden us. GST will be good if the government knows how to manage funds. I do not think that the current government is able to initiate a proper financial plan for the rakyat..." [Dewan riuh] "...What we see is a lot of wastage...."* Ini pandangan orang, dengarlah... [Dewan riuh] *"...What we see is a lot of wastage of cash flow used in unnecessary ways which has cost the rakyat to suffer..."* Yang ini dengar baik-baik. *"...The middle class like me is suffering and I do not know whether would I go down to be a poorer scale if GST impose with no proper planning..."*

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya harap kerajaan akan lebih fokus untuk memperkecilkan jurang di antara orang kaya dan orang miskin, meninggikan gaji benar rakyat Malaysia dan fokus kepada produktiviti *growth*, tutup ketirisan untuk kepentingan ekonomi dan bukan menggunakan dasar malas ataupun *lazy approach* seperti GST untuk mengatasi masalah serius yang dihadapi oleh ekonomi Malaysia dan juga rakyat Malaysia. Sekian terima kasih.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** [Bangun]

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Gombak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tebrau.

**3.31 ptg.**

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana saya diberikan peluang untuk bahas Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan, GST 2014. Tuan Yang di-Pertua, cabaran yang paling besar yang akan kerajaan hadapi berkenaan dengan pelaksanaan GST adalah melegakan fobia rakyat jelata terhadap cukai baru. Ini kerana pada amnya tiada orang yang suka ataupun rela kena cukai. Keadaan dirumitkan lagi kerana pihak pembangkang memutarbelitkan konsep GST dan sebab-sebab kerajaan melaksanakan GST itu.

Mereka kata kerajaan seharusnya memperkenalkan GST selepas mencapai status negara maju yang berpendapatan per kapita yang tinggi. Akan tetapi di antara 160 buah negara yang telah melaksanakan GST, hampir 70 buah negara berpendapatan per kapita tidak melebihi USD40,035. Ingin saya tanya Yang Berhormat Menteri, berapa buah kerajaan yang terbukti tumbang akibat pelaksanaan GST? Ini satu cerita yang saya pernah dengar, kalau ada seorang yang mati di atas katil di rumah, yang lain semua jangan tidur di atas katil di rumah.

**Beberapa Ahli:** Betul, betul.

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Tuan Yang di-Pertua, kita semua tahu sebenarnya mereka itu tidak mahu kerajaan melaksanakan GST kerana mereka tidak mahu Kerajaan Barisan Nasional berkeupayaan melaksanakan lebih banyak program yang boleh

mendatangkan manfaat kepada rakyat jelata. Kejayaan Kerajaan BN bermaksud kegagalan cita-cita mereka untuk menggantikan Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab itu pun bercakap kepada rakyat jelata bahawa kerajaan seharusnya mengatasi kelemahan-kelemahan tertentu sebelum melaksanakan GST. Saya tidak faham kenapa sambil kerajaan berusaha mengatasi kelemahan yang tertentu, apakah sebabnya kita tidak boleh melaksanakan GST? Ini seumpama kita kata, pelajar yang masih belum fasih dan masih lemah dalam bahasa ibunda tidak boleh belajar bahasa yang lain. Tuan Yang di-Pertua, saya akan dedahkan pembbohongan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab itu agar rakyat jelata tahu hakikat tentang GST...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Yang Berhormat Tebrau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bukit Mertajam bangun Yang Berhormat, hendak beri?

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Saya hendak habiskan sebab teks saya panjang.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Yang Berhormat Tebrau, tidak apa. Sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Tidak beri, duduklah Yang Berhormat.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Satu sahaja.

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Saya difahamkan...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Satu sahaja. *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bukit Mertajam, duduk Yang Berhormat.

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** ...Mereka kata, hanya orang kaya bayar cukai pendapatan tetapi semua orang termasuk yang miskin dikehendaki membayar GST. Ramai rakyat jelata yang percaya kerana mereka tidak sedar, sekarang pun mereka sebenarnya mungkin membayar GST 5%, 6% ataupun 10% semasa membeli belah ataupun mendapatkan perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan apabila GST dilaksanakan kelak, sebanyak 204 *items* yang sifar SST sekarang juga sifar GST. Terdapat 53 *items* yang sifar SST akan dikecualikan GST, sebaliknya terdapat 13 *items* yang dikenakan 5% SST sekarang akan menjadi sifar GST dan 273 *items* daripada 10% SST kepada 6% GST. Satu *items* daripada 6% SST dikecualikan GST dan ada 72 item yang kini dikenakan 6% SST akan kekal pada 6% apabila GST dilaksanakannya. Terdapat 73 *items* hanya akan dinaikkan 1% sahaja daripada 5% SST kepada 6% SST.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan yang prihatin dan utamakan rakyat telah berinisiatif untuk meminimumkan beban kewangan kepada golongan yang berpendapatan rendah. Oleh yang demikian, barang-barang makanan seperti beras, tepung gandum, gula pasir, garam, minyak dan sebagainya semua tidak dikenakan sebarang GST. Termasuk dalam senarai sifar GST adalah produk-produk pertanian, binatang, ternakan, daging dan sebagainya. Selain daripada itu, pengangkutan awam, tol, perkhidmatan pendidikan, rumah kediaman dan lain-lain juga dikecualikan GST. Maka kita boleh mengatakan bahawa sebahagian besar perbelanjaan orang berpendapatan rendah tidak dikenakan GST berbanding dengan apa yang mereka kata bahawa kalau belanja RM2,000 sebulan, rakyat membayar RM120 GST. Sebenarnya saya difahamkan golongan itu mungkin hanya akan bayar lebih kurang RM18 sebulan sahaja. Selama ini, kita sering dengar aduan bahawa kedai-kedai yang *turnover* kecil itu...

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Mencilah, boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kelana Jaya bangun Yang Berhormat.

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** ...Sukar bersaing dengan kedai-kedai besar seperti *chain store* ataupun *supermarket*. Akan tetapi selepas pelaksanaan GST, kedai-

kedai yang *turnover* tahunan tidak melebihi RM500,000 ada pilihan untuk tidak mendaftar dan tidak perlu membayar GST. Pendek kata, kedai-kedai itu akan lebih berdaya saing dengan *supermarket* kerana mereka tidak perlu membayar GST. Justeru itu, para pelanggan dan pembeli ada pilihan ingin membeli belah di kedai-kedai kecil yang tidak perlu bayar GST ataupun di *supermarket* yang akan caj GST. Baik untuk pulangan mahupun untuk kedai-kedai yang kecil. Tuan Yang di-Pertua, satu lagi pembohongan pihak pembangkang yang perlu saya dedahkan ialah mereka mendakwa bahawa apabila Singapura memungut GST ataupun VAT buat kali yang pertama mereka hanya dikenakan 3%.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Minta penjelasan.

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Akan tetapi apa yang mereka sembunyikan daripada orang ramai ialah sebelum pelaksanaan GST, semua barang dan perkhidmatan di Singapura tiada elemen cukai. Maka pada masa itu memang harga barang akan melonjak 3%.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Minta penjelasan Yang Berhormat Tebrau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Hendak beri jalan Yang Berhormat? Yang Berhormat Bukit mertajam.

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Tidak, tidak. Saya hendak habiskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Duduklah Yang Berhormat.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Janganlah, bahas ini.

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Akan tetapi di Malaysia hanya kira-kira 35% yang akan menghadapi kenaikan cukai termasuklah 37 *items* yang hanya naik 1% sahaja. Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat Kinabatangan bahawa *service charge* oleh hotel dan restoran harus diberikan istilah baru dan seperti yang beliau cadangkan terus tulis "*Tips*". Oleh kerana kebanyakan orang ramai salah anggap bahawa *service charge* itu sebagai *service tax* yang dikutip oleh kerajaan, pendapatan tambahan daripada hasil GST yang kerajaan gunakan untuk membantu golongan rakyat dan lapisan masyarakat yang memerlukan bantuan.

Tuan Yang di-Pertua, tinggal kira-kira setahun sebelum GST dilaksanakan kelak, saya bercadang, kerajaan memperoleh dan memperhebatkan usaha untuk mengadakan dua kategori penerangan. Pertama, yang ditujukan kepada para pengusaha dan peniaga tentang cara pelaksanaan dan bantuan yang dihulurkan oleh kerajaan untuk membantu mereka mengatasi segala masalah.

#### ■1540

Keduanya ialah yang ditujukan kepada orang ramai untuk membongkar segala pembohongan oleh pihak pembangkang agar melegakan mereka daripada fobia GST [*Tepuk*] Orang ramai juga harus diberitahu manfaat yang mereka bakal menikmati apabila pendapatan hasil kerajaan bertambah. Memandangkan bahawa kebanyakan orang ramai tidak sedar wujudnya SST sekarang, saya bercadang bahawa kerajaan membuat satu senarai perbandingan yang menunjukkan harga barangan sebenarnya SST yang dikenakan sekarang dan GST yang akan dikenakan kelak bagi barangan keperluan asas.

Kerajaan pun harus membuat pengumuman awal penyelarasan kadar cukai pendapatan perseorangan dan syarikat. Untuk mengelakkan segelintir peniaga yang menggunakan alasan GST untuk menaikkan harga barangan atau pun perkhidmatan sewenang-wenangnya, pemantauan adalah amat-amat mustahak. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kementerian Kewangan mesti menyediakan sistem pemantauan yang seberapa lengkap untuk membuat pemantauan yang rapi khususnya pada peringkat awalan pelaksanaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya penuh keyakinan bahawa dengan kerjasama daripada semua pihak terutama sekali orang ramai, pegawai-pegawai yang terlibat dan sebagainya, Kerajaan Barisan Nasional akan berjaya melaksanakan GST dengan licin dan sempurna. Maka Tuan Yang di-Pertua, saya dengan hormatnya menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014. Sekian, terima kasih.



**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Tidak panggil lagi Yang Berhormat [Ketawa] Pada ketika ini kita cuma boleh beri ruang tiga orang. Jadi *stick* kepada masa 15 minit seorang. Tiga orang boleh berbahas sebelum kita berhenti untuk Usul 18(1) pada pukul 4.30 petang dan pada pukul 5.30 petang Yang Berhormat Menteri menjawab. Saya bagi Timbalan Presiden dahulu ya. Ya, Yang Berhormat Gombak.

**3.41 ptg.**

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada petang ini saya kira dalam membahaskan rang undang-undang berhubung GST, kita perlu meneliti jaminan yang telah diberikan oleh kerajaan apakah asas untuk pelaksanaan GST ini?

Kita telah mendengar penjelasan dari Yang Berhormat Menteri bahawa salah satu sebab pelaksanaan GST adalah untuk menjana pendapatan negara dan dijangkakan dengan pelaksanaan GST pada April 2015 pertambahan sebanyak RM3 bilion akan dipungut oleh kerajaan. Kita harus akui bahawa fenomena ekonomi global pada hari ini menuntut kita untuk mencari sumber-sumber pendapatan baru dan tidak mungkin negara kita terus bergantung kepada pendapatan sumber petroleum dan gas yang menyumbang di antara 35% hingga 40% daripada hasil negara. Dalam perbahasan petang ini juga kita harus akui bahawa sekitar 10% sahaja daripada *working population* di Malaysia yang membayar cukai. Inilah kesan terhadap sistem percukaian di negara kita yang mengakibatkan *tax base* yang dilaksanakan pada hari ini agak *narrow* ataupun sempit. Saya ingin mencadangkan bahawa satu reformasi secara menyeluruh yang bersifat *broad base* dan *comprehensive* dan lebih efisien bagi menggantikan SST yang menyumbang kira-kira 7% daripada pendapatan negara.

Kita telah mendengar beberapa saranan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya dari Pakatan Rakyat yang mencadangkan pelaksanaan *capital gains tax* atau *windfall tax* yang sebenarnya ada tetapi pelaksanaannya itu agak tempang dan tidak menyeluruh. Saya ingin tambah kepada perbahasan sebelum ini supaya kerajaan meneliti semula pelaksanaan cukai korporat termasuk kelulusan kerajaan untuk pengecualian cukai kepada syarikat-syarikat berstatus *The TRX* iaitu *Tun Razak Exchange*. Kita telah mendengar bahawa kerajaan memberi pengecualian 10% cukai pendapatan kepada TRX, pengecualian duti setem berstatus *TRX marquee* serta pengecualian cukai bagi pemaju hartanah. Bagi saya ini adalah satu perkara yang tidak rasional. Sebagai contoh kerajaan juga telah berjanji untuk menganugerahkan 100% pengecualian cukai kepada mana-mana bank yang *relocate* ibu pejabatnya kepada TRX. CIMB, Maybank ataupun RHB. Mengapa perlu bank-bank ini diberikan *tax incentive* ataupun pengecualian yang cukup besar dalam keadaan mereka telah pun ada ibu pejabat masing-masing di sekitar Kuala Lumpur? Dengan pengalihan dan pemindahan dengan hanya 500 meter ke dalam TRX, mereka mendapat 100% pengecualian cukai.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi contoh. Pada tahun 2013, CIMB membayar *income-tax* ataupun cukai pendapatan sebanyak RM1.24 bilion, Maybank sebanyak RM1.2 bilion dan RHB sebanyak RM0.6 bilion. Maka pada *averagenya* pada pendapatan kasar untuk sumber pendapatan negara setahun berjumlah hampir RM3 bilion. Dengan pengecualian cukai yang diberikan kepada bank-bank ini yang memindahkan ibu pejabat mereka ke dalam TRX ini bermakna kerajaan hilang sumber pendapatan berjumlah RM3 bilion. Mengapa ini dilakukan oleh kerajaan? Mengapa mereka yang berpindah ke dalam *Tun Razak Exchange* ini mendapat *tax relief* yang begitu mewah sedangkan GST ini hendak dibebankan ke atas rakyat biasa, petani miskin, pemandu teksi, guru, penjawat awam? Ini bermakna kerajaan mendahulukan rakyat dalam konteks membebaskan mereka dengan sistem percukaian yang berat yang dinamakan GST tetapi memberi peluang yang begitu luas kepada tauke-tauke dan kroni-kroni UMNO dan Barisan Nasional dengan pengecualian yang begitu besar.

Saya telah nyatakan tadi dengan pelaksanaan pengecualian cukai kepada mereka yang berpindah ke dalam TRX ini, kerajaan sudah hilang sebanyak RM3.1 bilion setahun. Apakah ini diterima oleh Yang Berhormat Rompin? Orang Rompin kena bayar cukai. Orang Rompin dibebankan, peneroka FELDA dibebankan dengan cukai tetapi tauke-tauke pemilik bank yang besar boleh terlepas daripada membayar cukai. Inilah dasar UMNO, rakyat

didahulukan dan tauke-tauke diangkat menjadi kroni mereka. Saya juga ingin... [Disampuk] Dengar dahulu! Kalau hendak bahas boleh bangkit...

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang Berhormat Baling jaga-jaga. Baru ini 40,000 orang kita sudah berhimpun di Baling.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Yang Berhormat Gombak. Lumut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lumut bangun Yang Berhormat.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Yang Berhormat Gombak, sebelum ini tahukah Yang Berhormat Gombak, kerajaan dikenakan cukai kepada harta pusaka? Apakah Yang Berhormat Gombak bersetuju sekiranya kerajaan memperkenalkan semula cukai tersebut untuk pemindahan harta pusaka yang bernilai lebih daripada RM10 juta. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Yang Berhormat Lumut. Saya telah menegaskan tadi sistem percukaian ini harus dikaji secara *totality*, secara menyeluruh. Apa yang dilakukan sekarang hanya menumpu kepada persoalan *goods and services*, barangan dan perkhidmatan sedangkan sistem percukaian terhadap tokoh-tokoh korporat, kroni-kroni UMNO dan Barisan Nasional langsung tidak dipedulikan. Manakala, yang ada harta pusaka ini kroni UMNO. Orang kampung mana ada harta pusaka. Jadi sebab itu saya mencadangkan supaya satu *tax reform* yang menyeluruh dibentangkan di dalam Dewan Rakyat ini.

Keduanya, saya juga ingin membangkitkan soal *investment tax allowance* ataupun ITA ini Tuan Yang di-Pertua. MIDA memperuntukkan pengecualian cukai sebanyak 60% ke atas apa-apa perbelanjaan modal dibuat oleh syarikat yang layak yang biasanya diberikan kepada syarikat-syarikat matang untuk membeli mesin dan membuat pelaburan lain.

#### ■1550

Persoalan saya ialah cukai ITA ini ataupun *investment tax allowance* ini yang diberikan oleh MIDA sebanyak 60% kepada syarikat-syarikat matang ialah pada peringkat awal dulu yang terlibat dalam sektor perladangan. Contohnya yang bertujuan untuk membeli mesin-mesin yang besar pada awal tahun 80-an dan 90-an. Akan tetapi sekarang syarikat-syarikat ini telah mengaut keuntungan beratus juta, berbilion ringgit. Mengapa ITA ini masih terus dilaksanakan untuk memberi pelepasan cukai kepada syarikat-syarikat yang sudah matang dalam industri pertanian dengan insentif sebanyak 60%.

**Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Kalau perkara ini dapat diteliti semula, maka sudah tentulah pendapatan kerajaan boleh ditingkatkan tanpa perlu membebankan rakyat biasa di Parit Sulong, di Lenggong dan di Rompin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gombak, kita ada pelawat. Pelawat, Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Sebab itu petang ini, petang ini kita hendak tengok sama ada Wakil Rakyat UMNO membela rakyat atau membela kroni.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gombak. Yang Berhormat Gombak, ada pelawat, Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Kita tengok. Akhirnya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gombak, Speaker bercakap. Ada pelawat datang.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Berhenti sekejap. Ada pelawat datang ya.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ada pelawat. Dia hendak dengar saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sukacita dimaklumkan bahawa bersama-sama kita di Dewan yang mulia ini ialah delegasi dari Australia yang diketuai oleh *Honorable Bruce Scott, Deputy Speaker of the House of Representative* serta enam orang delegasi. Kepada Honorable Bruce Scott dan delegasi, Dewan ini mengalu-alukan kehadiran ke Dewan yang mulia ini. Ya, teruskan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Rompin bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Penjelasan sedikit kalau boleh.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Kenalah bagi.

**Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Bagilah. Tadi Yang Berhormat Gombak rujuk kepada Rompin. Bagilah.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Sekejap, sekejap, sekejap. Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Hendak bagi, Yang Berhormat?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Nanti sekejap. Saya bagi, saya bagi. Tuan Yang di-Pertua, *on behalf of* Pakatan Rakyat, dengan izin,...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Boleh cakap Bahasa Melayu. Ada *translator*, Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** *...We would like to welcome our friends from Australia who are here to witness the debate on GST which was presented by UMNO and Barisan Nasional who gain only 46% of popular votes in the last election... [Dewan riuh] [Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** *...And now, we are going to share with you what happened in Australia and we are telling our UMNO Members- stop implementing GST...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, *the official welcome* yang saya baca tadi Yang Berhormat ya... *[Ketawa]*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Mohon penjelasan.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Rompin.

**Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Bagilah.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** *This is our former Ambassador to United States.* Sila.

**Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Since, dengan izin, the House, not just any specific party in the House, welcome Australia and let us, dengan izin, give a big hand for the Australia for helping us out [Tepuk] And your Prime Minister, and your people. We just got back. I just go back from Perth too. So, we are very really excited, not just the government, but the people of the Australia is behind us helping Malaysia. On behalf of the Dewan, House, I would like to thank you Senators and the whole Representatives from the House. So, don't get involve with this petty politics like what done by Yang Berhormat Gombak.*

*Again...* Bagilah penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Sekali lagi, Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** *No, no, no.* Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** *Welcoming message* yang rasmi itu yang saya baca tadi, Yang Berhormat ya.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya bagi peluang untuk bahas tentang GST dan bukan untuk bagi buat *reference to Australia*. Duduk!

**Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Saya hendak minta penjelasan...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Dia salah guna *floor* saya. Dia salah guna. Sudah, sudah. Saya tidak bagi.

**Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Bagilah. Kita ada beberapa...

**Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Presiden takutkah? Kena main dengan Yang Berhormat Rompin sahaja ini!

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ya, *thank you. Australia, thank you very much.*

**Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** *...They still can govern in Australia.*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** *But, this is the first time UMNO secured and only 46% of popular votes... [Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** *And we the Opposition here, we secured 55% of the vote.*

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, Australia tidak terlibat dalam kes GST ini, Yang Berhormat ya. Tidak payah libatkan mereka Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Okey, terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** *And also, we have recognize the controversy in Australia, but his leader of the party,...*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** *Sit down, please. This is my floor.*

**Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** *...He decide their own government!... [Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Rompin, Yang Berhormat Rompin.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Rompin, boleh duduklah Yang Berhormat Rompin. Duduk, Yang Berhormat Rompin. Duduk, duduk. Tidak payahlah. Sudah lama itu. Duduk... *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ya, masa berjalan, Yang Berhormat. Masa berjalan ya.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Okey Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan dengan perbahasan saya.

**Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Ya, *you are almost insulting the Australian. That's what you guy...*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Perkara yang terakhir...

**Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Bagilah. Saya belum... *I have the floor, dengan izin... [Dewan riuh]*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga...

**Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Hey, bagilah. Saya minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan, Yang Berhormat Gombak. Hendak bagi, Yang Berhormat Rompin? Yang Berhormat Gombak. Yang Berhormat Rompin, Yang Berhormat Gombak tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

**Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Inilah masalah PKR. *That's what you talk- when the Opposition of Malaysia talking about democracy... [Dewan riuh]*

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** *Order, order.*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Rompin, *please in BM!*

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Tuan Yang di-Pertua, *point of order.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Indera Mahkota bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** *Who's having the floor,* Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ya?

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** *Who's having the floor,* Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gombak, ya. *I've been telling him, he is having the floor and everybody knows...*

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** *Thank you Yang Berhormat Indera Mahkota. This is my floor.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Titiwangsa bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga yang saya hendak cadangkan ialah bagaimana kita boleh jana pendapatan negara. Tidak perlu. Tidak perlu GST. *We don't need to implement GST in Malaysia. What we need to do is...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Kenapa sudah orang putih?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Okey, okey.

**Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Dia takutlah itu. *They are so scared. They are so scared. [Dewan riuh]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Rompin, duduklah!

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *[Menyampuk]*

**Seorang Ahli:** Cakap Melayu!

**Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Hendak minta bantuan Australia pula!

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Baling, duduk! Yang Berhormat Baling, duduk! Duduk!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Tidak payahlah macam ini. Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Duduk! Duduk! Jangan banyak cakap!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Tidak payahlah macam ini, Yang Berhormat. Kita ada tetamu, Yang Berhormat. Tidak payah macam ini.

**Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Gombak tidak mahu dengar penjelasan saya hendak bagi penghargaan kepada Yang Berhormat Gombak.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Kawan-kawan daripada Australia...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, tidak payah melibatkan mereka, Yang Berhormat. Tidak payah melibatkan Australia.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Dia faham bahasa Gombak. Dia tidak faham bahasa Baling. Dia tidak faham. Kalau Yang Berhormat Baling cakap, dia tidak faham. Jadi, duduklah Yang Berhormat Baling. Yang Berhormat Baling dan Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, dia tidak faham.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, cuma Yang Berhormat, tidak payah melibatkan mereka, Yang Berhormat. Sekali lagi, tidak payah cakap orang putih. Kita ada *translator* dekat sana. Mereka boleh faham itu... *[Dewan riuh]*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** *So, you don't allow me to speak in English?*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Tidak. Tidak payahlah, tidak payah.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** *So, I will converse in Bahasa Malaysia.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Oh, ya.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** *Thank you.* Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, akhirnya macam mana kita hendak dapat pendapatan tambahan? Buat tender terbuka. Buat tender terbuka. Biar ada menggunakan prinsip *value for money*.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** *Open tender.* Sekejap, sekejap. Saya hendak habiskan ini dulu. Saya bagi contoh.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Boleh bagi soalan, Yang Berhormat Gombak. Satu. Sikit sahaja. Sikit sahaja. Satu soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gombak tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Sebagai contoh, bila kerajaan anugerahkan jalur lebar 4G kepada lapan syarikat. Salah satu syarikat yang mendapat ini namanya Tan Sri Syed Mokhtar. *For your information, Tan Sri Syed Mokhtar is the crony of UMNO and Barisan Nasional...* *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, cukuplah. Cukuplah itu, Yang Berhormat ya.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tanpa tender terbuka, Syed Mokhtar mendapat secara percuma lesen 4G, 40 megahertz dan syarikat-syarikat yang lain mendapat Maxis, U-Mobile, Red Tone, YTL. *Again, another crony of UMNO and Barisan Nasional...* *[Dewan riuh]* Packet One Network Sdn. Bhd. Semua ini mendapat 20 megahertz sahaja. Persoalannya, saya hendak tanya dengan UMNO dan Barisan Nasional. Mengapa tidak ada *open tender*? *Look what they practiced in Australia, in United Kingdom. They go for open tender.*

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor [Tampin]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Baru kerajaan dapat pendapatan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ya, hendak bagi jalan, Yang Berhormat...? *[Dewan riuh]*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang Berhormat Tanjong Karang hendak cerita pasal udang ataupun... *[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Bagi jalan, bagi jalan.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya sedang bahas tentang 4G. Saya tidak tahu bahas tentang udang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ya, hendak bagi jalan, Yang Berhormat?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tidak. Tidak bagi, tidak bagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gombak tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Gombak pergi balik Gombaklah!

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Bagi saya cakap sedikit.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Gombak, kalau macam ini standard, kalahlah Timbalan Presiden.

#### ■1600

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Duduklah.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Gombak kalau macam ini standard, kalahlah Timbalan Presiden.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Duduklah!.. *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat. Yang Berhormat Gombak tidak bagi jalan Yang Berhormat, duduk.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Patutlah hendak lawan...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Berhentilah, malulah!

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Gombak tidak layak hendak jadi ...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua bagi *ruling*, Tuan Yang di-Pertua bagi *ruling*.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Apa ini?... *[Dewan riuh]*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Apa ini? Malulah!

**Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor [Tampin]:** Tidak apa, biar saya jawab.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Apa ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya habiskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor [Tampin]:** Yang Berhormat Gombak, politik saya boleh jawab.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak rumuskan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Gombak takutkah?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ini *floor* saya, saya perlu adil.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ahli Yang Berhormat, yang lain duduk Yang Berhormat... [*Dewan riuh*]

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Kita hendak tolong you, kita hendak tolong *you*.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Janganlah kacau...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, kenapa tiba-tiba macam ini Yang Berhormat? Cukuplah. Ahli Yang Berhormat yang lain itu duduklah Yang Berhormat, duduklah Yang Berhormat. Duduklah.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Bagilah UMNO cakap, kata cabar.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ya habiskan, habiskan Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Dengar ini Yang Berhormat Gombak, saya hendak tolong ini, hendak tolong Yang Berhormat Gombak menang Timbalan Presiden.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Akhirnya syarikat TM baru-baru ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Masa hendak habis. Yang Berhormat Pokok Sena hendak berucap itu... [*Dewan riuh*]

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Nanti dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Tidak bagi jalan, tidak bagi jalan Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Hendak tolong Yang Berhormat Gombak menang Timbalan Presiden.

**Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor [Tampin]:** Yang Berhormat Gombak, hendak cakap hendak cakap. *No politic, no politic*. *I* cakap, bagi *I* cakaplah.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya tidak perlu pertolongan UMNO... [*Dewan riuh*]

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tadi cabar UMNO.

**Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor [Tampin]:** Bagilah jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ahli Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat Gombak tidak bagi jalan Yang Berhormat, duduklah, duduk.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu]:** Tidak boleh jawab.

**Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor [Tampin]:** Tuan Yang di-Pertua fakta bohong, fakta bohong. Kelirukan Dewan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, lepas ini Barisan Nasional sahaja berucap.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu]:** Yang Berhormat Gombak takut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ya habiskan Yang Berhormat.



**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya hendak habis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Duduk dahululah Yang Berhormat.

**Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor [Tampin]:** Saya anggap Yang Berhormat Gombak ini orang terpelajar. Saya hendak bersama-sama ...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Nantilah, saya tidak habis lagi.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *Floor* siapa ini Tuan Yang di-Pertua? *Floor* siapa? Sepatutnya ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tampin, Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu, Yang Berhormat Kapar, duduk semua Yang Berhormat.

**Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor [Tampin]:** Malulah.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Dia takut saya hendak cakap yang benar. Dia takut saya hendak bagi kebenaran. Itu UMNO takut. UMNO takut dengan ...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Kalau penakut, janganlah hendak cabar...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Baru-baru ini syarikat Telekom ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ya, habiskan Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Pergi balik kempenlah Timbalan Presiden. Tidak ada standard jadi Timbalan Presiden. Eloklah lawan, eloklah lawan. Penakut cabar Menteri, orang hendak jawab tidak bagi jalan. Apa punya standard ini, buat malu sahajalah. Kalau hendak berucap usah cabar orang. Jangan hendak jolok sarang tebuhan, jangan cuba jolok sarang tebuhan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Tidak apalah.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Inilah hendak jadi Menteri tidak dapat, dia meroyanlah.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tidak apa!

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Dia meroyanlah itu, meroyan.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ramai lebih layak daripada dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ya Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Gombak habiskan Yang Berhormat Gombak.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Buat tuduhan tetapi tidak bagi jalan.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Syarikat Telekom membeli 57% kepentingan ekuiti dalam *Packet 1* dengan harga RM357 juta...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Masa Yang Berhormat habis Yang Berhormat ya. Saya beritahu Tuan Yang di-Pertua masa Yang Berhormat habis ya [*Ketawa*]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** RM357 juta. Kalau Telekom Malaysia bayar RM357 juta- ya Tuan Yang di-Pertua, kalau Telekom Malaysia membayar RM357 juta untuk dapat 57% ekuiti dalam *Packet 1*. Lesen masih *Packet 1* pegang, tetapi dia beli ekuiti sudah kena bayar RM357 juta. Mengapa MC-MC tidak beri lesen ini terus kepada Telekom? Mengapa kena beri kepada syarikat swasta, kroni UMNO yang sekarang jual balik kepada kerajaan dengan RM357 juta? Maknanya, wang ini sudah beralih ke tangan pihak swasta

dan terlepas pendapatan untuk kerajaan. Oleh sebab itu, saya cadangkan supaya perkara ini dihentikan. Kalau 57% kena bayar RM357 juta, apa kata kalau Telekom beli 100% ekuiti dalam *Packet 1*, dia kena bayar RM614 juta. Itu baru satu lesen.

**Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor [Tampin]:** Yang Berhormat Gombak, boleh saya cakap?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Kalau kita ada lapan lesen, Telekom beli semua lapan lesen, Telekom kena bayar RM4.9 bilion. Ini satu kehilangan besar kepada Kerajaan UMNO dan Barisan Nasional.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Gombak, masa.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya mahu membawa usul khas dalam Parlimen ini...

**Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor [Tampin]:** Sebelum bagi usul, saya hendak sokong usul itu.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Kita hukumnya wajib tolak Rang Undang-undang GST yang dibentangkan oleh UMNO dan Barisan Nasional. Ini kerana ini satu undang-undang yang zalim, yang menekan rakyat yang terbanyak, memberikan peluang yang luas kepada kroni-kroni UMNO...

**Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor [Tampin]:** Yang Berhormat Gombak, janganlah cakap politik.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang mengaut untung ratusan juta ringgit. Lawan tetap lawan.

**Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor [Tampin]:** Yang Berhormat Gombak, jangan cakap politik.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Gombak, hendak tolong pun tidak hendak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk dahulu, duduk. Menurut nota di depan saya ini ada lagi dua Yang Berhormat yang boleh berhujah. Selepas itu 4.30 petang, kita beralih kepada agenda lain. Jadi dalam nota di depan saya ini juga, satu Ahli daripada Barisan Nasional, selepas itu daripada pembangkang dan juga tercatat di sini daripada Yang Berhormat Pokok Sena. Belum lagi Yang Berhormat Pokok Sena... *[Ketawa]* Dari sana dahulu. Sila daripada Barisan Nasional. Sila. Masa Yang Berhormat, tolong masa ditetapkan berapa minit.

#### 4.07 ptg.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, beri saya peluang untuk turut berbahas Rang Undang-undang Cukai Barangan dan Perkhidmatan 2014. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah membuat keputusan yang bertanggungjawab. Satu keputusan yang berani dan betul demi kesejahteraan rakyat. Walaupun keputusan ini tidak popular dan dikritik, tetapi kerajaan telah mengambil kira usaha-usaha untuk meringankan beban kos kehidupan rakyat. Inilah kerajaan yang prihatin, kerajaan yang ambil berat, kerajaan yang serius, dengan pelan yang terperinci.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya ada buat lawatan di kawasan. Dalam program itu, saya menceritakan tentang GST. Ada satu orang yang agak tua, saya ingat hampir-hampir 80 tahun umur dia. Dia mengangguk-angguk tanda setuju. Selepas berbicara saya tanya dia, "*Pakcik, pakcik fahamkah apa saya cakap?*" Dia kata dia faham. Saya pun yakin dia tidak faham tetapi untuk Dewan yang mulia ini, pakcik yang tua ini pun dapat memahami. Dia katakan ini baik untuk kerajaan, baik untuk rakyat. Saya kira pakcik ini faham sebab hatinya bersih. Bila hati bersih, senang faham. Bila hati kotor, payah hendak faham *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pada awal ini untuk membawa Dewan kembali untuk berfikir bagaimana sepatutnya kita menghayati cukai ini. Cukai ini diuar-uarkan

penyeksaan, penderaan, penzaliman. Inilah yang digembar-gemburkan, yang dikelirukan rakyat hari ini. Akan tetapi cuba kita fikir, apakah yang lebih penting. Kita berbicara, berbahas tentang teknikal tetapi kenapa *tax* itu penting. Hari ini cuba kita bayangkan, kalau kita ambil perkara solatlah, katakan kita tentang bahas tentang rukuknya, sujudnya, *qiamnya* macam mana tetapi kita harus tahu betapa pentingnya solat itu terlebih dahulu. Jadi hakikatnya, tidak ada yang *free*. Hari ini tidak ada yang *free*. *Somebody is paying something*, dengan izin. Contohnya gulalah, contohnya gula kita ada subsidi. Contohnya kalau ada subsidi gula, bermakna ada bahagian yang dibayar oleh seseorang.

**Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor [Tampin]:** Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Contohnya, makanan yang ada subsidi. Bermakna ada seseorang yang sedang membayar. Itulah kerajaan yang membayar. Dari mana kerajaan membayar? Daripada duit. Duit itu datang dari mana? Silakan.

**Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor [Tampin]:** Yang Berhormat Bagan Serai, saya terima kasih kepada Yang Berhormat Bagan Serai.

#### ■1610

Tuan Yang di-Pertua, saya bukan hendak betulkan Yang Berhormat Bagan Serai. Cuma saya hendak bagi pandangan kepada pandangan Yang Berhormat Gombak tadi yang benar-benar menipu Dewan, mengelirukan Dewan berhubung dengan spektrum... [*Dewan riu*] Spektrum ini sesuatu yang begitu besar nilainya. Apabila kita hendak bagi kepada mana-mana syarikat telekomunikasi, kalau kita tender secara bulat-bulat, mungkin harga tender itu terlalu tinggi, betul. Mungkin kerajaan akan dapat wang yang besar, banyak. Akan tetapi bagaimana kos nanti yang akan ditanggung oleh syarikat telekomunikasi itu.

Siapa akhirnya akan membayar kos ini? Pihak yang akan membayar ini, pengguna. Kerajaan Barisan Nasional menjaga kebajikan pengguna yang ada dalam negara [*Tepuk*] Oleh sebab itu bila kerajaan ingin mengagihkan spektrum ini, kita bukan sahaja tentukan berapa nilai spektrum itu, tetapi bagaimana syarikat-syarikat ini akan melakukan *rollout* ini nanti dan apakah implikasinya kepada pengguna. Itu yang paling penting. Oleh sebab itu apa yang dilakukan oleh Yang Berhormat Gombak hari ini semata-mata untuk menyelewengkan Dewan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Tampin. Tengok Yang Berhormat Tampin, dia bersih. Oleh sebab itu dia senang faham [*Ketawa*] Jadi bila kita bercakap tentang barangan dan perkhidmatan, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kita ada dua dinamakan *private goods* dan *public goods*, dengan izin, *private goods*- contohnya kereta kita. Kereta kita sama ada kita hendak beli kereta murah atau mahal, sama ada kita hendak buat apa dengan kereta kita, kita yang bayar. Di mana kita hendak makan? Di gerai ataupun di hotel, kita yang bayar. Itu tanggungjawab kita. Begitu juga dengan hotel. Kita hendak duduk hotel yang ada bintang, tidak ada bintang, lima bintang, itu pun hak kita.

Akan tetapi apabila kita berbicara tentang *public goods*, kita berbicara tentang jalan umpamanya. Kita kompelin jalan lopak, jalan tidak cukup dan sebagainya, siapa yang bayar? Hari ini kita bicara tentang udara. Udara yang jerebu, komplikasi jerebu, siapa yang bayar? Kalau kita cakap tentang jambatan atau kita cakap tentang air umpamanya, air tidak cukup. Kita kompelin dan sebagainya, siapa yang bayar?

Di dalam Dewan yang mulia, kita tahu baru-baru ini kita kehilangan pesawat MH370, banyak belanja telah digunakan untuk mencari satu masalah yang besar, ujian yang kita hadapi, siapa yang bayar?

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Satu soalan sahaja.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Jadi duit ini datang daripada kerajaan. Duit ini datang daripada mana? Daripada mana sumber duit ini?

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Satu soalan sahaja Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Itulah sebab saya hendak menjustifikasikan, *this is to legitimize a government to implement tax* dengan izin.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Satu soalan sahaja Yang Berhormat.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Saya minta jalan ini kerana tadi saya hendak minta dekat Yang Berhormat Gombak tidak dapat. Akan tetapi saya rasa saya perlu bagi tahu dalam Dewan ini, tadi Yang Berhormat Gombak sebut bahawa kerajaan beri tanah kepada 1MDB, *Tun Razak Exchange* dan 1MDB adalah milik kerajaan 100%. Akan tetapi yang peliknya, Kerajaan Negeri Selangor, dia mempunyai tanah 1,172 ekar diberi kepada sebuah syarikat Tropicana... [Dewan riuh] Kemudian tanah ini dia buat *agreement*, jual tanah ini dengan harga RM16.37 sen *per square feet*... [Dewan riuh] Bayar 20 tahun!... [Dewan riuh] Tidak, tidak, nanti, tidak habis lagi. Baru bayar 20 tahun. Kemudian syarikat ini apabila dapat tanah ini, jual pula kepada satu syarikat lain, *collect* 420, jual 363 ekar dapat RM470 milion sekarang dengan harga RM29.46 sen. Kalau kita bercakap soal Kerajaan Pusat, betulkan kerajaan negeri, baru boleh cakap... [Dewan riuh] [Tepuk]

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Titiwangsa. Masukkan perbahasan dalam perbahasan saya.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat, boleh? Sikit, sikit, tambah sikit. Saya hendak, tadi pun saya hendak tanya Yang Berhormat Gombak. Ini kerana Yang Berhormat Gombak ini dia Timbalan Presiden. Dia lupa, dia ada kerajaan. Saya hendak sambung yang Selangor tadi, yang disebut sebab saya orang Selangor.

Sudahlah jual tanah murah, kemudian yang lebih dahsyat lagi, perjanjian itu ditandatangani pada 15 April. Pada masa itu, Dewan telah dibubarkan. Bagaimana kerajaan negeri boleh menandatangani perjanjian apabila Dewan telah...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** ...Dibubarkan- *caretaker government* pada masa itu dengan harga yang dijual di bawah harga pasaran. Jadi ini yang saya hendak tanya Yang Berhormat Gombak, yang cakap pandai yang sebelah sana. Bila sahaja Barisan Nasional buat, semua salah. Ini bekas *Exco* ini. Yang Berhormat Seputeh, bekas *Exco*, tahu atau tidak tahu tanah itu dijual? Ada dibawa dalam mesyuarat *Exco*? Yang Berhormat Seputeh pun tidak tahu. Ini Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Bagan Serai, setuju ataupun tidak bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat, baru dapat kuasa sedikit, tetapi mereka telah mengamalkan rasuah dan juga kroni... [Dewan riuh]

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Inilah perangai yang sebenarnya.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Boleh sikit? Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Maka jelaslah hari ini.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Bagan Serai, sikit.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Jadi hari ini, status kadar cukai di Malaysia hari ini, dengan telah lebih 50 tahun...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Bagan Serai beranikah? Sekejap, sikit, sikit.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Pendapatan per kapita telah meningkat, peratus kemiskinan telah menurun.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Saiz ekonomi telah meningkat dengan ketara dan juga saiz tenaga kerja negara sudah meningkat dengan ketara. Justeru itu, maka keperluan dan kemudahan awam diberikan kepada rakyat, memohon perkara yang lebih baik...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Dan lebih moden dari segi jalan, jambatan, pendidikan, kesihatan dan sebagainya.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Oleh sebab itu sistem percukaian hari ini...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Mestilah ada satu evolusi supaya dapat mendatangkan dana yang lebih kepada kerajaan. Duit yang lebih kepada kerajaan kerana duit ini adalah untuk rakyat supaya rakyat dapat menikmati kekayaan di negara ini.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Baik.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Justeru itu...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan GST pada tahun depan. Sebentar.

**Seorang Ahli:** Bagilah laluan.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Kenapa GST? Kenapa GST?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Takutkah?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Kenapa GST? Sebab GST telus, efisien, efektif dan mesra perniagaan. Kenapa GST? GST bukan baru. GST adalah penambahbaikan kepada SST. Sejak tahun 1990, dengan 160 negara mengamalkan dan terdapat 28 daripada negara-negara miskin juga mengamalkannya.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Hidup Melayu!

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Cuba kita bayang, perkara ini Tuan Yang di-Pertua, budak-budak pun faham. Saya hairan kenapa yang sudah ada rambut putih pun tidak faham.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Hidup Melayu!

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sampai tidak ada rambut pun tidak faham!

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. Yang Berhormat. Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tadi, sebentar tadi, Mr. Don Yaginson...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat!

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Seorang *Minister* daripada Denmark telah beritahu kita...

**Tuan Yang di-Pertua:** [Mengetuk tukul]

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** 25%...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Gombak berdiri atas peraturan mesyuarat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Oh, ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk Yang Berhormat. Sila.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Peraturan mesyuarat 26(12), Yang Berhormat Tanjong Karang telah mengelirukan Dewan... [Dewan riuh] Apa yang berlaku, kita di dalam Pakatan Rakyat ini sama ada ia kerajaan negeri atau Kerajaan Pusat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat Gombak...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Jangan hendak cari publisiti murah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Gombak, ada dekat luar Dewan tiba-tiba hendak...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, duduk dahulu Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Duduklah! Ini dia ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk, Yang Berhormat Tanjong Karang duduk. Yang Berhormat Tanjong Karang pun duduk.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ini dia ini, ini perangai macam ini hendak jadi Timbalan Presiden.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tadi boleh buat tuduhan, kita hendak jawab...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Orang bercakap tidak bagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Gombak, duduk dulu.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Lepas itu bila masuk hendak jadi hero, guna peraturan mesyuarat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Bukan hero, hendak jawablah. Jangan tuduh.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Itu tadi orang minta jalan. Tadi saya minta jalan tidak hendak bagi.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Dekat luar pun boleh dengar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tanjong Karang duduk, Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Tanjong Karang, duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat Gombak, duduk Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Kita bagi jawablah.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Penakut! Penakut, lepas itu hendak jadi hero.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat!... [Dewan riuh]

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Sudah penakut, duduklah!

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan Yang Berhormat, Yang Berhormat Tanjong Karang duduk, Yang Berhormat Gombak duduk.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Bukan penakut, dia yang penakut. Tadi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat!

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Bukan ada fakta, merapu sahaja!

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Peraturan mesyuarat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat..

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ini *cheap publicity*lah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat..

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Apalah, UMNO hendak bertanding pun kalah... [Dewan riuh] [Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, jangan habiskan masa perbahasan kerana ini perkara penting. Hal-hal lain itu jangan campur adukkan dengan

perbahasan, satu. Kedua Yang Berhormat Gombak, apabila menyebut peraturan mesyuarat, jangan gunakan peraturan mesyuarat untuk berhelah, untuk berhujah... [*Dewan riuh*] Jadi ini Yang Berhormat Gombak sebut peraturan mesyuarat, terus berhujah. Bukan cara begitu Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, yang peraturan mesyuarat tadi itu, sebut baru saya buat *ruling*. Yang Berhormat-Yang Berhormat, Yang Berhormat, sambung perbahasan. Selepas itu Yang Berhormat Pokok Sena. Kalau kita tiada masa, pukul 4.30 petang akan kita berhenti. Ada lagi usul 18(1). Sila sambung Yang Berhormat. Jangan ganggu Ahli Yang Berhormat. Sila.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Perkara kedua ialah bukan semua barang yang dikenakan kepada orang-orang yang miskin. Umpamanya orang yang berpendapatan rendah. Jadi kajian menunjukkan seseorang yang mempunyai *income* RM2,000, perbelanjaan cukai bulanan tambahannya hanya RM15 sebulan dan kalau satu tahun adalah RM180. Kerajaan pada tahun depan akan memberi *one-off* RM300...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Kajian mana?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Bermakna ada lagi baki RM120. Jadi inilah kerajaan yang prihatin, yang fikir ke depan bagaimana hendak membantu rakyat. Seperkara lagi dalam SST, dikenakan 5% dan 10%.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Minta penjelasan.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sedangkan di dalam GST dikenakan 6%.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ada produk seperti makanan, Nescafe...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Minta penjelasan...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Maggi, 5% bermakna naik 6% dan minuman...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sabun dan colgate umpamanya, daripada 10% turun kepada 6%. Kita dapati bahawa...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Bagan Serai, minta penjelasan.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Produk yang turun adalah 273 produk. Jadi lebih banyak produk yang turun daripada yang naik. Jadi bermakna *tax* akan menjadi lebih rendah.

■1620

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Yang Berhormat Bagan Serai, minta penjelasan.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Perkara keempat Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu bahawa SST ini adalah seperingkat sedangkan...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Minta penjelasan, satu sahaja.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tidak. Sila duduk, sila duduk.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Satu sahaja, satu sahaja.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sila duduk. GST adalah di setiap peringkat. Jadi bermakna dalam SST, *tax* tidak dapat dituntut. Jadi apabila kiraan margin dibuat, cukai itu menjadi sebahagian daripada asas pengiraan. Bermakna andai kata jualan tadi, bermakna cukai tadi seolah-olah dikenakan sekali lagi dan ini berlarutan di setiap peringkat sehingga ke pengguna. Jadi apabila kita membeli barang, kita terima resit yang tidak tunjukkan kadar dan amaunnya, kita tidak tahu sebenarnya barangan yang kita beli

telah terkandung di dalam elemen-elemen *tax* yang berganda. Saya bagi satu contoh, kita beli komputerlah katakan...

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** *[Bangun]*

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sebentar ya. Kita beli komputer RM1,200 dengan SST. Kita pun ambil, kita pun *happy*. Hari ini kita beli komputer contohnya dengan sistem GST, kita diberitahu harganya RM1,100 di mana RM100 adalah *tax*. Maknanya harganya RM1,000. Yang mana kita mahu? Yang mana lebih baik? Yang mana kita lebih *happy*? Ya, GST. Tentu GST sebab selama ini kita tidak tahu pun *tax* yang dikenakan ke atas kita. Jadi apabila kita hendak mengimplementasikan dengan GST yang jauh lebih baik daripada SST yang tidak ada ketirisan, pembangkang mengelirukan rakyat, mengaburi rakyat dan memberitahu bahawa ini penderitaan, kezaliman dan sebagainya *[Tepuk]*

Lagipun Tuan Yang di-Pertua, rakyat patut berdisiplin. Kita patut disiplin, mana yang hendak dibeli dan mana yang tidak hendak dibeli. Kalau kita ukur dengan badan kita sendiri berapa pendapatan kita, berapa harta kita. Jadi kalau kita berdisiplin yang mana memang telah dianjurkan dalam agama pun, jadi kita akan jadi lebih senang kehidupan kita.

Perkara kelima adalah tentang ketirisan. Dalam perisytiharan cukai, ramai yang mengelak dan tidak ada *coverage* yang betul. Contohnya pekerja asing ataupun orang-orang yang buat *informal business*, dengan izin. Akan tetapi dengan GST, adalah cukai penggunaan. Bermakna apabila kita beli, kita terisytihar. Kita tidak boleh mengelak. Apabila kita beli, kita terisytihar. Jadi kalau orang kaya dia beli banyak, orang kaya *taste* tinggi, kereta besar, duduk hotel dan makan tempat yang mahal, dia kena. Akan tetapi orang miskin, orang yang tidak cukup, dia sudah memang beli sedikit. Maksud saya *basket of consumption*, dengan izin, raga kepenggunaan orang kaya lebih besar. Jadi *tax* yang akan dikenakan pada orang kaya, bukan orang miskin. Orang miskin akan terbela.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dua minit lagi Yang Berhormat, dua minit.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Penjelasan.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Orang miskin, orang miskin. Saya orang miskin.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** ...GST ini sebenarnya adalah sangat baik.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Penjelasan dari orang miskin.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Kalaulah rakyat tahu, maka rakyat akan beriya-iyanya hendak GST ini. Hari ini kita kena SST, kita tidak mahu.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Orang miskin hendak minta penjelasan.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Jangka panjang, dana kerajaan akan meningkat. Bermakna ini akan dapat juga mengurangkan defisit fiskal kerajaan.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Yang Berhormat, orang miskin hendak minta penjelasan.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Minta duduk. Saya ada lagi dua minit.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Saya orang miskin hendak minta penjelasan.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Akan tetapi Dewan yang mulia, yang penting sekali apa? Yang penting sekali ialah jeritan batin rakyat. Rakyat mahukan pembangunan infra, kesihatan, pembangunan dan kebajikan rakyat akan jauh lebih terbela dengan sistem yang baru yang lebih telus, lebih efisien dan lebih adil. Jadi inilah yang rakyat mahu. Sebab itu saya sekali lagi ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan



pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana berani membuat keputusan yang bertanggungjawab, yang betul dengan ada sistem untuk menyelesaikan masalah [*Tepuk*]

Bukan seperti golongan yang sebelah sana. Mengelirukan, mengaburi, memandang GST dengan kaca mata yang salah. Saya rasa kena tukar cermin mata ataupun tukar kanta sebab pandangan yang salah, dan yang penting sekali, biar baca buku itu dengan betul. Mungkin kaca mata tidak betul, baca buku pun terbalik. Jadi bila berdiri, berkokok bercakap, cakap benda yang salah.

Jadi saya rasa ini adalah amat penting supaya semua rakyat faham, semua rakyat tahu dengan penerangan bahawa GST inilah sebenarnya *tax* yang patut kita amalkan pada tahun depan yang akan membantu rakyat dan bukan seperti kata-kata pembangkang, penyeksaan, penderitaan. Yang sebenarnya, merekalah yang tidak pedulikan masa depan rakyat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, Bagan Serai mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sila.

#### 4.24 ptg.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya boleh berapa minit ini Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Hujah sahaja Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Berhujah sahaja.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Berhujah sahaja? Saya kena berhenti pukul berapa? Sebab kalau Tuan Yang di-Pertua boleh beri masa yang panjang, saya boleh gulung untuk menjawab semua soalan yang dibangkitkan oleh rakan-rakan tadi dari sebelah sana... [*Dewan riuh*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat yang lain.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Yang Berhormat Pokok Sena perasankah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat yang lain tolong senyap. Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat nanti dahulu.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Sebab Tuan Yang di-Pertua, saya lihat macam Yang Berhormat Bagan Serai bercakap, macam orang tidak gosok gigi pagi tadi [*Ketawa*] Saya ingat dia kena pergi jumpa doktor gigi. Siapa doktor gigi di sini? Pergi *check* tengok, karat gigi pun ada lagi itu.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ambil kesempatan ini. Rakan-rakan sebelah sana menjawab bahawa apa kita hendak susah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat yang lain tolong senyap.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** ...Dengan GST ini, sebab kerajaan menyediakan satu raga barang untuk orang miskin. Ada barang-barang yang tidak dikenakan cukai GST. Jadi maknanya, dia hendak letakkan bahawa orang miskin hanya makan budu, makan belacan. Itulah dia. Makan itu sahaja. Ini kami tidak payah bayar cukai. Jadi tidak akan hendak suruh mereka makan itu sahaja tidak mahu hendak merasa seperti mana makanan yang dimakan oleh orang lain. Sepatutnya bagi saya bahawa kerajaan perlu memikirkan ialah bagaimana untuk meningkatkan pendapatan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, di Baling, di Pokok Sena, di Padang Terap, Kuala Nerang, Sik saya pergi melawat, penoreh getah 600 pokok, 800 pokok sekali menoreh antara RM30 hingga RM60 sahaja pendapatan mereka. Pekebun RM30 ataupun pekebun RM50 bahagi dua. Maknanya 50-50. Itu pendapatan mereka. Itu pendapatan yang ada pada mereka. Mereka kata lebih baik kami pergi cari tenggiling jual seekor RM200 daripada menoreh. Babi hutan lebih mahal daripada menoreh hasil pendapatan. Ini yang sedang dihadapi oleh

masyarakat dan rakyat. Jadi oleh sebab itu saya minta kerajaan bahawa harus melihat kepada persoalan-persoalan ini yang lebih menjadi keutamaan kepada kita untuk meningkatkan pendapatan rakyat.

Yang keduanya saya hendak jelaskan kepada Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju macam rakan-rakan kata tadi, sepatutnya kerajaan meningkatkan pendapatan yang daripada sumber pendapatan yang ada di samping mengurangkan pembaziran dan ketirisan. Saya hendak tunjuk contoh pada Tuan Yang di-Pertua. Ini pada saya ialah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani iaitu pelantikan syarikat peneraju bagi Projek Titik Permulaan iaitu produk herba bernilai tinggi. Diberikan projek ini pada 29 November 2013 kepada Syarikat Edaran Arif Medik Sdn. Bhd. iaitu projek yang Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sebagai peneraju projek untuk melaksanakan projek produk herba dengan nilai RM25,470,000 bagi kajian pra klinikal dan klinikal untuk dua tahun pertama dengan siling geran berjumlah RM37,550,000. Diberikan kepada Edaran. Diberikan pada 29 November 2013 surat ini dikeluarkan.

Akan tetapi, syarikat ini syarikat yang telah diisytiharkan penggulungan, bankrap, pada tarikh perintah penggulungan pada 24 Julai 2013. Saya katakan bahawa inilah yang menyebabkan ketirisan dan kebocoran berlaku dalam negara kita. Kita beri kepada syarikat yang bermasalah. Walaupun ini baru RM27 juta tetapi bagi saya bahawa menggambarkan bagaimana ketidakcekapan kerajaan dalam menguruskan kewangan negara yang merupakan kewangan rakyat. Diisytiharkan penggulungan oleh perintah mahkamah dari Shah Alam... [Disampuk] Ya, ini saya baru *search* tadi dalam internet. Ini bagi saya bahawa satu yang sangat mendukacitakan kita.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, saya hendak katakan bahawa ini Parlimen yang mulia fasa kedua yang kita hendak bina. Saya katakan bahawa *selective tender* yang dibuat oleh JKR, sepuluh tender kontraktor dipanggil untuk buat tapi kenapa diberikan kepada Kementerian Kewangan, bukan JKR? JKR hanya formaliti untuk keluar surat. Akan tetapi diberikan kepada TRC syarikat yang paling tinggi menawarkan pembinaan fasa kedua Parlimen. Ini Dewan Parlimen yang kita bincang untuk meluluskan peruntukan kewangan. hari ini kita hendak luluskan pula GST untuk kita kenakan kepada rakyat tapi kita berbelanja tidak betul. Ini saya katakan bahawa dua perkara yang sangat mendukacitakan saya.

Yang ketiga, saya hendak minta penjelasan daripada pihak kerajaan pasal saya tidak ada masa, kalau tidak, saya boleh jawab semua daripada Yang Berhormat Titiwangsa... [Dewan riuh] Saya hendak minta penjelasan daripada pihak kerajaan...

#### ■1630

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Pokok Sena duduk dulu..

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya hendak minta penjelasan daripada pihak kerajaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk dulu Yang Berhormat Pokok Sena. Duduk dahulu, tarik nafas. Ada masa Yang Berhormat. Jangan risau. Setiausaha sekarang ini 4.30, kita...

**Seorang Ahli:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Tuan Yang di-Pertua:** Belum, nanti saya suruh dia sambung selepas ini nanti, baru Yang Berhormat menjawab fasal tadi kan ada 15 minit, 15 minit. Tidak apa. Sila. Tarik nafas dulu. Jangan nanti lagi selepas Usul Peraturan Mesyuarat 18, silakan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tadi saya ingatkan Tuan Yang di-Pertua hendak suruh berhenti. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan begitu Yang Berhormat. Saya kena adil Yang Berhormat. Saya prihatin.

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH  
PERATURAN MESYUARAT 18(1)**

**PENCULIKAN DI SINGAMATA REEF RESORT, SEMPORNA**

**4.30 ptg.**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang masa telah pun pukul 4.30 petang dan menurut keputusan yang telah dibuat pada pagi tadi, satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) telah dibenarkan untuk di bahas pada petang ini. Saya sekarang ini memulakan perbahasan usul ini, pihak pencadang akan diberi 30 minit dan pihak kerajaan juga akan diberi 30 minit. Jadi, saya telah memilih nama-nama para pembahas setelah berbincang dengan pihak-pihak yang berkenaan iaitu daripada pembangkang akan dimulai oleh Yang Berhormat Sandakan, selepas itu Yang Berhormat Kota Kinabalu dan selepas itu Yang Berhormat dari Penampang.

Manakala di sebelah kerajaan nama-nama yang diberi kepada saya ialah Yang Berhormat Kalabakan, Yang Berhormat Kinabatangan dan Yang Berhormat Tuaran. Jadi, pihak Yang Berhormat Menteri meminta untuk 15 minit untuk menggulung. Saya rasa itu adalah baik. Jadi atas sebab itu dari pihak kerajaan, 5 minit untuk Yang Berhormat Kalabakan, 5 minit untuk Yang Berhormat Kinabatangan dan 5 minit untuk Yang Berhormat Tuaran dan bagi sebelah pembangkang pula terpulang kepada pembentang usul dan kepada dua lagi wakil rakyat yang berbahas selepas itu. Sila Yang Berhormat Sandakan.

**4.32 ptg.**

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, penculikan di Singamata Resort, Semporna baru-baru ini jelas menunjukkan bahawa kerajaan telah gagal dalam menangani isu pencerobohan dan keselamatan penduduk di Pantai Timur, Sabah. Selepas pencerobohan pada awal tahun 2013 oleh pengganas Sulu di Lahad Datu yang telah menyebabkan kematian beberapa anggota keselamatan. Pada tahun yang sama, bulan April, ESSCOM telah ditubuhkan untuk menjaga keselamatan Pantai Timur Sabah. Jadi sekarang pun April, ngam-ngam satu *anniversary*, satu tahun *anniversary*. Malangnya pada tahun yang sama, 7 Ogos 2013, kapal nelayan telah dirampas di perairan Semporna. Pada 15 November 2013, seorang pelancong dari Taiwan dibunuh dan seorang lagi diculik. Inilah berlaku di Pulau Pom Pom, Semporna, di Pantai Timur Sabah.

Saya berasa amat dukacita. Semasa saya membaca kes-kes tersebut, ini telah menunjukkan keselamatan di negeri Sabah, khususnya di Pantai Timur Sabah tidak pernah dijaga dengan baik. Saya percaya masalah ini akan terus berlaku jika kerajaan tidak mengambil langkah yang lebih drastik dalam memerangi masalah pencerobohan.

Tuan Yang di-Pertua, Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah yang ditubuhkan dengan peruntukan berjuta-juta ringgit langsung tidak menunjukkan kesan yang positif. Saya ingin mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat di sini bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM110 juta untuk menubuhkan ESSCOM. Seterusnya dalam Dewan yang mulia ini beliau telah mengumumkan belanjawan tahun 2014, beliau telah memperuntukkan sebanyak RM75 juta lagi pengurusan ESSCOM dan sebanyak RM11 juta untuk menambah baik dan membaik pulih kemudahan-kemudahan di ESSCOM termasuk 62 *check point*.

Namun begitu, saya tidak nampak apa-apa pembangunan dengan peruntukan yang begitu besar. Rakyat mempunyai hak untuk mengetahui bagaimana wang rakyat atau *public fund* telah digunakan dalam penubuhan ESSCOM ini. Sebenarnya saya amat terkejut kerana ESSCOM telah berkata bahawa RM75 juta untuk kegunaan ESSCOM tersebut tidak berkuasa untuk memberi arahan dan mengambil tindakan kepada sepuluhdaerah yang terlibat dalam ESSCOM. Merujuk kepada berita yang dilaporkan oleh *Free Malaysia Today*, izinkan saya *quote*, "*ESSCOM with allocation RM75 million under Budget 2014 has no*

*authority to command direct or order any action*". Saya amat terkejut dengan pengumuman tersebut bahawa ianya hanya berkuasa sebagai koordinator sahaja.

Saya berasa amat keliru kenapa ESSCOM tidak mempunyai hak-hak untuk memberi arahan sebagai satu pusat arahan. Bukankah ESSCOM telah ditubuhkan untuk tujuan menjaga dan mempertahankan Pantai Timur Sabah? Saya ingin mendapat penjelasan dari pihak kerajaan bahawa apakah fungsi dan kuasa yang sebenarnya bagi ESSCOM dan bagaimana mereka memainkan peranan dalam mencegah pencerobohan dan mempertahankan Pantai Timur Sabah. Inilah antara sebab saya tegaskan di sini bahawa Dewan ini harus berbincang bagaimana meningkatkan keberkesanan ESSCOM dan menjaga keselamatan rakyat Sabah. Setakat ini kegagalan ESSCOM telah mengecewakan rakyat Sabah dan tindakan yang diambil oleh pihak berkenaan adalah tidak berkesan.

Kita mesti kaji bagaimana untuk menambah baik fungsi-fungsi ESSCOM dan kelengkapan pertahanan kita demi keselamatan dan kedaulatan tanah kita. Kalau ESSCOM ini tidak boleh berfungsi sebenar, mempertahankan keselamatan ini, saya cadang ESSCOM ini ditutup. Tuan Yang di-Pertua, saya diberitahu bahawa berita yang berkenaan kes ini telah dikawal oleh pihak berkuasa supaya implikasi atau kesan negatif insiden tersebut tidak akan merosakkan nama baik negara kita. Perbuatan *twist and turn* dengan mengawal media adalah tidak wajar. Pertama sekali, kita berkenaan berkata dalam media bahawa mangsa China yang diculik bukan sasaran yang utama. Maka sasaran yang sebenarnya ialah mangsa Filipina itu. Kini pihak penculik telah menghubungi keluarga mangsa di China. Ini jelas menunjukkan kerajaan ini lari dari tanggungjawab.

Kedua, pihak berkenaan telah berkata bahawa insiden ini tidak akan menjejaskan industri pelancongan kita. Kenyataan ini memang menipu rakyat dan diri sendiri. Sebenarnya saya diberitahu bahawa kebanyakan pelancong telah berhenti menginap di hotel pesisiran pantai Semporna. Banyak pelancong telah membuat keputusan menghentikan rancangan mereka datang ke Sabah. Kini industri pelancongan telah jelas terjejas. Duta China di Kuching baru-baru ini telah mengeluarkan amaran *the red alert* kepada rakyat China tentang melancong di Sabah. Tambah buruk, Timbalan Menteri Dalam Negeri dalam kementerian telah menulis kenyataan bahawa kerajaan tidak menjanjikan keselamatan dan memberi cadangan *resort* yang terletak di pesisiran ditutup. Saya tidak tahulah, kalau sekarang jalan raya setiap hari pun berlaku kemalangan. Saya tidak tahu Timbalan Menteri ini cadangan menutup jalan raya ini atau menghentikan menjual kereta atau tidak.

#### ■1640

Kerajaan tidak harus cuba *twice and turn* dalam media untuk menipu seseorang supaya mereka percaya dan yakin kepada keselamatan. Kita harus mengakui masalah ini dan berbincang kes ini bagaimana kita memperbaiki keselamatan di Sabah dan membina semula nama dan imej kita dalam pelancongan di mata antarabangsa. Tuan Yang di-Pertua, sudah 50 tahun Sabah menyertai penubuhan Malaysia.

**Seorang Ahli:** Sudah faham itu.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Untuk memaklumkan Ahli-ahli Yang Berhormat antara salah satu syarat rakyat Sabah bersetuju menyertai penubuhan Malaysia ialah Kerajaan Persekutuan untuk menjamin keselamatan negeri Sabah. Oleh kerana pemimpin-pemimpin Sabah pada masa ketika itu berasa bimbang terhadap ancaman luar ialah adalah satu faktor yang terpenting bagi rakyat Sabah menyertai Malaysia.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Minta penjelasan. Yang Berhormat Sandakan, apakah pandangan Yang Berhormat usul yang begitu penting ini, hari ini Menteri Dalam Negeri tidak hadir, tidak jawab usul yang begitu penting ini.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Itu bukan di bawah dia Yang Berhormat Seputeh. Jangan tembak sahaja.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Belum lagi.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bintulu. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita tidak ada masa Yang Berhormat untuk bincang perkara begini mustahak. Sila teruskan Yang Berhormat Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih. Saya hendak tanya pandangan kerana apa yang berlaku memang ada kaitan dengan Kementerian Dalam Negeri. Yang Berhormat Sandakan, apakah pandangan Yang Berhormat berkenaan bekas Ketua Menteri Sabah Yong Teck Lee berkata hendak menawarkan hadiah RM500 bagi mereka yang menampar Menteri Dalam Negeri. Pandangan saya ini adalah satu bentuk ugutan yang tidak patut diutarakan oleh seorang bekas Ketua Menteri Sabah.

Akan tetapi memang, apa yang berlaku adalah berkaitan dengan keselamatan dan memang Menteri Dalam Negeri ini harus hadir dan harus bertanggungjawab dalam isu yang begitu penting ini. Kalau tidak, dia harus letak jawatan. Apa pandangan Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Ya saya setuju Yang Berhormat Seputeh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Sandakan, masa berjalan ada lagi dua daripada pembangkang ingin bercakap. Jadi masa itu harus di ingat Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Ya terima kasih. Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat baik daripada Barisan Nasional atau Pakatan Rakyat mengambil berat isu ini dengan mempertimbangkan keselamatan Sabah dan memahami kekecewaan kami.

Tuan Yang di-Pertua, Ketua Polis Sabah telah berkata bahawa terdapat orang dalam yang membolehkan kumpulan bersenjata menyeludup masuk dengan mudah. Persoalannya kenapa dan bagaimana terhadap orang dalam kes penculikan? Ini bukanlah andaian semata-mata tetapi Kementerian Dalam Negeri telah memberi kenyataan dan yakin bahawa peristiwa ini melibatkan pendatang asing tanpa izin atau PATI. Hal yang sama juga berlaku semasa pencerobohan kumpulan bersenjata Sulu di Lahad Datu yang juga melibatkan orang dalam. Jikalau PATI dipercayai terlibat dengan pencerobohan maka inilah adalah satu masalah yang amat serius kerana Sabah mempunyai bilangan PATI yang begitu amat besar dan ramai telah memiliki IC.

Masalah PATI yang memiliki IC palsu mungkin terlibat dalam pencerobohan dan penculikan malah terdapat juga sebahagian daripada mereka yang membeli IC palsu ini menunjukkan kegagalan kerajaan dalam penguatkuasaan dan melindungi kedaulatan negeri Sabah. Saya harap hentikan pengeluaran MyKad kepada mereka yang tidak berhak. Pada pendirian saya, pengeluaran semula kad pengenalan baru kepada semua penduduk yang dikenal pasti sebagai berkewarganegaraan kita. Saya rasa ini akan berkesan untuk mengenal pasti siapa penduduk tetap dan siapa PATI.

Saya ingin tegaskan di sini bahawa kita mestilah mewujudkan satu kaedah untuk mengenal pasti sesiapa yang bukan warganegara kita. Kalau mereka didapati memegang IC kita dengan haram, saya cadangkan menarik balik semua IC yang haram dan melanggar undang-undang. Maka ia akan membantu menyelesaikan masalah pencerobohan. Ini juga memberi peluang kepada kerajaan untuk membuktikan *political will* dalam menyelesaikan masalah PATI di Sabah. Memandangkan isu ini menjadi serius dan kritikal, saya juga ingin menyeru kerajaan untuk mengumumkan Laporan RCI tentang masalah PATI di Sabah secepat mungkin. Keputusan RCI telah ditunda sebanyak empat kali. Hingga hari ini belum ada tarikh yang tertentu dan tetap untuk mengumumkan keputusan RCI ini.

Untuk makluman, RCI ini sepatutnya dijanjikan dikeluarkan sebelum Pilihan Raya Ketiga Belas tetapi selepas itu ditunda sampai September. RCI itu siasatan pun sudah lengkap atau *complete* ditunda lagi Disember dan ditunda lagi Mac. Sekarang saya dapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri mahu sampai mungkin Mei. Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Penjelasan. Adakah Yang Berhormat Sandakan setuju bahawa apabila Perdana Menteri melancarkan ESSCOM setahun dahulu di Sibu dia kata bahawa ada empat strategik teknikal *approach* akan dibuat oleh ESSCOM iaitu *enhancement of intelligence capability, effective coastal surveillance 24-hours a day, boosting the country's capability to intercept incoming threats from the sea and strict enforcement of the law with immediate action taken once the threats reached the shores.*

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata: “*Fully guaranteed security and the confidence of the people to return to normal life*”. Saya sangat setuju bahawa semua ini tidak dikotakan dan perlulah jawapan daripada kerajaan apakah langkah-langkah yang akan diambil dengan segera?

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Saya setuju. Sila masukkan dalam teks saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh perkara perjumpaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Presiden Filipina baru-baru ini. Saya amat hairan kenapa Perdana Menteri tidak membincangkan tentang kedaulatan Sabah bersama Malaysia dengan pihak Filipina. Kita dapat tahu bahawa Kerajaan Persekutuan masih membayar satu *session money* sebanyak RM6,300 kepada Kesultanan Sulu setiap tahun.

Kenapa ia tidak dihentikan dengan segera sedangkan Sabah telah bersama Malaysia selama 50 tahun? Saya ingin mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa jikalau kita masih membayar *session money* tersebut maka ia telah memberi bayangan kepada orang Sulu bahawa Sabah adalah milik mereka. Ia akan terus membawa banyak masalah yang berlanjutan pada masa depan Sabah.

Tidak lupa pihak Sulu pernah berkata bahawa mendapat sebanyak 500 orang Sulu Filipina penduduk di Sabah sekarang. Ini pun ada satu insiden. Ada orang Sulu yang mahu menjadi Sultan Sulu di Sabah iaitu daripada enam orang di Sabah adalah seorang Sulu Filipina. Jika ini benar, maka masalah berkaitan dengan *security* di Sabah tidak akan berhenti malah berterusan menjadi serius. Itulah sebab saya katakan tadi kita mestilah berhenti mengeluarkan IC sewenang-wenangnya atau Projek IC mestilah dihentikan dengan segera dan mengeluarkan semula IC yang baru kepada penduduk Sabah yang tulen.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ucapkan terima kasih atas perhatian kepada isu yang telah saya bangkitkan dan memberi kebenaran untuk membincangkan isu yang berkaitan keselamatan rakyat Sabah. Saya berharap cadangan dan usul yang saya sampaikan di sini boleh diambil perhatian oleh pihak kerajaan. Sekian terima kasih [*Tepuk*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ada lebih kurang 10 minit lagi tinggal untuk pembangkang. Saya jemput Yang Berhormat Kota Kinabalu lima minit. Selepas itu Yang Berhormat Sungai Petani bersedia. Kalau begini Ahli Yang Berhormat, saya boleh kontrol masa. Kalau saya beri bergilir, saya tidak boleh kontrol masa. Sila.

#### 4.49 ptg.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya menyertai perbincangan usul tentang isu keselamatan di Sabah.

#### ■1650

Tuan Yang di-Pertua, kes penculikan telah berulang-ulang berlaku di Sabah. Seperti sahabat saya dari Yang Berhormat Sandakan telah sebut tadi, “*Kerajaan telah gagal mempertahankan negeri Sabah dan menjaga keselamatan pantai timur Sabah*”. Saya ingin menyentuh perkara ini dari segi pertahanan. Saya berpendapat bahawa Kerajaan Persekutuan masih kurang *political will* untuk menambah baik keselamatan dan memperkuatkan pertahanan di Sabah. Saya memang memahami situasi yang begitu *complicated* tentang isu ini.

Kes penculikan ini telah melibatkan negara lain seperti Filipina dan pesisiran pantai sehingga ke Laut Sulu adalah panjang dan besar dan juga melibatkan sebanyak 1,000 buah pulau di selatan Filipina. Oleh kerana ini melibatkan pihak Filipina, saya amat hairan. Adakah perjumpaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Presiden Filipina berbincang isu keselamatan di kawasan timur Sabah dan selatan Filipina?

Bukan kali pertama kita dengar nama kumpulan Abu Sayyaf, Sulu dan pengganas telah membawa ancaman kepada Malaysia dan Filipina. Oleh itu, adakah pihak kerajaan bersetuju untuk mewujudkan kerjasama antara dua-dua negara untuk memperbaiki pertahanan dan mencegah pencerobohan ini berlaku di kawasan lautan tersebut.

Selain daripada itu, saya juga mendapati bahawa Sabah masih kurang daripada segi pembahagian anggota keselamatan dan tentera. Tuan Yang di-Pertua, saya mendapati bahawa kini tentera darat mempunyai empat divisyen atau bahagian yang mana tiga di Semenanjung dan satu divisyen terletak di Kuching, Sarawak. Juga dari segi tentera laut atau *navy*, Malaysia mempunyai tiga *Mawilah*. Di mana ketiga-tiga *Mawilah* adalah terletak di Semenanjung. Tidak ada satu pun terletak di Sabah atau juga di Sarawak, Tuan Yang di-Pertua. Tentera udara ataupun *air force* juga sama. Sabah tidak mempunyai skuadron bagi *combat aircraft and patrol aircraft*.

Saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan. Jikalau informasi yang saya beri tadi adalah betul, maka mengapakah Sabah langsung tidak mempunyai *authority* yang lebih berkuasa dan tinggi dalam pembahagian tentera darat, laut dan udara yang berkhidmat di Sabah? Khususnya dari segi tentera laut oleh kerana Sabah tidak mempunyai *Mawilah* yang memang mempunyai kuasa untuk memberikan arahan dan melaksanakan operasi pertahanan. Ia membuktikan tentera laut di Sabah tidak mempunyai kuasa untuk membuat keputusan apabila kecelakaan berlaku.

Saya juga ingin bertanya, berapa *maritime patrol* dan MMEA yang berada di Sabah? Berapa orang anggota tentera laut *patrol* di pesisiran pantai timur Sabah setiap hari? Adakah kerajaan bersetuju bahawa unit *patrol* kita masih berkurangan dan haruslah ditambah? Juga kenapa radar tidak perlu berfungsi, khususnya di pesisiran pantai timur Sabah ketika pencerobohan berlaku?

Tuan Yang di-Pertua, ini jelas menunjukkan Sabah telah dipinggirkan dari segi perancangan dan pembahagian tentera dan anggota keselamatan. Oleh yang demikian saya ingin memberi beberapa cadangan untuk mengukuhkan dan memperbaiki pertahanan di Sabah. Pertama, saya cadangkan bahawa menghantar tentera kita mendirikan *base* di pulau-pulau di luar pesisiran pantai timur Sabah supaya ia boleh membantu memantau pesisiran pantai Sabah dan mengawal kemasukan orang asing ke Sabah.

Kedua, tambah *maritime patrol* dan menubuhkan skuadron *airforce* di Sabah, memberi kuasa skuadron *airforce* untuk menjalankan tugas-tugas *patrol* dengan lebih berkesan dan berkuasa ketika menjalankan operasi.

Tuan Yang di-Pertua, ketiga, menubuhkan *Mawilah* bagi tentera laut di Sabah supaya mengutamakan tentera untuk mempertahankan pesisiran pantai timur Sabah. Jikalau *Mawilah* ditubuhkan, maka ia boleh menumpu perhatian untuk berkhidmat di Sabah dan melancarkan operasi yang sesuai untuk menjaga keselamatan di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Yang Berhormat Sandakan telah sebut tadi, ESSCOM tidak berkuasa untuk memberi arahan dan hanya menjadi *coordinator* sahaja. Maka, ia menunjukkan Sabah tiada mempunyai kuasa yang sebenar dan berubah untuk mempertahankan tanah kita dengan efisien. Saya juga mendapati penggerak ESSCOM ini tidak mempunyai latar belakang di tentera dan pertahanan. Adakah beliau sesuai menjadi pengarah Tuan Yang di-Pertua? Saya cadangkan kerajaan haruslah melantik satu orang yang lebih sesuai untuk menjadi pengarah ESSCOM dan beliau diberi hak dan kuasa untuk melaksanakan tugas beliau untuk mempertahankan Sabah. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya, apakah *effort* telah dilakukan oleh Kementerian Pertahanan dalam kes ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetahui, adakah Kerajaan Persekutuan dan Kementerian Pertahanan membuat analisis secara teliti dan yang bernama *threat perception* di negara kita yang mana siapakah *perpetrator* yang mungkin membahayakan keselamatan kita? Adakah kes-kes pencerobohan yang berlaku di Sabah dimasukkan ke dalam analisis tersebut? Jikalau kementerian sedar...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** ...Bahawa yang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk Yang Berhormat. Duduk dahulu. Tadi saya sudah beri garis panduan bahawa setengah jam untuk pembangkang, setengah jam untuk kerajaan. Juga saya sudah sebut nama siapa yang berhujah. Jadi, kalau ucapan Yang Berhormat itu ada lagi tiga minit, maka saya terpaksa memanggil pihak kerajaan untuk berhujah pada jam lima. Jadi, tidak adalah kawan lain daripada pembangkang. Terpulang kepada Yang Berhormat, sila teruskan.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** ...Adakah kes-kes pencerobohan yang berlaku di Sabah dimasukkan ke dalam analisis tersebut? Jikalau kementerian sedar bahawa *threat* pencerobohan di Sabah adalah paling serius bagi negara kita, apakah langkah-langkah kerajaan telah ambil untuk mengendalikan dengan *threat* tersebut? Tuan Yang di-Pertua, dengan ini, sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Sungai Petani. Dua minit Yang Berhormat Sungai Petani.

**4.58 ptg.**

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu MH370 belum lagi selesai.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Yang Berhormat Bintulu, dengar dahulu Yang Berhormat. Yang Berhormat Bintulu, *please ya...* [*Disampuk*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan ganggu Yang Berhormat.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Yang Berhormat Pendang dengarlah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Sungai Petani cuma ada dua minit. Sila Yang Berhormat. Sila.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Rakyat China telah pun mengatakan bahawa tidak berlakunya efisien terhadap pengawalan kita. Begitu juga sekarang ini dengan kes penculikan ini, sekali lagi rakyat China terlibat walaupun seorang Filipina. Jadi, isunya sekarang Tuan Yang di-Pertua, setelah kita berbelanja begitu banyak untuk ESSCOM dan telah pun dijanjikan bahawa keselamatan akan diberikan kepada rakyat di Sabah. Akan tetapi ini jelas menunjukkan bahawa berlaku penculikan dan saya rasa akan berlaku lagi banyak penculikan sekiranya kerajaan tidak menunjukkan ketegasan dalam mengendalikan hal-hal keselamatan. Dalam tahun 1980-an, 1990-an kita yakin melihat bagaimana Majlis Keselamatan Negara (MKN) begitu hebat dalam mengendalikan hal-hal dan isu-isu keselamatan.

Oleh sebab itu isu yang berlaku dalam negara kita ini- melihat bagaimana kegagalan Majlis Keselamatan Negara itu, bagaimana Majlis Keselamatan tidak bertindak secara proaktif. Majlis Keselamatan Negara dianggotai oleh semua agensi kerajaan yang berhubung dengan keselamatan negara. Di mana perginya MKN pada waktu ini apabila mereka boleh mengendalikan agensi-agensi daripada *special branch*kah, ataupun *military police*kah ataupun bahagian penyelidikan JPM sendiri.

Ini menunjukkan bahawa agensi-agensi yang begitu ramai, tujuh agensi yang mengendalikan hal-hal keselamatan negara tidak termasuk polis dan tentera. Akan tetapi dengan apa yang berlaku dengan MH370 dan juga penculikan, saya rasa ini menunjukkan kegagalan yang amat ketara sekali dalam pengendalian Majlis Keselamatan Negara. Oleh sebab itu...

■1700

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Boleh saya celah sedikit, sedikit sahaja.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Silakan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Bolehkah kita cadangkan pengarah DG ESCOMM untuk datang ke Parlimen untuk terangkan. Kita tidak mahu *prejudge* dulu, bagi dia ada *chance* untuk memberi justifikasi kenapa kegagalan ini berlaku.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Saya agak berbeza dengan pendapat Yang Berhormat Batu. Sepatutnya Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab harus memberikan penjelasan kepada kita kerana mereka ialah pegawai-pegawai kerajaan. Jangan salahkan pegawai kerajaan. Apa yang berlaku sekarang ialah tidak ada *will power*, *political power* yang jelas di peringkat menteri-menteri untuk menggembelng tenaga



pegawai-pegawai kerajaan yang saya kira di peringkat ini *direction* tidak betul, *direction* tidak jelas.

Pegawai-pegawai kerajaan yang sentiasa komitmen kepada tugas mereka. Akan tetapi apabila *political masters* tidak memberikan penjelasan, tidak memberikan panduan, bagaimanakah mengendalikan hal isu-isu keselamatan ini, inilah yang berlaku. Ini kerana pihak *political masters* di peringkat UMNO dan Barisan Nasional lebih sibuk dalam hal-hal berkaitan dengan politik, akhirnya meninggalkan isu keselamatan ini kepada pegawai-pegawai kerajaan yang akhirnya tidak- terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, terima kasih. Sila Yang Berhormat Kalabakan, lima minit.

**Seorang Ahli:** Lima minit?

5.04 ptg.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan untuk mencadangkan sesuatu. Jadi kita nampak insiden yang baru-baru berada di Singamata ini memalukan kerajaan. Kalau saya katakan memalukan kerajaan, memalukan Kerajaan Persekutuan kerana kita semua sedia maklum, di Sabah hinggalah ke Kudat, kita ada 1400km panjangnya. Akan tetapi bila insiden dari tahun 1979 lagi Tuan Yang di-Pertua, sampai sekarang kita tidak dapat selesaikan insiden-insiden daripada satu masa ke satu masa. Saya ada banyak tarikh-tarikh tetapi saya tidak boleh baca kerana ia terlalu panjang.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, apabila kita diceroboh, kita kena ceroboh pada tahun 2013 dengan senjata-senjata di mana angkatan tentera kita terbunuh. Kerajaan Persekutuan baru sedar, mereka baru sedar bahawa di Pantai Timur Negeri Sabah ini keselamatannya tidak terjamin. Maka ditubuhkan *Eastern Sabah Security Command*. Orang Sabah punya senang hati, rakyat seluruh negara kata, "*Ini kalilah*", keselamatan boleh dijaga.

Akan tetapi masalahnya Tuan Yang di-Pertua, *Eastern Sabah Security Command* ini ditubuhkan dan diketuai oleh orang awam. Orang awam ini tidak boleh beri *command* kepada tentera. Tidak boleh beri *command* pada Polis. Jadi, apa dia punya kuasa? Dia tidak ada kuasa. Ini Tuan Yang di-Pertua, orang awam ini kononnya orang Sabah. Jadi orang Sabah kononnya senang hati orang Sabah. Tidak perlu pun siapa asalkan yang ada kuasa Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Kalabakan bolehkah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, kalau ada celah mencelah begini, bermakna tidaklah masa tepat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tidak, terus *to the point*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kalabakan. Saya mahu tanya Yang Berhormat Kalabakan, setujukah tidak ini begitu mustahak. Kita sudah tubuh ESSCOM, memang tujuan baik. Kemungkinan kita punya kelemahan, kita sepatut mesti tubuh satu akta di bawah MKN. Kita terus terangkan akta itu apakah kuasa ESSCOM. Kita terus, tidak payah kita kata ada mengadakan pengerusi kah, apakah, kita terus kata pengarah ataupun komando di bawah akta itu, terus bertanggungjawab kepada Jabatan Perdana Menteri. Setuju atau tidak setuju?.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Boleh, saya terima. Tuan Yang di-Pertua, ESSCOM ini tidak ada kuasa sama sekali. Jadi saya cadangkan sangat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya kita bubarkan ESSCOM. Kita mahu satu kementerian, Kementerian Dalam Negeri atau Kementerian Pertahanan yang mengetuai ini semua. Ini kerana kalau ESSCOM tidak ada orang yang *command* seperti mana Yang Berhormat Kota Kinabalu katakan tadi, bolehkah dia beri arahan kepada IGP, bolehkah dia beri arahan kepada komando tentera? Tidak ada orang boleh dengar. Jadi kita mahu bubar ESSCOM.

Kita mahu mungkin lantik Kementerian Dalam Negeri, Menteri Dalam Negeri jaga. Akan tetapi Menteri Dalam Negeri seorang, dia punya timbalan tidak boleh kerana dia mahu tutup semua *resort [Ketawa]* Dia mahu tutup semua *resort* dalam *paper*. Orang Sabah marah Tuan Yang di-Pertua, ada di sini? Orang Sabah marah. Jadi kalau Kementerian Dalam Negeri, dia punya Timbalan Menteri kalau tidak minta maaf, letak jawatan sebagai Timbalan Menteri [*Tepuk*] Ini kerana kita tidak mahu orang yang bermuka-muka duduk dalam kementerian. Bahkan tidak mahu menjaga sensitiviti orang Sabah dan Sarawak dan juga Semenanjung. Ini penting Tuan Yang di-Pertua.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan supaya kalau ada pun ESSCOM, pengkerusinya mungkin diambil alih oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dia boleh mengarahkan apa juga di bawah langit Malaysia ini, beliau boleh arah. Kita mahu, sebab apa, kalau tidak kita sia-sia kerana dari tahun 1979 insiden-insiden yang kita sudah ada, rakyat Sabah mati begitu saja. Pelancong-pelancong asing jauh lari daripada tempat kita yang hendak memungut keuntungan daripada *tourist*.

Baru-baru ini insiden di Singamata ini Tuan Yang di-Pertua, daripada berapa banyak *tourist* kita daripada China, 59 orang terus *pack*, jalan. Ada yang sampai di Tawau Airport, dengar keadaan begini, terus naik kapal terbang itu juga balik. Jadi berapa banyak kita rugi? Kita tidak mahu Tuan Yang di-Pertua, keadaan seperti begini. Kalau ada kotoran, kita sapu di bawah karpet sahaja. Rakyat tahu, dunia tahu. Kita tidak mahu ini. Memang kita tahu jawapan nanti kita akan selidiki, kita mahu macam-macam, tidak.

Jadi di sini kita nampak Tuan Yang di-Pertua, kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri. *Government direct ESSCOM to be security matches*. Jemu sudah kita dengar, jemu. Kita sudah jemu Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu janji-janji ini. Rakyat sudah bagi mandat kepada kita. Rakyat di seluruh negara beri mandat kepada BN, kita sudah memerintah, kenapa kita tidak mahu gunakan kuasa-kuasa untuk menjaga keselamatan di Pantai Timur.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Kalabakan

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Yang Berhormat Kalabakan.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Tuan Yang di-Pertua, pada...

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Yang Berhormat Kalabakan. boleh minta.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Pada sesi yang lalu, saya katakan Kampung Titingan itu, koloni untuk orang-orang asing...

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Yang Berhormat Kalabakan.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Pendetang tanpa izin.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Boleh minta mencelah sekejap?

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Ya, okey.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Okey, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, duduk dulu Yang Berhormat Penampang. Yang Berhormat harus sedar apabila membenarkan pencelahan begini, ini masa berlalu. Usul 18(1) cuma satu jam, tidak boleh lebih dari itu.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Selepas menjawab semua ini Yang Berhormat Kalabakan, saya akan panggil Yang Berhormat Kinabatangan untuk berhujah.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Okey, saya ingin tambah saja. Bolehkah kita menubuhkan seperti mana disebut oleh Yang Berhormat Kalabakan. Tambahan ya, satu *security force* di Sabah yang ditadbirkan oleh *state government* seperti dahulu? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat Kalabakan, saya boleh benarkan kalau Yang Berhormat Kalabakan untuk berhujah lebih panjang, tetapi Yang Berhormat Kinabatangan tidak dapat berhujah selepas ini.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Saya akan gulung. Saya katakan Tuan Yang di-Pertua, Kampung Ice Box di mana penduduknya semua pendatang tanpa izin, main sambung saya itu rumah dari laut. Dia punya jarak daripada *ice box* ke rumah saya lima minit. Saya sudah kemukakan di sini. Dia masuk malam, dia culik saya, dia bunuh saya punya *guard*. Saya jadi hero konon, sudah diculik kerana kononnya Malaysia MPs sudah kena culik oleh Abu Sayyaf. Jadi di mana pertanggungjawaban kita sebagai Kerajaan Persekutuan? Di mana Tuan Yang di-Pertua? Di mana Tuan Yang di-Pertua? Di mana Tuan Yang di-Pertua? Saya minta supaya ESSCOM dibubarkan dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjadi pengerusi. Terima kasih [*Tepuk*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Kinabatangan.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Ini patut-patut Sabahan punya bahas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kinabatangan sila.

5.10 ptg.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rakan saya sudah terlajak nampaknya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kinabatangan ada lima minit berkongsi dengan Yang Berhormat Tuaran kerana 7.15 malam terpaksa Menteri menjawab.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *Insyaa-Allah*. Saya Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Dua minit setengah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Berbicara dari sudut yang berbeza iaitu kita harus melihat ESSCOM ini diwujudkan untuk menjaga keselamatan keseluruhan Pantai Timur Sabah itu sendiri. Kita tidak boleh menyalahkan pula kepada pegawai-pegawai ESSCOM yang telah bertanggungjawab untuk memastikan keselamatan rakyat Sabah di Pantai Timur Sabah itu keseluruhannya. Di mana mungkin kerajaan perlu melihat iaitu di Sabah ini ada keunikan yang sukar sekali beratus-ratus tahun, sehingga pada hari ini tidak terselesai. Di mana ada kumpulan-kumpulan dipanggil Kumpulan Ula'u. Kumpulan Ula'u ini dia duduk di laut, rumah dia pun di laut, dia tidak boleh di darat. Kalau di darat pening kepala.

Jadi Ula'u ini dia tidak beridentiti, tidak ada kad pengenalan, tidak ada apa-apa. Jadi mungkin kerajaan perlu mengambil satu langkah drastik untuk memberi mereka identiti dengan apa cara sekalipun. Sama ada bukan MyKad tetapi mungkin ada identiti khas yang mengenal pasti mereka supaya tidak ada unsur-unsur penyamaran. Jika sebab ada Ula'u begini, musuh pun masuk, lanun pun masuk dia kata pun dia orang Ula'u juga. Menyamar sebagai nelayan tetapi sebetulnya dia bukan Ula'u dia memang lanun. Jadi dia masuk menyusur, ini satu perkara.

Perkara yang seterusnya saya rasa tuduhan-tuduhan pihak-pihak tertentu menyatakan ESSCOM belanja beratus-ratus juta tidak betul. Berapa puluh juta yang ada? Lagi ESSCOM ini merupakan koordinator penyelarasan yang *commandnya* memang masih Menteri Dalam Negeri dan juga Perdana Menteri, itu kita tahu. Kita maklum bahawa seluruh pulau di Sabah saya nampak ada pengawal keselamatan. Yang tidak ada di Singamata sebab mungkin pihak keselamatan melihatkan bahawa Singamata ini berhampiran dengan *Marin Base*. Justeru itu pada saya perkara yang harus kita utamakan iaitu kerajaan kalau boleh mewujudkan....

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Kinabatangan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soal yang disentuhkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan soal pengawal ini. Sedar atau tidak Yang Berhormat bahawa kebanyakan pengawal-pengawal yang diambil bekerja di Sabah ini kebanyakannya orang luar, Tuan

Yang di-Pertua. Jadi ini yang kenyataan daripada Pengarah ESSCOM ini bahawa *operator resort* ini tidak bekerjasama dengan ESSCOM.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Okey terima kasih.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ini yang mana kebanyakan daripada pekerjaanya orang asing. Jadi minta pendapat dari pihak Yang Berhormat soal operator-operator ini?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya terima kasih Yang Berhormat Putatan. Seharusnya itu yang kita harus lihat. Kerajaan harus memberi hukuman yang berat kepada semua operator-operator yang mengambil orang yang tidak ada beridentiti, orang luar tidak ada kad pengenalan, tidak ada pasport, tidak ada apa-apa tetapi tiada tindakan. Jadi mereka inilah yang jadi tali barut. Tuan Yang di-Pertua saya mahu berhujah panjang tetapi saya makan hak kawan saya. Saya berhenti Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat di Australia mempunyai sistem 90 saat bercakap. Jadi saya pinjam sistem itu. Sila Yang Berhormat Tuaran berhujah dalam dua minit.

#### 5.13 ptg.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu ini adalah begitu serius dan saya mengucapkan terima kasih kerana membenarkan usul ini dibahaskan di Dewan yang mulia ini. Kalau kita lihat dari segi pertahanan yang diletak di Semporna, Navy 100 orang, PGAny lebih kurang 20 orang, polisnya lebih kurang 40 orang. Kalau kita bilangan anggotanya bukan juga boleh katakan boleh menangani masalah keselamatan. Akan tetapi mereka menjaga keselamatan daripada pencerobohan daripada luar. Akan tetapi jelas bahawa yang menceroboh ini bukan daripada luar, yang menceroboh ini daripada dalam. Inilah perkara yang kita bahaskan selama ini bahawa Sabah ini menghadapi masalah *illegal*, *illegal immigrant* dan juga termasuk *illegal resort*. *Illegal resort* yang juga meminta supaya dilindungi dari segi keselamatan, daripada keselamatan. Oleh sebab itu hal *illegal* di negeri Sabah ini harus diselesaikan. *Illegal immigrantnya*, *illegal resortnya* harus diselesaikan. Bagaimanakah sebuah pasukan keselamatan menyelesaikan, mempertahankan *resort-resort* ini jika sekiranya perkara ini tidak diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat tadi dikatakan ESSCOM ini tidak menjalankan tugas, saya ingat itu tidak berapa adil. ESSCOM mempunyai lima cabaran utama dan langkah-langkah yang perlu diambil sebenarnya ada 13 yang perlu diambil. Walau bagaimanapun, masalah di Sabah dari segi *illegal* besar dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat Sandakan bahawa Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja ini perlu dibentangkan segera di Dewan Rakyat. Sudah selesai apa lagi yang mahu ditunggu. Kita mahu penyelesaian dari segi *illegal immigrant* di Sabah supaya kita dapat selesaikan. Kita mendapat *recommendation* untuk menangani hal-hal ini. Apa yang paling apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan bahawa kenapakah perkara ini telah berlaku pada ketika di mana hal MH370 belum selesai dan melibatkan seorang rakyat China pula.

Pada ketika ini Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya kita tidak mengambil perhatian serius dalam perkara ini saya juga bersama-sama dengan rakan-rakan, rakan saya Timbalan Menteri Dalam Negeri saya tidak bersetuju dengan beliau apabila mengatakan tutup semua *resort*. Ini sebab itu macam mana pun walaupun dia *legal* atau *illegal* ia tanggungjawab keselamatan. Akan tetapi saya juga mohon supaya *resort-resort* yang ada ini supaya dijelaskan dan supaya hal-hal *immigrant* dapat diselesaikan dengan segera. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sila Menteri.

#### 5.16 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam Usul 18(1) yang telah

dibawa oleh Yang Berhormat Sandakan. Saya mengambil kira semua pandangan yang telah ditimbulkan tetapi jawapan saya hari ini ialah kita hendak beritahu tentang apa yang kita telah laksanakan serta-merta, bila berlaku perkara-perkara yang telah berlaku.

Pertama sekali ini kita hendak kena sebutkan bahawa bila kita bincang fasal ESSCOM kita tidak boleh sebut Sabah secara keseluruhan. Ini ialah kawasan ESSCOM kawasan ESSZone kawasan Timur Sabah. Akan tetapi apabila Yang Berhormat bercakap tadi menyebut Sabah secara keseluruhan, Sabah secara keseluruhan bukan di bawah ESSCOM. Ini ialah kalau keselamatan di bawah polis dan juga lain-lain lagi. Ini kita khususnya kepada kawasan ESSZone kawasan yang operasinya dilaksanakan oleh ESSCOM. Jadi di bawah ESSCOM ini kita lihat bahawa kita ada komponen PDRM, ATM, APMM dan juga pihak awam. Bila berlaku insiden ini saya hendak kena sebut bahawa tindakan yang pertama sekali ialah pada kelmarin dan juga hari ini kita telah melancarkan Ops Gasak iaitu semua sekali resort dan juga chalet di Semporna kita adakan gerakan untuk menyemak sama ada orang-orang yang telah diambil pekerja itu mereka terdiri daripada warganegara ataupun mereka terdiri daripada pekerja yang disahkan.

Kemudian di Semporna sendiri kita ada 11 kawasan peranginan, pulau-pulau peranginan yang ada chalet kecuali Singamata ini kita buat rondaan. Malah APMM dalam masa sebulan ini telah membuat 20 singgahan, ini tidak termasuk rondaan. Jadi rondaan ini kita ronda mungkin daripada jarak jauh tetapi ini termasuk singgahan. Malah pada hari kejadian pada 2 April 2014, jam 10 malam satu kejadian penculikan telah berlaku di Resort Laut Singamata Semporna. Dalam insiden tersebut tujuh orang bersenjata telah menculik dua orang wanita, seorang pekerja pusat peranginan tersebut berasal dari Filipina dan seorang pelancong warganegara China. Maklumat ringkas mereka ialah daripada Filipina namanya ialah Marcy Dayawan ataupun Mimi dan daripada China namanya ialah Gao Hua Yun.

#### ■1720

Kedua-dua mereka ini telah dipaksa untuk menaiki bot berenjin dan beredar dari situ ke destinasi yang tidak diketahui. Akan tetapi apa yang paling penting saya hendak sebut di sini ialah pusat peranginan laut Singamata ini terletak hanya 1.8 nautika dari Jeti Seafest, Semporna dan ianya mengambil masa hanya lima ke tujuh minit untuk sampai ke pulau tersebut dari Semporna. Terdapat 40 buah chalet di situ tetapi pada hari tersebut, ia telah dihuni oleh 61 orang pelancong yang terdiri daripada 59 orang warga China dan seorang warga Malaysia dan juga seorang dari Iran.

Kita tahu bahawa di kawasan Semporna ini semua pulau ini iaitu Pulau Mabul, Pulau Kapalai, Pulau Singamata ataupun Pulau Bum Bum, Pulau Pom Pom dan Pulau Matakang, semua pulau ini mempunyai pos kawalan tetapi di Pulau Singamata tidak ada pos kawalan. Akan tetapi kawasan rondaan yang kita berhenti, ya. Jadi sekarang ini dua hari yang lepas, kita terus mengambil tindakan meletakkan pasukan keselamatan di Pulau Singamata. Ini bererti, seluruh kawasan peranginan di bawah ESSCOM di kawasan Semporna mempunyai pos kawalan di mana kita letakkan pasukan keselamatan di sana di samping rondaan 24 jam yang berjalan pada tiap-tiap hari.

Jadi, ini usaha kita tetapi kita kena ingat, orang yang menculik ini juga mereka juga ada perancangan. Bila APMM singgah di sana selama satu jam, lebih kurang 7.30, APMM beredar dari kawasan tersebut, mereka melihat lompanan masa itu mereka masuk. Kita berada di sana pada hari tersebut. Mereka masuk pada jam 10.30 dan berlakulah apa yang telah berlaku. Apa yang paling penting sekarang ini ialah pihak keselamatan sampai ke peringkat yang kita mengetahui dan mengawal keadaan. Saya hendak sebut secara terperinci tidak dapat kerana atas rahsia rasmi dan penyiasatan...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Minta penjelasan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...Akan tetapi kita mengetahui pergerakan mereka kerana apabila sahaja dimaklumkan, dalam masa setengah jam, semua gerakan telah dibuat dan anggota kita telah bergerak dan memintas. Satu, yang pertama sekali, pasukan keselamatan telah datang ke kawasan tersebut. Keduanya, tiga lagi pasukan keselamatan bergerak untuk memintas mereka. Namun mereka telah masuk ke kawasan antarabangsa.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Penjelasan, boleh?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya ada tujuh minit sahaja.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Ini mustahak ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Memang Yang Berhormat Menteri jawab dan kita dengar semua faham. Akan tetapi di sini saya mahu tanya, saya masih ingat lagi hari itu kita sama-sama Menteri dan kita pergi melawat Pulau Bum Bum sana. Kita memang tengah- adalah ESSCOM beritahu. Mereka macam polis, ada bot tetapi enjin tiada. Banyak bot tapi enjin tiada. Kereta pun mereka tiada. Mereka mahu pergi petrol, kereta pun tiada. Inilah *basicnya*. Bilalah kita baru boleh sampai? Peralatan ini kalau semua tidak ada, kita serupa macam harimau ada, gigi tiada. Macam mana mereka mahu menjalankan tugas? Saya rasa ini paling mustahak. Kita mesti mahu berubah, meningkatkan kelemahan kita. Mana perlu, kita percepatkan. Janganlah ikut prosedur-prosedur.

Kalau pembangkang esok marah lagi kita, kita terus suruh dia pergi pertahankan. Kita janganlah ikut banyak takut. Mereka bisung sedikit, kita semua takut. Kalau *emergency*, kita boleh serta-merta panggil mereka. Kita beri *quotation* dan kita terus jalankan. Janganlah order bot pun mahu tahun-tahun. Kalau sudah kena, kita baru panjang lebar kita jawab dalam Parlimen. Sampai bila baru habis ini cerita? Memang rakyat tidak berpuas hati. Contoh tadi itu, nampak ESSCOM ini dia tiada kuasa, patut kita ubah itu kuasa, kita beri akta terus di bawah MKN. Kita terus menjalankan terus. Janganlah kita lantik pengerusi semua, di bawahlah terus di Jabatan Perdana Menteri. Perdana Menteri ambil kuasa. Siapa Menteri di sana jawab dan bertanggungjawab juga. Setuju atau tidak, Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Kita akan ambil tindakan yang sewajarnya. Akan tetapi nombor satu, saya hendak beritahu, Operasi Gasak yang telah kita jalankan sekejap tadi di enam *resort* di Semporna tetapi kita masih lagi jalankan operasi. Di enam buah *resort* di Semporna, kita telah menahan 26 orang pekerja asing dari pelbagai kesalahan di pulau-pulau peranginan berkenaan. Jadi Yang Berhormat, ini usaha-usaha yang telah kita buat, kita selaraskan ini. Dengan itu, saya tidak bersetuju supaya ESSCOM ditutup sebagaimana yang telah dicadangkan oleh wakil kerajaan tadi.

Sebaliknya, saya setuju dengan Yang Berhormat Bintulu bahawa kita tambahkan aset. Kita hendak maklumkan bahawa *insya-Allah*, akhir bulan ini, aset kita yang telah kita tempah itu kita akan dapat aset yang berkenaan. Ini adalah untuk rondaan laut. Rondaan darat, saya percaya, benda ini telah diuruskan di peringkat komponen-komponen yang telah saya sebutkan tadi. Kalau kita hendak order atau tempah aset laut, kita tahu bahawa hendak bina bot dan sebagainya, ia mengambil masa sedikit.

Yang Berhormat, ESSCOM baru ditubuhkan satu tahun tetapi matlamat kita yang pertama ialah kita hendak pertahankan dan elakkan daripada kawasan ini diceroboh. Ini ialah jenayah rentas sempadan. Ini pencerobohan yang penting. Apa yang berlaku di Lahad Datu pada tempoh hari ialah pencerobohan. Orang menceroboh di negara kita dan kita tubuhkan ESSCOM. Kita bersyukur, dalam masa terdekat iaitu satu tahun ini, kita telah berjaya mengelakkan daripada negara ini diceroboh walaupun ada dua atau tiga usaha dibuat untuk menceroboh tetapi kita berjaya mempertahankannya.

Tentang jenayah yang telah berlaku, dua penculikan yang telah berlaku pada tahun sudah dan juga tahun ini...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Boleh Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya ada tiga minit Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini soal aset Yang Berhormat Menteri. Apakah jenis aset yang kita cadangkan yang akan kita adakan pada akhir bulan ini? Adakah kita hanya membeli bot, membeli barang-barang yang biasa atau benda-benda yang canggih? Ini kerana bukan soal penguat kuasa juga tetapi tentang *surveillance* ini Yang Berhormat Menteri, kita memerlukan alat-alat yang canggih seperti *drone* ataupun kita wujudkan *cost guard* yang *together* atau sama-sama dengan ESSCOM ini. Adakah cadangan Yang Berhormat Menteri soal pencanggihian alat-alat aset kita ini?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Pencanggihian alat-alat aset itu dalam proses dan dalam perjalanan. Akan tetapi saya hendak beritahu bahawa untuk di akhir bulan April ini, kita mempunyai aset yang mampu untuk kita membuat rondaan dan mampu memintas. Yang paling penting ini, bila mereka datang, mereka buat sesuatu jenayah, kita dapat

pintas. Pintas ini perlukan bot yang laju, dan aset yang akan datang di akhir bulan April ini mampu untuk memintas puak-puak ini.

Seperti kenyataan Ketua Polis baru-baru ini yang menyebutkan bahawa ada orang dalaman dan sebagainya, benda ini ia sudah pasti berkaitan kerana orang-orang di Timur Sabah ini dari segi budaya dan juga persaudaraan, dia ada hubung kait dengan saudara mereka di seberang sana. Jadi, kehadiran ESSCOM ini kita hendak pastikan supaya apa pun hubungan mereka dengan orang-orang luar, kita hendak pastikan supaya kawasan ini selamat daripada dicerobohi oleh mana-mana pihak.

Dari segi kuasa tadi, dalam keadaan yang terdesak ini, di bawah komponen PDRM, ia ada kuasa sebab kita tidak boleh katakan serah kuasa PDRM kepada ESSCOM sebab ia melibatkan jenayah dan mahkamah. Tidak mungkin kita hendak buat mahkamah di kawasan ESSCOM. Ia mesti duduk di bawah operasi PDRM tetapi di *coordinate* oleh ESSCOM. Demikian juga dengan ATM dan juga APMM tetapi ini di *attach* terus kepada ESSCOM dan juga daripada aspek awam.

#### ■1730

Semua komponen ini disatukan di bawah ESSCOM. Sama ada kita nak masukkan ESSCOM ini di bawah peraturan Parlimen, sekarang ini kita masuk ESSCOM ini, penubuhannya ialah di bawah Peraturan 3(1)(a)(d) Peraturan-peraturan Pemeliharaan Keselamatan Awam 2013. Yang ini kita masukkan di bawah aspek ini. Jadi, tugas utama kita ialah nak *coordinate* semua sekali, nak selaraskan semua sekali iaitu Polis, Tentera, APMM ini supaya gerakan kita tidak *overlapping*. Kita tak mahu katakanlah tentera mari, polis mari di tempat yang sama. Tak, dia tidak *overlapping*. Kita ada jadual kita dan jadual ini kita tidak boleh umumkan sebab apa, sekarang ini pihak penculik pun dah tahu kalau kita nak datang pukul tujuh, dia tentu datang pukul 10. Kita nak pastikan supaya benda ini kita akan tingkatkan risikan kita supaya kita dapat atasi mereka yang cuba melakukan jenayah merentasi sempadan.

Jadi walau kita tahu bahawa banyak pihak yang tidak berpuas hati tentang apa yang berlaku, di pihak kita, kita tingkatkan pertama sekali rondaan. Rondaan ini kalau kita buat katalah sehari dua kali, sekarang kita tingkatkan sekali ganda. Makna kata sehari empat kali, lebih kurang macam itu tetapi ianya akan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Yang keduanya, yang ini yang penting iaitu menempatkan pasukan keselamatan di semua pulau-pulau perangan. Sekarang ini di Singamata ini tidak ada pasukan keselamatan. Sekarang sudah berada di sana, kita ambil salah satu daripada kawasan *resort* di sana untuk jadi pusat keselamatan di sana. Di samping itu, rondaan kita ditingkatkan sepenuh masa.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri, sedikit, sedikit.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Jadi, soal yang penting sekarang ini kita nak pastikan supaya nombor satu, pencerobohan mesti dielakkan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri, sekejap ya.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang keduanya ialah jenayah rentas sempadan ini kita nak cuba kurangkan sebanyak yang mungkin. Tuan Yang di-Pertua, saya sudah kehabisan masa.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri, sedikit sahaja. Satu soalan, satu soalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sudah lebih masa dua minit. Sila gulung Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Satu soalan sahaja.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Jadi, saya berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dan...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri, Menteri, sedikit sahaja. Satu soalan sahaja. Menteri, saya nak tanya kalau katakan rondaan itu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, belum lagi dipanggil untuk mengemukakan soalan. Duduk dulu Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Minta persetujuan Tuan Yang di-Pertua. Sedikit, sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk dulu Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Kemudian akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, kita telah kerahkan aset, kita *deploy*, dengan izin, kawasan-kawasan tertentu di Sabah dan juga di Semenanjung untuk kita gerakkan aset kita pergi sana. Jadi, kalau kita tunggu aset baru nak datang akhir bulan April tetapi sebelum menunggu April, aset ini telah pun sampai dan 30% sudah dikuatkuasakan semalam. Jadi, semua kita *deploy* untuk pergi ke kawasan yang berkenaan, kita nak pastikan supaya insiden demikian rupa tidak berlaku dan kita nak pastikan supaya orang-orang, pelancong-pelancong dan semuanya rasa selamat datang ke Sabah.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri, sedikit. Satu soalan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang menjadi masalah besar kepada negara bukan pelancong tak mahu datang ke sini, pelancong nak datang tetapi mulut-mulut 'cabui' dengan izin. Yang Berhormat Pokok Sena faham bahasa itu, orang lain mungkin kurang faham. Mulut-mulut 'cabui' dengan izin, pergi ke luar negara, menceritakan yang buruk-buruk pasal negara. Sepatutnya dalam keadaan negara menghadapi pelbagai masalah, kita pergi...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri, menteri. Soalan dulu boleh?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...Kita patut pergi dan menceritakan sumbangan kita, sumbangan pihak pembangkang untuk membina negara ini. Bukan menambah derita apa yang telah berlaku.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Jadi, saya berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Menteri, sedikit.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Kalau bagi lagi, dalam tiga kaki jarak penangan yang ada pada saya sekarang ini saya boleh sampaikan tetapi begitulah undang-undang peraturan Parlimen yang perlu kita patuhi.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri, soalan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Menteri, apa pembangkang?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Dekat luar boleh, boleh tanya. *No problem.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup dalam perbincangan di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) ini dan dengan yang demikian, saya tutup perbincangan ini. Sila Yang Berhormat Pokok Sena, lima minit sambung perbincangan yang terhenti sekejap tadi. Sila. Selepas itu Menteri bersedia untuk menjawab.

5.35 ptg.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya faham bahasa Yang Berhormat Menteri Arau 'cabui' itu- dia pun 'cabui' [*Ketawa*] Jenis loklak juga [*Ketawa*]

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Saya tak kata dekat *you* tahu. Saya cakap *you* faham bahasa itu.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** [*Ketawa*] Kita faham sama-sama, memang stail orang 'cabui' macam itulah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan, teruskan perbincangan Yang Berhormat.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Baik, saya nak dapat penjelasan Menteri berasaskan kepada hujah rakan saya Yang Berhormat dari Langkawi. Dia ucapkan terima kasih kerana Langkawi tak termasuk, Labuan tak termasuk dikenakan GST bila pagi tadi dia kata kerana itu kawasan bebas cukai. Adakah kerajaan berhasrat untuk



mewujudkan kawasan bebas cukai di setiap kawasan Parlimen supaya semua orang tak kena, ada tempat-tempat yang setiap kawasan Parlimen itu tak kena GST dan juga dia memang bebas cukai. Jadi, saya nak sebut dan nak menunjukkan bahawa hujah Yang Berhormat Langkawi itu memang hujah orang tak berus gigi mai pagi-pagi. Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya juga nak minta penjelasan daripada pihak kerajaan ...

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** ...Apakah kerana kesalahan, kelemahan kerajaan dalam pengurusan negara, pengurusan kewangan ini akhirnya kesalahan dan dosa itu terpaksa ditanggung oleh rakyat. Ini seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Gua Musang baru-baru ini bahawa pemberian subsidi kepada IPP itu adalah satu dosa yang tidak boleh dimaafkan oleh rakyat. Jadi, apakah juga dengan segala ketirisan macam saya katakan tadi yang berkaitan dengan pemberian projek sampai RM20 juta dengan geran sampai berapa puluh juta itu kepada syarikat yang bankrap, syarikat yang bankrap. Pada waktu diberikan kelulusan itu, surat disampaikan bahawa dia adalah sebuah syarikat yang bankrap, yang telah pun digulung oleh mahkamah pada 24 Julai 2013 oleh mahkamah di Shah Alam.

Jadi bagi saya bahawa adalah suatu yang menggambarkan bagaimana kesalahan, kelemahan kerajaan menguruskan negara kita ini, dosa mereka akhirnya rakyat yang terpaksa tanggung. Silakan.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Yang Berhormat Pokok Sena, terima kasih. Saya nak tanya Yang Berhormat Pokok Sena, adakah kerajaan sudah maklum kepada *backbencher* ataupun Ahli Parlimen apa kesan GST terhadap pertanian, sektor pertanian dan petani dan juga pekebun? Sektor pertanian di Malaysia ini tidak macam di Amerika Syarikat di mana ada insurans tetapi di sini ramai tidak ada insurans terutamanya pekebun-pekebun kecil, dia tidak ada insurans. Kalau dia beli baja, baja itu ada GST tetapi kalau bencana datang, mungkin banjir ke apa, dia hilang itu, GST tak boleh dapat *refund*. Adakah kesan-kesan ini telah dikaji? Adakah Yang Berhormat Pokok Sena setuju dengan saya walaupun hari ini Ahli-ahli *Backbencher* Barisan Nasional menyokong *bill* GST ini, rang undang-undang GST ini, tahun depan mungkin merekalah yang akan minta tanggung, mereka akan takut balik kawasan kerana GST ini tak baik. Terima kasih.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** [Bangun].

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sekejap, sekejap.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Setengah-setengah.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Yang Berhormat Kluang. Saya bersetuju bahawa itu dijadikan sebahagian daripada ucapan saya yang memerlukan penjelasan khusus daripada Kementerian Kewangan berkaitan dengan sektor pertanian kerana ini satu perkara yang sangat membimbangkan kita dan bagi saya bahawa memang itulah Ahli-ahli Parlimen BN, mereka ini buat apa pun mereka sokong. Minyak naik pun mereka sokong, gula naik sokong, tarif elektrik naik sokong. Jenis orang 'mai' tak gosok gigi macam itulah, dia sokong semua.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** [Bangun]

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Sepuluh saat. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Adakah Yang Berhormat Pokok Sena ada dengar-dengar bunyi-bunyi bahawa ada pula orang tengah nak jadi tukang *collect* cukai ini?

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Baik, terima kasih. Ini yang saya nak tanya. Sebelum itu, saya nak katakan sekali lagi ialah saya hairan juga bahawa Kementerian Kewangan, Menteri Kewangan bawa ke sini iaitu untuk GST. Menteri Kewangan juga meluluskan untuk projek macam saya katakan tadi Parlimen Fasa Kedua ini dengan memberikan kepada *TRC Resources* sedangkan ada syarikat lain juga yang menawarkan tender terhad itu lebih rendah daripada harga yang ditawarkan oleh *TRC Resources*. Jadi saya keliru, bermakna bahawa dia kata kita kena perlukan duit yang banyak untuk membangunkan negara kita tetapi dia juga memberikan kepada syarikat dengan tidak mengambil kira daripada segi nilai kewangan yang sepatutnya kita utamakan dalam menguruskan perbelanjaan.

Oleh sebab itu, menjawab kepada Yang Berhormat Kuala Krai, sebab itu saya nak minta penjelasan daripada pihak kerajaan berkaitan dengan MyEG yang diberikan kontrak untuk membina sistem GST Kastam Malaysia ini yang saya difahamkan bernilai RM180 juta. Saya nak minta penjelasan, apakah model kewangan, pelan kewangan yang dipersetujui antara kerajaan dengan MyEG, MyEG yang dikuasai oleh Asia Internet Holdings dan TS Wong sebanyak 39.8% dan Utilico Emerging Markets Limited 7.9%.

■1740

Jadi saya hendak minta pihak kerajaan memperjelaskan kpd kita semua bahawa berapa daripada kutipan GST itu nanti akan pergi kepada MyEG yang diberikan untuk ini. Jadi berapa?

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Kalau macam AES dahulu dua syarikat itu akan mendapat kalau RM6 juta kutipan banyak ini 600 juta saman, kalau RM10 juta banyak ini. Jadi berapa pula daripada kutipan GST nanti yang pungut melalui sistem yang disediakan oleh MyEG ini nanti akan mereka perolehi?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sekejap saya tengah- saya semak MyEG ini *chairman* dia ialah Bekas Ahli Majlis Tertinggi UMNO iaitu Dato' Dr Norraesah binti Haji Mohamad, dan seorang lembaga pengarah ialah Ahli Parlimen Lenggong... [Dewan riuh]

Ahli Parlimen Lenggong salah seorang daripada Lembaga Pengarah kepada MyEG dan juga salah seorang daripada orang kuat pernah menjadi Ketua Pemuda UMNO Tanjong tahun 1997 iaitu Datuk Raja Murni Shah juga merupakan salah seorang daripada Lembaga Pengarah kepada MyEG ini. Jadi saya hendak minta penjelasan daripada pihak kerajaan tentang ini.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sila Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Yang Berhormat Pokok Sena saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat Pokok Sena bersetuju sebenarnya maklumat ini telah pun menjadi *public knowledge* kerana dalam artikel *Sun Daily*, *Suara Nadi* dan *The Edge* telah menulis artikel ini dan apa yang kita risau adalah ada maklumat yang mengatakan bahawa ada *profit sharing* makna akan ditubuhkan MyEG Konsortium yang akan dapat pulangan daripada cukai-cukai GST ini. Kalau ini benar-benar berlaku bermakna the idea of *collecting* cukai tidak betul kerana cukai yang diperolehi sepatutnya pergi kepada *consolidated of fund*. Sekarang sebahagian daripada itu pergi ke *private* yang tidak akan kembalikan manfaat wang itu kepada rakyat bermakna ini adalah *unconditional*, bercangah Perlembagaan. Adakah Yang Berhormat Pokok Sena setuju?

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Bukit Mertajam, Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya, saya masukkan ucapan Yang Berhormat sebahagian daripada ucapan saya dan kerajaan perlu perjelasan dan dedahkan kepada Parlimen ini model kewangan yang telah dipersetujui. Itu sangat...

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Yang Berhormat Pokok Sena, Batu Pahat.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Bukit Mertajam.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** ...Sangat penting kepada kita semua. Ya Yang Berhormat Bukit Mertajam.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Yang Berhormat Yang Berhormat Pokok Sena, terima kasih. Bercakap tentang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pokok Sena, ini bukan strategik untuk menambah masa bagi memberi laluan kepada ...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** ...Pungutan GST, sedarkah Yang Berhormat Pokok Sena, GST ini mengikut satu kajian dalam jurnal *International Business and Economic Research Journal* dalam bulan Mei 2013 dikatakan GST *is not highly regressive, but it also relatively expensive to administer*. Bermakna adalah lebih mahal untuk membuat pungutan GST. Kalau di Australia contohnya, untuk cukai-cukai biasa setiap USD100 diperlukan kos pentadbiran 94 sen tetapi untuk GST kos pentadbirannya naik sehingga USD1.36. Jadi bermakna cukai GST bukan sahaja *regressive* tetapi mahal untuk dilaksanakan. Kosnya bukan sahaja kepada rakyat tetapi juga kepada kerajaan. Kerajaan sepatutnya melihat kepada cukai-cukai sedia ada ataupun seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Gombak tadi *the reformation of taxation* bukan sahaja lihat kepada GST.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Yang Berhormat...

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pokok Sena, respons kepada Yang Berhormat Bukit Mertajam, selepas itu gulung Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Maaf Yang Berhormat Batu Pahat. Saya memang hendak menjawab semua yang dibahas oleh rakan-rakan sebelah sana, tetapi minta maaf Tuan Yang di-Pertua tidak benarkan. Saya banyak hendak jawab yang mana tidak berus gigi pagi-pagi itu.

Saya bersetuju dengan Ahli Parlimen Bukit Mertajam, saya minta itu sebahagian daripada ucapan saya

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Duk mimpi tidak berus gigi ini kenapa?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Gigi sudah kuning.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Dia sebut dalam- saya lihat dalam website Kastam sendiri mengatakan bahawa memang pengguna akan menanggung dari segi kos pengurusan kutipan itu akan dicaj oleh setiap pengilang pemborong dan juga peruncit. Itu terdapat dalam website Kastam itu sendiri. Oleh sebab itu saya minta penjelasan dari pihak kerajaan untuk memperjelaskan apa yang saya katakan tadi khususnya dengan yang terakhir yang saya sebut tadi Tuan Yang di-Pertua ialah berkaitan dengan MyEG ini. Berapa model kewangan yang telah pun dipersetujui antara pihak kerajaan dengan pihak MyEG ini yang sangat penting untuk kita untuk melihat berapa pula nanti *Board of Director* dia Lembaga Pengarah ini akan dapat elaun-elaun termasuk Yang Berhormat Lenggong akan dapat elaun yang lebih apabila pelaksanaan GST ini.

Jadi saya berharap pihak kerajaan untuk pertimbangkan bersedia untuk tarik balik GST ini dan saya hendak duduk dengan hasrat untuk membantah dan menolak rang undang-undang ini, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri Sila.

5.47 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera Salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.

Selepas ini dibuat Rang Undang-undang GST 2014. Seramai 20 orang Ahli Yang Berhormat telah membahaskan. Pada hari Khamis yang lepas Yang Berhormat Titiwangsa, Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Pandan, Yang Berhormat Labis, Yang Berhormat Sepang dan Yang Berhormat Langkawi. Pada hari ini Yang Berhormat Sandakan, Yang Berhormat Tanah Merah, Yang Berhormat Marang, Yang Berhormat Setiawangsa, Yang Berhormat Klang, Yang Berhormat Kelana Jaya, Yang Berhormat Kota

Tinggi, Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Bagan Serai dan Yang Berhormat Pokok Sena.

Saya ingin menegaskan sekali lagi di Dewan ini bahawa di dalam mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi, negara perlu mempunyai ini sistem percukaian yang lebih telus, efisien dan mesra perniagaan. Bagi Malaysia, GST yang dicadangkan adalah sebenarnya mesra perniagaan dan juga tidak membebankan rakyat. Sebarang kesan kepada golongan berpendapatan rendah telah diambil kira dalam model GST Malaysia. Begitu juga dengan perniagaan supaya mendapat manfaat daripada sistem GST ini. Izinkan saya untuk meneruskan dengan menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengikut isu yang dibangkitkan dan bukan mengikut nama ataupun daripada mana Ahli-ahli Yang Berhormat yang menimbulkan isu itu. Ada 23 isu kesemuanya.

Pertama keperluan melaksanakan GST. Cadangan untuk melaksanakan GST pada pertama kalinya diumumkan semasa pembentangan bajet 1988 yang mana Menteri Kewangan pada masa itu Tun Daim Zainuddin telah menyatakan bahawa adalah penting untuk sistem percukaian negara distrukturkan semula supaya ianya lebih efektif, efisien dan telus bagi mempertingkatkan daya saing negara di peringkat antarabangsa. Pelaksanaan GST merupakan salah satu langkah kerajaan untuk menyusun semula sistem percukaian dan ia akan menggantikan cukai kepenggunaan sedia ada iaitu cukai jualan dan cukai perkhidmatan SST yang mempunyai kelemahan-kelemahan tersendiri.

Antara lain melibatkan cukai bertindih, melibatkan isu pindahan harga dan pindahan nilai dan tiada pelepasan cukai sepenuhnya ke atas barang yang dieksport. Pelaksanaan GST bukanlah untuk menggantikan sumber hasil dari cukai pendapatan dan petroleum. Sebaliknya ianya bertujuan untuk mempelbagaikan hasil pendapatan negara supaya kita tidak terlalu bergantung kepada sumber hasil daripada petroleum yang akan mengalami penyusutan sumber dan cukai pendapatan yang tertakluk kepada keadaan ekonomi.

GST juga adalah lebih telus dari SST kerana pengguna akan tahu sama ada barang dibeli atau perkhidmatan diperolehi tertakluk kepada GST dan amaun cukai yang perlu dibayar. Oleh kerana GST merupakan cukai kepenggunaan, pengguna boleh merancang perbelanjaan secara berhemah dan jangka masa panjang dapat meningkatkan simpanan dan pelaburan.

Isu kedua, GST dan cukai lain. Di dalam membuat perbelanjaan, kerajaan sebenarnya amat berhati-hati agar tidak berlaku pembaziran akan memastikan apa-apa yang diperolehi adalah dengan izin *best value for money*.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Prosedur kewangan akan dipastikan dipatuhi dengan betul. Berhubung dengan usaha *monitisation of government asset*, dengan izin, kerajaan sebenarnya telah memastikan apa-apa yang diterima oleh kerajaan adalah setimpal dengan nilai aset tersebut.

#### ■1750

Berhubung dengan cadangan supaya GST tidak dilaksanakan dan sebaliknya dilaksanakan cukai keuntungan modal iaitu *capital gains tax* cukai keuntungan berlebihan iaitu *windfall tax*, dan cukai maha kaya atau *wealth tax*. Sebenarnya, cukai keuntungan modal dan cukai maha kaya belum wajar dikenakan di Malaysia. Ini memandangkan sistem percukaian negara perlu mengekalkan daya saing iaitu *competitiveness economy* agar dapat menarik para pelabur untuk meningkatkan pelaburan secara berterusan, termasuk di kalangan pelabur tempatan dan asing. Pengenaan cukai ini boleh menyebabkan pelabur asing tidak berminat untuk melabur di Malaysia atau pun pelabur tempatan berpindah ke luar negara. Cukai-cukai ini boleh dikenakan apabila sebuah negara itu berada dalam status negara maju. Perlu diingat, GST bukanlah untuk semata-mata menambahkan hasil tetapi untuk menambah baik sistem percukaian sesuai dengan era moden perniagaan dengan menggantikan cukai jualan dan cukai perkhidmatan yang banyak mendatangkan *loopholes*.

Walau bagaimanapun...

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. Yang Berhormat.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** ...Kerajaan telah melaksanakan cukai keuntungan berlebihan ke atas minyak sawit mentah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada tiga yang berdiri Yang Berhormat, yang mana satu?

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Saya dulu. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini berkenaan dengan *competitiveness*. Saya ada satu isu yang penting. Kita katakan kita bawa GST supaya kita boleh kurangkan cukai korporat so, kita boleh bersaing untuk FDI. Akan tetapi masalahnya apabila kita bawa ini, bukankah ini merupakan satu *race to the bottom*? Di mana kita ini kurangkan *corporate tax*, kita kenakan GST. Selepas itu Thailand juga kurangkan *corporate tax* lagi daripada 9% dan dia pun naikkan GST dia. Kita terpaksa lawan dengan Thailand, kita turunkan lagi *corporate tax* kita.

Jadi saya rasa, adakah kita ambil satu pendekatan di mana kita bincang dengan negara lain di ASEAN? Katakan, *"Let's not go on this race to the bottom."* Kita kekalkan *corporate tax*, kita bawa GST, okey. Akan tetapi jangan lagi kurangkan *corporate tax* di mana-mana negara ASEAN. Jika tidak, ini akan berterusan. Kita kena terpaksa naikkan GST kita untuk menampung kekurangan dalam *tax* kerana kita akan kurangkan *corporate tax*- *this going to be a race to the bottom*, antara negara-negara di ASEAN so, adakah kerajaan kita ambil pendekatan kita kena buat satu *agreement* antara negara-negara di ASEAN dulu? Mungkin dengan negara-negara yang membangun lain, untuk jangan lagi kurangkan *corporate tax*. Adakah kita buat macam itu?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Tadi ada lagi dua orang bangun. Silakan.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi disebut bahawa kita tidak ada dalam kedudukan atau pun suasana di mana kita boleh melaksanakan cukai kepada pihak yang lebih kaya iaitu *capital gains tax* atau pun *wealth tax* atau pun *windfall tax* yang lain terhadap bidang-bidang atau pun sektor yang mendapat keuntungan yang berlebihan. Ini kerana kita ingin menaikkan daya persaingan ekonomi negara kita. Saya rasa logik ini macam tidak beberapa betul. So, oleh kerana kita hendak naikkan daya persaingan negara kita, kita tidak boleh naikkan cukai terhadap pihak yang kaya. Akan tetapi untuk menaikkan daya persaingan kita, kita mengenakan GST kepada golongan yang kurang kemampuan. So, ini macam logik yang tidak berapa betul daripada pihak kerajaan.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Penjelasan dan saya ingin menambah, menyambung daripada Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Soal mencukai, sepatutnya bukan soal kemajuan atau pun pertumbuhan ekonomi semata-mata. Soal cukai ialah soal adil kepada rakyat. Di mana adilnya apabila orang yang paling kaya mendapat keuntungan berlipat kali ganda daripada saham, tanah dan sebagainya tidak dikenakan cukai. Akan tetapi anak muda, orang miskin dan sebagainya, yang itu kena bayar cukai. Kalau Yang Berhormat Menteri boleh terangkan kepada rakyat di luar, barulah kita boleh pandang balik kepada GST ini.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Siput, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara dan Yang Berhormat Pandan. Saya ingin memaklumkan bahawa GST ini adalah cukai yang lebih adil daripada cukai SST. Apabila disebut tentang perkara cukai yang adil kepada rakyat, kenapa ia adalah cukai yang lebih adil? Ini kerana selama ini kita telah dikenakan SST dan SST itu adalah cukai yang tidak telus, 10% dan ditambah dengan *cascading effect* dalam cukai SST menyebabkan pengguna sekarang sejak tahun 1972 telah membayar cukai SST ini secara tidak adil. Ini kerana pengguna tidak tahu berapakah jumlah cukai yang dikenakan terhadap mereka. Namun sekarang ini pengguna akan tahu, 6%. Sebelum ini 10%, kadang-kadang 11%, 12%, 13% dengan *cascading effect*. Barang RM100 jadi RM110, RM120. Kali ini barang RM100, tepat RM106 dan dinyatakan dalam bil. Ini dia kebaikan GST dan ia lebih adil dan lebih telus. Sila.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titivangsa]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin tanya kepada pihak Yang Berhormat Menteri, setuju tidak Yang Berhormat Menteri bahawa selama ini apabila kita *implement* SST ini, banyak syarikat-syarikat pembuat yang mengambil cara mudah mengelakkan pembayaran SST ini dengan membuat *transfer pricing within the same group of companies* kerana ia hendak membayar SST yang lebih rendah daripada SST yang sepatutnya ia bayar kepada kerajaan.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Memang betul. Memang itu yang berlaku Yang Berhormat Titiwangsa. Mereka membuat syarikat yang berasingan atas nama *marketing arm*. Mereka *transfer* segala kos yang sepatutnya dibayar kepada Kastam dan inilah yang kita panggil sebagai *transfer pricing* dan kerajaan rugi ratusan juta kerana perbuatan yang tidak bertanggungjawab itu. Namun dalam GST, perkara ini boleh dielakkan.... Bangun lagi?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya setuju bahawa dalam GST, perkara *transfer pricing* dapat dielakkan. Akan tetapi ini adalah hanya satu daripada kebaikan GST sahaja tetapi ada kelemahan juga. Bukan kata tidak ada kelemahan, ada kelemahan juga. Saya setuju *transfer pricing*. Akan tetapi saya hendak tanya, tadi Yang Berhormat Menteri kata SST lebih baik kepada rakyat kerana lebih telus. Akan tetapi- minta maaf. GST lebih baik kerana lebih telus. Akan tetapi hakikatnya, GST akan mengenakan cukai yang lebih tinggi kepada orang ramai. So, tidak kira sama ada *transfer pricing*kah, *cascading effect*kah, akhirnya inflasi akan berlaku. Yang Berhormat Menteri tidak akan beritahu saya sekarang kecuali Yang Berhormat Menteri hendak beritahu saya sekarang, selepas GST dilaksanakan oleh kerana lebih telus, harga barang-barang akan turun. Ini tidak akan terjadi. Harga barang-barang akan naik.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Yang Berhormat Menteri, satu lagi Yang Berhormat Menteri. Fasal tadi, Yang Berhormat Titiwangsa tadi ada sebut kononnya di bawah SST ini, oleh kerana syarikat boleh dikumpulkan di dalam satu kumpulan. Kononnya ada ketirisan di bawah SST, ini masalah bila Ahli-ahli Dewan datang tanpa baca akta ini betul-betul dahulu. Dia tidak tahu bahawa di dalam Akta GST pun perkara yang sama berlaku, malah seluruh syarikat besar akan mengumpulkan syarikat anak-anak syarikat itu dan hanya satu bayaran yang dibuat oleh satu syarikat. Jadi, kalau Yang Berhormat Titiwangsa hendak kata oleh kerana ada kumpulan SST itu lebih buruk berbanding GST, kaedah dan mekanisme yang sama digunakan di dalam GST melalui apa yang dipanggil pendaftaran berkumpulan. Mohon Yang Berhormat Menteri sahkan perkara itu.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Saya akan menjawab tentang inflasi pendaftaran berkumpulan apabila tiba pada waktunya dan ada banyak perkara yang ada 20 lebih isu. Saya baru sampai dua isu. Sebagai contoh, *corporate tax* yang disebut oleh Yang Berhormat Sungai Siput. Kalau kita banding dengan negara-negara lain, iaitu:

Negara	Peratus (%)
Malaysia	25
Indonesia	25
Vietnam	25
China	25
Sri Lanka	28
New Zealand	28
Filipina	30
Australia	30
India	32.45
Jepun	38

Itu sebagai maklumat tambahan.

Perkara yang ketiga, tentang masa yang sesuai untuk melaksanakan GST. Ada ramai Ahli Yang Berhormat menyebut tentang perkara ini. GST bukan sahaja telah dilaksanakan di negara yang berpendapatan tinggi, malahan juga telah pun dilaksanakan di negara yang berpendapatan rendah. Sebagai contoh, Cambodia, Bangladesh, Utopia. Pendapatan rendah di kumpulan ini, 28 buah negara. Sederhana rendah, pendapatan USD1,026 ke USD4,035. Contoh Indonesia, Sri Lanka, Filipina, 41 buah negara. Sederhana tinggi, ini termasuk Malaysia, Brazil, Thailand, Panama, 39 buah negara. Yang

berpendapatan tinggi, lebih USD12,476 Australia, Jepun, Singapura, 42 buah negara dan negara seperti Argentina, Jamaica, *Ivory Coast*, 10 buah negara. Menjadikan 160 buah negara.

#### ■1800

Malaysia adalah dikategorikan sebagai negara yang berpendapatan sederhana tinggi. Apabila GST dilaksanakan, Malaysia merupakan negara yang ke 40 dalam kategori negara ini. Dalam awal tahun 1990-an sumbangan kepada hasil kerajaan di antara cukai langsung dan cukai tidak langsung adalah lebih kurang sama. Sebagai contoh, dalam tahun 1990, sumbangan daripada cukai langsung ialah 35.2%. Contoh cukai korporat, cukai individu, RPGT, duti setem. Sementara cukai tidak langsung ialah 36.7%. Contoh, duti kastam, duti eksais, *sales and services tax* iaitu SST. Bagaimanapun, dengan dasar liberalisasi perdagangan dalam tahun 1990, nisbah ini telah bertukar dengan mendadak. Dalam tahun 2012, sumbangan daripada cukai langsung adalah 56.4%, sementara cukai tidak langsung adalah 17.2%. Kebergantungan yang lebih ke atas sesuatu jenis cukai akan memberi kesan yang kurang baik ke atas kedudukan kewangan negara.

GST merupakan satu langkah untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi merangkumi peningkatan yang secara holistik termasuk Transformasi Ekonomi atau ETP, untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing negara. Pelaksanaan GST telah mengambil kira impak kepada kumpulan yang mudah terjejas di mana kebanyakan barang-barang keperluan asas tidak tertakluk kepada GST yang secara langsung tidak memberi kesan signifikan kepada kos sara hidup. Di samping itu, kerajaan juga memperuntukkan bantuan kewangan dan insentif percukaian kepada rakyat.

Dengan semua langkah ini, negara akan mempunyai ekosistem ekonomi yang cekap dan berkesan untuk mencapai sasaran indeks gini yang lebih rendah dan merapatkan jurang pendapatan yang kaya dan miskin. Pelaksanaan GST tidak boleh ditangguhkan kerana ia merupakan satu komponen yang penting...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, minta penjelasan.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Dalam pakej penyusunan semula strategi fiskal untuk memenuhi keperluan asas penstrukturan semula ekonomi dalam jangka panjang. Ia merupakan satu program penambahbaikan holistik berserta inisiatif lain yang akan membantu Malaysia mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi. Sekejap.

Mereka yang berpendapatan RM3,000 atau RM4,000 dan ke bawah adalah tidak tertakluk kepada cukai pendapatan...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri...

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Adalah disebabkan- sekejap, sekejap! Disebabkan mereka layak menuntut pelepasan atau *relief* yang disediakan. Di Malaysia terdapat sebanyak 19 pelepasan yang disediakan. Sila.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa GST dilaksanakan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi.

Saya hendak jelaskan, Yang Berhormat Timbalan Menteri belum jelaskan logik ini. Di Kanada kita dapati bahawa selepas sepuluh tahun implementasikan GST, jurang di antara orang kaya dengan orang miskin telah menjadi lebih jauh, lebih luas.

Satu laporan yang dikeluarkan oleh *Social Policy Development Associate based in Ontario of Canada* mengatakan bahawa, saya baca, "*Many boarders' income families were made substantially worth of. Many more low incomes Canadian are worth of in 2001 as a result of GST*". Sebenarnya kita dapati bahawa GST akan mencetuskan satu masalah di negara di mana *Gini coefficient* akan menunjukkan dalam lima tahun atau enam tahun yang akan datang bahawa orang kaya akan menjadi lebih kaya dan orang miskin menjadi lebih miskin. Bukankah ini satu masalah yang besar- *therefore, income in quality* menjadi masalah yang besar di Malaysia walaupun sekarang memang masalah yang besar. Akan

tetapi GST akan meluaskan masalah itu. Apakah kerajaan telah membuat satu kajian untuk mengatakan ini tidak akan berlaku?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Yang Berhormat Klang, Yang Berhormat cerita pasal Kanada. Ada 159 lagi negara lain yang melaksanakan GST. Adakah Yang Berhormat membuat kajian terhadap 159 itu?

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Kalau Yang Berhormat fikir saya...

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Kerajaan telah membuat kajian sejak tahun 1984 tentang GST ini dan kita yakin apa yang kita buat ini adalah perkara yang benar.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** *[Bangun]*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh celah sedikit? Soalan sedikit.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Yang Berhormat Batu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya dengar bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut ada 160 buah negara yang melaksanakan GST tetapi kalau itu justifikasinya, lebih banyak negara yang menggunakan SST. Itu tidak bermaksud kalau lebih banyak negara yang menggunakan SST, SST itu lebih baik atau lebih banyak yang menggunakan GST, maka GST itu baik.

Kita harus *argue* dengan keadaan yang berada di Malaysia ini...

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Yang Berhormat Batu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya agak itu bukan satu yang baik.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Yang Berhormat Batu, dalam dunia ini ada dalam 193 buah negara. Sebanyak 160 laksanakan, dengan lain perkataan 83% daripada negara melaksanakan.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau ikut perangkaan majoriti negara lain pakai kita pun patut pakai, banyak perkara lain yang kerajaan tidak ikut majoriti pun.

Isu yang berbangkit adalah GST ini adakah ia sesuai masa ini untuk Malaysia? Negara maju seperti United States dan juga Hong Kong tidak guna pun dan tidak ada masalah. Sekarang kita hendak pertimbangkan sama ada GST ini akan menjadikan kehidupan bagi orang yang sederhana *income* dan juga yang miskin menjadi lebih teruk.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Hong Kong tidak melaksanakan GST kerana negara Hong Kong berteraskan ekonominya kepada pelaburan kewangan. Sistem kewangan dan pelaburan kewangan di Malaysia ini tidak dikenakan GST. Jadi kalau mereka hendak buat GST dan pelaburan kewangan tidak dikenakan GST, untuk apa mereka laksanakan GST?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Itu bukan sebab GST ditolak di Hong Kong.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** GST tidak...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.



**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk dahulu. Yang Berhormat Klang, duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat, perbincangan ini berkisar kepada soal ekonomi seperti juga dengan legal. Semestinya pendapat itu berbeza, tetapi jangan tegakkan benang yang basah. Sila.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri belum jawab soalan saya. Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Belum jawab soalan saya. Adakah kerajaan telah membuat kajian mengenai GST dan jurang kekayaan di antara orang miskin dan orang kaya?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Sudah.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Adakah kerajaan telah buat?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Jawapannya sepatah sahaja, sudah.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Sudah? Bolehkah kita dapat terima kajian itu? Boleh baca kajian itu? Boleh?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Isu keempat.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat, boleh atau tidak boleh?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Kalau kita hendak bagi, kita bagi keseluruhan tentang GST. Bukan hanya tentang satu-satu isu Yang Berhormat.

Isu yang keempat. Isu regresif. GST diperkenalkan bagi menggantikan cukai jualan dan cukai perkhidmatan bagi memastikan sistem percukaian negara lebih efisien, telus. Pada masa sekarang, rakyat Malaysia telah membayar cukai jualan sejak tahun 1972 dan cukai perkhidmatan sejak tahun 1975 ke atas barang dan perkhidmatan dan golongan watan rendah juga tidak terkecuali daripada membayar SST sejak tahun 1972 dan tahun 1975.

Modul GST yang dicadangkan oleh kerajaan telah pun mengambil kira corak perbelanjaan rakyat termasuk golongan berpendapatan rendah. Menurut perangkaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Statistik bagi perbelanjaan isi rumah tahun 2009 dan tahun 2010, golongan berpendapatan RM1,000 dan ke bawah membelanjakan sebanyak 65% daripada pendapatan mereka untuk makan, minum, perumahan dan utiliti. Dengan mengambil kira corak perbelanjaan tersebut, GST telah dicadangkan untuk tidak dikenakan ke atas barang dan perkhidmatan asas yang kebanyakannya digunakan oleh golongan berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan yang mulia ini ingin saya memberi ulasan..

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Penjelasan. Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut bahawa cukai perkhidmatan ini telah ada sejak lama tetapi soalnya ialah dengan pengenalan GST ini, lebih banyak perkhidmatan yang akan dikenakan cukai. Bila lebih banyak perkhidmatan dikenakan cukai, maka lebih ramai orang yang sebelum ini tidak menanggung cukai perlu membayar cukai. Itu datang daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri mengenai jumlah restoran yang selepas ini akan terpaksa mengenakan cukai. Itu akan meningkat tiga kali ganda. Kalau selama ini hanya restoran-restoran tertentu yang kena, selepas ini jumlah itu naik tiga kali ganda. Itu baru satu perkhidmatan restoran. Bagaimana pula dengan perkhidmatan-perkhidmatan lain?

Jadi Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak boleh buat perbandingan hanya kerana cukai perkhidmatan itu telah ada lama, maka ia tidak membebankan rakyat kerana soal GST ini ialah skop perkhidmatan yang akan dikenakan.

■1810

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Baik, sila Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya mahu tanya Yang Berhormat. Setujukah Yang Berhormat bahawa dulu, SST ramai peniaga-peniaga tidak membayar cukai kerana mereka melarikan cukai. Yang rugi ialah rakyat dan negara. Dengan adanya sistem GST ini, tadi yang restoran, 4,000 lebih jadi 15,000 sebab selama ini mereka berniaga secara FOC. Mana ada aturan macam ini. Mesti mahu bayar cukai untuk kita makmurkan rakyat dan negara. Setujukah Yang Berhormat?

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, setujukah Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa dengan pengenalan GST ini secara tidak langsung kerajaan boleh memastikan mana-mana pembuat yang menjual barang mereka dengan menggunakan kadar GST tersebut, maka pembuat itu sudah tentu akan membuat *claim back* GST input yang dia bayar untuk menyiapkan produk tersebut. Itu setuju, ya? Jadi apabila kita membayar GST ini, sebagai seorang pembuat, sudah tentu saya tidak boleh bagi semua kepada kerajaan kerana saya hendak *cover* saya punya *input tax*. Jadi kalau *input tax* ini disampai oleh syarikat-syarikat dalam negara sama ada yang kecil atau yang besar, maka mereka juga terpaksa bersedia bahawa kerajaan hari ini sudah tahu bahawa mereka telah mengenakan *tax* dan ada orang *claim input tax*. Maka seterusnya rangkaian ini dia tidak boleh lari. Maknanya dia boleh *cross reference*.

Saya bagi contoh yang paling senang kita faham. Contohnya kalau seseorang individu itu menyewakan premisnya. Sewa *rental* katakan satu bulan RM5,000 kepada satu syarikat. Akan tetapi dia tidak *declare income tax*. RM5,000 darab 12 katakan RM60,000. Kemudian syarikat ini apabila dia diaudit dan dia hendak bayar *tax* kepada kerajaan, dia menolak RM60,000 ini sebagai *expenses rental* dia. Jadi *on this site*, orang terima *rental* tetapi tidak *declare income tax*. Dengan adanya syarikat yang diaudit ini, maka secara tidak langsung kerajaan boleh *trace* siapa yang menerima *rental* ini tetapi tidak bayar *tax*. Begitu juga sistem GST. Apabila kita mengenakan GST *out* dan *input* kita *claim*, maka setiap rangkaian ini dia akan bersangkut paut dan akhirnya menyebabkan kerajaan secara keseluruhan dapat melihat *tax system* kita ini dikawal. Tidak ada siapa yang mengambil kesempatan untuk tidak membayar *tax*.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Yang Berhormat Kinabatangan dan Yang Berhormat Titiwangsa nampak memang pakar tentang GST ini. Sebenarnya apa yang mereka sebut itu amat benar dan tepat sekali. Kajian *World Bank* mendapati bahawa di Malaysia ini, apa yang disebut sebagai *underground economy* ataupun *the shadow economy* ataupun *the black economy*, adalah lebih kurang 30% daripada KDNK dan itu amat tinggi. Apabila kita melaksanakan GST ini, mudah-mudahan kita boleh turunkan dan di negara-negara yang telah melaksanakan GST, memang sah mereka boleh menurunkan dan di negara-negara maju, kadar *the black economy*, *the shadow economy* sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Kinabatangan dan juga Yang Berhormat Titiwangsa, kadarnya menurun daripada 30% kepada 10% hingga 15% sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan yang mulia ini, saya ingin memberi ulasan kepada contoh yang diberi oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara berhubung dengan isu GST sebagai satu cukai yang regresif. Yang Berhormat Petaling Jaya Utara telah memberi contoh seperti berikut.

Seorang yang berpendapatan RM1,000 akan membelanjakan kesemua pendapatannya dengan GST pada kadar 6%. Perbelanjaan cukai adalah RM60 yang merupakan 6% dari pendapatan mereka. Sementara itu seorang yang berpendapatan RM20,000 akan membelanjakan RM10,000 dan perbelanjaan cukainya adalah RM600 yang merupakan 3% daripada pendapatan. Dengan contoh ini, beliau telah merumuskan bahawa GST yang dilaksanakan Malaysia adalah regresif di mana perbelanjaan cukai bagi seorang yang berpendapatan RM1,000 ialah 6% sementara bagi mereka yang berpendapatan RM20,000 ialah 3%. Kiraan yang dibuat oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara adalah tidak betul kerana beliau tidak mengambil pertimbangan ke atas perbelanjaan barang-barang yang berkadar sifar atau perkhidmatan yang dikecualikan. Sepatutnya perbelanjaan cukai bagi mereka yang berpendapatan rendah adalah lebih rendah kerana bagi golongan ini, sebahagian besar perbelanjaan adalah ke atas barang yang berkadar sifar atau perkhidmatan yang dikecualikan.

Untuk menentukan sama ada GST regresif, perbelanjaan cukai sepatutnya dibandingkan dengan perbelanjaan keseluruhannya iaitu *consumption* dan bukan dengan pendapatan. Ini memandangkan bahawa GST adalah satu bentuk cukai kepenggunaan dan bukan cukai yang dikenakan ke atas pendapatan. Kajian daripada IMF *Preliminary*

*Report* bulan Mac 2014 merumuskan bahawa *comprehensive assessment* dengan izin of *the Malaysian GST reveals that this is clearly progressive* dan bukan regresif.

Seterusnya...

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** [Bangun]

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Kajian yang telah dibuat oleh Kementerian Kewangan mendapati...

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, penjelasan.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Yang Berhormat Kepong. Yang Berhormat Kepong belum pernah lagi.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Yang Berhormat Rompin memang GST dengan dia itu, dia anggap kita di New York sekarang ini. Bukankah Yang Berhormat, barang-barang, *classes of goods* itu dikenakan cukai dengan kadar yang berlainan, yang berbeza-beza. Dengan demikian, *different classes of good are tax different rate*. Dengan demikian, macam mana Yang Berhormat dapat menjustifikasikan kenyataan tadi kerana *different level, different goods and tax at different level*.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai menjawab Yang Berhormat Kepong, izinkan saya untuk memberikan satu contoh kiraan yang dikira oleh Kementerian Kewangan di bawah SST sekarang sehingga 30 Mac. Golongan berpendapatan RM2,000 ke bawah akan membelanjakan sebanyak RM36.83 sebulan atau 1.84% sebagai perbelanjaan SST, manakala mereka yang berpendapatan RM8,000 sebulan dijangka akan membelanjakan sebanyak RM168 sebulan atau 2.8% sebagai perbelanjaan SST.

Di bawah GST pula, golongan berpendapatan RM2,000 sebulan ke bawah akan membelanjakan sebanyak RM51.89 sebulan atau 2.59% sebagai perbelanjaan GST, dengan lain perkataan perbezaan untuk mereka yang berpendapatan RM2,000 dan ke bawah, SST RM36.83, GST RM51.89 tambahan bayaran cukai sebanyak RM15.06 atau RM180.72 setahun dan RM180.72 ini boleh dioffset dengan bantuan BR1M sebanyak RM300 campur RM700. Kalau kita umumkan BR1M pada tahun hadapan ialah RM700. Mereka akan dapat RM1,000. RM1,000 untuk membayar RM180.72 tidak akan menjejaskan kehidupan mereka.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh? Terima kasih. So, daripada apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, itu satu keluarga dengan RM2,000, dia hanya naik dia punya cukai RM15 sahaja. Adakah kementerian ambil kira inflasi yang akan berlaku. Ini kerana bukan sahaja kos-kos yang dikenakan GST akan naik tetapi ada banyak perniagaan yang akan ambil kesempatan – *opportunist* yang akan naikan barang walaupun tidak kena GST. So, adakah itu diambil kira dan juga barang-barang yang dipanggil *exempt* itu, bukan dia tidak naik sekali. Dia pun naik tetapi mungkin tidak 6%. Hanya *output tax* sahaja yang tidak bayar tetapi *input tax* akan dipass through kepada *consumer*. Adakah semua ini diambil kira? Saya rasa RM15 ini adalah terlalu rendah.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Saya akan menjawab tentang inflasi apabila tiba waktunya.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Tentang bahan kadar sifar. Kalau kita melihat dalam senarai, kita mendapati antara makanan yang berkadar sifar ialah *Pacific Salmon, Atlantic Salmon, Norway Lobster, rock lobster, oyster*. Pada saya ini bukan makanan yang golongan rendah biasa makan. Adakah ini dibuat selepas kajian teliti bahawa apa yang sebenarnya diguna dan dimakan oleh golongan rendah dan sederhana dapat digunakan.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh tambah?

■1820

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Kita meletakkan di bawah satu kumpulan iaitu segala-galanya makanan laut. Itu makanya disebut oleh Yang Berhormat. Akan tetapi makanan-makanan seperti ikan, ayam, segala jenis ternakan, sayuran, tepung, kemudian susu dalam tin, daging, telur, beras dan banyak lagilah senarai yang bekalan dalam kadar sifar ini. Kalau hendak dilihat dari segi sudut begitu, ia adalah satu kumpulan di bawah tajuk makanan laut. Segalanya dikecualikan daripada GST. Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Ya, saya. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri sebab contoh itu saya bangkitkan dalam ucapan saya. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, benar contoh itu adalah contoh yang kasar untuk menjelaskan ataupun *to highlight the different between the rich and poor on regressive tax*. Akan tetapi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, walaupun kerajaan akan ada *zero rated* yang dikecualikan, itu akan ada impak inflasi juga sebab harga akan naik sebab GST dibayar di dalam peringkat-peringkat sebelum itu, tetapi bagi *zero exempt*, saya hendak minta daripada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah peratusan perbelanjaan orang miskin yang akan dibuat ke atas *zero rated product*? Adakah ia hanya akan 5%, 10% ataupun 60% daripada perbelanjaan orang miskin, *zero rated product*? Itu akan menentukan sama ada cukai ini akan *regressive* kepada orang miskin ataupun *progressive*.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Saya telah memberikan contoh tadi dan saya telah menyebut 60% bekalan dikecualikan dan *zero rated* adalah digunakan oleh mereka yang miskin. Antaranya pengangkutan awam, *rail*, bas, teksi, kereta sewa, pengangkutan air, tol, pendidikan, kesihatan...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Yang itu...

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** ...Rumah kediaman, kewangan...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Yang itu bukan *zero rated*, yang itu *tax exempt*.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya, bekalan dikecualikan, GST tidak dikenakan. Nilainya samalah, kosong.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Tidak sama, sebab yang dikecualikan, harga akan naik sebab GST dibayar dalam peringkat sebelum itu.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** [Bangun]

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya hendak tanya peratusan *zero rated* bagi perbelanjaan barang-barang *zero rated*. Itu yang tidak ada GST dikenakan.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Saya akan bacakan dan kita boleh memikirkan dari segi angka. Contohnya beras, tepung, gandum, sagu, gula pasir, garam, minyak masak, minyak kelapa sawit, kelapa, minyak kacang tanah, rempah ratus, cencaluk, budu, belacan, susu bayi, padi, sayuran segar, ulam-ulaman, lembu, kambing, kerbau, khinzir, ayam, itik, telur ayam, telur itik, semua jenis termasuk ikan kering, ikan bilis, bekalan air paip domestik, bekalan elektrik 300 unit pertama...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya tidak minta baca seluruh senarai.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Kita boleh tahu...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya minta peratusan yang akan dibelanjakan atas perkara-perkara ini.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ini adalah barang-barang yang kita makan. Ini adalah barang-barang yang kita makan.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri kata ada kajian.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Berapa peratusan...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya minta keputusan daripada kajian tersebut.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya. Berapa peratusan, kita akan bagi kemudian.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebelum berubah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya yang penting Menteri sebut ikan bilis, okeylah itu. *[Disampuk]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya. Saya ucapkan terima kasih kepada Menteri dalam jawapan-jawapan yang telah diberikan. Ada dua perkara yang saya hendak tanya. Walaupun pengangkutan awam tidak dikenakan GST, begitu juga dengan perkhidmatan kesihatan tetapi apa jaminan kerajaan bahawa kadar yang akan dikenakan oleh pihak pengangkutan awam dan perkhidmatan kesihatan tidak akan dinaikkan? Ini kerana segala barang-barangan yang dibeli oleh mereka untuk *maintenance buses* mereka, untuk barang-barang pertukaran bas dan sebagainya, semua barang ini akan dikenakan GST. Lalu apa jaminan bahawa walaupun akhirnya kadar yang dikenakan itu tidak dikenakan GST, kadar itu tidak naik? Ini soalan yang pertama.

Kedua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut bahawa bagi golongan yang berpendapatan sekian-sekian, perbelanjaan bulanan mengikut kajian adalah sekian-sekian dan jumlah GST yang akan dibayar adalah sekian-sekian dan sebagainya. Saya hendak minta kalau boleh Menteri bagikan maklumat pecahan itu pada kami untuk kami hendak tengok apa yang dianggap sebagai perbelanjaan biasa yang akan dikeluarkan oleh orang yang berpendapatan RM1,000 ke bawah, apa yang akan dibelanjakan oleh orang yang berpendapatan RM2,500 sebulan ke bawah dan sebagainya. *[Disampuk]*

Saya baru masuk tetapi saya dengar, pasal ini zaman sains dan teknologi. Kita dengar di luar dan kita ikuti.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Okey, Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Lalu saya hendak pecahan dia supaya kita boleh kaji sama ada...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Shah Alam ini *punch card* sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Andaian yang dibuat adalah tepat ataupun tidak.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ini kerana mungkin...

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Yang Berhormat Shah Alam, bertanya, bukan berceramah ya. Bertanya, bertanya pendeklah soalan tanya itu.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, saya tengah tanyalah. Hendak jelaskan lagi soalan ini. *[Dewan riuh]*

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Yang Berhormat Shah Alam boleh tidak lain kali kalau bangun...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak senang dengan soalan saya, tidak perlulah hendak...

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Cuba belajar bercakap ringkas Yang Berhormat Shah Alam, ringkas.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Sudah ringkas itu.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Macam abang, Yang Berhormat Johor Bahru, dia ringkas. *[Ketawa]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Dia ada cakap kah tadi? Saya rasa dia tidak cakap lagi. Akan tetapi sekarang ini yang saya minta ialah...

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Kenapa Yang Berhormat Shah Alam perlu berceramah panjang ini?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Kajian yang dibuat itu, apa perbelanjaan? Ini kerana mungkin ada andaian bahawa orang yang berpendapatan RM2,500 sebulan, dia belanja beli beras, dia masak dekat rumah, tidak ambil kira yang dia makan dekat kedai mamak dan GST yang dia kena belanja, soal kereta yang dia kena pakai, kena bayar *maintenance*, yang mana *maintenance* itu akan dikenakan GST dan sebagainya. Lalu saya hendak tengok pecahan perbelanjaan itu. Ya, terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Okey. Jawapannya boleh, kita bagi, boleh. Panjang soalan, jawapan sepatah sahaja... *[Ketawa]*

Mengenai kenaikan...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Bila itu hendak bagi Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Sabarlah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Pasal sudah banyak yang dijanji. Hari itu pun kata hendak beri perbelanjaan yang nak beli NFC balik itu, syarikat hendak beli balik NFC dan sebagainya hendak dapat balik RM250 juta, hendak bagi jawapan tapi tidak bagi juga. So bila Menteri hendak bagi jawapan itu?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Esok. Sepatah lagi jawapan, esok... *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini Ahli-ahli Yang Berhormat, cuba Yang Berhormat Timbalan Menteri meneruskan. Saya ingin ingatkan balik, ini soal ekonomi, bukan ilmu hisab... *[Ketawa]* Kalau ilmu hisab, ada jawapan yang tepat, dua kali lima sepuluh, lima kali dua sepuluh, lima campur lima sepuluh. Ini bukan ilmu hisab, ini ekonomi. Sememangnya mempunyai perbezaan pendapat. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri teruskan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Shah Alam *punch card*, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Sekarang ilmu hisab itu dipanggil matematik, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Matematik, ya.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Matematik... *[Ketawa]*

**Datuk Chua Tee Yong [Labis]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Sabar dahulu, saya hendak jawab lagi ya.

**Datuk Chua Tee Yong [Labis]:** Okey.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Kadar pengangkutan awam yang sama ada naik atau tidak naik, kita ada menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Menangani Kos Sara Hidup yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Di dalamnya ada ramai Menteri terlibat dalam Jawatankuasa Kabinet itu. Segala perkara ini kita akan bincang dan telah pun bincang mengenai isu-isu kenaikan kos sara hidup dan harga barangan secara bersepadu termasuklah perlu atau tidak kadar pengangkutan awam naik atau tidak dan sebagainya termasuklah di bawah SPAD.

Untuk Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, *zero rated* lebih kurang satu pertiga daripada jumlah barang. Sudah dapat jawapan pun.

Seterusnya isu kelima – isu ada 20 lebih.

**Datuk Chua Tee Yong [Labis]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh tanya? Sikit sahaja.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya, sila Yang Berhormat Labis.

**Datuk Chua Tee Yong [Labis]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Semasa Bajet 2014 yang diumumkan, kerajaan mengumumkan untuk elektrik adalah 200 kilowatt yang pertama yang dikecualikan daripada GST. Sekarang diumumkan 300 kilowatt. Adakah ini kadar baru untuk memastikan lebih banyak anggaran 70% daripada isi rumah tidak dikenakan GST?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya, cadangan baru kita ialah untuk 300 unit, Yang Berhormat Labis.

Isu yang kelima, pertambahan hasil dan beban kepada rakyat. Anggaran kutipan cukai jualan dan cukai perkhidmatan untuk tahun 2016 jika tidak dimansuhkan adalah sebanyak RM21.59 bilion dan bukannya RM15 bilion. Berdasarkan angka tersebut, pertambahan hasil untuk tahun 2016 hanyalah sebanyak RM9.09 bilion dan bukannya RM33 bilion seperti yang didakwa. Sebanyak RM9.09 bilion ini akan dipulangkan kepada rakyat.

Untuk tahun 2015, dalam masa sembilan bulan, kutipan SST sepatutnya ialah RM14.4 bilion dan kutipan GST ialah RM23.18 bilion. Namun, apabila kita tolak dengan segala kemudahan-kemudahan yang diberikan, dengan segala potongan-potongan cukai yang diberikan, baki kepada kerajaan ialah RM3.87 bilion. Ini juga akan dipulangkan untuk faedah rakyat. Pertambahan yang berlaku adalah disebabkan terutamanya oleh sistem yang lebih baik yang tiada ketirisan.

#### ■1830

Perlu diingat, walaupun seseorang itu tidak membayar cukai pendapatan, sebenarnya mereka juga merupakan pembayar cukai tetapi dalam bentuk cukai jualan dan cukai perkhidmatan semasa mereka membuat perbelanjaan seharian. Namun rakyat kurang sedar mereka telah membayar cukai SST sebelum ini dan selama ini. Isu yang keenam, kenaikan harga dan *profiteering* beban kepada rakyat.

Berdasarkan pengalaman negara-negara lain yang telah melaksanakan GST, peningkatan dalam Indeks Harga Pengguna adalah *one-off*. Dalam kes Malaysia, indeks Harga Pengguna dijangka akan meningkat sebanyak RM1.8%. Walau bagaimanapun apabila dilihat kesan perubahan harga sebenar ke atas sesuatu barang, ia bergantung pada layanan cukai ke atas barang tersebut, sebelum dan selepas pelaksanaan GST. Ini bermakna akan terdapat harga barang yang mungkin akan turun, mungkin akan naik atau yang tidak berubah daripada 689 barang yang dibuat kajian.

Dengar sini Ahli-ahli Yang Berhormat, terutamanya Ahli Yang Berhormat pembangkang. Daripada 689 barang yang dibuat kajian, 73 barang sahaja atau 10% naik harga. Sejumlah 329 barang atau 48% tiada perubahan dan 287 barang daripada 689 barang yang selalu digunakan oleh rakyat turun harganya, 42% turun harga daripada barang-barang itu. Sila.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Yang Berhormat Menteri, penjelasan. Yang Berhormat Menteri kata, kajian menunjukkan beratus-ratus barang ini tidak naik harga. Akan tetapi pada masa yang sama, Yang Berhormat Menteri juga menjelaskan di dalam Dewan ini, pada tahun pertama dan tahun kedua dilaksanakan GST, inflasi akan meningkat sepertimana meningkatnya inflasi di negara-negara lain yang telah melaksanakannya. Ini kajian barang mana Yang Berhormat Menteri buat ini? Kalau inflasi meningkat, maknanya harga barang keseluruhannya meningkatlah. [*Dewan riu*]

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** [*Ketawa*]

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Menteri...

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Yang Berhormat Pandan...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Menteri...

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Selama ini sudah ada *tax* SST. Barang-barang yang 10% turun kepada 6%. Ada banyak barang yang 10% selama ini. Apakah barangannya? Segala pakaian yang kita pakai itu, itu sudah ada 10%. Apabila dalam GST nanti, cuma 6%. Segala perabot, segala peralatan pinggan mangkuk di rumah, segala perkara yang kita boleh lihat di hadapan kita ini, kebanyakannya telah ada 10% dan 10% itu turun kepada 6%. Itu menunjukkan 287 ataupun 42 barang turun harga.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Yang Berhormat Kepong. Saya bagi Yang Berhormat Keponglah sebab dia aman sedikit.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Yang Berhormat sendiri cakap iaitu dengan adanya GST, kenaikan harga itu akan wujud sekurang-kurangnya 1.8%. Itu kenyataan Yang Berhormat tetapi malam ini dia kata tidak akan naik.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Saya tidak menafikan bahawa 1.8% kenaikan itu dan kerajaan *transparent* tentang perkara ini dan kita sebut tetapi ia adalah *one-off*. Kalau kita lihat di negara-negara yang telah melaksanakan GST, sebagai contoh Indonesia dan Filipina. Ini ada di tangan saya, bagaimana harga barang itu meningkat apabila mula dilaksanakan GST. Selepas itu harganya stabil. Itu pada tahun 80-an, Indonesia dan Filipina.

Singapura, Thailand dan China pada awal tahun 1990-an, seperti contoh Singapura pada tahun 1993, semua ada grafnya di sini. Mula-mula memang naik, lepas itu turun dan stabil kepada tiga negara itu. Kemudian, Vietnam, *Cambodia* dan Sri Langka pada akhir tahun 1990, juga begitu. Mula-mula naik, lepas itu turun dan stabil harganya. Kemudian mana lagi? Korea, juga graf yang lebih kurang sama dan Australia, saudara-saudara boleh lihat di sini apabila dilaksanakan GST meningkat selepas itu turun dan stabil.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Penjelasan.

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua..

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Tak ada orang lain kah nak bangun selain daripada tiga orang ini?

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Kita yang membangkitkan isu ini. *[Dewan riuh]*

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Silakan.

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Yang Berhormat Tebrau.

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan kenaikan harga di Singapura. Oleh sebab sebelum pelaksanaan GST Singapura, semua barang Singapura tak ada cukai. Jadi, mungkin kenaikan harga disebabkan oleh tiba-tiba naik 3% GST. Akan tetapi Malaysia tak sama sebab kita punya ada barang yang tak naik, ada yang turun dan sebagainya.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya, betul Yang Berhormat Tebrau. Sistem GST yang kita gunakan tidak sama dengan sistem GST Singapura. Singapura hanya ada satu, dua yang dikecualikan tetapi kita terlalu banyak yang dikecualikan. Kalau kita lihat Singapura, memang mula-mula naik Tuan Yang di-Pertua. Mula-mula naik sedikit pada April 1994, 1993 selepas itu turun Tuan Yang di-Pertua, turun. *[Menunjukkan draf]*

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** *[Bangun]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri. Ada lagi yang lain?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ada? Yang Berhormat Sepanglah pula. Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya. Yang Berhormat Menteri



kata di Singapura, barang-barang yang dikecualikan daripada cukai satu, dua sahaja sedangkan Malaysia banyak. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa Kerajaan Singapura telah memberi jawapan terhadap apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri itu.

Dia kata, kalau kita bagi pengecualian pun kepada barang-barang tertentu, hakikatnya, yang menerima manfaat adalah golongan yang berpendapatan tinggi sebab macam mana Yang Berhormat Menteri dalam isu subsidi, *rationalization* ini. Kenapa kita buat subsidi itu? Kita rasa sebab ada orang-orang yang kaya dapat manfaat subsidi. Akan tetapi dalam kes GST ini juga, jangan kita gunakan hujah, "*Oh! Malaysia, kita banyak barang yang kita kecualikan*".

Apabila barang dikecualikan, orang miskin dapat manfaat, orang kaya dapat manfaat. Akan tetapi bila barang-barang yang kena GST yang teruknya orang yang berpendapatan rendah sebab itulah mana-mana pakar ekonomi mengatakan regresif ini adalah kerana cukai ini akan beri kesan yang paling teruk kepada golongan berpendapatan rendah dan golongan berpendapatan tinggi.

Kalau Yang Berhormat Menteri ini pun tak faham, jangan jawablah. [*Dewan riuh*]

Lepas itu Yang Berhormat Menteri kata pasal SST, lepas itu Yang Berhormat Menteri kata SST pun kena cukai. Beli baju 10%. Yang Berhormat Menteri, walaupun dia 10% tetapi kerajaan dengan GST, kerajaan rompak lebih banyak. Kerajaan ambil lebih banyak sebab setiap *supply chain* itu kerajaan dapat wang. Yang teruknya adalah *consumer*. *Consumer* tak dapat apa-apa manfaat. Mereka kena bayar cukai sedangkan kerajaan dapat daripada GST, daripada *supply chain* itu banyak.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Yang Berhormat Sepang, hasil daripada yang diperoleh oleh kerajaan itu kita kembalikan kepada rakyat. [*Dewan riuh*] Untuk pembangunan, untuk segala *social safety net* dan macam-macam lagi.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** [*Bangun*]

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Cukuplah Yang Berhormat Sepang ya. Okey.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Bagi Shah Alam Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Langkah, saya hendak... [*Dewan riuh*]

**Beberapa Ahli:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Banyak lagi, banyak lagi.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Sedikit sahaja, sedikit sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Shah Alam duduk Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Eh! Sekali sahaja. Sekali sahaja.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Dah banyak kali saya bagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Shah Alam, duduk Yang Berhormat Shah Alam.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Saya cuba berlaku adil. Yang Berhormat Shah Alam dah bagi, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara dah bagi. Yang Berhormat Pandan sedang beri...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat yang sedang berdiri duduk dahulu, Ahli Yang Berhormat Petaling Jaya Utara duduk dulu. Duduk, duduk.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Okey, kita bagi Yang Berhormat Kluang pula, Yang Berhormat Kluang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk, duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita bahas GST ini bukan hari ini sahaja. Terlalu lama di bahas ini. Jadi ini sudah di pengakhir. Memang pendapat berbeza tetapi pada akhirnya, sistem kita ialah ada pengundian nanti. Seperti juga dengan kalau politik demokrasi dan komunisme. Apa pun kita cakap orang demokrat, orang komunis tidak percaya. Jadi perbezaan pendapat ini biarlah hujah, jangan diulang-ulang, Yang Berhormat Menteri jawab. Selepas itu kita teruskan. Sila.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Selepas Yang Berhormat Kluang ini. Saya hendak meneruskanlah.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Yang Berhormat Menteri, kita tunggu hendak baca kajian kementerian, produk apa naik, produk apa yang turun. Akan tetapi berasas Laporan Bank Negara, Gabenor Bank Negara pada 19 Mac 2014 kata bahawa inflasi pada tahun 2014 dan 2015 *is projected to be above its historical level*. Saya minta Yang Berhormat Menteri jawablah. Jawab ramalan Bank Negara ini dan salah satu sebab ialah GST, pelaksanaan GST di mana ia akan mengakibatkan kenaikan inflasi. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ini jawapannya. Kita akan memerangi inflasi dan kita adakan kempen perang inflasi. *[Ketawa]* Yang kedua...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** GST, punca inflasi itu adalah GST.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Saya sudah sebut tadi...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Macam mana perang... *[Dewan riuh]*

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Saya mengakui...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Inflasi tetapi laksana GST?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kita memerangi kebodohan ini.

#### ■1840

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** 1.8% dan ada kaedah lain untuk memerangi dan menurunkan harga barang. Saya hendak nyatakan di sini pertama kerajaan telah menguatkuasakan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 dan kita akan memastikan mereka yang menaikkan harga barang-barang dengan sengaja yang tidak berpatutan maka *anti profiteering* ini akan dilaksanakan. Kita akan tangkap mereka dan masukkan mereka dalam penjara. Setuju Ahli-ahli Yang Berhormat?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Kedua, pihak KPDNKK sedang mengambil langkah bagi memperkukuhkan Unit Penguatkuasaannya untuk memastikan peniaga tidak akan dapat menaikkan harga dengan sewenang-wenang.

Ketiga, mesyuarat Jemaah Menteri pada 15 Januari 2014 telah memutuskan supaya satu Jawatankuasa Khas Bagi Menangani Kos Sara Hidup Rakyat ditubuhkan dan perwujudan jawatankuasa khas ini adalah sebagai susulan keputusan mesyuarat Jemaah Menteri 8 Januari 2014 dan NKRA menangani kos sara hidup distrukturkan semula. Penglibatan Yang Berhormat Menteri-menteri, kementerian-kementerian, agensi. Fungsi dan peranan jawatankuasa ini diperluaskan sebagai jawatankuasa pusat bagi menangani keseluruhan isu kenaikan kos sara hidup, inflasi, harga barang secara bersepadu. Kita akan melihat bahawa jawatankuasa ini akan memainkan peranan yang penting dan apa juga ramalan akan tinggal ramalan tetapi pada ketika yang sama kita akan memastikan ia akan dilaksanakan dan inflasi akan berada dalam kawalan kita dalam kadar yang terkawal.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, mengenai...

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Perkara ketujuh.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, mencelah Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Kita ada 25 isu. Saya baru sampai tujuh. Sabar.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Tetapi yang penting ialah mengenai harga barang Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya minta izin untuk...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** [Bangun]

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Yang Berhormat Shah Alam sekejap ya. Saya tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri ulang berkali-kali tentang apabila diganti daripada SST kepada GST Yang Berhormat Timbalan Menteri kata harga barang akan turun kerana cukai itu kalau dahulu di bawah SST 10% sekarang 6%. Kalau dahulu satu peringkat sekarang berperingkat-peringkat dan ada cukai kredit. Itu kata Yang Berhormat Timbalan Menteri. Akan tetapi praktikal yang saya mahu kepastian dan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan kerajaan.

Yang Berhormat Timbalan Menteri mengandaikan apabila pengilang ataupun pekedai bertukar daripada SST kepada GST apabila cukai itu turun daripada 10% kepada 6% semua pekedai dan pengilang akan menurunkan harga kerana kononnya cukai itu turun daripada 10% hingga 6%. Yang Berhormat Timbalan Menteri juga mengandaikan apabila peniaga di rantaian di bawah itu daripada pengilang kepada gudang kepada kedai apabila di peringkat gudang ataupun kedai itu boleh menuntut kembali kredit cukai, Yang Berhormat Timbalan Menteri mengandaikan mereka secara sukarela menurunkan harga.

Oleh sebab itu Yang Berhormat Timbalan Menteri secara akademik mengatakan GST akan menurunkan harga tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh atau tidak pastikan bagaimana kerajaan hendak menangani keadaan yang mana apabila peniaga gudang dan kedai ini terpaksa berhadapan dengan kenaikan tarif elektrik, kenaikan harga minyak, kenaikan kos buruh kerana gaji minimum. Walaupun mungkin cukai itu turun 10% kepada 6%, walaupun mungkin boleh dituntut kembali kredit cukai tetapi peniaga untuk terus kekal untung dan tidak lingkup terpaksa terus menaikkan harga kerana menampung kenaikan-kenaikan harga yang lain yang bukan semata-mata kerana GST tetapi disebabkan oleh penarikan subsidi.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** [Bangun]

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** [Bangun]

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** [Bangun]

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Yang Berhormat Jasin selepas itu Yang Berhormat Titiwangsa.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Kota Tinggi.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Yang Berhormat Jasin sila Yang Berhormat.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Kota Tinggi.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Shah Alam bagilah Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Jasin. Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Titiwangsa, Yang Berhormat Kota Tinggi.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Jasin dahulu. Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini CPI pada angka 3.4% di mana kita menggunakan SST dan juga *service tax*. Apabila GST dibuat nanti pada bulan April tahun 2015 kita menjangka inflasi kita akan meningkat pada 1.8%. Ini tidak bermakna CPI sekarang 3.4% kita campurkan dengan 1.8% kerana tiga suku daripada tahun 2015 kita mengamalkan GST di mana 1.8%. Kemungkinan angka 1.8% ini dicampurkan dengan sebahagian daripada angka CPI pada tahun ini. Jadi janganlah hendaknya kita menafikan bahawa GST ini satu sistem yang cukup efisien di mana bukan sahaja dia *broad base* malah lebih mesra lagi kepada peniaga dan juga pengguna. Terima kasih.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri setuju tidak pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa apabila kita *implement* GST ini terdapat *spite* 1.8% kita punya angka. Ini adalah kerana kalau kita lihat dari segi sistem pembuat tersebut mana-mana pembuat dia kena ada *finish goods*, dia kena ada *raw material*. Jadi apabila kita *implement* GST ini pada 1 April 2015 dia sudah ada *finish goods*

dan *raw material* yang ada dalam stok mereka tetapi sistem yang dia gunakan pada ketika itu ialah SST. Maka kita tidak boleh *claim input tax* sebab itu adalah rejim SST. Apabila masuk *1st April* baru kita masuk GST.

Jadi sudah tentu stok yang mereka ada ini barang *finish good* dan *raw material* perlu dihabiskan. Sebab itu saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang *one off* ini adalah kerana kita hendak menghabiskan stok-stok pembuat ini yang lazimnya mereka menyimpan sekitar sebulan atau dua bulan stok ini. Akhirnya selepas 12 bulan maka *price* ini akan *levelised* kerana mereka akan meletakkan harga ini bergantung kepada *competition* terhadap market dan akhirnya rakyat akan dapat.

Saya bagi contoh lagi satu ialah contoh dari segi *mobile phone operator*. Dahulu kita cuma ada Celcom. Bermakna dia tidak ada *competition*. Jadi apabila kita *create* empat atau lima *mobile phone operator* hari ini SMS kita bukan 15 sen lagi. Ada yang empat sen, enam sen. Jadi di sinilah saya rasa dari segi jangka masa panjang. Yang 1.8% ini adalah *one off* tetapi dalam jangka masa panjang kerajaan akan *benefit* daripada hasil kutipan *tax* yang dalam lingkungan yang kita tidak pernah *collect* sebelum ini. Apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Kota Tinggi.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Betul Yang Berhormat Titiwangsa.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, *last*.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Apa yang disebut itu benar. Ini adalah *transition period*.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Temerloh, Temerloh.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Silakan.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Pendek sahaja. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri bila berlaku ini ia berperingkat-peringkat dengan *credit rebate* tadi maka kita akan harap harga akan turun 10% kepada 6%. Ada yang kata tadi harga tidak akan turun. Saya ingat kalau kos itu sudah murah kita *let the consumer decide* dan akhirnya kalau dia tidak hendak turun dia tidak *competitive*. *This is open market*.

Keduanya kita bagi peluang kepada KPDNKK kita tengok siapa yang tidak turun harga, yang tidak *competitive*, dua KPDNKK ambil tindakan dan kita sebagai *consumer we exercise our right*. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya, ketiga-tiga pandangan itu adalah tepat dan ia adalah jawapan kenapa ada 1.8% kenaikan dan oleh kerana ada yang naik, ada kekal dan ada turun itulah CPI hanya 1.8%. Jika semua harga naik kadar CPI adalah lebih tinggi dan kerjasama kita akan adakan dengan pengilang dan pasar raya terbesar akan bertindak sebagai *price sector* dan kita juga akan mengadakan apa yang dipanggil sebagai *shoppers guide*. Di dalamnya ada lebih kurang 1,000 barang yang kita akan nyatakan barang mana yang turun, berapa peratus barang itu turun dan berapa barang yang naik dan berapa peratus kenaikan. Ini semua adalah kaedah untuk kita menangani inflasi. Saya hendak teruskan tujuh daripada 25 isu...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** [Bangun]

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** ..Sampai pukul berapa kita ini?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Peraturan Mesyuarat 36(12).

**Tuan Yang di-Pertua:** Peraturan Mesyuarat 36(12). Sebelum Yang Berhormat Shah Alam baca suka saya ingatkan. Untuk mensabit seseorang itu Peraturan Mesyuarat 36(12) ialah tiga syarat. Penghabisannya mesti ada niat menyeleweng. Jadi jangan gunakan peraturan mesyuarat semata-mata untuk ingin berhujah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyebut dan menunjukkan carta yang menunjukkan bahawa harga akan naik dan lepas itu harga akan turun selepas lebih kurang setahun. Saya rasa ianya adalah satu fakta yang mengelirukan. Carta itu bukan menunjukkan harga barang tetapi CPI.

Mungkin CPI itu dia naik lepas itu dia turun tetapi harga itu selagi mana cukai itu kekal sama tidak ada sebab dia akan turun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi di mana penyelewengan Yang Berhormat di bawah Peraturan Mesyuarat 36(12).

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kerana dia menyatakan. Yang Berhormat Timbalan Menteri...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak, Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Shah Alam, duduk Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat suka sangat untuk menyebut peraturan mesyuarat. Kalau menggunakan peraturan mesyuarat hanya sebagai helah untuk berhujah itu juga melanggar peraturan mesyuarat.

#### ■1850

Jadi, di mana pelanggaran yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri, di mana dia menyeleweng.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Menteri kata harga akan turun, harga tidak turun!

**Seorang Ahli:** Takkan menyeleweng.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Harga tidak turun. Kenapa harga akan turun?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat yang lain.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang akan turun ialah dia punya CPI.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Shah Alam duduk.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua hendak saya jelaskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk Yang Berhormat Shah Alam. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mendengar semua perbincangan ini. Di situ juga macam *roundabout*. Di situ juga. Kalau lagi ini berterusan, saya akan suruh Yang Berhormat Menteri untuk tidak menjawab dan saya akan panggil untuk undi. Ini kerana pada akhirnya kita juga akan mengundi. Perbincangan fasal GST ini telah pun, bukan hari ini saja, bukan waktu ini saja. Tolonglah Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan sikit.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk, Ahli-ahli Yang Berhormat yang sedang berdiri, duduk. Kalau berdiri, nyatakan kepada saya peraturan mesyuarat mana yang mahu berdiri ini.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya hendak minta penjelasan.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya hendak minta penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua, benar ataupun tidak Yang Berhormat Menteri tadi kata apabila GST dilaksanakan, mula-mula harga itu naik. Lepas itu ianya turun. Harga barang tidak turun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, okey Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya hendak dapat penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu tidak payah menggunakan 36(12). Yang Berhormat boleh berdiri, tanya, mencelah 37. Jadi, jangan gunakan peraturan mesyuarat semata-mata untuk berhujah. Itu maksud saya. Mungkin Ahli Yang Berhormat, Menteri ini tidak memberi laluan kepada Ahli Yang Berhormat yang berdiri kerana telah berkali-kali berdiri dan menimbulkan perkara yang sama dan menegakkan benang basah. Jadi, dia berhak untuk meneruskan kepada perkara yang telah dibangkitkan dan beliau menjawab. Tidak faham lagikah dengan perkara yang semudah itu?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Bila Yang Berhormat Menteri tunjuk carta itu Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudahlah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...tidak ada orang tanya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Shah Alam, duduk Yang Berhormat Shah Alam. Duduk Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ini soalan yang baru. Tidak pernah ditanya. Tidak ada orang bertanya tentang carta.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri, teruskan dan ambil kira. Kalau agak-agak Yang Berhormat Menteri, umpamanya akan menimbulkan kekecohan. Jalan, jangan kasi laluan kerana itu hak Yang Berhormat. Sila.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya menyebut daripada...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua. Penjelasan dari Tuan Yang di-Pertua. Boleh tidak Tuan Yang di-Pertua?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan :** ...689 barang yang dibuat kajian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara minta penjelasan daripada saya.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Sila

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya rasa perkara GST ini penting dan kita ini sudah sedia untuk datang berbahas dengan perkara ini. Saya rasa tidak perlu kita *rush to the end* dan kita berbahas secara berhemah Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa yang berdiri sekarang, kita datang tidak hendak heboh...

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** So, saya harap Tuan Yang di-Pertua *cool down* sikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya duduk berapa jam. Saya *cool down*. Saya mendengar tetapi jangan juga Ahli-ahli Yang Berhormat *under estimate* apa yang saya dapat, hayati daripada perbahasan. Saya menentukan sama ada perbahasan itu, di situ, di situ juga. Kenapa bila di situ, cuma Yang Berhormat melanggar Peraturan Mesyuarat 44 kerana cuma cara Ahli-ahli Yang Berhormat *articulate the same point*. Umpamanya, saya dengar daripada tiga Ahli Yang Berhormat daripada BN. Mereka cuma memberi contoh kerana dalam memberi contoh itu mereka beranggapan supaya Ahli-ahli Yang Berhormat sebelah di sini faham. Sama juga apabila dijawab oleh Yang Berhormat Menteri, begitu juga.

Jadi, jangan *repeat* itu. Kecuali ada perkara-perkara yang belum didengar sebelum ini. Ini kerana Yang Berhormat, apa yang saya dengar, GST ini sewaktu Tun Mahathir lagi. Jadi, bermakna bukan perkara baru.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Akan tetapi masa Tun Mahathir tidak ada dalam Dewan untuk diluluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat yang berdiri itu sebelum berhujah, cakap dulu. Sila, teruskan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Tadi saya menyebut bahawa Tuan Yang di-Pertua, daripada 689 barang yang dibuat kajian, 73 barang atau 10% naik. 329 barang atau 48% tiada perubahan dan 287 barang atau 42% turun harga. Carta-carta yang saya tunjukkan itu ialah carta kadar inflasi. Cadangan untuk *threshold* had nilai jualan ataupun nilai ambang.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Mohon laluan

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Sabar Yang Berhormat Temerloh. Cadangan untuk *threshold* pada paras 500,000 akan melibatkan entiti perniagaan sebanyak lebih kurang 153,000 yang merupakan 23% dari bilangan entiti perniagaan. *Threshold* untuk cukai jualan yang sekarang ini ialah RM100,000. Untuk GST, kita sudah naikkan daripada RM100,000 kepada RM500,000. Salah satu perkara utama dalam melaksanakan GST ialah untuk mempertingkatkan pematuhan, terutamanya dari segi penyimpanan rekod ke arah mencapai status negara berpendapatan tinggi.

Jika *threshold* sebanyak RM1 juta digunakan, bilangan entiti perniagaan yang terlibat hanyalah lebih kurang 60,000 dibanding 153,000 yang merupakan 9% dari bilangan entiti perniagaan. Ini boleh membawa kepada pasaran yang terganggu, dengan izin, *market distortion* dalam ekonomi serta juga *unfair competition* ataupun persaingan yang tidak adil antara peniaga yang berdaftar dan tidak berdaftar di bawah GST. Jika *threshold* yang ditetapkan terlalu rendah seperti RM100,000, ia akan membawa kepada kos pematuhan dan pentadbiran yang tinggi kepada kerajaan.

Contoh-contoh *threshold* ataupun nilai ambang, ataupun had jualan. Malaysia RM500,00, Thailand rendah, RM193,420. Singapura tinggi, RM2.5 juta. Indonesia rendah, RM209,338. Laos, RM160,000. Cambodia, RM100,000. Filipina RM112,000 dan Vietnam tidak ada *threshold*. Jadi, kalau kita banding dengan kebanyakan negara, *threshold* RM500,000 ini adalah yang bersesuaian dan tidaklah dianggap terlalu lebih daripada yang lain. Oleh sebab negara-negara lain lebih rendah lagi *threshold*nya, dengan lain perkataan lebih ramai lagi, lebih banyak lagi entiti perniagaan yang akan dikenakan dan mengenakan GST.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Perkara lapan, komunikasi dan program kesedaran. Lapan daripada 20, banyak lagi. Saya kira yang sudah bangun selalu itu tidak payahlah bangun lagi ya. Pelan komunikasi GST...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Yang Berhormat Menteri, isu tidak sama, kena tanya juga.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** [Bangun]

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** ...dijalankan melalui tiga kaedah utama. Saluran media tradisional, saluran media sosial dan penerangan secara bersemuka. Pelbagai aktiviti publisiti melalui pelbagai saluran media tradisional untuk meningkatkan kesedaran orang awam mengenai GST telah dijalankan seperti di akhbar arus perdana, televisyen, radio dan *billboard* yang akan kita teruskan dan juga *blogspot*, laman web, Twitter, Facebook juga akan kita teruskan. Begitu juga program penerangan pada pelajar sekolah, penduduk kampung turut dilaksanakan. Sehingga 28 Februari 2014, 4,967 program telah dijalankan, dihadiri lebih 270,000 orang. Kita akan teruskan dengan program-program KPDNKK, Jabatan Kastam, Jabatan Penerangan, Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Persatuan Pengguna Islam, badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan macam-macam lagi kita akan teruskan.

Sebagai contoh, pada bulan April ini, 2,000 penjawat awam di Putrajaya akan diterangkan tentang GST. Begitulah, sentiasa diadakan saban hari, saban minggu. Selain itu, Kementerian Kewangan juga akan melaksanakan program Training of Trainers (TOT) dan SME Hand Holding program. Ini adalah untuk membantu pengusaha kecil dan sederhana. Kerajaan juga menyediakan *hotline* GST, 1-300-888-555, 03-888 22111 dan juga *website* GST, [www.gst.customs.gov.my](http://www.gst.customs.gov.my). Lihatlah *website* itu dan portal itu untuk kita menambahkan ilmu.

Rumah kediaman, perkara sembilan. Pembelian dan penyewaan rumah kediaman adalah dikecualikan dari GST. Ini bermakna, pengguna tidak dikenakan GST apabila membeli atau menyewa rumah kediaman. Semua rumah kediaman termasuk servis *apartment*, flat, kondominium adalah dikecualikan daripada GST. Hal sepuluh, mekanisme GST. Ia adalah satu bentuk cukai kepenggunaan yang ditanggung oleh pengguna. Walau bagaimanapun ia bukanlah bermaksud bahawa sebelum GST, pengguna tidak pernah membayar cukai...

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Minta penjelasan.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** ...ke atas penggunaan atau perbelanjaan. Saya sudah bagi tadi ya. Saya sudah bagi ramai. Saya ingin meneruskan supaya kita boleh habis. Baru separuh ini ya. Baru nombor sepuluh daripada 20.

Perkara sama ada pengguna boleh menuntut rebat ataupun tidak, bukanlah merupakan isu kerana pada masa sekarang pun pengguna tidak boleh menuntut cukai jualan dan cukai perkhidmatan yang telah dibayar oleh mereka. Di bawah sistem cukai jualan dan cukai perkhidmatan, peniaga tidak dapat menuntut keseluruhan cukai yang dibayar mereka kerana tiada kemudahan kredit yang disediakan. Berkuat kuasa 1 April 2015, mekanisme tuntutan semula cukai input yang ditanggung peniaga akan diperkenalkan. Ini bermaksud, semua GST yang dibayar oleh peniaga seperti perolehan mesin, bahan pembungkusan, utiliti, air, elektrik dan lain-lain input yang dikenakan GST boleh dituntut semula oleh peniaga dan tidak akan menjadi kos kepada perniagaan.

#### ■1900

Pengguna sebenarnya mendapat manfaat yang banyak ekoran dari tidak unsur cukai berganda dan bertindih. Selain itu, pengguna juga akan menikmati harga barang yang stabil kerana peniaga akan memberikan penjimatan input *tax* itu kepada pelanggan.

Seterusnya mengenai perkara yang ke-11, servis caj. Cadangan agar hotel ataupun restoran tidak lagi menggunakan terma servis caj adalah elok. Pihak kerajaan sedar ada pengguna keliru antara cukai perkhidmatan yang dikenakan oleh kerajaan dan servis caj yang dikenakan oleh pengusaha restoran dan hotel.

Perkara yang penting sekarang adalah memberi penerangan kepada pengguna tentang servis caj dan perbezaan dengan cukai perkhidmatan 6%. Ada baiknya dan kita akan membincangkan tentang perkara ini dan kita akan membuat keputusan segera tentang perkara ini bahawa servis caj ini ditukar nama kepada caj restoran atau caj hotel ataupun hanya tip. Ini saya kira Ahli-ahli Yang Berhormat terutama sebelah kerajaan akan bersetuju.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Saya hendak tanya Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Siapa itu?

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Tanjong, sini.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Sila.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Saya ingin tanya Timbalan Menteri sama ada servis caj ini boleh dilarang sama sekali? Saya rasa caj ini memang tidak perlu wujud kerana ini akan membebankan lagi para pengguna yang mengunjungi sesebuah restoran. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Kita akan berbincang dengan KPDNKK sama ada apa yang kita akan lakukan seterusnya, tetapi yang terpenting sekali ialah cadangan kita supaya nama servis caj yang mengelirukan itu. Walhal servis caj itu tidak diperoleh oleh kerajaan. Ia hanya digunakan dan diambil oleh pihak hotel itu dan harapannya ialah diberikan servis caj itu kepada pekerja-pekerja mereka sama ada mereka bagi atau tidak kepada pekerja mereka, itu adalah satu perkara yang di luar pengetahuan kita. Oleh kerana itu, adalah elok kalau kita tukarnya kepada tip ataupun hotel caj ataupun restoran caj.

Perkara ke-12, GST bukanlah suatu cukai baru di dunia ini dan Malaysia bukan antara negara terawal yang melaksanakannya. Negara pertama yang melaksanakan GST ialah Perancis pada tahun 1954. Malaysia belum merdeka lagi pada ketika itu dan sehingga kini sebagaimana yang semua sedia maklum 160 negara telah melaksanakannya. Konsep GST akan dilaksanakan di Malaysia sama dengan konsep yang diguna pakai oleh negara-



negara lain. Namun, GST di Malaysia mempunyai pelbagai penambahbaikan untuk mengurangkan bebanan rakyat.

Kadar cukai, buat masa ini kerajaan tidak berniat untuk menaikkan kadar yang dicadangkan 6% itu. Tidak mudah bagi kerajaan untuk menaikkan kadar cukai sewenang-wenangnya. Apa juga cadangan tentang kadar GST akan dibentangkan di Dewan ini setelah mengambil kira kesan serta impak ke atas rakyat dan kedudukan daya saing negara. Keutamaan pada masa ini adalah bagi menstabilkan pelaksanaan sistem percukaian GST terlebih dahulu.

Kemudian berhubung dengan kenyataan bahawa Australia sudah menaikkan kadar GST ke 15%. Sebenarnya kadar GST 10% di Australia tidak pernah dinaikkan sejak ia dilaksanakan pada tahun 2000. Singapura memperkenalkan GST pada kadar permulaan yang rendah kerana Singapura tidak mempunyai cukai kepenggunaan seperti di Malaysia. Singapura pula mengenakan GST ke atas semua barang dan perkhidmatan dengan hanya memberi pengecualian ke atas perkhidmatan kewangan dan rumah kediaman sahaja. Berbanding Malaysia, struktur GST yang dicadangkan mengecualikan banyak barang dan perkhidmatan yang dikenakan GST ini adalah bertujuan bagi memenuhi keperluan pelbagai lapisan masyarakat yang ada di negara kita. Bagi Malaysia, kadar 6% adalah bersesuaian dengan keadaan ekonomi semasa setelah mengambil kira beberapa faktor termasuklah pengurangan cukai individu, cukai korporat dan bantuan kewangan tunai.

Tempoh masa. Cadangan tentang elok dilonggarkan penguatkuasaan akan dikaji. Walau bagaimanapun, dalam tempoh dua tahun pertama pelaksanaan GST 2015-2016, keutamaan kerajaan adalah untuk memberi khidmat nasihat dan bimbingan kepada peniaga. Apa lagi Yang Berhormat Kepong?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Tadi Yang Berhormat sebutkan bahawa Perancis merupakan negara yang pertama iaitu mengadakan GST pada tahun 1954. Sekarang jumlah hasil Perancis hampir 50% daripada GST. Adakah ini matlamat Malaysia untuk mendapat hasil seperti yang didapati oleh Perancis?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Kita ingin pelbagaikan hasil negara Yang Berhormat Kepong. Saya sudah terangkan dalam jawapan saya yang awal tadi bahawa hasil negara ini tertakluk banyak kepada cukai pendapatan sama ada cukai pendapatan individu dan cukai pendapatan syarikat, lebih kurang 50%, 30% daripada hasil petroleum. Hanya sedikit sahaja daripada cukai tidak langsung dan kita ingin menambah kontribusi cukai tidak langsung ini kepada pelbagai pendapatan negara kerana hasil petroleum itu tidak kekal dan hasil daripada cukai pendapatan itu juga berubah-ubah mengikut kadar ekonomi. Ini sama ada ia sama dengan Perancis atau tidak, itu lambat lagilah Yang Berhormat Kepong.

Kemudian mengenai perisian perakaunan dan latihan...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Menteri ...

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Tatacara untuk memohon bantuan geran sebanyak RM150 juta bagi perisian perakaunan akan dimaklumkan kepada pihak industri melalui pelbagai saluran. Antaranya akan disiarkan melalui portal GST yang telah saya sebutkan tadi. Walaupun 55 buah syarikat telah diperakukan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia setakat ini, permohonan masih dibuka kepada lebih banyak syarikat lain yang berminat untuk menjadi vendor.

Kerajaan menyediakan bantuan kewangan untuk menganjurkan latihan GST kepada peniaga dan persatuan bagi memastikan tahap kefahaman yang tinggi mengenai GST. Latihan ini sedang dilaksanakan oleh Kementerian Kewangan dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia bersama industri. Program ini boleh disertai secara percuma.

Penentangan pelaksanaan GST oleh Yang Berhormat Kinabatangan. Terdapat lima negara yang telah memansuhkan VAT setelah ia baru dilaksanakan tetapi melaksanakannya semula. Daripada lima buah negara itu, hanya satu kerana pergolakan rakyat iaitu Ghana. Ghana memperkenalkan pada Mac 1995, mansuh pada Mei 1995 dan diperkenalkan semula pada tahun 1998. Vietnam perkenalkan tahun 1970-an, mansuh 1970-an dan diperkenalkan semula 1999. Malta 1995 perkenalkan dan mansuh 1997 atas sebab-sebab teknikal. Vietnam, Malta, Belis, Granada pada tahun 1999, Malta memperkenalkan semula GST. Belis tahun 1996 perkenalkan, mansuh tahun 1999 kerana perkara teknikal tidak cukup persediaan dari segi teknikal dan sistem, memperkenalkan

semula tahun 2006. Granada tahun 1996, mansuh tahun 1996 dan perkenalkan semula tahun 2010. Malaysia, cadangan tahun 1988 ditangguhkan. Cadangan tahun 1992 ditangguh, cadangan 2004 ditangguh, cadangan 2009 ditangguh. Saya kira kita tidak payah tangguh lagilah selepas ini. Impak GST ...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Menteri ...

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya Yang Berhormat Klang.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih. Saya hendak balik kepada isu berkaitan Australia dengan GST sebanyak 10%. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa pada masa sekarang ada perbincangan untuk meningkatkan cukai GST daripada 10% ke 12% dan *targetnya* yang sebenar adalah 15%. Ini perbincangan yang berlaku pada masa sekarang.

Akan tetapi isu yang saya hendak bangkitkan kepada Yang Berhormat Menteri ialah berkait dengan perluasan ataupun *extension or expansion of GST* iaitu mereka akan masuk perkhidmatan kesihatan ke dalam senarai GST. Adakah kerajaan akan cuba mengikut Australia atau kesihatan akan dikecualikan selama-lamanya?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Kita belajar GST daripada 160 negara, bukan hanya Australia sahaja. Kebaikan daripada 160 negara itu kita gunakan untuk GST di Malaysia. Kita telah memulakan pengkajian tentang GST ini sejak tahun 1984 lagi, tahun 1984, tahun 1994, ini tahun 2014. Sudah berapa puluh tahun kita buat kajian. Jadi saya kira bukan hanya Australia sahaja yang kita ingin lihat tetapi juga kita ingin lihat negara-negara lain.

Seterusnya tambahan hasil sebanyak RM3.8 bilion dalam tahun pertama ....

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Menteri, perkhidmatan kesihatan. Adakah Malaysia akan kecualikan?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Setakat ini kita kecualikan.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Selama-lamanya?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Selama-lamanya, saya tidak boleh janjilah. Siapa yang boleh berjanji selama-lamanya Yang Berhormat?

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Itu masalahnya. Mungkin tahun hadapan akan naik kepada 8%.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Seberapa boleh, selama-lamanya. Saya bukan boleh menjanjikan segala-galanya dan *full stop* itulah dia. Tambahan hasil sebanyak RM3.8 bilion dalam tahun pertama untuk sembilan bulan. Ini mengenai impak GST, telah mengambil kira kos yang diperlukan dalam pelaksanaan GST terutamanya berkaitan dengan penyediaan pakej bantuan seperti pemberian bantuan tunai RM300 kepada penerima BR1M, kos latihan kepada peniaga RM100 juta, penyediaan perisian perakaunan bersubsidi sebanyak RM150 juta. Kita akan bagi kepada IKS. Nilai subsidi yang dicadangkan ialah RM1000 untuk syarikat-syarikat PKS dan apabila banyak yang melahirkan, tadi 55 syarikat, mungkin lebih daripada 55 syarikat, maka kosnya akan menurun. Tambahan hasil sebanyak RM3.8 bilion pada tahun pertama, tentunya digunakan balik untuk faedah rakyat.

#### ■1910

Seterusnya, mengikut fasal 52 rang undang-undang 2014, peruntukan telah disediakan untuk menubuhkan Tabung Pembayaran Balik Cukai untuk memastikan bahawa peruntukan kewangan adalah mencukupi untuk membayar balik cukai. Selain itu kerajaan telah memberikan jaminan bahawa bayaran balik akan dibuat dalam tempoh 14 hari bekerja dan sekiranya penyata dikemukakan secara elektronik. Jika menggunakan secara elektronik, 14 hari bekerja *refund* itu kita akan berikan dan 28 hari bekerja sekiranya dikemukakan secara manual dan kita menggalakkan supaya diberikan melalui kaedah elektronik untuk dibayar *refund* 14 hari.

Seterusnya, impak GST terhadap GDP dan eksport. Impaknya GST akan memberi implikasi positif seperti berikut; eksport akan meningkat 0.5% kerana barang-barang eksport akan jadi murah dan kompetitif. Sudahlah tidak dikenakan lagi 10% cukai jualan. GST juga tidak dikenakan kepada barang-barang eksport dan GDP secara keseluruhan akan meningkat pada 0.3%.

Hal-hal lain saya akan jawab secara bertulis. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara yang belum dijawab Tuan Yang di-Pertua tentang beberapa perkara yang saya bangkitkan dalam perbahasan. Sebab perkara ini bukan perkara baru Tuan Yang di-Pertua. Saya telah bangkitkan dalam perbahasan, ada beberapa langkah yang perlu diambil oleh kerajaan dalam meningkatkan hasil dan pendapatan negara. Mengapa perkara itu langsung tidak dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri? Sebab itu kawan-kawan [*Merujuk kepada Ahli-ahli Parlimen Pembangkang*] tadi menggesa, jangan kita *rush through the bills*. Untuk apa? [*Disampuk*] Kita boleh sambung esok, lusa Tuan Yang di-Pertua. Ini perkara besar walaupun perkara ini telah dibangkitkan di zaman Dr. Mahathir tetapi tidak pernah dibawa dalam Dewan yang mulia ini untuk dibahas secara terbuka. Jadi saya kira rang undang-undang ini satu perkara yang penting yang memberikan kesan langsung kepada rakyat di bawah. Kita ada cadangan khusus bagaimana negara boleh meningkatkan hasil dan pendapatan tanpa mengenakan GST pada masa ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Gombak. [*Dewan riuh*]

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Jadi Tuan Yang di-Pertua, bila kita boleh dapat jawapan ini Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tuan Yang di-Pertua, kajian telah dibuat 1984, 30 tahun. Kita hendak bahas dua hari sahaja. Biarlah kita berlapang sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Sebab ada Yang Berhormat Pokok Sena bangkit tentang peranan MyEG tadi belum dijawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Kita hendak tahu itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat. Kita bermesyuarat Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peraturan mesyuarat. Kalau Menteri sudah duduk, saya tidak boleh minta Menteri untuk menjawab. Saya teliti tadi Menteri kata ada 20 perkara yang dibangkitkan. Satu-persatu dia jawab. Jadi saya menganggap bahawa dalam 20 perkara tadi yang dijawab oleh Menteri itu adalah perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Mengenai dengan soal sama ada perbahasan itu panjangkah atau pendekkah dan sedemikianya, itu bukan soal saya Ahli-ahli Yang Berhormat kerana pada akhirnya, dalam perbincangan berapa lama dan berapa pendek pun, mesti kita buat keputusan. Itu sebab kita bermesyuarat sekarang dan buat keputusan. Menteri, ada lagi mahu tambah? Okey, terima kasih.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Hah! Maknanya Menteri boleh tambah. Bangunlah tambah. [*Dewan riuh*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Menteri, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan sedikit sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat Sepang, duduk Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sedikit sahaja, sedikit sahaja, sedikit sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Sepang, sudahlah. Sudahlah Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak, saya hendak tanya ini [*Dewan riuh*].

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudahlah, sudahlah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sebab apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pokok Sena...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudahlah Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini berkaitan dengan *constitutionality of the act*.

**Seorang Ahli:** Duduklah Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudahlah Yang Berhormat, sudahlah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini patut dijawab di dalam Dewan ini, bukan secara bertulis sebab kita hendak bahas adakah akta ini *constitutional* atau tidak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat ...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Patut jawab secara lisan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[*Masalah dikemuka bagi diputuskan*]

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua, mohon belah bahagi.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** Sokong.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Sokong oleh ...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Bangun. MyEG tidak jawabkah?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Takutkah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat, duduk. Saya nampak Yang Berhormat berapa orang yang berdiri. Duduk dahulu Yang Berhormat, saya sudah nampak berapa orang. Menurut Peraturan Mesyuarat 46, saya nampak Yang Berhormat, kalau lebih daripada 15 orang berdiri, tidak payah saya hitung. Sila pegawai-pegawai yang menjalankan tugas untuk belah bahagian. Bunyikan loceng, dua minit.

[*Loceng dibunyikan*]

[*Dewan berbelah bahagi*]

[*Pengundian dijalankan*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang menjadi penghitung undi, sila ambil tempat masing-masing. [*Dewan riuh*]

#### ■1920

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sila duduk, Ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, setelah kita mengadakan belah bahagian, keputusannya adalah seperti berikut:

Ahli-ahli yang bersetuju supaya rang undang-undang ini dibacakan kali kedua ialah 118 undi. [*Tepuk*].

Ahli-ahli yang tidak bersetuju supaya rang undang-undang dibacakan kali yang kedua adalah 81 undi. [*Tepuk*]

Ahli-ahli Yang Berhormat, ini bermakna bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[*Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai jawatankuasa*]

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]***[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]***[Fasal-fasal 1 hingga 197 dikemukakan kepada Jawatankuasa]**

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Peraturan Mesyuarat. Perkara 20, risalah-risalah yang di bawa ke dalam Dewan... *[Dewan riuh]*. Adakah ini ada kebenaran daripada Tuan Pengerusi atau pun tidak?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih kerana beri publisiti.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Macam pasar, macam jalan raya sudah. Pembangkang buat macam di jalan raya, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Menunjukkan tidak ada disiplinya pembangkang ini.

**■1930**

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi...

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Malulah, malu.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Minta balik Tuan Pengerusi.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Duduk Yang Berhormat Gombak, duduk, malu.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Apa yang UMNO perlu takut?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Minta buat *ruling*.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Kalau ada peluang saya hendak *selfie Prime Minister* lagi.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Minta buat *ruling* Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Kita hendak selamatkan. Ini rakyat Kinabatangan kita hendak selamatkan. *[Dewan riuh]* Slogan pun takut Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Gombak. Terima kasih, terima kasih.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih. Maknanya dibolehkan. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan kerana membawa perkara itu kepada pengetahuan saya. Sebenarnya mengikut peraturan mesyuarat kita kalau bawa sepanduk seperti itu dilaranglah. Akan tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain... Akan tetapi apabila saya nampak tadi bahawa benda yang dinaikkan itu sebelah sana pun ambil gambar. *[Dewan riuh]* *[Ketawa]* Sekejap, Ahli-ahli Yang Berhormat Pokok Sena. Cukuplah saya yang bercakap Ahli-ahli Yang Berhormat. Tidak ada bantahan pada ketika itu maka saya pun terpaksa bersabarlah. *[Ketawa]* Perkara sudah berlalu, jadi lain kali Yang Berhormat Gombak bukan bermakna saya benarkan. Lain kali jangan buat begitu Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sebenarnya Tuan Pengerusi, hati kecil mereka tolak GST itu. Hati kecil mereka pun tidak bersetuju itu.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tuan Pengerusi, tadi semasa kira undi...

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tadi kira undi, kami berbelah bahagi, kami tidak boleh ganggu.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih.

**Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Dia orang ingat ini Zoo Negara, itu masalah dia orang. *[Dewan riuh][Tepuk]*

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih, terima kasih.

**[Fasal-fasal 1 hingga 197 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

**[Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

**[Rang undang-undang dikemukakan untuk dimaklumkan kepada Majlis sekarang]**

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya mohon belah bahagi sekali lagi Tuan Pengerusi. *[Dewan riuh]* Mohon belah bahagi sekali lagi.

**Tuan Pengerusi:** Sila. Ahli-ahli Yang Berhormat duduk Yang Berhormat. Sila duduk Ahli Yang Berhormat. Bunyikan loceng selama dua minit.

*[Loceng dibunyikan]*

*[Dewan berbelah bahagi]*

*[Pengundian dijalankan]*

**Tuan Pengerusi:** Sila duduk Ahli Yang Berhormat. Masalah di hadapan kita sekarang ini ialah bahawa rang undang-undang ini dimaklumkan kepada Majlis sekarang dan apabila belah bahagian dimohon tadi oleh pihak pembangkang maka ini ialah keputusan belah bahagian sebentar tadi.

Ahli-ahli yang bersetuju supaya rang undang-undang ini dimaklumkan kepada Majlis sekarang adalah 119. *[Tepuk]*

Ahli-ahli yang tidak bersetuju untuk rang undang-undang ini dimaklumkan kepada Majlis sekarang adalah 81. *[Tepuk]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

■1940

**[Majlis mesyuarat bersidang semula]**

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali ketiga dan diluluskan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 8 April 2014. Terima kasih.

**[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.42 malam]**